



Program Transformasi Kerajaan





2010 menandakan pengenalan dan pelaksanaan Program Transformasi Kerajaan Malaysia (GTP) dan episod baharu dalam sejarah negara kita yang masih muda. Program yang penuh nekad dan belum pernah dilaksanakan sebelum ini bertujuan mengubah cara Kerajaan bekerja secara radikal supaya kita dapat berkhidmat dengan lebih baik kepada rakyat, tanpa mengira bangsa, agama mahupun juga status sosial. Dalam menerima perubahan, kita belajar bagaimana untuk mendengar dengan lebih berkesan, berbicara dengan lebih terbuka, melihat pelbagai perkara demi menggapai maksudnya yang sebenar, mengembangkan tindakan positif dan memberikan penyelesaian yang nyata. Usaha ini telah meletakkan asas yang teguh demi kemajuan negara kita pada masa hadapan dan memberikan jaminan masa hadapan yang lebih baik kepada rakyat. Laporan tahunan GTP yang pertama ini berfungsi sebagai pengkisahan tentang semua perkara yang berlaku sepanjang tahun 2010. Sesungguhnya ia merakamkan sedemikian banyak lakaran kejayaan mahupun juga kekurangan selain menggariskan pengajaran penting yang telah dipelajari dan langkah seterusnya yang perlu diambil untuk mencapai Wawasan 2020. Memandangkan GTP terus memberikan impak dan mentransformasikan menjadi lebih baik, Kerajaan akan terus belajar daripada pencapaian serta hambatannya, dan seterusnya menetapkan sasaran yang lebih tinggi dan membayangkan impian yang lebih besar.

KANDUNGAN

2

Kemajuan Program Transformasi Kerajaan
– Perutusan Perdana

4

Perubahan dalam Setahun
– Sekilas Tahun Pertama, Fasa 1 GTP

6

Keberhasilan Besar yang Pantas

14

Program Transformasi Kerajaan (GTP)

28

Hasil Enam Bidang Keberhasilan Utama Negara 2010 (NKRA)

29

■ **Mengurangkan Jenayah**

69

■ **Membanteras Rasuah**

111

■ **Mempertingkatkan Pencapaian Pelajar**

139

■ **Mempertingkatkan Taraf Kehidupan Isi Rumah Berpendapatan Rendah**

163

■ **Mempertingkatkan Infrastruktur Asas Luar Bandar**

181

■ **Mempertingkatkan Pengangkutan Awam di Bandar**

205

Maklum Balas daripada Jawatankuasa Penilaian Prestasi Antarabangsa

223

Maklum Balas daripada Rakyat

231

Bidang Keberhasilan Utama Kementerian 2010 (MKRA)

240

Prestasi dan Anggaran Belanja NKRA 2010

247

Melangkah ke Hadapan

249

Tunggak GTP

256

Glosari

263

Penghargaan

Kemajuan Program Transformasi Kerajaan

PERUTUSAN PERDANA



Bagi pihak Kerajaan Malaysia, saya amat berbesar hati dan berasa bertuah untuk berkongsi prestasi dan kemajuan yang dicapai oleh Program Transformasi Kerajaan (Government Transformation Programme - GTP) bersama-sama dengan anda.

Pada tahun 2010, kita memutuskan untuk menghadapi cabaran yang amat sukar, iaitu menggerakkan Malaysia ke hadapan dengan cara yang belum pernah dilaksanakan sebelumnya. Bagi mencapai matlamat ini, kita telah memulakan GTP, program yang nekad untuk mentransformasikan secara radikal cara bekerja Kerajaan agar dapat menghasilkan penyelesaian sebenar bagi isu-isu sebenar agar kita dapat mara ke hadapan dengan langkah yang teguh sebagai sebuah negara.

GTP diwujudkan berasaskan keprihatinan rakyat tentang beberapa isu utama yang melanda negara. Sebagai sebuah pelan hala tuju yang mensasarkan peningkatan penyampaian perkhidmatan kepada orang ramai, tumpuan GTP adalah untuk mempercepat penyampaian hasil-hasil ketara yang dapat dirasai dan dialami oleh segenap lapisan rakyat Malaysia. Pelan hala tuju ini menjelaskan program-program secara terperinci dan tertumpu, dengan himpunan inisiatif yang tertentu dan bukan hanya sekadar satu rancangan makro semata-mata. Keseluruhan program ini berlandaskan premis bagi komitmen Kerajaan di bawah sepanduk 1Malaysia "Rakyat didahulukan, pencapaian diutamakan".

Terdapat enam tonggak atau Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) dalam GTP berdasarkan perhatian rakyat yang paling mendesak, iaitu Mengurangkan Jenayah, Membanteras Rasuah, Mempertingkatkan Pencapaian Pelajar, Meningkatkan Taraf Kehidupan Isi Rumah Berpendapatan Rendah, Mempertingkatkan Infrastruktur Asas Luar Bandar, serta Mempertingkatkan Pengangkutan Awam di Bandar. Untuk mencapai NKRA ini dan menanganinya dengan penuh keyakinan dan dedikasi yang tidak henti-henti untuk mewujudkan sebuah negara yang berpendapatan tinggi, moden, makmur, dan aman merupakan matlamat kami, sejajar dengan semangat 1Malaysia. Matlamat kita adalah untuk meningkatkan kehidupan rakyat Malaysia tanpa mengira kaum, agama dan taraf sosial.

Laporan tahunan pertama GTP ini membuat penilaian terhadap semua yang berlaku pada Tahun 1-Fasa 1 (2010 – 2012) GTP. Ia menonjolkan banyak kejayaan yang berjaya dicapai selain juga kelemahan yang ada, pengajaran penting yang telah dipelajari dan langkah seterusnya yang perlu diambil untuk mencapai Wawasan 2020. Dalam melaksanakan GTP, kita telah mendengar dan mengadakan dialog dengan rakyat, membuka mata untuk melihat pelbagai perkara demi mencapai maksudnya yang sebenar dan menggariskan siri tindakan yang positif, serta melaksanakan penyelesaian yang ketara secara agresif.

Setahun lebih telah berlalu, sama ada di sebalik tabir mahupun jelas pada pandangan mata rakyat, GTP telah memperlihatkan kejayaan yang ketara dalam semua bidang NKRA. Sudah menjadi kelaziman, beberapa bidang menunjukkan kemajuan yang lebih besar berbanding dengan yang lain, namun itulah hakikatnya bagi mana-mana program berskala besar. Apa yang penting dalam pencapaian tahun pertama GTP ini ialah ia telah membawa bersama-sama dengannya angin perubahan yang telah melanda keseluruhan jentera Kerajaan. Ia telah menyalakan minat dan kesungguhan yang baharu dalam kalangan kakitangan awam serta memberikan cabaran kepada mereka yang lain untuk merealisasikan potensi penuh mereka dan melaksanakan tanggungjawab terhadap rakyat.

Setelah berlalunya tempoh setahun pelaksanaan, tibalah masanya untuk kita membentangkan hasil semua inisiatif kita. Dengan bangganya saya ingin menyatakan bahawa GTP yang diterajui oleh Unit Pengurusan Prestasi dan Pelaksanaan (PEMANDU) di bawah Jabatan Perdana Menteri telah memberikan banyak hasil yang positif. GTP telah melakar banyak kejayaan pertama yang belum pernah diraih sebelumnya yang secara langsung atau juga tidak langsung, telah meningkatkan taraf kehidupan jutaan rakyat. Kita juga telah meneroka ufuk yang baharu dan kini berada di ambang kejayaan yang lebih besar lagi. Walau bagaimanapun, kita juga menyedari bahawa kemenangan belum dapat diisytiharkan selagi matlamat kita untuk menjadi sebuah negara maju masih belum tercapai. Oleh hal yang demikian, kita akan terus berusaha dengan menetapkan sasaran yang lebih tinggi untuk kita bergerak maju ke hadapan.

Kebanyakan sasaran yang ditetapkan di bawah GTP adalah besar dan ia dibentuk melalui proses usaha sama antara kumpulan cerdik pandai terbaik dalam sektor Kerajaan dan juga swasta. Dalam usaha memenuhi hasrat rakyat, kita telah membuktikan bahawa Kerajaan sentiasa beriltizam untuk melakukan yang terbaik bagi menyampaikan hasil yang positif. Kejayaan yang telah dicapai ini juga telah diakui oleh pihak ketiga yang terkenal dan bebas, termasuk pakar-pakar antarabangsa yang berwibawa daripada organisasi bereputasi baik. Pengesahan dan keyakinan yang diberikan oleh mereka mengukuhkan lagi usaha kita dalam tempoh setahun ini.

Meskipun GTP, pastinya tidak sunyi daripada kesangsian dan kritikan segelintir pihak, namun siapalah yang lebih baik daripada rakyat sendiri yang selayaknya menghakimi prestasi dan kemajuan yang telah dicapai oleh kami. Kita percaya bahawa dokumen Laporan Tahunan GTP yang pertama ini menjadi bukti yang menunjukkan betapa Kerajaan Malaysia gigih berkhidmat untuk rakyat dan memacu usaha yang banyak bagi membawa perubahan kepada negara kita.

Sebagaimana dijanjikan, keseluruhan prestasi GTP dan NKRA untuk tahun 2010 telah disiarkan untuk tatapan umum tanpa sebarang prasangka. Dalam memastikan akauntabiliti dan ketelusan, Kerajaan berhasrat untuk berkongsi segala kisahnya dengan pihak yang berkepentingan; sama ada ia berkaitan dengan kejayaan, kekurangan, rintangan mahupun juga pengajaran bermakna yang telah dipelajari sepanjang proses tersebut.

Saya berasa yakin bahawa melalui Pelan Hala Tuju GTP, NKRA, Program Transformasi Ekonomi (Economic Transformation Programme - ETP) yang berasaskan Aktiviti Ekonomi Utama Nasional (NKEA) untuk memacu pertumbuhan ekonomi dan Inisiatif Pembaharuan Strategik (Strategic Reform Initiatives - SRIs) serta sedemikian banyak inisiatif yang lain, kita pada hakikatnya, telah pun berada pada landasan terbaik untuk mencapai aspirasi Wawasan 2020. Tidak dinafikan bahawa perjalanan pada masa hadapan akan lebih mencabar, malah mungkin mengatasi cabaran yang telah dihadapi pada tahun lalu, namun kita mampu, malah bersedia dan berkesanggupan untuk memikul tugas menjuarai usaha membawa hasil yang ketara lagi bermakna kepada rakyat.

Melangkah penuh yakin ke hadapan, GTP akan terus mengenal pasti dengan jitu masalah sebenar dan menyampaikan penyelesaian yang ketara yang bertujuan mentransformasikan negara yang tercinta ini dan memberikan impak kepada rakyat, tanpa mengira siapa, apa dan di mana jua mereka berada. Dalam kita mengorak langkah yang gagah ke hadapan bersama-sama sebagai negara yang bersatu, saya ingin memberikan kepastian di sini bahawa tiada seorang pun warga Malaysia yang akan diabaikan atau dibiarkan ketinggalan.



Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Haji Abdul Razak
Perdana Menteri
Malaysia

27 Mac 2011

Ulasan Tahun 1, Fasa 1 GTP

TAHUN YANG MENYAKSIKAN LIMPAHAN PERUBAHAN



2010 merupakan tahun permulaan baharu untuk Malaysia. Ia merupakan tahun Kerajaan melancarkan Program Transformasi Kerajaan (GTP) dan selanjutnya, Program Transformasi Ekonomi (ETP), yang kedua-duanya bertujuan untuk mengubah masa hadapan negara ini secara signifikan.

Dengan hanya berbaki sembilan tahun sahaja lagi sebelum menjelangnya Wawasan 2020, kami telah menggerakkan usaha untuk membawa perubahan dan melonjakkan Malaysia untuk menjadi sebuah negara maju. Kami telah memulakan GTP dan dengan segera mengerak laju ke hadapan pada kepantasan yang bukan menjadi kebiasaan bagi Kerajaan. Matlamat kami hanyalah untuk membuahkan hasil yang besar lagi ketara secepat mungkin dan sesungguhnya, itulah yang telah kami lakukan.

GTP adalah berkaitan dengan pembinaan masa hadapan bagi segenap lapisan masyarakat Malaysia tanpa mengira siapa, apa dan di mana jua mereka berada. Ia juga berkenaan dengan pautan pada harapan bahawa kita benar-benar akan dapat menjadi bangsa yang lebih mulia, lebih penyayang dan lebih harmoni. Di samping itu GTP juga mempunyai hubungan dengan usaha membina masa hadapan yang mampan, iaitu semua rakyat Malaysia berpeluang menikmati manfaat daripada kualiti hidup yang lebih baik, tahap perkhidmatan yang amat berkesan dan cekap, serta ekonomi yang berkembang maju dan berdaya saing pada peringkat global.

Dengan menggerakkan inisiatif-inisiatif, antara lain seperti penyediaan peluang pendidikan kepada semua rakyat di seluruh pelosok negara, pembinaan infrastruktur asas di kawasan luar bandar, dan juga penambahbaikan pengangkutan awam bandar di Lembah Kelang, kita sebenarnya telah mengorak langkah awal untuk memberikan kualiti hidup yang lebih baik kepada rakyat di kawasan-kawasan berkenaan. Hal ini bukanlah tugas yang mudah kerana terdapat banyak cabaran yang perlu diatasi, namun Kerajaan bertekad untuk mewujudkan batu asas yang teguh lagi mampan yang akan memberikan harapan serta masa hadapan yang lebih baik untuk semua rakyat Malaysia.

Sewaktu GTP mula diperkenalkan, banyak persoalan dikemukakan tentang konsep pelaksanaan keseluruhan GTP. Justeru, PEMANDU telah dibentuk dan ditugasi untuk memantau pelaksanaan GTP selain memudahkan serta menyokong pelaksanaan kedua-dua Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) dan Bidang Keberhasilan Utama Kementerian (MKRA).

Kami tidak mungkin memperoleh apa yang telah dicapai pada tahun 2010 tanpa keazaman dan iltizam tinggi pelbagai Kementerian dan seluruh jentera Kerajaan yang telah bekerjasama secara erat dengan sektor swasta dan juga rakyat. Keterbukaan, semangat berpasukan, kerjasama yang erat, iaitu sebagai penyelesaian bagi mengelakkan pelaksanaan kerja secara bersendirian selain dialog secara berterusan merupakan prasyarat penting bagi kejayaan yang diraih. Kami berasa rendah hati dan pada masa yang sama, sangat teruja menyaksikan sedemikian banyak kumpulan yang amat berbeza yang memperlihatkan kesanggupan untuk bergabung tenaga demi menghasilkan kejayaan yang gah lagi mengagumkan bagi tahun pertama pelaksanaan GTP.

Kami amat bersyukur dengan kemajuan yang dicapai oleh enam NKRA yang digerakkan oleh setiap Kementerian dan disokong oleh banyak pihak. Komitmen yang ditunjukkan oleh Kementerian-kementerian serta hasil yang dikemukakan dalam Laporan Tahunan ini agak luar biasa jika dibandingkan dengan tempoh singkat yang diberikan kepada kami bagi menyempurnakan semua tugas yang telah berjaya dilaksanakan. Sebagaimana yang dijanjikan semasa pelancaran Pelan Hala Tuju GTP pada awal tahun 2010, Laporan Tahunan ini menyatakan dengan jelas Prestasi Utama Nasional (NKPI) bagi Kementerian-kementerian yang bertanggungjawab terhadap NKRA serta pelbagai kejayaan dan pencapaian mereka sehingga kini. Laporan ini juga memberikan sorotan terhadap cabaran-cabaran yang telah dihadapi, misalnya bagaimana NKRA mengalami kesulitan atau kekurangan yang tertentu, meskipun kami telah sehabis daya berusaha memberikan yang terbaik. Laporan ini juga menilai semula pengajaran penting yang dipelajari sepanjang tahun 2010 dan merakamkan komitmen kami untuk melangkah ke tahap GTP yang berikutnya. Secara keseluruhannya, Laporan Tahunan GTP yang pertama ini merupakan gambaran yang sesuai tentang evolusi pantas Malaysia sepanjang tempoh setahun.

Dengan melangkah maju ke tahun 2011, kami berazam untuk melakukan pembaikan secara berterusan dan menetapkan sasaran yang lebih tinggi untuk dicapai. Meskipun kami telah berjaya menerobos banyak bidang, namun masih banyak lagi usaha penting yang harus dilakukan. Dalam usaha kita berpadu tenaga membawa perubahan positif terhadap negara yang tercinta ini, kami percaya bahawa semua pihak yang berkepentingan akan turut memberikan sokongan padu.

Kami tetap beriltizam untuk berganding bahu dengan segenap lapisan rakyat Malaysia, tanpa mengira bangsa, agama mahupun juga status sosial demi masa hadapan yang lebih baik, selaras dengan prinsip "1 Malaysia, Rakyat Didahulukan dan Pencapaian Diutamakan". Dalam debaran menanti tahun hadapan yang lebih mencabar dan dengan sasaran yang lebih tinggi untuk dicapai, kami tetap berasa yakin bahawa kami berkeupayaan mengotakan semua janji yang telah diberikan.



Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd Yassin
Timbalan Perdana Menteri
Malaysia

27 Mac 2011

Keberhasilan Besar yang Pantas

PENYAMPAIAN KEPUTUSAN PALING PANTAS

Jika anda mengingini hasil yang berbeza atau yang lebih baik, anda mesti melakukan sesuatu dengan cara yang berbeza. Jika kita mahu melihat perubahan yang meningkat dengan pesatnya dan bukan sekadar peningkatan biasa maka pelan tindakan yang berani diperlukan. Pada asasnya, inilah sebenarnya tujuan GTP. Kami dengan sengaja telah memilih matlamat yang lebih besar daripada yang telah ditetapkan sebelum ini. Hal ini kerana, dengan menerjah melewati kebiasaan dan mencabar diri supaya melakukan dengan lebih baik lagi, GTP terbukti berjaya menghasilkan kejayaan yang pantas dan besar, yang tidak pernah berlaku sebelum ini, dan sekali gus memberikan impak yang positif terhadap jutaan rakyat. Dalam keenam-enam NKRA, tanggapan awal jelas membuktikan bahawa kami telah mencatat kejayaan yang belum pernah dicapai sebelum ini, iaitu suatu hasil yang tidak memerlukan penjelasan melalui kata-kata kerana ia dengan sendirinya menjadi bukti yang jelas lagi nyata.

NKRA MENGURANGKAN JENAYAH

35%
PENGURANGAN
DALAM JENAYAH
JALANAN

15%
PENGURANGAN
DALAM
JENAYAH
INDEKS

JENAYAH SELURUH NEGARA
MEROSOT BUAT KALI
PERTAMA DALAM
TEMPOH 4 TAHUN



Jenayah Jalanan dan Jenayah Indeks, masing-masing merosot sebanyak 35% dan 15%, penurunan tertinggi sejak kemerdekaan. Pengurangan kadar jenayah dalam kawasan kejiranan berjenayah tinggi yang nyata ini, menunjukkan komitmen sebenar penggunaan tenaga manusia yang optimum.



BILANGAN TERBESAR KES TERTUNGGAK BAGI JENAYAH KEKERASAN BERJAYA DISELESAIKAN DALAM SETAHUN

Sejumlah 2,001 kes jenayah kekerasan tambahan yang tertunggak berjaya diselesaikan pada tahun 2010. Ini merupakan salah satu himpunan NKPI yang paling mencabar kerana penyelesaian kes-kes tertunggak dan semasa, perlu diselesaikan secara serentak. Selain itu, pelbagai pihak berkepentingan perlu dilibatkan untuk memastikan matlamat yang ditetapkan tercapai.

SEJUMLAH

2,001

KES JENAYAH KEKERASAN
TAMBAHAN YANG
TERTUNGGAK BERJAYA
DISELESAIKAN PADA
TAHUN 2010.



SETIAP BALAI POLIS TELAH DIBERIKAN RANKING DALAM PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN AWAM BUAT PERTAMA KALINYA

Kesemua 753 balai polis di seluruh negara telah diberikan ranking buat pertama kalinya berdasarkan prestasi dan perkhidmatan yang diberikan kepada masyarakat awam.

753

BALAI POLIS DIBERIKAN
RANKING BUAT
PERTAMA KALINYA



BILANGAN TERBESAR KAKITANGAN PEJABAT 'BACK OFFICE' DIGEMBLENG UNTUK TUGASAN BARISAN HADAPAN BAGI MENINGKATKAN KEHADIRAN YANG PELBAGAI

14,222 pegawai dan 7,402 kakitangan pejabat 'back office' diatur semula kedudukan di jalanan untuk menjalankan tugas rondaan, sementara kakitangan Pasukan Gerak Am (PGA) ditugasi semula dengan sokongan angkatan tentera untuk membanteras jenayah. Langkah yang diambil ini berserta strategi pengeralahan yang lain adalah penting dalam membantu usaha mengurangkan kadar jenayah secara keseluruhan.

14,222

PEGAWAI DIATUR SEMULA
KEDUDUKAN DI 50 KAWASAN
PANAS ATAU 'HOT SPOT'

7,402

KAKITANGAN 'BACK OFFICE'
DITUGASI SEMULA KE
BARISAN HADAPAN

NKRA MEMBANTERAS RASUAH

MERINTIS KEJAYAAN PENGENALAN AKTA PERLINDUNGAN PEMBERI MAKLUMAT



Penggubalan Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 Malaysia menggalakkan pemberi maklumat untuk tampil ke hadapan bagi mengemukakan laporan tindakan salah laku dengan memberikan perlindungan terhadap identiti mereka selain juga kekebalan daripada liabiliti jenayah atau sivil dan perlindungan terhadap sebarang bentuk tindakan memudaratkan yang diambil terhadap mereka.

284

PESALAH TELAH
DISENARAikan – MENGATASI
SASARAN 84 PESALAH

PEWUJUDAN PANGKALAN DATA PESALAH RASUAH PALING TERPERINCI DI RANTAU INI



Pangkalan data dalam talian MACC “Name-and-Shame” telah diwujudkan dan mengandungi nama, gambar, nombor kad pengenalan, serta butir-butir kes pesalah-pesalah yang telah disabitkan dengan salah laku rasuah. Pada akhir tahun 2010, 284 pesalah telah disenaraikan – mengatasi sasaran seramai 84 pesalah.

3,500

LEBIH
KONTRAK KERAJAAN
DAN TENDER
DISENARAikan OLEH LAMAN
SESAWANG
MYPROCUREMENT

LANAM SESAWANG MYPROCUREMENT PERTAMA DILANCARKAN BAGI MENCERMINKAN KOMITMEN KERAJAAN TERHADAP KETELUSAN



Menyenaraikan lebih 3,500 kontrak Kerajaan dan tender yang diiklankan atau diberikan, tarikh dan nilai kontrak selain juga pemenang tender.



LEBIH RAMAI RAKYAT MALAYSIA YANG BERPENDAPAT USAHA KERAJAAN MEMERANGI RASUAH ADALAH BERKESAN

Keputusan *Transparency International Global Corruption Barometer* menunjukkan bahawa dalam tempoh setahun usaha sama dilaksanakan bagi menangani rasuah oleh agensi-agensi penguatkuasaan undang-undang dan langkah meningkatkan ketelusan dalam perolehan Kerajaan di samping usaha memperbaiki kerangka institusi, terdapat peningkatan hampir sekali ganda pada peratusan orang ramai yang berpendapat bahawa usaha Kerajaan memerangi rasuah adalah berkesan – daripada hanya 28% pada tahun 2009 kepada 48% pada tahun 2010.

PENINGKATAN HAMPIR

SEKALI GANDA

PERATUSAN RAKYAT YANG BERPENDAPAT TINDAKAN KERAJAAN MEMERANGI RASUAH ADALAH BERKESAN

NKRA MEMPERTINGKATKAN PENCAPAIAN PELAJAR



SISTEM RANKING SEKOLAH YANG PERTAMA DI MALAYSIA DIPERKENALKAN

Sistem ranking komprehensif ini menjejaki prestasi setiap sekolah menengah dan rendah untuk memastikan pembangunan sekolah-sekolah yang berkualiti dalam sistem tersebut.

LEBIH
700,000
KANAK-KANAK PRASEKOLAH
MENDAPAT MANFAAT
DARIPADA PENDIDIKAN AWAL

PENINGKATAN TERBESAR KANAK-KANAK PRASEKOLAH DALAM SETAHUN DALAM SEJARAH MALAYSIA



Lebih 700,000 kanak-kanak prasekolah dalam kumpulan umur 4+ dan 5+ tahun mampu memasuki prasekolah. Ini merupakan peningkatan seramai 54,569 kanak-kanak prasekolah sejak tahun 2009, yang sehingga kini tidak dapat memasuki prasekolah disebabkan faktor kekurangan sekolah di kawasan mereka.

20
SEKOLAH BERPRESTASI
TINGGI DIPILIH

SENARAI SEKOLAH BERPRESTASI TINGGI MALAYSIA YANG PERTAMA SEUMPAMANYA DIWUJUDKAN



14 sekolah menengah dan 6 sekolah rendah mewujudkan senarai Sekolah Berprestasi Tinggi Malaysia yang pertama julung-julung kalinya.

NKRA MEMPERTINGKATKAN TARAF KEHIDUPAN ISI RUMAH BERPENDAPATAN RENDAH

44,643
ISI RUMAH MISKIN
TEGAR BERJAYA
DIKURANGKAN KEPADA
KEPADA PERATUS SIFAR

44,643 ISI RUMAH MISKIN TEGAR BERJAYA DIKURANGKAN KEPADA PERATUS SIFAR



Satu-satunya langkah pembasmian kemiskinan yang paling berjaya dan yang terbesar bagi Malaysia ini telah mendorong pengurangan 44,643 keluarga miskin tegar seluruh negara kepada peratus sifar, dengan bakinya hanya berjumlah 108 (0.2%) pada 31 Disember 2010.



2,000 USAHAWAN WANITA
YANG DIBERI LATIHAN
BERJAYA MENINGKATKAN
PENDAPATAN MEREKA
SEBANYAK 78.6%

2,000
USAHAWAN WANITA DILATIH

2,000 usahawan wanita berjaya dilatih dan pendapatan mereka bertambah daripada purata RM750 sebulan kepada RM3,500 setiap bulan atau lebih (untuk tempoh tiga bulan berturut-turut).



JUMLAH TERTINGGI
RUMAH YANG DITAWARKAN
KEPADA RAKYAT YANG
MEMERLUKAN

35,095
UNIT RUMAH KOS RENDAH
TELAH DITAWARKAN UNTUK
DIJUAL KEPADA KELUARGA
DAN INDIVIDU YANG BERHAK

Buat kali pertama dalam sejarah, 35,095 unit rumah kos rendah telah ditawarkan untuk dijual kepada keluarga yang benar-benar layak dengan harga subsidi, iaitu 75% lebih rendah daripada harga pasaran.

NKRA MEMPERTINGKATKAN INFRASTRUKTUR ASAS LUAR BANDAR



PEMBANGUNAN LUAR
BANDAR **BERSKALA
BESAR YANG
PALING PESAT**

KEHIDUPAN
2juta
RAKYAT BERJAYA DIUBAH
MELALUI INISIATIF
PEMBANGUNAN
LUAR BANDAR

Sehingga akhir tahun 2010, hasil pantas ("fast track") yang berikut berjaya dicapai:

- Lebih 35,000 isu rumah tambahan menerima bekalan air bersih
- Lebih 27,000 isi rumah tambahan menerima bekalan elektrik 24 jam
- Lebih 16,000 rumah dibina atau dibaik pulih untuk penduduk miskin luar bandar; dan
- Lebih 750 km jalan-jalan kampung dibina di seluruh negara...

dengan yang demikian, berjaya mengubah kehidupan dan memberi makna kepada lebih dua juta rakyat Malaysia.

NKRA MEMPERTINGKATKAN PENGANGKUTAN AWAM DI BANDAR

LENCONGAN LEBIH

500

BAS EKSPRES DARI BANDAR
RAYA KL SETIAP HARI
MEMBANTU MEREDAKAN
KESESAKAN DI KL

**KESESAKAN BANDAR
RAYA KL BERJAYA
DIREDAKAN** DENGAN
PEWUJUDAN TERMINAL
PENGANGKUTAN
BERSEPADU (ITT)



Dibuka pada Januari 2011 dengan kesalinghubungan dengan ERL, KTM, dan rangkaian LRT, Terminal Pengangkutan Bersepadu (ITT) di Bandar Tasik Selatan telah berjaya mengurangkan kesesakan dengan melencongan lebih 500-600 bas ekspres dari pusat bandar Kuala Lumpur setiap hari.

634

HENTIAN BAS DI LEMBAH
KELANG DIBAIK PULIH

**PEMBAIKPULIHAN SKALA
TERBESAR** HENTIAN
BAS DI LEMBAH KELANG



Bagi memberikan lebih perlindungan dan keselesaan kepada penumpang, 634 hentian bas di Ampang Jaya, Shah Alam, Subang Jaya, Selayang, Sepang, Kajang, dan Petaling Jaya telah dibaik pulih melalui kerjasama antara agensi yang belum pernah dilakukan sebelum ini. Pembaikpulihan hentian bas di Lembah Kelang berskala besar seumpama ini adalah yang pertama dilaksanakan.



PENINGKATAN JUMLAH PENUMPANG LRT MELEBIHI 2 JUTA

Penggunaan set kereta api empat gerabak baharu untuk laluan Kelana Jaya (PUTRA Line) telah menyumbang kepada peningkatan 2.43 juta penumpang. Set-set keretapi baharu ini telah membantu menghindarkan masalah kesesakan dan menawarkan perjalanan yang lebih selesa, andal, dan mudah.

PENINGKATAN LEBIH

2juta

PENUMPANG LRT

BIDANG KEBERHASILAN UTAMA KEMENTERIAN (MKRA)



PEWUJUDAN AKAUNTABILITI KEMENTERIAN MELALUI MKRA YANG **PERTAMA** SEUMPAMANYA

Buat kali pertama di Malaysia, Kerajaan telah mempertanggungjawabkan Menteri-menteri terhadap prestasi melalui sasaran berorientasikan keputusan, iaitu MKRA dan *Ministerial Key Performance Indicators (MKPI)*. MKRA dan MKPI mentakrifkan dengan jelas hasil yang dihasratkan untuk dicapai dan yang perlu dipertanggungjawabkan. Menteri-menteri juga diberikan scorecard yang dinilai semula oleh Perdana Menteri dua kali setahun.

Tinjauan Keseluruhan Program Transformasi Kerajaan (GTP)

PENGENALAN KEPADA GTP

Program Transformasi Kerajaan (GTP) merupakan inisiatif yang bercita-cita tinggi dan meluas yang bertujuan menangani bidang-bidang utama yang menjadi keprihatinan rakyat di samping menyokong transformasi Malaysia menjadi negara yang membangun dan berpendapatan tinggi, selaras dengan Wawasan 2020.

Ia sejajar dengan Model Ekonomi Baru (NEM) dan Rancangan Malaysia Kesepuluh (10MP) dan perlu dirujuk bersama-sama dengan inisiatif ini sebagai sebahagian usaha bersepadu untuk mentransformasikan Malaysia menjadi negara yang progresif, harmoni dan berpendapatan tinggi.

Dua ciri utama GTP ialah:

- Memberikan tumpuan terhadap keutamaan yang paling penting lagi bermakna kepada rakyat, iaitu, Rakyat Didahulukan.
- Mewujudkan perubahan asas di seluruh negara untuk memberikan keberhasilan besar yang pantas, iaitu Pencapaian Diutamakan.

Dalam mencapai objektif yang telah dinyatakan, enam Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA), yang memerlukan keberhasilan yang besar serta pantas, telah dibentuk. Setiap NKRA mempunyai Penunjuk Prestasi Utama Negara (NKPI)nya sendiri – sasaran khusus untuk dicapai demi kepentingan masyarakat atau rakyat.


Seluruh inisiatif GTP diketuai oleh Perdana Menteri dan Kabinetnya, serta disokong oleh Ketua Setiausaha Negara (KSN) dan perkhidmatan awam. Ia digerakkan oleh Unit Pengurusan Prestasi dan Pelaksanaan (PEMANDU) di bawah Jabatan Perdana Menteri.



GTP – USAHA YANG BELUM PERNAH DISAKSIKAN

Sebagai enjin transformasi, GTP bukanlah seperti mana-mana inisiatif lain yang pernah dilaksanakan di Malaysia. Meskipun pengalaman lalu dijadikan sandaran dan panduan, namun GTP memiliki perbezaan ketara yang menjadikannya layak dikategorikan sebagai program pertama seumpamanya untuk negara.

Tinjauan Keseluruhan GTP, NKRA dan NKPI



Ciri GTP yang paling menonjol ialah objektif akhirnya: menyampaikan Keberhasilan Besar yang Pantas yang bermakna lagi penting kepada rakyat, selaras dengan konsep yang bersifat menyeluruh, iaitu “Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan”.

Hal ini bermaksud menghasilkan siri pencapaian “yang pertama” bagi Malaysia – kejayaan yang tidak pernah dicapai sebelum ini terhasil melalui sasaran yang hebat dan penambahbaikan besar dirasai dengan pantas oleh rakyat.

Dalam merealisasikan impian ini, berbeza dengan inisiatif-inisiatif lain pada masa lalu, GTP bergantung pada “sasaran yang diperluas” – yang mencabar NKPI di bawah setiap NKRA untuk mendatangkan hasil positif yang dihasratkan.

Kerajaan menolak kecenderungan untuk menetapkan sasaran yang sederhana dan “kurang agresif atau mencabar”, yang akan mensia-siakan matlamat untuk menghasilkan penambahbaikan yang pantas serta penting selain pewujudan budaya berprestasi tinggi dalam Kerajaan. Anda hanya akan terdorong untuk maju dan mencapai kejayaan luar biasa, jika anda sentiasa bersedia untuk mencabar diri sendiri.

Jika dibandingkan dengan inisiatif terdahulu, perbezaan dalam GTP juga dapat dilihat dalam bidang-bidang sasaran dan perumusan strategi, pelaksanaan langkah, tahap penglibatan orang awam dan penyertaan Kerajaan selain juga penilaian terhadap hasil yang dicapai.

GTP juga mencetuskan dimensi baharu dari segi penyampaian perkhidmatan dalam Kerajaan serta membentuk rangka minda berorientasikan rakyat dalam sektor awam, dan sebagaimana dinyatakan sebelum ini, melahirkan budaya berprestasi tinggi.

Barangkali kecemerlangan GTP yang paling mengesankan ialah hasil yang berjaya dicapai sejauh ini. Meskipun tahun 2010 hanyalah merupakan tahun pertama pelaksanaan, namun banyak kejayaan besar dan pantas yang telah berupaya diraih di bawah semua NKRA. Melalui keenam-enam NKRA ini, banyak kejayaan yang pertama dilakar dalam sejarah Malaysia.

Selain itu, banyak NKPI yang bukan sahaja berjaya dicapai, tetapi juga melebihi sasaran yang ditetapkan. Kejayaan yang banyak dicapai itu boleh dilihat dengan lebih terperinci di bawah masing-masing NKRA.

PELUANG PEMBELAJARAN YANG BELUM PERNAH DIRAIH OLEH KERAJAAN

Meskipun GTP telah membawa hasil yang ketara, namun mengambil kira sifat semula jadi yang ada pada “sasaran yang diperluas”, pencapaian kami berkemungkinan tidak begitu memberansangkan dalam bidang-bidang yang tertentu. Namun demikian, kami menerimanya sebagai liku-liku yang perlu ditempuhi dalam perjalanan menuju perubahan. Jika semua NKPI berjaya dicapai, ia hanya memberi isyarat bahawa kami belum lagi melonjakkan diri setinggi yang mungkin.

Atas semangat ketelusan sejati, kebertanggungjawaban, dan pendedahan tanpa sebarang unsur prasangka, prestasi GTP dikemukakan dalam penerbitan laporan tahunan ini. Catatan yang tepat tentang kejayaan, kekurangan dan bagaimana kami merancang untuk terus melakukan penambahbaikan, demi kepentingan rakyat, diungkap dengan jelas dalam laporan ini.

Kami mengalu-alukan maklum balas dan perbincangan daripada orang awam kerana kami berhasrat untuk memurnikan sasaran serta usaha kami dalam memburu pencapaian yang jauh lebih baik pada tahun 2011 dan 2012.

Anjakan Paradigma dalam Birokrasi dan Rangka Minda Kerajaan

Oleh sebab GTP merupakan program bersepadu yang sentiasa ditinjau dengan teliti dan bukannya sebuah rancangan makro, ia menggalakkan peluang-peluang pembelajaran yang besar.


Salah satu ciri penting ialah kami berupaya untuk meninjau dengan teliti perincian setiap NKRA dan NKPI; daripada yang terbesar hinggalah yang paling kecil. Setiap fasa pelaksanaan, inisiatif taktikal dan pelan tindakan; begitulah juga orang perseorangan mahupun juga lokasi, dapat dikenal pasti, dikesan, serta dipantau. Data, statistik dan angka mencerminkan sifat keadaan yang sebenar tanpa sebarang tokok tambah. Pada asasnya, kami mengamalkan kejutuan dan kebertanggungjawaban tahap tinggi dalam pelaksanaan GTP.

Sebagai contoh, di bawah NKRA Infrastruktur Asas Luar Bandar (RBI), kami menetapkan untuk membina 751.91 km jalan di seluruh negara. Daripada matlamat yang luas dan umum ini, kami menetapkan sasaran secara menurun (cascaded) kepada bilangan jalan di setiap negeri, daerah, bandar, dan kampung sehinggalah juga nama jalan yang akan dibina. Setelah setiap jalan disempurnakan pembinaannya oleh kontraktor, pasukan penilai akan melawat lokasi untuk memastikan jalan tersebut telah benar-benar dibina sebagaimana didakwa.

Kaedah yang sama digunakan dalam penyediaan bekalan air dan elektrik serta pembinaan rumah – bilangan yang tepat dikenal pasti untuk setiap satunya; bermula dengan angka bagi seluruh negara dan ia kemudian dibahagikan kepada negeri, kawasan, daerah, bandar / kampung serta rumah perseorangan.



Dalam menambah baik kehidupan taraf hidup isi rumah yang berpendapatan rendah, kami dapat mengenal pasti ketua isi rumah bagi 44,643 keluarga miskin tegar; bilangan ahli keluarga dalam setiap isi rumah; dan jumlah bantuan dikeluarkan kepada setiap keluarga daripada program yang tertentu. (contoh: AZAM Niaga, AZAM Tani, dll).



Dengan inisiatif sedemikian yang bertindak mengawal pengurusan dan pelaksanaan, pasukan yang terlibat dalam GTP sememangnya mengembangkan daya tumpuan yang jitu terhadap hasil atau pencapaian. Memandangkan kesan sesuatu hasil dapat dilihat dengan nyata oleh sesiapa pun, dorongan sendiri untuk mengekalkan momentum kejayaan dan memacu projek ke hadapan pastinya akan meningkat.

Memastikan Setiap Sen Dibelanjakan dengan Baik

Barangkali salah satu penzahiran terbesar ialah pewujudan pendekatan baharu ke arah perbelanjaan berhemat. Di bawah GTP, ketandusan bajet tidak dianggap sebagai petanda kejayaan atau kemajuan. Kami sebaliknya telah menolak set minda yang lazim “gunakan atau kehilangannya” (“*use it or lose it*”) untuk menggalakkan penjimatan berhemat tanpa menggadaikan sasaran kami.

Dalam proses melaksanakan pelbagai NKRA di bawah GTP, dapatan kami menunjukkan bahawa dengan mengambil sikap tekun, teliti, dan mengekalkan pendirian bahawa dana pembayar cukai mesti dibelanjakan dengan baik, maka akhirnya kami berjaya membuat penjimatan menerusi pelbagai peringkat program.

Hal ini telah pun berjaya dicapai dalam banyak bidang. Dalam konteks infrastruktur asas luar bandar (jalan, elektrik, air, dan rumah), kami telah melepasi sasaran dengan penjimatan berhemat. Sebagai hasil kesalinghubungan antara beberapa NKRA, inisiatif yang dilaksanakan di bawah satu NKRA memberikan kesan secara positif terhadap yang lain. Dengan yang demikian, ia memastikan bahawa setiap sen dibelanjakan dengan baik.

Ini merupakan pengajaran penting yang diharap dapat dijadikan amalan terbaik bagi Kerajaan untuk melangkah maju ke hadapan.

GARIS MASA

Sebagai program yang meluas sifatnya, GTP mengandungi tiga ‘fasa’.

Fasa 1 (2010-2012)

Menubuhkan jentera perubahan yang baharu untuk memberikan limpahan hasil kepada rakyat dengan pantas. Ini termasuklah penetapan dan pencapaian sasaran dalam NKRA dan Bidang Keberhasilan Utama Kementerian (MKRA), demi keutamaan rakyat.

Langkah keberkesanan sedia ada untuk meningkatkan produktiviti Kerajaan dijangka akan diteruskan. Selain itu, kami komited untuk menerbitkan Laporan Tahunan pada suku pertama setiap tahun yang berikutnya (ini merupakan laporan pertama kami), yang turut memasukkan maklum balas dan perbincangan masyarakat awam, di samping menginstitusikan mekanisme pengurusan prestasi untuk memastikan pencapaian sasaran NKRA dan MKRA.

PEMANDU juga telah ditubuhkan di bawah Jabatan Perdana Menteri yang berperanan untuk mengawasi serta menyokong penyampaian hasil tersebut.

Fasa 2 (2012-2015)

Perubahan dalam Kerajaan dijangka akan tersebar dengan lebih luas lagi. Aspek penting dalam kehidupan seharian (seperti ditakrifkan di sini sebagai NKRA dan MKRA) seharusnya telah bertambah baik dengan ketaranya. Selaras dengan Model Ekonomi Baru, struktur ekonomi bagi ekonomi juga seharusnya sudah berkembang menjadi sektor bernilai tambah lebih tinggi dan produktiviti Kerajaan perlulah lebih dimajukan lagi. Inilah penunjuk awal yang seharusnya muncul dalam usaha menjadikan Malaysia sebuah negara berpendapatan tinggi.

Fasa 3 (2015-2020)

Perubahan yang penting terhadap masyarakat Malaysia, sebagaimana yang dibayangkan oleh Wawasan 2020 seharusnya sudah berlaku. Rakyat perlu mengalami perubahan rasa menjadi rakyat Malaysia dan merasai kemakmuran yang lebih tinggi tahapnya serta menikmati perkhidmatan awam yang lebih baik.

Kerajaan dijangka menjadi lebih “kecil” tetapi tangkas dan bekerjasama dengan lebih giat dalam perkongsian dengan sektor swasta untuk menyampaikan perkhidmatan awam yang cekap. Model penyampaian perkhidmatan awam yang inovatif serta berteraskan rakyat, dan yang menumpukan pada pilihan dan persaingan perlulah sudah diwujudkan pada ketika itu.

BIDANG KEBERHASILAN UTAMA NEGARA (NKRA)

GTP disokong oleh Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) dan Bidang Keberhasilan Utama Kementerian (MKRA).

NKRA disifatkan sebagai bidang keutamaan negara, yang memerlukan kejayaan yang cepat dan besar untuk menangani permintaan rakyat. NKRA ditentukan berdasarkan maklum balas awam yang dikumpulkan melalui saluran yang inovatif.

NKRA tersebut adalah:

- Mengurangkan jenayah (diterajui oleh Menteri Keselamatan Dalam Negeri)
- Membanteras rasuah (diterajui oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri, bertanggungjawab terhadap undang-undang)
- Mempertingkatkan pencapaian pelajar (diterajui oleh Menteri Pelajaran)
- Mempertingkatkan taraf kehidupan isi rumah berpendapatan rendah (diterajui oleh Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat)
- Mempertingkatkan infrastruktur asas luar bandar (diterajui Menteri Pembangunan Luar Bandar dan Wilayah)
- Mempertingkatkan pengangkutan awam (diterajui oleh Kementerian Pengangkutan).


Jemaah Menteri secara kolektifnya menjadi pemilik NKRA, dengan kebertanggungjawaban penyampaian terletak pada seorang Menteri Peneraju, yang dilantik dan dipantau secara formal oleh Perdana Menteri. NKRA ini merupakan gabungan keutamaan jangka pendek untuk menangani permintaan rakyat yang mendesak selain isu-isu jangka panjang penting yang menjejaskan rakyat dan memerlukan perhatian kita sekarang.

Bidang yang tidak dicakupi oleh NKRA tetapi dianggap penting akan diberi perhatian oleh Kerajaan di peringkat Kementerian. Bidang-bidang ini, iaitu MKRA turut merangkumi hasil yang didasarkan yang dapat dilihat dan dirasakan oleh rakyat (contoh: bertindak balas dengan lebih pantas terhadap aduan rakyat dan mengurangkan bilangan kemalangan jalan raya).

NKRA dinamik sifatnya. Dengan berlalunya masa, kami menjangka komposisi NKRA akan dinilai semula. Dalam sesetengah kes, apabila sasaran berjaya dipenuhi, ia mungkin tidak lagi menjadi keutamaan bagi rakyat. Jika demikian, bidang tumpuan baharu atau tambahan akan dianggap sebagai NKRA. Secara alternatifnya, keenam-enam NKRA ini mungkin kekal sebagai NKRA tetapi sasaran atau bidang tumpuan dalam setiap NKRA akan berubah. Pada akhirnya, GTP menerusi kedinamikan NKRA, akan dijangka seiring dengan gerak balas kepada kehendak dan keperluan rakyat.

PERUMUSAN NKRA

NKRA dirumuskan berdasarkan idea, input dan gerak balas rakyat, yang diperoleh daripada pelbagai saluran. Ia termasuklah kaji selidik di seluruh negara, peluang untuk memberikan idea melalui khidmat sistem pesanan ringkas (SMS), kumpulan fokus dan sesi temu bual dengan pihak berkepentingan utama, gerak balas dalam talian dan juga Hari Terbuka.



Makmal yang khusus juga telah dibangunkan yang melibatkan 250 penjawat awam atasan merentas Kementerian dan juga wakil daripada sektor swasta serta sosial. Makmal ini bekerja secara sepenuhnya dan dengan intensif selama 6 minggu, untuk menentukan penyelesaian yang terperinci dan yang boleh dilaksanakan bagi setiap NKRA. Hal ini melibatkan penyelesaian masalah dan kerjasama yang gigih, merentas Kementerian dan agensi, bersama-sama dengan peserta daripada sektor swasta.

Perdana Menteri, Menteri Kabinet dan pemimpin-pemimpin atasan dalam perkhidmatan awam menghabiskan masa yang bermakna dengan anggota makmal ini untuk memantau kemajuan dan mencabar peserta supaya meletakkan sasaran yang lebih hebat serta masa penyampaian yang lebih pantas.

Dalam memperincikan inisiatif, anggota makmal itu mendapatkan input daripada rakyat dan juga pakar bidang masing-masing. Hasil atau perolehan makmal berkenaan kemudiannya dipamerkan pada Hari Terbuka di Kuala Lumpur, Kuching, serta Kota Kinabalu, dan rakyat dapat memberikan input serta gerak balas terhadap perincian sasaran, inisiatif dan pelaksanaan. Berdasarkan gerak balas masyarakat awam, rancangan diperhalus lagi dan seterusnya diterbitkan dalam Pelan Hala Tuju GTP pada 28 Januari 2010.



MEWUJUDKAN KEBERTANGGUNGJAWABAN KEMENTERIAN MELALUI MKRA

Seiring dengan NKRA, GTP juga merangkumi MKRA dan penyampaian KPI Kementerian (MKPI) dalam bidang-bidang yang telah ditetapkan.

Ini selaras dengan komitmen PM untuk mewujudkan kepemimpinan berasaskan prestasi dan kebertanggungjawaban dalam Kerajaan bermula terus dengan Eksekutif – iaitu Jemaah Menteri.

Prestasi Menteri-menteri dikaji dan dinilai berdasarkan MKRA/MKPI. Perdana Menteri komited untuk melaksanakan Penilaian Prestasi Menteri oleh Perdana Menteri setiap enam bulan untuk memastikan setiap KPI Menteri mencapai kemajuan sebagaimana yang ditetapkan.

Pada tahun 2010, MKPI diturunkan ke seluruh perkhidmatan awam. Langkah ini dilaksanakan berasaskan usaha terdahulu bagi mewujudkan KPI untuk penjawat-penjawat awam paling kanan, iaitu Ketua Setiausaha Negara (KSN) dan semua Ketua Setiausaha (KSU), serta Ketua Pengarah.

MKPI yang ditetapkan itu juga bercita-cita tinggi dan berasaskan hasil atau pencapaian. Setiap Menteri dinilai serta diberikan markah berdasarkan pencapaian MKPI dan juga NKRAnya yang disambungkan terus kepada kementeriannya.

Pengurusan Prestasi Kementerian

Pencapaian (% sasaran KPI)	Tindakan
• 90-100+	• Menjadi kajian kes yang memberikan inspirasi kepada bahagian-bahagian lain dalam Kerajaan
• 80-89	• Memberikan pujian dan cabaran untuk meningkatkan aspirasi
• 70-79	• Memberikan sokongan dan sumber yang sewajarnya bagi meneruskan dan meningkatkan penyampaian
• 60-69	• Memberikan bantuan, bimbingan, dan sokongan untuk menyelesaikan masalah bagi mencapai sasaran
• <60	• Memberikan lebih bantuan dan mengaktifkan pengurusan akibat ('consequence management') (contoh: yang berkemungkinan menukar struktur dan komposisi kumpulan)

Sebagai contoh, katakanlah bahawa salah satu sasaran NKRA Jenayah mengurangkan jenayah jalanan yang dilaporkan pada tahun 2010 adalah sebanyak 20%. Jika pengurangan sebenar ialah 18%, maka kementerian yang berkenaan memperoleh skor 90%, iaitu $18/20 \times 100\%$. Walau bagaimanapun, jika pengurangan ialah 12%, maka kementerian hanya mendapat skor sebanyak 60%, iaitu $12/20 \times 100$.

Sebagai alternatif, katakanlah pula sasaran Infrastruktur Asas Luar Bandar adalah untuk membina 338km jalan di Sabah dan Sarawak pada tahun 2010. Jika 271km jalan sahaja yang berjaya dibina, maka Kementerian berkaitan akan mendapat skor 80%, iaitu $271/338 \times 100$. Jika hanya 202km jalan raya sahaja yang dapat dibina, skor yang diperoleh Kementerian cuma 60%, iaitu $202/338 \times 100$.

Paras prestasi yang ditetapkan adalah tinggi. Jangkaan minimum kami bagi contoh yang dinyatakan di atas ialah jenayah yang dilaporkan lebih berkurangan 12%, dan 202km jalan akan dibina di Sabah dan Sarawak (sedangkan antara tahun 2006 hingga 2008, purata 220km jalan telah dibina atau dinaik taraf setiap tahun di seluruh negara).

MENGUKUR PENCAPAIAN GTP

Pemarkahan bagi GTP diukur pada peringkat NKPI secara individu dan keputusan yang diperoleh ini kemudiannya dijadualkan dengan tujuan memberikan pemarkahan komposit bagi keseluruhan NKRA.

Untuk memastikan bahawa pencapaian di bawah masing-masing NKRA benar-benar hebat dan berwibawa, tiga metodologi pemarkahan yang berbeza diterima pakai:

Metod Satu

- Pemarkahan ditentukan dengan perbandingan yang mudah berbanding dengan sasaran 2010 yang telah ditetapkan. Pemarkahan Komposit NKRA keseluruhan ialah purata semua markah.

Metod Dua

- Pemarkahan dikira dengan membahagikan hasil sebenar dengan sasaran tahun 2010 yang telah ditetapkan dengan peraturan tambahan:
 - Jika pemarkahan kurang daripada 100%, markah #2 akan diambil sebagai peratusan sebenar.
 - Jika pemarkahan sama atau lebih daripada 100%, markah #2 akan diambil sebagai 100%.

Pemarkahan komposit NKRA keseluruhan ialah purata semua markah.

Metod Tiga

- Pemarkahan dikira dengan membahagikan keputusan sebenar berbanding dengan sasaran 2010 yang telah ditetapkan dengan peraturan tambahan:
 - Jika pemarkahan adalah sama dan kurang daripada 50%, markah # 3 akan ditunjukkan sebagai 0.
 - Jika pemarkahan melebihi 50% tetapi kurang daripada 100%, markah #3 akan ditunjukkan sebagai 0.5.
 - Jika pemarkahan adalah sama atau melebihi 100%, markah #3 akan ditunjukkan sebagai 1.

Pemarkahan komposit NKRA keseluruhan ialah purata semua markah.

Aplikasi ketiga-tiga metodologi ini dicerminkan dalam sampel NKRA Mengurangkan Jenayah pada halaman yang berikutnya. Untuk mendapatkan perspektif penuh berhubung dengan pencapaian semua NKRA berserta perbelanjaan berbanding dengan bajet, sila rujuk halaman 240 hingga 246 Laporan Tahunan ini.

Sampel Metodologi Penskoran

NKRA: Mengurangkan Jenayah

Bil.	NKPI	Sasaran 2010	Sebenar	Kaedah 1		Kaedah 2		Kaedah 3		Bajet 2010 (RM j)	Perbelanjaan Sebenar (Dis 2010; RM j)	% of Perbelanjaan
				Skor #1	Lampu Isyarat 1	Skor #2	Lampu Isyarat 2	Skor #3 (Ya, Sebahagian, Tidak)	Lampu Isyarat 3			
1	Pengurangan jenayah indeks yang dilaporkan	5%	15%	300%		100%		300%	1			
2	Pengurangan jenayah jalanan yang dilaporkan	20%	35%	175%		100%		175%	1			
3	Pengurangan perasaan takut menjadi mangsa	58.5%	52.8%	111%		100%		111%	1			
4	Tambahan pesalah jenayah kekerasan dibicara	2000 kes	2001 kes	100%		100%		100%	0.5			
5	Peningkatan persepsi awam terhadap prestasi polis	35.8%	55.8%	156%		100%		156%	1			
Jumlah Markah Komposit				168%		100%		90%		337.9	257.7	76.3%

AKAUNTABILITI DAN KETELUSAN PENUH YANG TIDAK MEMIHAK

Pemanfaatan Kerajaan terhadap GTP telah membuahkan usaha yang membanggakan untuk meningkatkan penyampaian prestasinya dengan menggunakan strategi serampang dua mata. Pertama, kami menerbitkan Haluan Hala Tuju GTP untuk menggalakkan ketelusan dengan menggariskan janji kami secara terperinci. Kedua, untuk mewujudkan akauntabiliti, kami menyampaikan keberhasilan NKPI dan prestasinya kepada orang ramai melalui Laporan Tahunan ini.

Kami telah berusaha untuk menjadikan sistem pemarkahan kami telus, terbuka dan setuntas yang mungkin. Daripada pengumpulan data NKPI hinggalah penjadualan statistik dan perumusan dapatan, pemastian ketepatan telah dilaksanakan untuk memastikan ukuran dan proses prestasi kekal tepat dan tidak memihak untuk mengekalkan dan mempertahankan integriti dapatan.

Hal yang demikian termasuk melantik pihak ketiga yang bebas untuk melaksanakan pengumpulan data yang bersesuaian. Fokus khusus kami tertumpu pada pemaparan data dengan sebenarnya – mencerminkan kejayaan dan kekurangan untuk mendapatkan gambaran yang sebenar tentang prestasi GTP.

Justeru, PEMANDU melantik PricewaterhouseCoopers Malaysia (PwC), iaitu sebuah badan bebas, untuk memastikan maklumat dan input data yang digunakan dalam setiap NKPI yang dilaporkan bertepatan dengan maklumat yang disediakan oleh agensi dan jabatan Kementerian yang terlibat. Pengiraan NKPI masing-masingnya juga disemak berbanding dengan garis panduan yang diterapkan dan digunakan oleh PEMANDU.

Dapatan PwC menekankan beberapa pengecualian, yang kemudiannya diketengahkan dan dicerminkan dalam NKPI yang dilaporkan. Kesimpulannya, PwC mengesahkan bahawa keberhasilan sebenar NKPI 2010 telah ditentusahkan menurut prosedur yang telah dipersetujui. PwC juga telah mengenal pasti peluang untuk menambah baik proses dan kualiti maklumat. Oleh hal yang demikian, PEMANDU, bersama-sama dengan Kementerian yang berkaitan telah bersetuju untuk mengambil langkah preskriptif untuk menjalankan penambahbaikan ini dalam tempoh dua belas bulan yang akan datang.

Melangkah ke hadapan, PwC akan berganding bahu dengan PEMANDU untuk mewujudkan rangka kerja jaminan untuk menilai secara tahunan kualiti sumber, proses dan maklumat yang disediakan. Hasil penilaian tahunan ini akan dikongsi bersama dan syor-syor akan dilaksanakan untuk menambah baik integriti dan ketepatan data NKPI yang dilaporkan ini secara berterusan. Hasil penilaian tahunan ini juga akan dikongsi bersama dengan orang ramai dalam laporan tahunan GTP pada masa hadapan.

Untuk memastikan ketelusan keberhasilan GTP selain juga untuk mendapatkan penilaian luar yang tidak memihak dan pandangan “*outside-in*” yang bebas mengenai kemajuan kami, Kerajaan juga mendapatkan pandangan daripada pakar antarabangsa untuk menilai usaha kami. Pihak ketiga yang berautoriti ini tidak mempunyai kepentingan tertentu dalam GTP dan akan berupaya mengkaji, menilai, menentusahkan dan memberikan kritik mengenai keberhasilan GTP sepanjang Fasa 1 Tahun 1 tanpa sebarang kepentingan.

Justeru, pelbagai individu daripada pelbagai latar belakang dan bidang kepakaran yang berbeza telah dikumpulkan bersama untuk membentuk Jawatankuasa Penilaian Prestasi Antarabangsa (IPR). Profil Jawatankuasa, maklum balas mereka yang penting dan membina, serta juga syor-syor mereka mengenai idea dan amalan terbaik baharu untuk digabungkan dan diterapkan dalam GTP, dibentangkan dalam bahagian berjudul “Maklum Balas Jawatankuasa Penilaian Prestasi Antarabangsa” (sila lihat halaman 205 hingga 222 Laporan Tahunan ini).

Dengan GTP memasuki tahunnya yang kedua, kami akan terus memastikan bahawa kami bertanggungjawab terhadap pihak berkepentingan yang sah terhadap langkah ini, iaitu rakyat. Oleh itu, kami akan terus beriltizam untuk mengemukakan data dalam bentuk dan sifatnya yang sebenar demi kepentingan ketelusan dan akauntabiliti.

KEBERHASILAN NKPI
DITENTUSAHKAN
BERDASARKAN PROSEDUR
YANG DIPERSETUJUI OLEH
PRICEWATERHOUSECOOPERS

PENILAIAN OUTSIDE-IN BEBAS
MENGENAI KEMAJUAN GTP
OLEH
**JAWATANKUASA PENILAIAN
PRESTASI ANTARABANGSA**

Hasil Enam Bidang Keberhasilan Utama Negara 2010 (NKRA)

Mengurangkan Jenayah



Membanteras Rasuah



Mempertingkatkan
Pencapaian Pelajar



Mempertingkatkan Taraf
Kehidupan Isi Rumah
Berdapatan Rendah



Mempertingkatkan Infrastruktur
Asas Luar Bandar



Mempertingkatkan Pengangkutan
Awam di Bandar



Mengurangkan Jenayah



Mengurangkan Jenayah



“

Jenayah menjejaskan seluruh warga Malaysia, tanpa mengira bangsa, agama, jantina mahupun taraf pendapatan. Untuk melindungi yang tersayang, kami telah menetapkan sasaran tinggi untuk mengurangkan paras jenayah dengan ketara, dan saya, selaku Menteri Peneraju yang berkenaan, bertanggungjawab terhadap penyampaian sasaran ini. Untuk mencapai sasaran ini, usaha yang bersepadu perlu dilakukan oleh semua penguatkuasa undang-undang dan agensi Kerajaan yang berkaitan, malah yang lebih penting, bantuan dan penglibatan seluruh warga Malaysia.

Meskipun kita sudah mula melihat beberapa tanda positif dalam jenayah jalanan dan jenayah indeks keseluruhan pada peringkat nasional, namun masih banyak lagi yang perlu kita lakukan untuk mewujudkan negara Malaysia yang rakyatnya tidak dibelenggu oleh rasa takut terhadap jenayah. Dengan rasa rendah hati, saya mempelawa seluruh warga Malaysia untuk berganding bahu dengan semua agensi yang terlibat dalam membanteras jenayah pada semua peringkat agar kita semua dapat hidup dalam sebuah negara yang lebih aman dan selamat.

”

Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein
Menteri Dalam Negeri



IMBASAN PENCAPAIAN 2010

Satu Pukulan Keras kepada Jenayah

Kerajaan telah menyahut seruan rakyat untuk mengambil tindakan yang segera dan tegas untuk membanteras jenayah. Sepanjang tahun 2010, Kementerian Dalam Negeri dengan kerjasama Polis DiRaja Malaysia atau PDRM dan agensi lain telah memberi keutamaan kepada usaha untuk memerangi jenayah. Bagaimanapun, tidak seperti sebelumnya, pendekatan yang diambil adalah berbeza dengan memberi fokus kepada pencapaian kejayaan yang lebih cepat dan besar yang akan memberi impak secara langsung dan nyata dalam kehidupan rakyat.

Sasaran yang diletakkan diakui tinggi. Bagaimanapun, setelah melihat secara dekat beberapa contoh yang telah dijalankan dengan jayanya di luar negeri, kami percaya kami juga mampu menetapkan sasaran yang tinggi untuk memerangi jenayah; dan mampu pula mencapainya. Begitu juga sama pentingnya, pihak Kerajaan berhasrat untuk menyampaikan pesanan yang jelas bahawa jenayah tidak mendatangkan hasil dan Malaysia tidak akan bertolak ansur dengan mana-mana kegiatan yang berunsur jenayah.

Sepanjang tahun 2010, beberapa perancangan telah dilaksanakan yang telah mendatangkan hasil yang memberangsangkan. Ini termasuklah penurunan Jenayah Indeks dan Jenayah Jalanan, penyelesaian kes jenayah kekerasan tertunggak, pewujudan Jadual Liga Balai (Balai League Table) hasil ciptaan Malaysia yang pertama yang menilai kedudukan kesemua 753 balai polis berdasarkan kepada prestasi dan perkhidmatan yang diberikan oleh balai kepada masyarakat sekeliling.


Keberhasilan Besar 2010

- 6,000+ perampasan dan penangkapan oleh Operasi Nasional bertujuan untuk mencegah kecurian kenderaan, curi ragut dan pecah rumah
- 496 CCTV tambahan dipasang di seluruh Malaysia untuk memerangi jenayah
- Pengurangan sebanyak 5.7% jumlah orang yang “Berasa Takut Menjadi Mangsa Jenayah” berdasarkan kepada tinjauan TNS yang dijalankan dalam Suku Ketiga, 2010. TNS ialah sebuah syarikat tinjauan yang bebas yang berpangkalan di UK
- 2,001 kes jenayah kekerasan tambahan yang tertunggak telah diselesaikan. 5,222 kes jenayah kekerasan dibawa ke muka keadilan
- 14,222 PDRM diberi tugas baru untuk meronda di kawasan-kawasan *hot spot*
- 7,402 kakitangan ‘*back office*’ PDRM ditugasi semula ke barisan hadapan untuk memerangi jenayah
- 5,000+ ahli RELA dan JPAM menjalani latihan dengan PDRM sebagai Sukarelawan Polis (Police Volunteer Reserve - PVR)
- 2.6 juta ahli RELA direkrut dan didaftarkan dengan KDN
- 20% peningkatan dalam “Kepuasan terhadap perkhidmatan PDRM” berdasarkan kepada tinjauan TNS yang dikendalikan dalam Suku Ketiga, 2010
- Program Bandar Selamat, dengan pemasangan 2,594 tiang lampu tambahan, 343 cermin keselamatan, 33.1km pagar keselamatan dan tiang kecil (bollard) di 12 PBT (Pihak Berkuasa Tempatan)
- Mewujudkan Jadual Liga Balai (Balai League Table - BLT) yang menilai kedudukan kesemua 753 balai polis di seluruh negara untuk menerapkan satu budaya yang didorong oleh prestasi bagi seluruh pasukan polis

Dalam usaha pada peringkat seluruh negara ini, penekanan khusus telah diberikan kepada 4 buah negeri yang mempunyai kawasan hot spot – Kuala Lumpur, Selangor, Pulau Pinang dan Johor.

Adalah menjadi tanggungjawab kami pada masa ini untuk terus-menerus mencipta kejayaan berlandaskan kepada kejayaan tahun 2010 dan menghadapi peperangan terhadap jenayah dengan keyakinan yang tidak henti-henti. Matlamat kami adalah untuk menjadikan Malaysia di antara negara paling selamat di dunia dan menjadikan bandar-bandar serta jalanan lebih aman dan selamat untuk seluruh warga Malaysia.

Rajah 1: Penurunan Kes Jenayah Indeks Sebanyak 32,297 Berbanding Angka Tahun Lepas




TINJAUAN KESELURUHAN

Kes untuk NKRA Mengurangkan Jenayah

Sejak 1970-an, Malaysia telah mengalami peningkatan Jenayah Indeks dan Jenayah Jalanan yang berterusan. Malah dalam empat tahun kebelakangan ini, terdapat peningkatan Jenayah Jalanan yang ketara; yang menjadikannya salah satu faktor utama yang menyumbang ke arah trend ini. Keseluruhan kadar Jenayah Indeks¹ meningkat dari 746 kes yang dilapor bagi setiap 100,000 penduduk pada tahun 2006 kepada 767 kes pada tahun 2007 dan 2008 – yang merupakan hampir 3% peningkatan.

Rajah 2: Peningkatan Kadar Jenayah dari 2006 hingga 2009




Apabila jenayah mendominasi tajuk-tajuk utama di media massa dan menjadi satu topik biasa dalam perbualan harian, keyakinan awam menurun dengan rakyat berasa tidak selamat di bandar-bandar dan jalanan. Dengan adanya peningkatan kesedaran tentang keselamatan, jenayah telah menjadi di antara isu utama dalam fikiran orang ramai.

¹ Berdasarkan kepada Jenayah Indeks, seperti yang diukur oleh Polis DiRaja Malaysia (PDRM)

Rajah 3: Respon daripada Tinjauan Pendapat Awam

Tinjauan awam menunjukkan bahawa jenayah adalah isu kedua yang paling diberi perhatian oleh rakyat



Media tradisional dan alternatif menunjukkan kebimbangan awam terhadap curi ragut dan samun



¹ Kaji selidik pengundi pada peringkat nasional yang dijalankan antara Dis 2006 dan Jun 2009 (n = 1,018)

² Termasuk “kekurangan perpaduan dalam kalangan rakyat Malaysia”, “ketidaksetaraan perkauman”, “perhubungan etnik yang semakin buruk” dan “keperluan untuk penguasaan/perpaduan Melayu”

³ Termasuk “ketidakstabilan politik” dan “kualiti ahli politik”

Sumber: Merdeka Polls, Merdeka Centre; www.thenutgraph.com; tekan cari

Tindak Balas Kerajaan

Sejajar dengan pembangunan komuniti yang lebih selamat, aman dan bersatu padu sebagai yang dibayangkan di bawah konsep 1Malaysia, Kerajaan telah memperkenalkan pengurangan jenayah sebagai satu Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA). Rakyat seharusnya berhak menikmati kehidupan dalam persekitaran yang aman dan selamat sambil meletakkan matlamat hidup yang berkualiti tanpa perlu berasa bimbang terhadap keselamatan mereka.

Bagi mencapai matlamat ini, Penunjuk Prestasi Utama Negara (NKPI) bertujuan untuk mengurangkan kadar jenayah telah dikenal pasti. Perancangan khusus telah dilaksanakan dengan pencapaian hasil yang positif.

Rajah 4: NKRA Jenayah Meliputi Kitaran Lengkap dan Silang Kementerian



Menangani Jenayah dan Mengubah Persepsi

Selain dari strategi dan usaha untuk menangani keadaan ini, pujukan hati dan fikiran adalah sama pentingnya dalam kejayaan keseluruhan NKRA Mengurangkan Jenayah.

Bukan sahaja jenayah harus ditangani tetapi keyakinan rakyat harus juga dikembalikan semula. Keyakinan di sini ditakrifkan sebagai tanggapan bahawa jenayah kini sedang ditangani dan persekitaran telah menjadi semakin selamat; dan persepsi yang lebih positif terhadap pasukan polis dan sistem perundangan (pentadbiran penghakiman).

Oleh yang demikian, strategi dua mata telah diperkenalkan yang melibatkan beberapa langkah khusus yang telah dilaksanakan untuk menangani kedua-dua jenayah dan persepsi awam disamping menilai kejayaan NKRA dan NKPInya.

OBJEKTIF NKRA MENGURANGKAN JENAYAH 2010

NKPI 2010

Berikut adalah sasaran NKPI yang telah ditetapkan untuk NKRA Jenayah:

Penurunan sebanyak 5% Jenayah Indeks

Jenayah Indeks terdiri dari 14 berlainan jenis kategori jenayah². Jenayah Indeks ditakrifkan sebagai jenayah yang bersifat serius dan yang berlaku dengan kekerapan dan ketetapan (*regularity*) yang cukup untuk mereka digunakan sebagai indeks kepada keseluruhan situasi jenayah di Malaysia. Menangani Jenayah Indeks adalah langkah yang wajar untuk mengurangkan pendedahan rakyat kepada potensi jenayah setiap hari. Kejayaan di sini akan memperlihatkan impak secara langsung terhadap kadar jenayah dan keseluruhan pencapaian indeks. Kami menasihatkan untuk mencapai pengurangan sebanyak 5% dalam keseluruhan Jenayah Indeks yang dilaporkan pada setiap tahun, untuk tiga tahun dari sekarang.

SASARAN:

5%
PENURUNAN
JENAYAH
INDEKS

² [Nota: Jenayah Indeks adalah (1) curi, (2) curi ragut, (3) kecurian motorsikal, (4) kecurian kereta, (5) kecurian jentera berat, (6) pecah rumah (siang), (7) pecah rumah (malam), (8) samun tanpa senjatapi secara berkawan, (9) samun tanpa senjatapi, (10) samun dengan senjatapi secara berkawan, (11) samun dengan senjatapi, (12) cabul, (13) rogol, (14) bunuh]

Rajah 5: 9 Inisiatif Utama untuk Mengurangkan Jenayah Indeks



Tiga bidang kritikal telah dikenal pasti – kecurian motosikal, kecurian kereta dan pecah rumah. Di bawah NKPI, selain daripada menangani Jenayah Indeks secara langsung, beberapa pendekatan lain juga turut diperkenalkan. Ini termasuklah juga memberi insentif kepada pemilik-pemilik kenderaan yang memasang ciri-ciri keselamatan yang dipertingkatkan dengan cara menggalakkan pemberi insurans melaraskan premium insurans menurut ciri-ciri keselamatan yang dipasang. Juga peningkatan kebolehdapatan dan penggunaan peralatan capaian mudah alih yang membolehkan pegawai polis yang meronda untuk menyemak status pemilikan kenderaan dengan capaian terus kepada pangkalan data nombor pendaftaran kenderaan di Jabatan Pengangkutan Jalan.


20% Pengurangan Jenayah Jalanan

Jenayah Jalanan yang terdiri dari tiga berlainan kategori jenayah - iaitu jenayah curi ragut, samun tanpa senjata api secara berkawan dan samun tanpa senjata api - adalah di antara isu jenayah yang memberi kesan kepada rakyat, dan mengakibatkan impak yang besar terhadap persepsi awam mengenai keselamatan. Oleh itu, ia diletakkan sebagai bidang khusus yang memerlukan keberhasilan yang besar dan segera dengan secepat mungkin – maka sebab itulah ditetapkan sasaran yang agresif untuk mengurangkan Jenayah Jalanan sebanyak 20%.

SASARAN:

20%
PENGURANGAN
JENAYAH
JALANAN

Rajah 6: Inisiatif Utama untuk Mengurangkan Jenayah Jalanan



Mengurangkan perasaan takut “menjadi mangsa jenayah” dan memperbaiki persepsi awam terhadap keselamatan

Persepsi keselamatan merupakan salah satu isu yang paling sukar untuk ditangani, dan orang awam akan terus dibelenggu oleh perasaan takut yang mendalam walaupun adanya pengurangan kadar jenayah. Kesimpulannya, matlamat kami adalah untuk memperbaiki kualiti kehidupan untuk rakyat; yang bermakna keselamatan dan persekitaran bebas daripada jenayah menjadi komponen yang diperlukan.

SASARAN:
2,000
KES JENAYAH
KEKERASAN TERTUNGGAK
DISELESAIKAN

2,000 kes jenayah kekerasan tertunggak telah diselesaikan; 15% kes jenayah kekerasan yang dilapor telah dibawa ke muka pengadilan.

Tindakan segera untuk membawa penjenayah ke muka pengadilan dan penyelesaian kes jenayah kekerasan tertunggak akan membantu penguatkuasa undang-undang memberikan perkhidmatan yang lebih cekap sambil terus mengukuhkan kepercayaan awam bahawa Kerajaan sememangnya memandang serius untuk membawa penjenayah ke muka pengadilan.

SASARAN:
15%
KES JENAYAH
KEKERASAN
DIBAWA KE
MUKA
PENGADILAN



Sasaran 15% boleh diterjemahkan kepada 5,500 kes jenayah kekerasan yang telah dibawa ke muka pengadilan dalam tahun 2010. Dengan kes yang dibawa ke mahkamah secara cepat dan hukuman dijatuhkan, rakyat boleh berasa lebih yakin bahawa penjenayah akan bertanggungjawab di atas tindakan mereka sendiri dan mahkamah bersedia untuk menjatuhkan hukuman dengan pantas.

Sebagai sebahagian daripada usaha untuk menyelesaikan kedua-dua kes jenayah kekerasan semasa dan yang tertunggak, strategi adalah untuk meneliti bagaimana untuk mengelakkan penangguhan kes dan memastikan penjenayah yang boleh diikat jamin tidak akan melakukan lebih banyak lagi jenayah sementara kes mereka menunggu hari untuk dibawa ke mahkamah.

Peningkatan “Kepuasan Awam Terhadap Perkhidmatan PDRM”

Seiring dengan tujuan ini, PDRM telah melaksanakan 12 inisiatif tertentu bertujuan untuk menerapkan budaya yang didorong oleh prestasi di dalam pasukan polis, meningkatkan profesionalisme pasukan polis dan menanamkan sifat bangga ekoran dari prestasi dan keberhasilan yang telah ditambahbaik. Satu lagi komponen penting mengenai kepuasan awam adalah dengan membangunkan persepsi PDRM sebagai pelindung yang mesra rakyat dan proaktif dalam segala penglibatan di kawasannya.

PESERTA UTAMA

Usaha Kolaborasi

Gabungan sumber dan usaha Kementerian Dalam Negeri dengan kerjasama daripada kira-kira 30 agensi seperti PDRM, Jabatan Peguam Negara (AGC) dan Mahkamah Persekutuan sedang bekerja dengan bersepadu bukan sahaja untuk mengurangkan kadar jenayah tetapi juga untuk memperkukuh sistem pendakwaan jenayah.

Pendekatan inklusif ini mampu menghasilkan keberkesanan yang lebih besar atas langkah-langkah yang telah dilaksanakan, sekaligus mewujudkan komitmen yang mencukupi, memaksimumkan tenaga kerja dan sumber serta membolehkan penambahbaikan penyelarasan antara pelbagai badan yang terlibat.

Di makmal pertama NKRA, lebih daripada 30 agensi telah dibawa bersama-sama bertujuan untuk membangunkan sasaran yang tinggi dan memupuk hubungan kerja yang baik. Sasaran ini disokong oleh strategi yang terfokus kepada tiga keberhasilan yang diinginkan, justeru rancangan pelaksanaan terperinci telah dibangunkan untuk mencapainya.

Bekerja untuk Rakyat

Dalam memastikan yang rancangan dapat dimulakan dan aktiviti digerakkan dan dinilai, Kementerian Dalam Negeri telah membentuk NKRA Bahagian Pelaksanaan yang diketuai oleh Ketua Setiausaha. Di dalam bahagian NKRA, Pejabat Pengurusan Pelaksanaan (*Delivery Management Office - DMO*) dipimpin oleh En. Abd Aziz Md Nor yang merupakan Penolong Setiausaha kepada NKRA.

Tugas Pasukan DMO adalah untuk mengawasi pelaksanaan semua inisiatif NKRA Jenayah seperti yang disebutkan di atas - disokong oleh pasukan NKRA JENAYAH dalam PEMANDU. Di bawah DMO, terdapat empat unit Pelaksanaan NKRA - yang terdiri dari penyelaras dari DMO, dianggotai oleh wakil penting dari PDRM, Mahkamah, AGC, Agensi Anti-Dadah Kebangsaan (AADK), Ikatan Relawan Rakyat Malaysia (RELA), Jabatan Pertahanan Awam Malaysia (JPAM) dan wakil dari Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT).



Dengan Ihsan, Info Centre, Menara Star, Star Publications (Malaysia) Bhd

Tugas DMO Jenayah adalah untuk mengemaskini status pelaksanaan semua inisiatif NKRA secara mingguan dan membangkitkan isu kepada CEO PEMANDU, Dato' Sri Idris Jala di Mesyuarat Penyelesaian Masalah (*Problem Solving Meeting - PSM*). PSM yang diadakan sekali pada setiap empat minggu akan membincangkan kaedah untuk mengatasi halangan dan menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh DMO dalam rangka pelaksanaan pelbagai inisiatif.

Pada setiap enam minggu, pasukan NKRA Jenayah bersama-sama dengan Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein, Menteri Dalam Negeri, melaporkan tentang kemajuan yang dicapai dan membangkitkan isu-isu kepada Perdana Menteri di Mesyuarat Pasukan Petugas Penyampaian (*Delivery Task Force - DTF*).

INISIATIF

Program Kehadiran Polis di Mana-mana (*Omnipresence*)

Adalah penting untuk difahami bahawa tanggungjawab untuk membanteras jenayah bukan sahaja terletak di atas bahu PDRM, tetapi juga harus dikongsi bersama menerusi kerjasama sektor Awam-Swasta-Polis.

Oleh itu, agensi-agensi lain dalam Kementerian Dalam Negeri telah digerakkan untuk mewujudkan *omnipresence of troops* untuk meronda di kawasan jenayah dan menjadi pegawai tambahan kepada PDRM. Misalnya, kita mempunyai inisiatif "*Feet on Street*" yang pada masa ini melibatkan kumpulan RELA dan JPAM. Pada tahun 2010, kita mempunyai 4,979 ahli RELA dan JPAM yang bergerak bersama dalam masyarakat. Mereka ini telah menjalani latihan sebagai Sukarelawan Polis (*Police Volunteer Reserve - PVR*) untuk membantu PDRM.

Di bawah 2,168 unit Skim Rondaan Sukarela (SRS), sejumlah 108,400 ahli telah dikumpulkan untuk melakukan rondaan, sementara di bawah Rakan Cop, 387,734 ahli yang berdaftar telah memainkan peranan sebagai "mata dan telinga" dalam usaha kita bersama memerangi jenayah.



Dengan Ihsan, Info Centre, Menara Star, Star Publications (Malaysia) Bhd

Rajah 7: Program Omnipresence

RELA



Jumlah Kekuatan: **2,529,551**

Rekrut baru pada 2010

- 1,589,912 (Seluruh Malaysia)

- 964,634 (4 negeri yang mempunyai kawasan-kawasan hot spot)

Jumlah perlantikan dan dilatih sebagai PVR: 3,663

Purata rondaan harian: 553

JPAM



Jumlah Kekuatan: **160,529**

Rekrut baru pada 2010

- 72,589 (Seluruh Malaysia)

- 14,876 (4 negeri yang mempunyai kawasan-kawasan hot spot)

Jumlah perlantikan dan dilatih sebagai PVR: 1,316

Purata rondaan harian: 379

PGA



Jumlah Kekuatan: **12,492**

Ditempatkan untuk memerangi jenayah di kawasan-kawasan hot spot

- 2,085 (Sebenar 2010)

- 8,000 (Sasaran 2011)

Balai Polis Bergerak (MPS)



Jumlah kenderaan baru: **90**

- 30 bas

- 60 van

Jumlah kos: RM 19.35 juta

Penempatan MPS

- KL 7 bas 15 van

- Selangor 8 bas 15 van

- Johor 8 bas 15 van

- Penang 7 bas 15 van

Tindak Balas Pertama Dengan Menggunakan Motosikal



Jumlah motosikal: **812**

-408 dibaik pulih, 404 baru

Jumlah kos: RM 1.85 juta

Penempatan motosikal

- KL 90

- Selangor 89

- Johor 135

- Penang 90

PDRM



14,222 pegawai

ditempatkan di

50 kawasan hot spot

- KL 2,892

- Selangor 5,223

- Johor 3,366

- P. Pinang 2,741



7,402 kakitangan

"back-office" PDRM

ditugaskan semula

daripada pejabat

belakang ke

bahagian hadapan

- KL 829

- Selangor 1,225

- Johor 788

- P. Pinang 439

- Others 4,121

4,013 penjawat awam

ditukarkan ke

"back-office" PDRM

- KL 197

- Selangor 462

- Johor 381


- P. Pinang 174

- Others 2,799

Program Bandar Selamat (SCP)

Dalam mencegah jenayah – satu inisiatif memperkuat sasaran, Program Bandar Selamat atau SCP telah dilancarkan dengan kerjasama pihak berkuasa tempatan dan badan-badan lain untuk mencegah jenayah. Dibawah SCP, beberapa langkah telah digariskan untuk menjadikan bandar-bandar lebih selamat.

Rajah 8: Program Bandar Selamat (SCP)





SCP telah menggabungkan Pasukan Polis, Pihak Berkuasa Tempatan atau PBT, Agensi Anti-Dadah Kebangsaan (AADK), Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan pihak lain yang berkaitan untuk mengatasi masalah setempat dengan inisiatif yang bersesuaian dengan keadaannya.

Pada masa ini, badan-badan yang terlibat dengan SCP ialah Dewan Bandaraya KL, Majlis Bandaraya Shah Alam, Majlis Bandaraya Petaling Jaya, Majlis Perbandaran Subang Jaya, Majlis Perbandaran Ampang Jaya, Majlis Perbandaran Selayang, Majlis Perbandaran Klang, Majlis Perbandaran Johor Bahru Tengah, Majlis Bandaraya Johor Bahru, Majlis Perbandaran Pasir Gudang, Majlis Perbandaran Pulau Pinang dan Majlis Perbandaran Seberang Prai.

Balai League Table

Balai League Table atau BLT adalah untuk memberi penarafan kepada kesemua 753 Balai Polis di seluruh Malaysia bertujuan untuk menerapkan satu budaya yang didorong oleh prestasi di PDRM. Setiap balai dinilai berdasarkan kepada kadar jenayah per kapita dan penambahbaikan usaha menangani jenayah.

Balai yang memperoleh prestasi tertinggi akan diberi ganjaran, sebaliknya balai yang mencapai prestasi terendah akan disokong dan dipantau sehingga prestasi mereka bertambah baik. BLT adalah terbukti telah membantu meningkatkan moral, motivasi dan produktiviti dalam balai polis masing-masing, jelas menyumbang ke arah perkhidmatan yang lebih baik kepada masyarakat.

Jadual 1: Balai League Table (BLT)

 ■ Kedudukan semua 753 balai dinilai berasaskan kepada: - Kadar jenayah per kapita - Penambahbaikan usaha menangani jenayah ■ Hadiah untuk balai yang menang: - #1: RM500 bagi setiap pekerja - #2: RM300 bagi setiap pekerja - #3: RM200 bagi setiap pekerja ■ 3 Siri BLT telah selesai					
Jadual Liga Balai, Siri #3 [Untuk tempoh September hingga November 2010]					
	Kategori 'A'	Kategori 'B'	Kategori 'C'	Kategori 'D'	Kategori 'E'
Juara	Petaling Brickfields, KL	Perai, S. Perai Tengah, Penang	Kg. Tawas Ipoh, Perak	Bt. Arang, Gombak, Selangor	Cendering Kuala Terenganu
Tempat Kedua	Bt. 9, Kajang Selangor	Cabang 3, Kuala Terenganu	Jelapang Ipoh Perak	Manir, Kuala Terenganu	Air Hangat, Langkawi, Kedah
Tempat Ketiga	Jinjang, Sentul, KL	Pandamaran Klang Selangor, Selangor	Bachok Kelantan	Bunut Susu, Pasir Mas, Kelantan	Kuala Teriang, Langkawi, Kedah
Jadual Liga Balai, Siri #2 [Untuk tempoh Mei hingga Ogos 2010]					
	Kategori 'A'	Kategori 'B'	Kategori 'C'	Kategori 'D'	Kategori 'E'
Juara	Petaling, Brickfields, KL	Pandamaran, Klang Selangor, Selangor	Luyung, Kota Kinabalu, Sabah	Batang Kali, Ulu Selangor, Selangor	Changkat Jering, Taiping, Perak
Tempat Kedua	Dang Wangi, KL	Chukai, Kemaman Terengganu	Bkt. Sentosa, Ulu Selangor, Selangor	Air Hitam, Jempol, N. Sembilan	Aulong, Taiping, Perak
Tempat Ketiga	Cheras, KL	S. Jaya, S. Perai Tengah, Penang	Bidong, Kuala Myda, Kedah	Putatan, Penampang, Sabah	Bukit Indah, Nusajaya, Johor
Jadual Liga Balai, Siri #1 [Untuk tempoh Januari hingga April 2010]					
	Kategori 'A'	Kategori 'B'	Kategori 'C'	Kategori 'D'	Kategori 'E'
Juara	Puchong Jaya, Puchong, Selangor	Sg. Senam, Ipoh, Perak	S. Renggam, Kluang, Johor	Belaga, Sarawak	Air Hitam, Kubang Pasu, Kedah
Tempat Kedua	Petaling Jaya, Selangor	Pandamaran, Klang, Selangor	Senai, Kulai, Johor	Asa Raya, Samarahan, Sarawak	S. Empat, Alor Gajah, Melaka
Tempat Ketiga	Kota Bahru, Kelantan	CPS, Sibu, Sarawak	Gurun, Kuala Kedah, Kedah	Wakaf Baru, Tumpat, Kelantan	Tmn Pasir Putih, Sri Alam, Johor

KEJAYAAN DAN PENCAPAIAN

Hasil keseluruhan sasaran NKPI yang ditetapkan untuk 2010 adalah seperti ditunjukkan dalam jadual di bawah.

Jadual 2: Hasil Penunjuk Prestasi Utama Negara 2010


Bil.	NKPI	Sasaran 2010	Keputusan Sebenar	Catatan	Lampu Trafik
1.	Penurunan Jenayah Indeks yang dilapor	5%	15%	Penurunan 32,297 kes kepada 177,520 kes	
2.	Penurunan Jenayah Jalanan yang dilapor	20%	35%	Penurunan 13,193 kes kepada 24,837 kes	
3.	Penurunan perasaan takut menjadi mangsa jenayah	N.A	52.8%	Penurunan daripada 58.5% (Dis '09) kepada 52.8% (Sept '10)	
4.	Penambahan bilangan penjenayah kekerasan ke muka pengadilan	2000 kes	2001 kes	Purata 250 kes jenayah kekerasan tertunggak diselesaikan pada setiap bulan	
5.	Peningkatan persepsi awam terhadap prestasi polis	N.A	55.8%	Peningkatan daripada 35.8% (Dis '09) kepada 55.8% (Sept '10)	

 Pencapaian 90% dan ke atas
  Pencapaian 51% hingga 89%
  Pencapaian 50% dan ke bawah

Penurunan Jenayah Indeks dan Jenayah Jalanan

Pada 31 Disember 2010, sasaran NKPI untuk mengurangkan insiden Jenayah Indeks sebanyak 5% dan Jenayah Jalanan sebanyak 20% pada tahun 2010 dicapai melebihi sasaran yang ditetapkan. Untuk Jenayah Indeks, pengurangan adalah sebanyak 32,297 kes (15%), manakala Jenayah Jalanan telah menurun sebanyak 13,193 kes (35%).

Rajah 9: Penurunan Jenayah Indeks dan Jenayah Jalanan



Hasil yang positif ini boleh dikaitkan dengan 12 inisiatif khusus dan idea-idea besar. Ini termasuklah operasi pada peringkat nasional seperti Operasi Lejang (sasaran kepada kecurian motosikal), Operasi Rentap (sasaran kepada curi ragut dan rompakan tepi jalan) dan Operasi Pintu (sasaran kepada pecah rumah). Operasi-operasi ini yang telah dijalankan pada peringkat nasional telah melibatkan 6,000+ perampasan dan penangkapan pada 2010.

6,000+
PERAMPASAN DAN
PENANGKAPAN PADA 2010

Penggunaan kaedah pengawasan dan umpan di kawasan cenderung jenayah merupakan faktor penting yang membawa kejayaan operasi pada peringkat nasional. Misalnya, dalam penangkapan pencuri motosikal, umpan motosikal ditempatkan di lokasi cenderung jenayah berserta pegawai polis yang memantau dari jarak agak jauh. Sekiranya perlu, CCTV juga turut digunakan dalam operasi untuk membawa bahan bukti tambahan semasa pendakwaan. Modus operandi yang sama juga telah dilaksanakan dengan kesan yang signifikan untuk mengurangkan kecurian kereta dan pecah rumah.

Janelle Lee,
Penduduk Petaling Jaya

“Sekarang terdapat lebih banyak rondaan polis di kawasan kejiranan saya di Seksyen 17. Mereka membuat rondaan pada awal pagi dalam pasukan yang terdiri daripada empat orang pada setiap hari. Ini adalah petanda baik yang ditunjukkan oleh pihak polis. Saya mendapat tahu daripada rakan saya bahawa mereka tiba di destinasi lebih cepat sekarang.”

Fairus Zulkifli,
Guru

“Inisiatif oleh pihak polis seperti rondaan (Skim Rondaan Sukarela atau SRS) di tempat-tempat umum, penempatan anggota polis di kawasan hot spot dan penggunaan kamera CCTV, telah membuat saya berasa lebih selamat.”

Penutupan bengkel haram oleh pihak berkuasa tempatan juga mempunyai pengaruh besar dalam pengurangan jenayah. Selalunya operasi haram ini merupakan sebahagian daripada saluran bekalan bahagian kenderaan yang dicuri. Dengan menetapkan sasaran pada punca utama ini, beberapa rangkaian jenayah telah dilumpuhkan secara efektif.


Peningkatan rondaan polis di kawasan yang cenderung jenayah dan kawasan perumahan juga terbukti berkesan. Dilakukan oleh anggota polis dengan kereta peronda atau bermotosikal, rondaan rutin ini telah meningkatkan kekerapan kehadiran polis dalam masyarakat dan menjadikannya sebagai halangan kepada kegiatan jenayah sambil menerapkan keyakinan awam.

Penggunaan peralatan capaian mudah alah (*Mobile Access Card Devices*) telah membolehkan pegawai penguatkuasa menyemak nombor pendaftaran kenderaan, nombor kenderaan/casis/nombor enjin, dll; jelas telah memudahkan proses mengenal pasti dan mengesan kenderaan yang dicuri.

Pemasangan CCTV, pelaksanaan Program Bandar Selamat (SCP) dan kejayaan program Police Omnipresence di kawasan-kawasan hot spot jenayah.

Yang ketara, pemasangan tambahan 496 CCTV di 50 kawasan *hot spot* telah membantu pegawai penguatkuasa melakukan kegiatan pemantauan dan pengawasan dengan lebih efektif lagi. Di samping bertindak terhadap jenayah, langkah ini juga telah membolehkan penugasan polis peronda yang lebih efisien.

Rakaman dari kamera CCTV telah membolehkan pihak pendakwaraya menguatkan kes mereka menghadapi penjenayah - membantu meningkatkan kebarangkalian sabitan kesalahan.



Dengan Ihsan, Info Centre, Menara Star, Star Publications (Malaysia) Bhd

Mengurangkan Perasaan Takut “Menjadi Mangsa Jenayah”; Meningkatkan Persepsi Awam Terhadap Keselamatan

Dalam menilai kejayaan dengan tanpa rasa berat sebelah, TNS telah ditugaskan untuk melakukan kajian untuk mengukur tahap persepsi awam. Penemuan menunjukkan bahawa perasaan takut menjadi mangsa jenayah dalam kalangan masyarakat mengalami penurunan sebanyak 5.7%.

Tinjauan	S 2009	S3 2010	Penambahbaikan
Perasaan takut menjadi mangsa jenayah	58.5%	52.8%	5.7%

Rajah 10: Pengurangan Perasaan Takut Menjadi Mangsa Jenayah



Kaji selidik di atas telah dijalankan dengan teliti berdasarkan kepada teknik analisis kuantitatif dengan data yang dikumpul melalui temuduga secara bersemuka dengan responden. Pemilihan pensampelan rawak telah digunakan dengan responden yang ditemuduga dipilih dari seluruh Malaysia di kedua-dua kawasan bandar dan luar bandar. Secara demografinya tinjauan terhad kepada warganegara Malaysia berusia 18 tahun ke atas, pada masa kaji selidik dijalankan (secara de facto).

Jadual 3: Peruntukan Pensampelan dan Saiz Sampel

Peruntukan Pensampelan dan Saiz Sampel				
Negeri	Bilangan Pensampelan (Daerah Pemilihan)			Total Sample Size
	Bandar	Luar Bandar	Jumlah	
Selangor	18	3	21	210
W.P Kuala Lumpur	7	0	7	70
W.P Putrajaya	2	0	2	20
Negeri Sembilan	3	2	5	50
Melaka	2	1	3	30
Johor	9	5	14	140
Kedah	4	5	9	90
Perak	7	4	11	110
Perlis	0	1	1	10
Pulau Pinang	6	1	7	70
Pahang	3	4	7	70
Terengganu	3	2	5	50
Kelantan	2	4	6	60
Sabah	5	5	10	100
Sarawak	6	5	11	110

• Kajian ini terhad kepada isi rumah di tempat tinggal peribadi. Reka bentuk pensampelan pelbagai tahap kebarangkalian telah digunakan untuk kajian ini.
 • Peruntukan Sampel dan Liputan
 • Sampel melibatkan 1,200 responden berusia 18 tahun ke atas yang meliputi 16

Nota: Pengedaran sampel setanding dengan anggaran jumlah penduduk berusia 18-64 tahun di setiap negeri (bandar/luar bandar) berdasarkan kepada Anggaran Penduduk 2008

Seperti yang disebutkan sebelumnya, mengubah persepsi awam terhadap keselamatan merupakan satu-satunya tugas yang mencabar, terutama sekali apabila kita terus terbaca tentang jenayah di dalam surat khabar atau terdengar melalui mulut ke mulut. Oleh itu, penambahbaikan ini merupakan satu kejayaan signifikan dalam meyakinkan rakyat bahawa jalanan, rumah dan tempat kerja kita telah menjadi lebih selamat. Keputusan tinjauan juga turut mendedahkan bahawa pelbagai tindakan yang telah dilaksanakan sepanjang tahun 2010 telah berkesan dalam memenangi hati dan fikiran rakyat.

“Feet on Street” – PDRM telah mengusahakan kehadiran polis secara fizikal yang lebih jelas dengan berada di tengah-tengah masyarakat untuk memerangi jenayah 24 jam, di kawasan-kawasan *hot spot*. Pada tahun 2010 14,222 pegawai PDRM telah ditugaskan semula untuk meronda di 50 kawasan cenderung jenayah di empat negeri yang mempunyai kawasan-kawasan *hot spot*.

Satu ciri penting melibatkan pegawai kanan polis (berpangkat inspektor ke atas) untuk meronda bersama-sama dengan polis biasa yang membuat tugas rondaan. Kehadiran pegawai polis yang berpangkat lebih tinggi akan membantu meyakinkan rakyat serta memberi motivasi kepada polis biasa yang membuat tugas rondaan.

Berhenti dan Berbual (Stop n Talk) – Usaha penglibatan dengan orang awam ini menggalakkan pegawai polis yang meronda untuk menyapa dan berbual dengan orang awam selama 10 hingga 15 minit pada setiap jam semasa membuat rondaan rutin. Langkah ini membantu memperlihatkan imej pasukan polis yang mesra rakyat; sementara jelas menunjukkan kehadiran pegawai polis di kawasan tersebut. Langkah ini juga turut membolehkan orang awam mengutarakan kebimbangan mereka serta berpeluang mengenali pegawai polis di tempat mereka sendiri.

Penggunaan Media Massa dan Sosial – Media massa telah digunakan untuk menyebarkan kejayaan pihak polis mengenai penahanan, penangkapan dan aktiviti-aktiviti lain. Permulaan penggunaan halaman Facebook PDRM, misalnya, telah menerima lebih daripada 25,000 "suka" setakat ini.

14,222

PEGAWAI PDRM TELAH
DITUGASKAN UNTUK
MERONDA DI 50 KAWASAN
CENDERUNG JENAYAH DI
EMPAT NEGERI YANG
MEMPUNYAI KAWASAN-
KAWASAN HOT SPOT






Penambahbaikan “Kepuasan Awam Terhadap Perkhidmatan PDRM”

Sebuah kaji selidik bebas kedua oleh TNS telah dijalankan untuk mengukur tahap persepsi awam terhadap PDRM. Penemuan kaji selidik ini juga menunjukkan penambahbaikan yang signifikan sebanyak 20% mengenai kepuasan masyarakat terhadap PDRM.

Rajah 11: Penambahbaikan Kepuasan Terhadap Perkhidmatan PDRM



Kaji selidik di atas telah dijalankan dengan menggunakan metodologi yang komprehensif untuk memastikan ketepatannya. Satu sampel penduduk yang terdiri dari pengadu dan bukan pengadu dipilih melalui pensampelan rawak dari balai polis di empat negeri yang mempunyai *hot spot* - Johor, Kuala Lumpur, Penang dan Selangor. Data telah dikumpul melalui temuduga secara bersemuka pada tiga tempoh masa yang berbeza - pagi, tengah hari dan malam - dan pada hari bekerja dan hujung minggu.

Jadual 4: Reka Bentuk Penyelidikan - Tinjauan Peringkat Pengumpulan Maklumat



Penemuan kaji selidik menunjukkan bahawa kepuasan orang awam terhadap polis sebahagian besarnya dipengaruhi oleh tiga elemen:

- Masa bertindak kepada panggilan cemas;
- Keselesaan ketika membuat laporan polis; dan
- Keberkesanan dalam menangani jenayah

Penemuan kajian menunjukkan bahawa pelbagai inisiatif yang diambil oleh PDRM seperti tindakan pertama melalui motosikal, menggunakan 99 pengesan pemanggil dan membuat laporan dengan polis yang meronda (POL 55) serta memulakan BLT telah menyumbang kepada penambahbaikan penyampaian perkhidmatan seperti yang diingini oleh rakyat. Kaji selidik ini akan diulang pada setiap enam bulan untuk memantau perubahan kepuasan orang awam sebagai inisiatif penambahbaikan kami yang terus berlangsung.

2,001 Kes Jenayah Kekerasan Tertunda Diselesaikan; 5,222 Kes Jenayah Kekerasan Dibawa Ke Muka Pengadilan

2,001

KES JENAYAH KEKERASAN
TERTUNGGAK
DISELESAIKAN

Sepanjang tahun 2010, sebanyak 2,001 kes jenayah kekerasan diselesaikan dan 5,222 kes jenayah kekerasan telah dibawa ke muka pengadilan. Ini merupakan antara penetapan NKPI yang paling mencabar kerana penyelesaian untuk kes tertunggak dan kes-kes semasa harus dijalankan serentak. Keduanya, sifat kes tertunda, secara amnya, membuatnya sukar untuk ditangani, dengan beberapa kes yang telah berlaku lebih lima tahun lepas.

SASARAN

5,222

KES JENAYAH KEKERASAN
DIBAWA KE MUKA
PENGADILAN

Perkara yang paling sukar ditangani ialah apabila beberapa pihak berkepentingan perlu dilibatkan untuk mencapai keputusan. Penyelesaian Jenayah Kekerasan Tertunggak memerlukan kerjasama erat tiga pihak, antaranya adalah Mahkamah Persekutuan, Jabatan Peguam Negara dan PDRM. Walaupun terdapat beberapa kesulitan, langkah-langkah yang telah diperkenalkan ini telah membolehkan kami berjaya mengurangkan bilangan kes tertunggak.



Dengan Ihsan, Info Centre, Menara Star, Star Publications (Malaysia) Bhd

Langkah-langkah ini termasuk:

Meningkatkan jumlah dan kecekapan Pegawai Penyiasat (IO). Perkara ini telah dapat dipenuhi dengan melantik semula pesara IO berprestasi tinggi, membentuk *flying squads* atau pasukan petugas khas yang terdiri dari hakim berprestasi tinggi, menyegerakan pindaan Kanun Tatacara Jenayah (CPC), termasuk melaksanakan rundingan akuan bersalah (*plea bargain*) dan pengemukakan kenyataan saksi.

Mengurangkan nisbah pegawai penyiasat kepada kertas siasatan kepada 1:5 sebulan. Bilangan semasa kes-kes jenayah yang disiasat oleh IO adalah terlalu tinggi (data temuramah menunjukkan bilangan minimum sebanyak 1:20 sebulan), yang semakin dibebankan oleh tugas bukan teras yang boleh menjejaskan kualiti penyiasatan. Bilangan IO yang ditambah dengan memperluaskan kumpulan (misalnya, membawa kembali pesara bekas IO yang berprestasi tinggi) akan mengurangkan nisbah berkenaan. Kumpulan IO yang lebih besar juga membolehkan pengkhususan untuk jangka panjang, kerana IO akan berpeluang mengkhusus dalam kes-kes tertentu.

Mendapatkan IO dari jabatan lain. Tenaga kerja telah meningkat dengan mendapatkan IO dari bahagian narkotik, lalu lintas, forensik dan unit-unit lain.

Menggunakan prosedur operasi standard untuk kes-kes jenayah kekerasan. Ini akan membantu memastikan bahawa IO dapat mengumpul semua bukti yang diperlukan, sekaligus meningkatkan peluang pendakwaan berjaya.

Mempertingkat kerjasama antara PDRM dengan Jabatan Peguam Negara semasa penyiasatan dijalankan. Ini akan membolehkan IO menerima bimbingan yang mencukupi dari DPP berhubung dengan bahan bukti yang diperlukan untuk mendakwa sesuatu kesalahan. Selain itu, pengawasan daripada DPP dan IO kanan akan memastikan kualiti penyiasatan berada di tahap yang tinggi.

Membentuk mahkamah khas untuk jenayah jalanan. Kes sekarang dikenakan prosedur baru yang menggunakan kod khas (Kod J) antara PDRM, Jabatan Peguam Negara dan Mahkamah agar mereka boleh dibicarakan dengan lebih cepat.

Membolehkan DPP khusus untuk perbicaraan dan penyelesaian IP. Pada masa ini DPP melakukan dua tugas utama: menyelesaikan IP dan mengendalikan perbicaraan. Membolehkan DPP khusus untuk hanya mengendalikan perbicaraan akan mengurangkan beban kerja DPP secara keseluruhan dan membolehkan mereka membangunkan kepakaran dalam mengendalikan perbicaraan, sekaligus menambahbaik keberkesanan pendakwaan secara keseluruhan.

Memperluas sistem rekod dan transkripsi mahkamah untuk memperbaiki kecekapan operasi. Apabila perjalanan perbicaraan direkod oleh jurutaip atau direkod melalui transkripsi, hakim dengan cepat boleh meluluskan nota perbicaraan yang akan diedarkan kepada para peguam, dengan itu dapat menjimatkan masa dan menyegerakan penyelesaian perbicaraan.

Menambah baik pengurusan saksi. Dalam memastikan keselamatan saksi dan untuk memudahkan mereka memberi keterangan, beberapa inisiatif telah diperkenalkan. Ini termasuklah jalan masuk berasingan untuk mengelak intimidasi dari yang tertuduh dan pembentukan unit-unit khas yang menguruskan saksi di PDRM dapat membantu mengurangkan kekerapan dalam ketidakhadiran saksi. Inisiatif-inisiatif ini dapat menyegerakan kes serta mengurangkan bilangan DNAA.

Hukuman khidmat masyarakat untuk mencegah kesalahan berulang. Pesalah kali pertama dan kurang serius akan dikenakan hukuman khidmat masyarakat untuk memulihkan pesalah-pesalah berikut serta menghukum mereka agar mereka tidak melakukan kesalahan berulang.

KEMAJUAN LAIN

5,000+ ahli RELA dan JPAM telah menjalani latihan dengan PDRM sebagai Sukarelawan Polis (PVR)

Sebuah program khas telah dimulakan yang melibatkan ahli-ahli RELA/JPAM yang terpilih menghadiri latihan asas kepolisan selama dua minggu di pusat latihan RELA/JPAM, dan kemudiannya mereka diserapkan ke dalam PVR. Tenaga kerja tambahan ini telah membantu meningkatkan bilangan anggota yang membuat tugas rondaan. Oleh sebab itu, PDRM dengan sumber tambahan ini dapat memperlihatkan kehadiran yang berkesan dalam mencegah jenayah dan menerapkan kepercayaan awam.



Dengan Ihsan, Info Centre, Menara Star, Star Publications (Malaysia) Bhd

2.6juta

ANGGOTA RELA DIREKRUT DAN DIDAFTARKAN DENGAN KDN

2,594

TIANG LAMPU BARU ATAU YANG DIPERTINGKATKAN DI 12 PBT

343

CERMIN KESELAMATAN DIPASANG DI 12 PBT

33.1 km

PAGAR KESELAMATAN DAN TIANG KECIL DIPASANG DI 12 PBT

2.6 juta ahli RELA direkrut dan didaftarkan dengan KDN

Program Bandar Selamat juga merupakan satu kejayaan dengan tambahan 2,594 tiang lampu, 343 cermin keselamatan, 33.1km pagar keselamatan dan tiang kecil yang siap dipasang di 12 PBT.

Inisiatif-inisiatif ini tidak dapat disangkal lagi telah mendatangkan kesan yang positif dalam mengurangkan jenayah jalanan, serta membantu membentuk persepsi positif dalam kalangan masyarakat. Tindakan ini selanjutnya telah membantu meyakinkan rakyat bahawa Kerajaan sememangnya serius dalam melindungi masyarakat dan bersedia mengambil tindakan tegas untuk mencegah jenayah.

Penyertaan Awam – Penurunan kuasa melalui Sukarelawan

Seperti yang telah dinyatakan sebelum ini, keselamatan awam tidak dapat tercapai tanpa sokongan orang awam. Malah rakyat juga harus memainkan peranannya seiring dengan pihak penguatkuasa. Sukarelawan telah menjadi komponen yang penting dalam NKRA Jenayah. Pengembangan skim sedia ada seperti Skim Rondaan Sukarela (SRS), Rakan Cop dan inisiatif awam yang lain seperti Persatuan Penduduk (RA) telah menjadi ciri-ciri penting bagi mengalakkan penyertaan masyarakat.

Pelbagai usaha telah diambil untuk meningkatkan ke-sukarelawan sepanjang tahun 2010. Ini termasuklah memperkembangkan Rukun Tetangga (RT) dan memberikan insentif kepada orang awam untuk menjadi ahli. Pada masa ini, insentif termasuklah perlindungan insurans, elaun bertugas malam, dan masa rehat bagi penjawat awam pada hari berikutnya. Sektor swasta adalah digalakkan untuk mencontohi inisiatif ini.



Dengan Ihsan, Info Centre, Menara Star, Star Publications (Malaysia) Bhd

Rajah 12: Rukun Tetangga

Rukun Tetangga - Skim Rondaan Sukarela (SRS)

Latar Belakang

- 4,902 Kawasan Rukun Tetangga (KRT)
- 2,168 unit SRS, dengan 108,400 ahli
- Rondaan dilakukan sekurang-kurangnya sekali seminggu
 - 10% rondaan harian
 - 90% rondaan mingguan



Beberapa cabaran pada 2010

- Tiada elaun
- Kekurangan peralatan dan bahan
- Ahli-ahli teragak-agak menyertai rondaan malam, kerana bekerja pada hari berikutnya

... telah ditangani oleh NKRA Jenayah

- Penambahan peruntukan bajet dari NKRA
 - RM 6.7 juta (2010)
 - RM 20.0 juta (2011)
- Peruntukan insurans untuk ahli yang menyertai rondaan SRS
- Peruntukan peralatan yang lebih canggih
 - Wisel, jaket, lampu suluh, cota ringan, alat pertolongan cemas, rotan, baju hujan, walkie-talkie
- Menyediakan "Pusat SRS"/"Kabin"
- Waktu pelepasan wajib untuk penjawat awam yang menyertai rondaan SRS



Dengan Ihsan, Info Centre, Menara Star, Star Publications (Malaysia) Bhd

Rajah 13: Rakan Cop



PERSEPSI ORANG AWAM

Memenangi Hati dan Fikiran – Mengembalikan Keyakinan Awam

Kami menyedari bahawa cabaran untuk mengubah persepsi orang awam dan mengembalikan kepercayaan orang awam bukanlah sesuatu yang mudah. Tidak ada jalan pintas untuk mengubah sentimen rakyat, lebih-lebih lagi bagi kes jenayah yang telah menjadi isu peribadi bagi kebanyakan orang.

Bagaimanapun, seperti yang disebutkan sebelumnya, terdapat penurunan sebanyak 5.7% dalam kalangan rakyat berkenaan dengan “Menjadi Mangsa Jenayah”, dan penambahbaikan persepsi orang awam terhadap keselamatan, serta penambahbaikan persepsi kepuasan masyarakat terhadap perkhidmatan PDRM sebanyak 20%.

Ini merupakan titik permulaan yang memberangsangkan dalam tahun pertama Horizon Satu (2010-2012). Kami akan melipatgandakan usaha kami demi untuk terus menambahbaik kejayaan ini. Memenangi hati rakyat memerlukan usaha yang konsisten dan bersepadu dari semua pihak. Ia juga memerlukan momentum daripada kejayaan positif yang berterusan sehingga 2012.

Sebagai tambahan kepada kaji selidik ini, NKRA Mengurangkan Jenayah juga sedang terlibat dengan secara aktif dengan masyarakat melalui Yayasan Pencegahan Jenayah Malaysia, NGO dan juga melalui lain-lain panel perbincangan yang sentiasa diadakan, dan sesi meja bulat dengan ahli media untuk terus mengukur denyut nadi negara, sehubungan dengan usaha memerangi jenayah.

CABARAN

KETIDAKSEMPURNAAN

Semua kejayaan yang dicapai setakat ini telah mengesahkan bahawa kami berada pada landasan yang betul dalam usaha mengurangkan jenayah. Di bahagian tertentu, seperti mengurangkan Jenayah Indeks dan Jenayah Jalanan, kami telah melebihi sasaran yang telah ditetapkan. Walau bagaimanapun, kami juga harus melipatgandakan usaha kami untuk merapatkan jurang dalam aspek lain dalam memerangi jenayah.

Menangani Persepsi Awam

Meskipun insiden jenayah telah berkurangan, meyakinkan rakyat bahawa bandar dan jalanan kita telah menjadi lebih selamat masih merupakan cabaran yang berterusan. Persepsi pada umumnya sukar untuk diubah, lebih-lebih lagi apabila jenayah telah sebatik dalam fikiran masyarakat.

Senario ini pula terus diburukkan lagi dengan pelbagai faktor luaran. Ini termasuk penerbitan berterusan kes berprofil tinggi di media massa, kepopularan kes jenayah sebagai topik perbualan di antara jiran tetangga dan rakan-rakan, dan penampilan jenayah di dalam blog dan sebagainya. Faktor-faktor ini memberikan gambaran bahawa jenayah masih berleluasa atau lebih buruk lagi, masih belum dapat dibendung.

Sebenarnya, hasil NKRA Mengurangkan Jenayah pada 2010 menunjukkan penurunan yang signifikan dalam Jenayah Indeks dan Jenayah Jalanan - yang pertama dalam masa empat tahun. Ia juga merupakan penurunan terbesar kita dalam jenayah sejak merdeka.

Kita menyedari cabaran yang berada di depan kita dan kita akan terus-menerus mencari penyelesaiannya dengan apa cara sekalipun untuk mengatasi masalah persepsi. Usaha ketika ini melibatkan media, meningkatkan keprihatinan orang awam dan kehadiran penguatkuasa undang-undang serta kegiatan pendekatan awam.

NKRA masih lagi dalam tahun pertama. Namun, kami percaya bahawa dengan peredaran masa, manfaat dari NKRA Mengurangkan Jenayah akan mengalir turun dan akan dirasakan oleh rakyat. Dengan itu, kami yakin akan dapat memenangi hati dan fikiran mereka pada masa akan datang.

PENGAJARAN YANG DIPELAJARI

Memenuhi Keperluan Pasukan Polis

Walaupun memerangi jenayah merupakan sebuah kempen yang memberi fokus kepada orang awam, NKRA juga harus memberi perhatian kepada satu pihak berkepentingan yang ternyata ketara – anggota pasukan polis lelaki dan wanita. Adalah penting apabila sifat jenayah dan penjenayah menjadi semakin canggih, anggota kita juga seharusnya dilengkapi dengan latihan, kecekapan dan sumber untuk mencapai misi mereka.

Sama juga pentingnya adalah untuk memastikan bahawa keperluan mereka dipenuhi dengan baik dan keluarga mereka dapat menikmati kehidupan yang selesa. Dengan demikian, untuk masa selebihnya dalam Horizon 1, kami akan terus mencari cara untuk memperbaiki kehidupan anggota pasukan Polis dan keluarga mereka, serta juga memberikan lebih banyak lagi peluang latihan dan peralatan yang lebih baik.



Dengan Ihsan, Info Centre, Menara Star, Star Publications (Malaysia) Bhd

MELANGKAH MENUJU 2011

Pencegahan - Langkah Pertama Yang Berkesan

Sepanjang tahun 2010, jelas bahawa kelebihan kehadiran anggota polis merupakan faktor utama dalam usaha mencegah jenayah. Peningkatan rondaan oleh pegawai polis baik dengan kereta peronda atau dengan motosikal ataupun dengan berjalan kaki membantu mencegah insiden jenayah. Menuju ke arah tahun 2011, anggota polis tambahan akan ditugaskan untuk tujuan sebegini. Ini akan dicapai bergantung kepada kedua-dua tenaga kerja sedia ada dan yang akan direkrut serta latihan anggota baru.

Untuk 2011, sasaran baru NKPI¹ telah dikenal pasti:

- 5% penurunan Jenayah Indeks berbanding 2010
- 40% pengurangan Jenayah Jalanan berbanding “baseline” 2009
- 50% responden “Rasa Takut Menjadi Mangsa Jenayah”
- 20% “Investigation Papers” (IPs) dibuka dibawa ke muka pengadilan
- 60% responden “Puas hati terhadap perkhidmatan PDRM”

50%
RESPONDEN
“RASA TAKUT
MENJADI
MANGSA
JENAYAH”

20%
“INVESTIGATION
PAPERS” (IPs)
DIBUKA DIBAWA
KE MUKA
PENGADILAN

60%
RESPONDEN
“PUAS HATI
TERHADAP
PERKHIDMATAN
PDRM”

Jadual 5: Butiran Utama NKPI untuk 2011²

	NKPI	Inisiatif Utama yang Diketengahkan
1.1	Mengurangkan keseluruhan Jenayah Indeks	•Peralatan Capaian Mudah Alih •4 tahap nasional ; Rentap, Pintu, Lejang, Lusu
1.2	Mengurangkan Jenayah Jalanan	•Program Bandar Selamat (SCP) •Program Pemulihan Dadah AADK •Pasukan Petugas Khas untuk mengumpul OKP
2.1	Mengurangkan perasaan takut menjadi mangsa jenayah	•Omnipresence; termasuk Feet-on-Street, RELA, JPAM, Rukun Tetangga-SRS
3.1	20% daripada “Investigation Papers” (IPs) dibuka dibawa ke muka pengadilan	•IO tambahan untuk penyiasatan •Program Pengurusan Saksi •DPP khusus untuk menyemak IP, dan untuk mengendalikan perbicaraan masing-masing •Mahkamah tambahan untuk Kes Jenayah Kekerasan
3.2	Meningkatkan kepuasan orang awam terhadap prestasi polis	•Mempercepat penugasan semula PDRM •Jadual Liga Balai •Penambahbaikan Perkhidmatan Barisan Hadapan PDRM •Kesejahteraan Pegawai PDRM

5%
PENGURANGAN
JENAYAH
INDEKS
BERBANDING
2010

40%
PENGURANGAN
JENAYAH
JALANAN
BERBANDING
“BASELINE” 2009

^{1,2} Sasaran dinilai semula berikutan prestasi kukuh yang tidak dijangka pada tahun 2010

Berdasarkan kepada kejayaan yang dicapai pada tahun 2010, serta pengajaran yang dipelajari, Kementerian Dalam Negeri percaya bahawa sasaran yang disebutkan di atas mampu dicapai. Strategi pelaksanaan akan terdiri dari kaedah sedia ada disamping inisiatif baru yang akan diperkenalkan untuk menambahbaik prestasi.

Fokus untuk 2011 berpotensi untuk memperluaskan skop pengurangan jenayah dari Jenayah Jalanan kepada jenis jenayah yang termasuk pecah rumah, kecurian jentera berat dan jenayah berprofil tinggi. Selain itu, antara tema utama untuk 2011 adalah untuk mempertingkatkan prestasi barisan hadapan PDRM secara signifikan, iaitu memenuhi fokus yang berorientasikan mesra rakyat dalam pasukan polis.


Ini termasuklah, antara lain, pengambilan laporan di balai polis, kadar gerak balas untuk mengambil tindakan mengesan kes, dan layanan lebih baik dengan orang awam ketika membuat rondaan, MPV dan Kepolisan Berprofil Tinggi.

Program 4P yang diperkenalkan pada akhir tahun 2010, akan dilanjutkan dalam Pasukan Polis bertujuan untuk mempertingkatkan profesionalisme dan prestasi. Prinsip 4P menggabungkan elemen-elemen untuk menjadi pelindung, proaktif, menjaga prestasi dan mesra rakyat bagi memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada rakyat.

Sama pentingnya juga adalah pelaksanaan penilaian prestasi berkala untuk memastikan bahawa usaha sepanjang tahun berada di landasan yang betul. Seiring dengan itu, kami akan menjalankan penilaian prestasi pada setiap suku tahun, dan penemuannya akan dibuka kepada perhatian awam dalam semangat ketelusan.

Pada fasa berikutnya, kami akan mengerahkan sejumlah 8,140 polis dari tiga briged PGA (Pasukan Gerakan Am, juga dikenali sebagai General Operation Force) untuk kawasan sasaran yang mempunyai lalu lintas yang padat dan sesak di 50 kawasan hot spot. Semasa PGA ditugaskan di kawasan bandar, tentera dari angkatan bersenjata akan menggantikan tempat mereka sebagai gantian sementara sehinggalah PGA kembali ke tempat asal mereka. Penugasan 1,000 polis ke setiap negeri yang mempunyai hot spot (Penang, JB, KL dan Selangor) akan dilakukan secara bergilir-gilir. Ini akan mempamerkan kehadiran polis yang ketara dan diharapkan dapat mencegah jenayah.

Rajah 14: Memanfaatkan PGA untuk Memerangi Jenayah di Kawasan Hot Spot di Bandar



Menggalakkan ke-sukarelawanan

Untuk masa akan datang, Kerajaan sedang mempertimbangkan untuk memperkenalkan kad istimewa untuk ahli Rukun Tetangga dan manfaat lain yang akan memberikan mereka manfaat dalam hal berkaitan peruncitan. Kerajaan akan terus menggalakkan ke-sukarelawanan pada tahun 2011 dan 2012.

Mengurangkan Jenayah - Tanggungjawab Seluruh Warga Malaysia

Adalah penting untuk difahami bahawa tanggungjawab membanteras jenayah tidak hanya terletak dengan Kementerian Dalam Negeri atau PDRM. Malah ia adalah usaha pelbagai pihak yang melibatkan orang awam, media dan Kerajaan. Walaupun kadar Jenayah Indeks telah menurun 15%, masih lagi terdapat 177,520 kes yang dilaporkan pada Disember 2010. Ini menunjukkan bahawa jenayah masih berlaku.

Willie Tan,
Sea Park SS2/B,
Timbalan Pengerusi
pengawasan kejurannn

"Beberapa tahun yang lalu tak seorangpun akan berani berjalan-jalan keluar selepas jam 7 malam. Ini berbeza sekarang. Penduduk berasa jauh lebih selamat, dan ini adalah kerana polis lebih proaktif berbanding dahulu. Mereka sekarang bertindak terhadap kegiatan yang mencurigakan dalam waktu kurang dari 15 minit. Hubungan rapat yang dibentuk oleh pengawasan kejurannn dan anggota polis Sea Park telah membuktikan bahawa penduduk tidak boleh berdiam diri dan hanya berharap agar polis melindungi mereka kerana mereka menggunakan duit pembayar cukai. Saya ingin menyarankan penduduk untuk bersikap proaktif juga - cuba meronda dengan polis untuk melindungi kawasan kejurannn mereka dan tidak hanya menunggu polis untuk datang. Kita harus menjadi mata dan telinga polis."

Orang awam harus memainkan peranannya untuk lebih berwaspada, membuat laporan polis jika diperlukan dan mengambil berat apa yang berlaku di kawasan sekelilingnya. Menghadiri taklimat polis dan sesi bertemu dengan orang awam juga digalakkan kerana inilah masanya mereka berpeluang untuk membangunkan hubungan baik dan memberikan maklum balas kepada pegawai beruniform biru. Selain itu, masyarakat juga akan mendapat pemahaman yang lebih jelas mengenai cara kerja polis serta dapat membangunkan perhubungan dua hala yang lebih erat demi kepentingan membanteras jenayah.

Dengan kerjasama yang bersepadu, kita boleh bersama-sama mengatasi jenayah untuk seluruh warga Malaysia. Kerajaan telah memainkan peranannya. Kami menggesa seluruh warga Malaysia untuk turut memberikan sumbangan agar Malaysia menjadi sebuah negara yang lebih selamat dan lebih aman.



Membanteras Rasuah



Membanteras Rasuah



“ Dengan pelaksanaan inisiatif di bawah NKRA Membanteras Rasuah, Kerajaan terus memperlihatkan dedikasi ke arah menghapuskan rasuah dan gejalanya di negara ini . Keputusan Barometer Rasuah Global (*Global Corruption Barometer, GCB*) baru-baru ini mencerminkan hal yang demikian. Meskipun saya yakin bahawa kami sedang berada pada landasan yang betul, kami tidak boleh mengambil sikap cepat berpuas hati, malah kami akan terus meningkatkan usaha ke arah mencapai sasaran dan matlamat kami pada tahun 2011 ini. ”

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz
Menteri di Jabatan Perdana Menteri



Dengan Ihsan, Info Centre, Menara Star, Star Publications (Malaysia) Bhd

IMBASAN PENCAPAIAN 2010

Menangani Rasuah dari Akar Umbi

Tidak dapat dinafikan bahawa rasuah merupakan salah satu kebimbangan utama rakyat Malaysia. Jika dibiarkan berleluasa tanpa sekatan, masalah ini boleh menjadi endemik yang menular dan berakar umbi di seluruh sektor awam dan swasta serta dalam setiap lapisan masyarakat. Akibat yang malang daripada gejala rasuah ialah kerugian secara ketara mahupun tidak ketara yang akan ditanggung oleh negara.

Tinjauan Merdeka Centre mengenai Belia Kebangsaan tahun 2008 (*Merdeka Centre National Youth Survey 2008*) menunjukkan bahawa masyarakat Malaysia mengenal pasti rasuah sebagai kebimbangan utama yang perlu ditangani oleh Kerajaan. Oleh hal yang demikian, NKRA Membanteras Rasuah dan sasaran NKPI NKRA tersebut telah dibangunkan untuk membendung gelombang rasuah yang menurut tanggapan, melanda masyarakat Malaysia. Meskipun berbagai-bagai cabaran dihadapi pada tahun 2010, namun beberapa kejayaan besar juga telah berjaya diraih.

Keberhasilan Besar 2010

- Pembangunan Pangkalan Data Pesalah Rasuah “Namakan dan Malukan” dengan senarai yang mengandungi 284 pesalah – sekali gus melepasi sasaran awal sebanyak 84 nama pesalah.
- Pembangunan portal MyProcurement, yang menyenaraikan lebih 3,500 kontrak di laman sesawang dan maklumat penting lain seperti tender, tarikh diiklankan dan dianugerahkan, nilai kontrak dan pemenang tender
- Garis panduan mengenai surat sokongan, iaitu pengeluaran pekeliling yang memberikan panduan kepada kakitangan Kerajaan mengenai cara untuk menangani surat sokongan
- Pemantapan unit pematuhan di setiap lima agensi penguatkuasaan utama. Pasukan Polis Diraja Malaysia (PDRM atau Polis), Jabatan Imigresen (Imigresen), Jabatan Kastam Diraja Malaysia (Kastam), Jabatan Pengangkutan Jalan (Jabatan Pengangkutan Jalan atau JPJ) dan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) telah dimantapkan dan kesemua agensi tersabit telah menghantar pegawai dari unit pematuhan masing-masing untuk dilatih secara berpusat oleh SPRM
- Pengenalan Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 (*Whistleblower Protection Act 2010*)
- Mempercepat perbicaraan kes rasuah dengan penubuhan 14 Mahkamah Sesyen Khas Rasuah dan empat Mahkamah Tinggi Khas Rasuah serta pindaan terhadap Kanun Prosedur Jenayah (*Criminal Procedure Code, CPC*) untuk menyegerakan perbicaraan
- Perlaksanaan *Integrity Pacts* (IP) melalui arahan Kementerian Kewangan
- Penggunaan kamera televisyen litar tertutup di kawasan pemeriksaan utama Kastam dan Imigresen



Dengan Ihsan, Info Centre, Menara Star, Star Publications (Malaysia) Bhd

Sebahagian langkah-langkah ini merupakan yang pertama seumpamanya dilaksanakan di Malaysia bertujuan menjadikan negara kita setaraf dengan negara maju. Langkah ini akan meningkatkan kedudukan kita di persada antarabangsa, dan yang lebih penting lagi, ia bakal menyediakan asas yang kukuh yang membolehkan Kerajaan melaksanakan langkah yang selanjutnya bagi menangani isu rasuah.



Dengan Ihsan, Info Centre, Menara Star, Star Publications (Malaysia) Bhd

TINJAUAN KESELURUHAN

Rasuah dan Persepsi Umum

Berbanding dengan jenayah lain, terutamanya jenayah fizikal yang melibatkan orang atau harta, rasuah berlaku dalam keadaan yang kurang ketara, dan apabila ia berlaku, sering kali ia sukar untuk dikesan. Justeru, rasuah juga lebih rumit untuk diukur dan dinyatakan kuantitinya secara empirik. Berdasarkan hal yang demikian, beberapa pakar antarabangsa utama merujuk persepsi rasuah sebagai ukuran yang sesuai bagi rasuah, dan secara khususnya oleh Indeks Persepsi Rasuah Transparency International (*Corruption Perception Index, CPI*). Sejak bertahun-tahun, *CPI Transparency International* menjadi ukuran yang semakin penting dan menonjol sebagai yang diiktiraf pada peringkat antarabangsa.

Berdasarkan skor dan kedudukan Malaysia dalam Indeks Persepsi Rasuah Transparency International dalam tempoh satu dekad yang lalu, terdapat persepsi dalam komuniti perniagaan antarabangsa dan pakar-pakar negara bahawa rasuah mencatatkan peningkatan secara beransur-ansur di Malaysia. Hal ini dicerminkan oleh skor CPI negara yang merosot daripada 5.28 pada tahun 1995 kepada 4.5 pada tahun 2009.

Demikian juga, persepsi rasuah di kalangan rakyat semakin merosot, dengan tinjauan *Global Corruption Barometer* oleh Transparency International menunjukkan bahawa pada tahun 2009, hanya 28% daripada rakyat berpendapat bahawa usaha Kerajaan dalam membanteras rasuah adalah berkesan, berbanding dengan 53% pada tahun 2007.

Sebagai menyahut seruan orang ramai untuk menangani isu dan kebimbangan ini disamping membendung peningkatan persepsi rasuah di dalam negara, Kerajaan telah menjadikan usaha membanteras rasuah sebagai satu daripada prioriti utamanya, dengan memasukkan NKRA “Membanteras Rasuah” di bawah GTP.

Dengan menangani rasuah secara khusus melalui NKRA, tahap tumpuan dan sumber yang sewajarnya boleh digunakan untuk mengatasi masalah ini, dan pada masa yang sama menggerakkan pelbagai inisiatif untuk menangani senario yang sedia ada ini secara berkesan.

Sejak memulakan inisiatif ini, NKRA Membanteras Rasuah dan usaha tersendiri lain oleh Kerajaan telah mula menghasilkan sentimen yang semakin positif daripada pelbagai pihak yang berkepentingan.

Semasa pelancaran keputusan *Global Corruption Barometer* 2010 pada bulan Disember, Presiden Transparency International Malaysia, Datuk Paul Low menyatakan bahawa semakin ramai rakyat Malaysia melihat bahawa langkah mencegah rasuah yang dilaksanakan oleh Kerajaan adalah berkesan. Tinjauan tersebut, yang melibatkan 1,000 orang di seluruh negara, melaporkan bahawa 48% berpendapat bahawa langkah Kerajaan untuk membanteras rasuah adalah berkesan manakala 32% bersikap neutral terhadap perkara ini sementara 20% lagi merasakan bahawa tindakan yang diambil oleh Kerajaan adalah tidak berkesan.

Datuk Low menyokong inisiatif yang disyorkan oleh Kerajaan untuk membanteras rasuah, dan beliau yakin bahawa inisiatif Kerajaan itu telah menyumbang kepada persepsi yang positif oleh orang ramai meskipun hakikatnya Kerajaan tidak memenuhi sasaran 4.9 untuk skor CPInya. Beliau menekankan bahawa skor Malaysia pada masa ini, iaitu 4.4 adalah hampir sama dengan paras 4.5 yang dicapai pada tahun lepas.



“Keputusan 48% ini merupakan pemulihan yang drastik berbanding tahun 2009 yang menunjukkan hanya 28% berpendapat bahawa tindakan yang diambil Kerajaan adalah berkesan, sementara 6% berpendirian neutral dan 67% menganggap bahawa langkah diambil oleh Kerajaan sebagai tidak berkesan. Jumlah 48% ini telah melebihi sasaran indeks prestasi utama Kerajaan (KPI) iaitu 37%.”

Datuk Paul Low
Presiden Transparency International Malaysia

OBJEKTIF NKRA MEMBANTERAS RASUAH 2010

NKPI 2010

Sub-bidang dalam NKRA

Pada tahun 2010, bidang yang berikut telah dikenal pasti sebagai bidang utama yang perlu ditangani:

- Persepsi negatif terhadap agensi pengawalseliaan dan penguatkuasaan. Polis, Kastam, Imigresen dan JPJ merupakan agensi Kerajaan Persekutuan yang mencatatkan bilangan kes rasuah tertinggi di bawah siasatan SPRM. Malah, jabatan-jabatan ini juga memperoleh skor integriti persepsi yang terendah di kalangan warga perniagaan dan orang ramai. Selain keempat-empat agensi itu, SPRM sendiri dipantau dan diperhatikan oleh orang ramai.
- Persepsi negatif terhadap amalan perolehan Kerajaan, yang mana terdapat hanya sedikit kesedaran mengenai amalan yang membawa kepada pembuatan keputusan yang mantap, berasaskan merit dan ekonomi.



Dengan Ihsan, Info Centre, Menara Star, Star Publications (Malaysia) Bhd

- Persepsi bahawa rasuah dalam kalangan individu yang berkuasa dan berpengaruh tidak akan menerima hukuman, atau hukuman yang dikenakan pula dilihat tidak memadai bagi mereka yang mempunyai kuasa dan pengaruh.

Tahun 2010 menyaksikan beberapa sasaran NKPI telah ditetapkan untuk menangani isu-isu ini selain menambah baik persepsi terhadap rasuah di Malaysia (mengikut skor CPI Transparency International) dan keberkesanan tindakan Kerajaan dalam membanteras rasuah (mengikut tinjauan *Global Corruption Barometer Transparency International*). Sehubungan dengan itu, beberapa sasaran NKPI telah ditetapkan di bawah NKRA Membanteras Rasuah dan dikelompokkan di bawah tiga bidang utama dengan matlamat dan inisiatif khusus:

Jadual 1: Tiga Sub-bidang NKRA Membanteras Rasuah

	Penguatkuasaan Undang-Undang dan Agensi Pengawalseliaan	Perolehan Kerajaan	Rasuah Besar
Matlamat	- Hukuman lebih berat dan penguatkuasaan yang berkesan terhadap rasuah oleh pegawai Kerajaan - Meningkatkan sistem penyampaian keadilan bagi kes-kes rasuah	- Mengurangkan ketirisan dana awam - Ketelusan dan akauntabiliti lebih baik dalam penganugerahan dan pelaksanaan kontrak	- Meraih semula keyakinan orang ramai terhadap agensi penguatkuasaan undang-undang - Mengurangkan peluang bagi penyalahgunaan kuasa oleh wakil penguatkuasaan undang-undang
Inisiatif	Contohnya memperkukuh dan memberi kuasa kepada unit pematuhan	Contoh: menjelaskan parameter surat sokongan Contoh: menzahirkan perincian kontrak perolehan Kerajaan	Contohnya usaha untuk menyelesaikan pendakwaan kes rasuah dalam tempoh setahun, terutamanya bagi kes yang melibatkan kepentingan orang ramai.

Penguatkuasaan Undang-Undang dan Agensi Pengawalseliaan

Bagi memastikan keberkesanan penguatkuasaan undang-undang dan agensi pengawalseliaan dalam melaksanakan tugas dan kewajipan mereka, agensi yang berkenaan akan dinilai berdasarkan kejayaannya dalam memenuhi perkara yang berikut:

- Bilangan saman yang telah diselesaikan berbanding bilangan saman yang dikeluarkan (JPJ).



Dengan Ihsan, Info Centre, Menara Star, Star Publications (Malaysia) Bhd

- Bilangan saman yang dikeluarkan bagi setiap jam operasi (Trafik PDRM)¹.
- Bilangan kes yang didakwa berbanding bilangan penangkapan dan penahanan di bawah Undang-undang Imigresen².
- Cukai yang boleh dituntut terhadap barangan dan perkhidmatan yang tidak diisytiharkan dengan sewajarnya (underdeclared)³.
- Bilangan kes yang didakwa berbanding dengan bilangan penangkapan (kertas siasatan) bagi kesalahan mengedar dan memiliki dadah di bawah Akta Dadah Berbahaya⁴.

Perolehan Kerajaan

Untuk mengurangkan salah tadbir dalam proses perolehan Kerajaan, Indeks Akauntabiliti Perolehan (*Procurement Accountability Index*) telah diwujudkan dan kemajuannya diukur menerusi bilangan Kementerian yang memperoleh skor melebihi 90%⁵.

^{1,2,3,4} Ini merupakan NKPI yang telah disemak. Sila rujuk halaman 103 - 105: "Pencapaian Agensi Pengawalseliaan dan Penguatkuasaan"

⁵ Ini merupakan NKPI yang telah disemak. Sila rujuk halaman 102: "Akauntabiliti Perolehan"

Rasuah Besar

Untuk meningkatkan kepantasan dan keberkesanan pengesanan, pendakwaan dan hukuman terhadap rasuah, tumpuan diberikan kepada peratusan perbicaraan rasuah yang berjaya diselesaikan dalam tempoh setahun dan bilangan orang yang disenaraikan dalam pangkalan data SPRM yang mengandungi pesalah yang disabitkan.

Pada tahun 2010, kami juga menyasarkan untuk meningkatkan skor Indeks Persepsi Rasuah Malaysia daripada 4.5 kepada 4.9 dan meningkatkan peratusan responden yang bersetuju bahawa tindakan Kerajaan dalam membanteras rasuah adalah berkesan dalam Transparency International Global Corruption Barometer daripada 28% kepada 37%.

Melalui proses yang berterusan dan berulang-ulang untuk memurnikan dan melaksanakan inisiatif NKRA, selain interaksi yang berterusan dengan agensi-agensi utama yang bertanggungjawab terhadap NKRA, didapati bahawa bukan semua NKPI yang telah dikenal pasti pada awalnya dalam Pelan Hala Tuju GTP Roadmap merupakan yang paling sesuai atau wajar untuk mengukur hasil yang dihasratkan. Sehubungan dengan itu, NKPI telah dimurnikan seperti yang berikut:

Jadual 2: Pemurnian terhadap KPI 2010 Asal *

Bidang Tumpuan	KPI dalam Pelan Hala Tuju	Tempoh KPI 2010	Garis Dasar	Sasaran 2010
Persepsi Orang Ramai	Skor CPI Transparency International	-	4.5	4.9
	Global Corruption Barometer TI	-	28%	37%
Agensi Pengawalseliaan dan Penguatkuasaan	Bilangan kes yang didakwa berbanding dengan bilangan yang ditangkap kerana mengedar dan memiliki dadah di bawah Akta Dadah Berbahaya	Bilangan dakwaan dikemukakan berbanding dengan bilangan penangkapan (kertas siasatan) bagi perbuatan mengedar dan memiliki dadah di bawah Akta Dadah Berbahaya	75%	80%

* Semakan telah dibuat pada tahun 2010 terhadap KPI yang dikenal pasti dalam Pelan Hala Tuju GTP

Bidang Tumpuan	KPI dalam Pelan Hala Tuju	Tempoh KPI 2010	Garis Dasar	Sasaran 2010
Agensi Penguat Kuasaan Undang-undang	Bilangan saman yang diselesaikan berbanding jumlah saman dikeluarkan untuk JPJ	-	60%	78%
	Bilangan saman yang diselesaikan berbanding jumlah saman dikeluarkan untuk Trafik PDRM	Bilangan saman yang dikeluarkan berbanding jumlah jam operasi	10	10
	Bilangan kes didakwa berbanding bilangan penangkapan dan penahanan di bawah Undang-Undang Imigresen	-	53%	60%
	Cukai yang didapatkan semula daripada barangan yang diisytiharkan di bawah nilai sebenar	Cukai yang boleh dituntut terhadap barangan dan perkhidmatan yang tidak diisytiharkan sewajarnya	118 juta	186 juta
Perolehan Kerajaan	Bilangan penemuan audit berkaitan dengan salah tadbir perolehan Bagi setiap kementerian yang disampelkan	Bilangan Kementerian yang memperoleh skor lebih 90% berdasarkan Indeks Akauntabiliti Perolehan	-	13
Rasuah besar	Peratus percikaraan yang diselesaikan dalam setahun	-	8.5%	30%

Untuk mendapatkan maklumat penuh mengenai semakan, pindaan, sasaran dan garis dasar untuk tahun 2011, sila rujuk halaman 102 - 110 Laporan Tahunan ini.

PESERTA UTAMA

Tidak seperti beberapa NKRA yang lain, yang memadai dengan penetapan sebuah kementerian tertentu sebagai pihak berkuasa tunggal yang diperlukan untuk memacu inisiatif, NKRA membanteras rasuah memerlukan kolaborasi daripada pelbagai kementerian dan agensi. Pada akhir sesi makmal selama enam minggu mengenai rasuah yang melibatkan kakitangan Kerajaan atasan dan wakil daripada sektor swasta dan awam, sejumlah 26 pihak yang berbeza daripada Kementerian Persekutuan, agensi dan suruhanjaya telah disenaraikan sebagai diperlukan untuk memainkan beberapa peranan (bermula dengan peranan perundangan hingga kepada menjadi pemilik projek yang kompleks).

Memandangkan inisiatif NKRA adalah merentas bidang kuasa (*cross-jurisdictional*) dan perlu dilaksanakan di setiap agensi atau kementerian yang terlibat, sebuah pasukan NKRA yang merentas fungsi (*cross-functional*) perlu dibentuk untuk menguruskan inisiatif tersebut.

Walau bagaimanapun, tiada satu pun Kementerian mempunyai bidang kuasa yang menyeluruh terhadap pencegahan rasuah sebagai isu khusus, dan dengan itu boleh menempatkan kumpulan NKRA Membanteras Rasuah ini. Namun, sebuah entiti yang sedia ada perlu bagi menempatkan kumpulan NKRA ini untuk memanfaatkan infrastruktur logistik dan pentadbiran yang sedia ada.

Setelah banyak pertimbangan dilakukan dan susulan penempatan awal kumpulan NKRA Membanteras Rasuah di Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang di Jabatan Perdana Menteri, SPRM telah dikenal pasti sebagai entiti yang paling sesuai untuk menjadi tuan rumah kepada unit NKRA ini.

Bermula di SPRM, kumpulan NKRA berganding bahu dengan entiti yang berikut melaksanakan inisiatif yang menjadi tumpuan utama bagi usaha pada tahun 2010:

Jadual 3: Inisiatif dan Pihak Berkepentingan Relevan Utama tahun 2010

Bil.	Inisiatif	Projek	Agensi/ Kementerian Berkenaan
1.	Hukuman yang lebih berat terhadap pemberi dan penerima rasuah	Meminda Perintah Am Disiplin Kakitangan Awam	SPRM Jabatan Peguam Negara (AGC) - Pembaharuan Undang-Undang JPA - Perkhidmatan

Bil.	Inisiatif	Projek	Agensi/ Kementerian Berkenaan
2.	Membentuk pangkalan data pesalah rasuah yang boleh diakses oleh orang ramai	Pangkalan data Pesalah Rasuah	SPRM - ICT SPRM - Jabatan Pengurusan Integriti
3.	Menyelesaikan pendakwaan kes rasuah dalam tempoh setahun	Mahkamah Rasuah Tambahan	JPN Mahkamah Persekutuan Bhg. Hal Ehwal Undang-Undang
		Arahan Pendakwa raya Awam untuk menyelesaikan kes dalam masa setahun	JPN
		Akta “Perbicaraan Pantas”	JPN
4.	Akta Perlindungan Pemberi Maklumat	Membentuk Rangka Kerja Akta Perlindungan Pemberi Maklumat (garis panduan, SOP, dsb.)	JPN SPRM Polis Kastam Imigresen JPJ Bhg. Hal Ehwal Undang-Undang
5.	Pembiayaan Politik	Pindaan kepada peraturan untuk menggalakkan masyarakat mempunyai akauntabiliti yang lebih besar untuk pembiayaan parti	SPRM RoS IIM EC MoF

Bil.	Inisiatif	Projek	Agensi/ Kementerian Berkenaan
6.	Menerbitkan anugerah kontrak Kerajaan termasuk butiran relevan seperti jumlah kontrak dan maklumat mengenai pemenang bidaan	Mereka bentuk dan membangunkan laman sesawang	MoF MAMPU
		Pekeliling untuk mengarahkan	MoF
		Semua Kementerian menyalurkan butiran perolehan kepada MoF Pelaksanaan di semua Kementerian	Kementerian Berkenaan
7.	Pekeliling kepada kakitangan awam untuk membimbing mereka tentang bagaimana mengendalikan surat sokongan	Mendraf surat pekeling/ arahan dan memastikan pematuhan	SPRM MAMPU JPN JPA MoF
8.	Memperkasakan Unit Pematuhan di semua badan pengawalseliaan dan agensi penguatkuasaan	Memperkasakan Unit Pematuhan	JPA SPRM Polis Polis Imigresen JPJ
9.	<i>Integrity Pact</i> untuk perolehan Kerajaan	Untuk melaksanakan <i>Integrity Pact</i> yang mana kedua-dua pihak terlibat dengan kontrak Kerajaan berjanji untuk tidak terlibat dalam rasuah	MoF EPU Semua Kementerian/ Agensi Berkenaan

Inisiatif NKRA Membanteras Rasuah telah dimulakan pada awal tahun 2010, dengan mesyuarat dipengerusikan oleh unit NKRA atau pemilik projek yang berkaitan. Bertitik tolak dari situ, mesyuarat susulan telah diadakan untuk meneruskan interaksi dan hubungan dengan pemilik projek atau pelaksana. Hal ini merangkumi mesyuarat rasmi dan perbincangan isu merentas bidang kuasa dan hala tuju, hinggalah kepada sesi tidak rasmi untuk mengenal pasti dan menangani hambatan harian.



Jika masalah tidak dapat diselesaikan di peringkat agensi dengan bantuan unit NKRA, Mesyuarat Penyelesaian Masalah (*Problem Solving Meeting - PSM*) bulanan digunakan untuk berbincang dan mencapai persetujuan mengenai penyelesaian yang mungkin, dan jika perlu, isu-isu merentas Kementerian dibangkitkan dan resolusi dipersetujui semasa mesyuarat bulanan Pasukan Petugas Khas Penyampaian (*Delivery Task Force Meeting - DTF*). Selain itu, mesyuarat penyelarasan bulanan dipengerusikan oleh SPRM, untuk membolehkan unit NKRA dan PEMANDU memantau inisiatif yang berterusan dan mengenal pasti langkah yang seterusnya untuk memudahkan kemajuan setiap inisiatif.



Tan Sri Lim Wee Chai
Pengerusi,
Top Glove Corporation

"Tahap rasuah di Malaysia masih agak tinggi berbanding dengan negara-negara jiran kita. Dari sudut yang positif, saya melihat bahawa sudah terdapat pelbagai inisiatif Kerajaan sejak setahun yang lalu untuk membasmi rasuah ... Ini termasuk pendedahan kepada orang setiap rancangan perolehan Kerajaan dan penswastan kontrak serta pembaharuan terhadap sistem politik."

Sejajar dengan kitaran penglibatan dan interaksi untuk memantau inisiatif tersebut, Unit NKRA dan PEMANDU berganding bahu dengan pelbagai agensi penting yang bertanggungjawab terhadap setiap NKPI untuk membincangkan data yang perlu dilaporkan mengenai NKPI, selain masalah dan isu operasi yang berkaitan dengan data tersebut dan kesesuaian data untuk tujuan penjejakan dan pelaporan.

INISIATIF

Susulan rancangan yang telah ditetapkan dalam Pelan Hala Tuju GTP dan sepanjang tahun 2010, inisiatif ini telah dikenal pasti untuk menangani isu-isu yang tertentu:

Untuk Meningkatkan Semula Keyakinan Orang Ramai terhadap Agensi Pengawalseliaan dan Penguatkuasaan

Hilangnya keyakinan orang ramai terhadap agensi pengawalseliaan dan penguatkuasaan boleh ditangani dengan memastikan bahawa rasuah tidak mempengaruhi para pegawai agensi-agensi ini serta menghalang mereka daripada menjalankan tugas dan kewajipan mereka dengan berkesan.

Inisiatif Utama Pertama: Untuk memperkukuh dan memperkasakan unit pematuhan

Unit pematuhan jabatan khusus dalam agensi pengawalseliaan dan penguatkuasaan perlu diwujudkan dan diperkukuh untuk meningkatkan keberkesanannya. Agensi dan jabatan yang berkaitan ialah Polis (Siasatan Jenayah), Siasatan Jenayah Komersial, Narkotik, dan Keselamatan Dalam Negeri dan Ketenteraman Awam, Kastam (Bahagian Penguatkuasaan dan Kastam), Imigresen (Penguatkuasaan, Pekerja Asing, Visa Pas dan Permit, Pasport dan Keselamatan) dan JPJ (Penguatkuasaan).

Untuk Mengurangkan Ketirisan Dalam Proses Perolehan Kerajaan

Hasil daripada *Tinjauan Malaysian Transparency Perception Survey 2007* oleh Merdeka Center menunjukkan bahawa orang ramai mempunyai persepsi berhubung dengan kurangnya ketelusan dalam proses perolehan pada masa ini, atau sistem yang digunakan untuk menganugerahkan projek Kerajaan yang besar. Sebanyak 54% responden daripada orang ramai dan 71% daripada sektor korporat percaya bahawa 'tidak terdapat ketelusan atau keterbukaan' dalam sistem perolehan Kerajaan.

Kerajaan telah bertekad untuk mengurangkan ketirisan dana yang diperuntukkan untuk pembangunan negara dan perbelanjaan operasi selain memastikan ketelusan dalam penganugerahan kontrak. Oleh hal yang demikian, beberapa objektif dan sasaran telah ditetapkan untuk tahun 2010.

Inisiatif Utama Kedua: Untuk menentukan parameter surat sokongan

Kerajaan menyasarkan untuk menangani amalan surat sokongan, memandangkan amalan tersebut dianggap kerap digunakan untuk memberikan tekanan terhadap kakitangan Kerajaan bagi mengelakkan dasar dan proses Kerajaan dalam mendapatkan kontrak, sekali gus membawa kepada penganugerahan yang bukan berasaskan merit.

Justeru, arahan telah dikeluarkan kepada kakitangan Kerajaan untuk tidak mengendahkan surat sokongan yang tidak wajar ini selain tidak perlu berasa tertekan untuk membuat keputusan berdasarkan surat sokongan, tetapi berdasarkan merit kes yang ada.

Inisiatif Utama Ketiga: Untuk menzahirkan butir-butir kontrak perolehan Kerajaan

Sudah terdapat keperluan terhadap penzahiran dalam proses perolehan Kerajaan, yang dengannya semua keputusan tender hendaklah dimaklumkan kepada orang ramai di setiap laman sesawang agensi pelaksana dan juga portal Kerajaan. Walau bagaimanapun, pematuhan pendedahan adalah tidak ketat dan capaian kepada maklumat adalah sukar diperolehi. Untuk mengatasi perkara ini, Kerajaan telah merancang cara untuk memastikan maklumat tersebut dizahirkan dalam bentuk yang lebih mudah diakses, termasuk:

- Butir-butir mengenai projek yang dianugerahkan termasuk nama kontraktor yang berjaya, jumlah kontrak dan tempoh projek
- Proses perolehan termasuk proses perolehan utama untuk tender (terbuka dan terpilih), sebut harga dan pembelian langsung selain garis panduan pemilihan jawatankuasa tender dan kriteria penilaian dan kod etika.

Menangani Rasuah Besar

Pada peringkat institusi, rasuah pada semua peringkat perlu ditangani, bukan sahaja yang berkaitan dengan pengalaman harian rakyat, bahkan juga dalam sistem keadilan jenayah.

Datuk Seri Abu Kassim Mohamed,
Ketua Pesuruhjaya,
Suruhanjaya Pencegahan
Rasuah Malaysia (SPRM)

"Meskipun SPRM menerajui usaha membanteras rasuah, namun keberkesanan yang sebenar memerlukan setiap orang memainkan peranan - termasuk Kerajaan, rakyat serta warga perniagaan. Usaha di bawah NKRA Rasuah yang menghimpunkan pelbagai elemen untuk membanteras jenayah rasuah, merupakan langkah yang hebat dan pada hala tuju yang betul."

Inisiatif Utama Keempat: Untuk menguatkuasakan undang-undang politik sedia ada dan menjalankan kajian bagi mengubah suai pembiayaan politik

Untuk meningkatkan akauntabiliti proses pembiayaan politik, kerja telah disyorkan untuk meningkatkan ketelusan pembiayaan parti politik, melalui keperluan di bawah Akta Pertubuhan 1966.

Inisiatif Utama Kelima: Untuk mengumumkan dasar toleransi sifar yang disokong oleh rangka kerja perlindungan pemberi maklumat yang kukuh

Untuk menyokong komitmen Kerajaan memerangi rasuah, sebuah rangka kerja yang komprehensif untuk melindungi pemberi maklumat, yang terdiri daripada perundangan yang kukuh dan mekanisme pelaksanaan yang berkesan, perlu diwujudkan.

Inisiatif Utama Keenam: Untuk memperkukuh kebebasan institusi utama

Pelan Hala Tuju GTP telah meminta kajian dijalankan untuk mengkaji usaha mengukuhkan keberkesanan institusi utama seperti Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman (JAC), Jabatan Audit Negara dan SPRM dengan mengkaji ciri-cirinya seperti kebebasan. Oleh hal yang demikian, kajian telah dirancang untuk tahun 2011 bagi memajukan syor untuk mencapai tujuan ini.

Inisiatif Utama Ketujuh: Berusaha untuk menyelesaikan pendakwaan kes rasuah dalam masa setahun, terutamanya kes yang melibatkan kepentingan orang ramai.

Sasaran yang ditetapkan oleh Kerajaan untuk menyelesaikan kes rasuah di mahkamah adalah setahun, berbanding dengan masa purata yang dikenal pasti pada akhir tahun 2009, iaitu selama lapan setengah tahun untuk perbicaraan dan rayuan. Pelan Hala Tuju GTP menyatakan bahawa perbicaraan dan rayuan yang memakan masa yang lama ini telah meningkatkan kemungkinan saksi penting menghilangkan diri atau membelot, atau bukti terjejas.

Selaras dengan tujuan ini, penubuhan 14 Mahkamah Sesyen Rasuah Khas dan empat Mahkamah Tinggi Rasuah Khas telah dirancang bagi tahun 2010.

Inisiatif Utama Kelapan: Menguatkuasakan hukuman yang lebih berat

Semasa analisis dijalankan pada akhir tahun 2009 untuk mencari punca akar umbi rasuah, hipotesis yang wujud adalah bahawa hukuman bagi amalan rasuah tidak mencukupi untuk mencegah berlakunya jenayah itu. Pendapat awal menyatakan bahawa hukuman berkanun di bawah undang-undang


terhadap jenayah rasuah perlu disemak supaya hukuman minimum yang lebih berat dikenakan, akan tetapi kajian lanjut yang dijalankan pada tahun 2010 mendapati bahawa yang demikian tidak akan memberikan impak yang diperlukan, kerana hukuman minimum tidak dilihat sebagai suatu petanda bagi sistem perundangan yang progresif selain ia cenderung untuk membuatkan pesalah itu mengelakkan diri daripada mengaku salah.

Walau bagaimanapun, kajian juga mendapati bahawa dalam konteks tindakan yang diambil terhadap kakitangan Kerajaan yang didapati melakukan amalan rasuah tetapi tiada bukti yang mencukupi untuk disabitkan dengan kesalahan tersebut, kakitangan Kerajaan tersebut hanya menerima amaran sama ada melalui surat atau secara lisan.

Justeru, Kerajaan menyasarkan untuk memperkenalkan hukuman yang lebih berat atas kesalahan rasuah dalam perkhidmatan awam melalui pentadbiran sumber manusianya.

Inisiatif Penting Kesembilan: Membangunkan pangkalan data pesalah “namakan dan malukan”

Sebagaimana inisiatif untuk mengenakan hukuman yang lebih berat, pencegahan yang lebih keras diperlukan untuk membanteras rasuah. Banyak pihak bersetuju bahawa dengan memperkenalkan senarai “namakan dan malukan” bagi pesalah rasuah yang disabitkan bukan sahaja akan mewujudkan tekanan masyarakat yang sewajarnya untuk mencegah orang daripada mengamalkan rasuah, tetapi ia juga akan menjadi titik rujukan yang berharga dan sumber maklumat bagi para majikan dan orang ramai.



KEJAYAAN DAN PENCAPAIAN

Keputusan keseluruhan sasaran NKPI yang ditetapkan untuk tahun 2010 ditunjukkan dalam jadual di bawah.

Jadual 4: Pencapaian bagi Penunjuk Prestasi Utama Negara 2010


Bil.	NKPI	Sasaran 2010	Keputusan Sebenar	Catatan	Lampu Trafik
1.	Bilangan Kementerian mencatat skor lebih 90% dalam Indeks Akauntabiliti Perolehan	13	14		
2.	Bilangan kes didakwa berbanding Bilangan tangkapan (Kertas Siasatan) atas kesalahan mengedar dan memiliki dadah di bawah DDA	80%	79.9%		
3.	Bilangan kes didakwa berbanding Bilangan tangkapan dan penahanan di bawah Undang-Undang Imigresen	60%	36.2%	Kes kompaun juga dijejak untuk mencerminkan dasar Imigresen*	
4.	Bilangan orang dalam pangkalan data pesalah yang disabitkan	84	284 ⁶		
5.	Bilangan saman dikeluarkan berbanding Jumlah jam operasi	10	10.5		

* Sila rujuk halaman 102

⁶ Dalam penilaian, 299 kes didapati tersedia untuk dimuat naik bagi tahun 2010 tetapi disebabkan oleh maklumat yang tidak lengkap, sehingga 31 Disember 2010, 284 kes telah dimuat naik. Ini kemudiannya telah dikemaskinikan.

Bil.	NKPI	Sasaran 2010	Keputusan Sebenar	Catatan	Lampu Trafik
6.	Bilangan saman diselesaikan berbanding bilangan saman dikeluarkan oleh JPJ	78%	47% ⁷		
7.	Peratusan perbicaraan yang diselesaikan dalam tempoh setahun	30%	36.8%		
8.	Indeks Persepsi Rasuah TI	4.9	4.4		
9.	Tinjauan Global Corruption Barometer terhadap tindakan Kerajaan untuk membanteras rasuah. Peratusan yang memberikan jawapan: “berkesan”	37%	48%		
10.	Cukai yang boleh dituntut terhadap barangan dan perkhidmatan yang tidak diisytiharkan sewajarnya	RM186 juta	RM175 juta		

⁷ Ini berdasarkan angka dari Jun hingga Disember 2010 sehalu kerana sistem pengurusan data yang dikemas kini telah membolehkan bilangan sebenar saman yang dijelaskan daripada saman yang dikeluarkan untuk dikesan mulai Jun. Dengan menggunakan jumlah bilangan saman terkumpul dan jumlah saman dijelaskan, tanpa mengira bila ia dikeluarkan, mulai Januari, angka yang sepatutnya ialah 57.7%.



Unit NKRA dan PEMANDU berganding bahu dengan agensi utama yang bertanggungjawab terhadap setiap NKPI untuk membincangkan langkah-langkah yang diperlukan untuk melaksanakan dan menjayakan inisiatif serta memantau data yang perlu untuk memberikan pelaporan mengenai NKPI. Semua pihak juga giat berusaha untuk menyelesaikan masalah dan isu operasi berkaitan dengan pelancaran rancangan pelaksanaan dan menyemak semula proses pengumpulan data serta kesesuaian data yang dipilih untuk pemantauan dan pelaporan pencapaian.

Untuk Memulihkan Semula Keyakinan Orang Ramai terhadap Agensi Pengawalseliaan dan Penguatkuasaan

Memperkasakan unit pematuhan dalam setiap agensi penguatkuasaan

Inisiatif untuk penubuhan unit pematuhan dalam setiap agensi penguatkuasaan telah menyebabkan lima agensi penguatkuasaan penting (Polis, Kastam, Imigresen, JPJ dan SPRM) memantapkan unit pematuhan dan menghantar para pegawai untuk menjalani latihan berpusat yang diadakan oleh Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia (MACA). *Integrity Testing Unit* telah diadakan pada 1 hingga 3 November 2010 dan telah dikendalikan oleh Profesor Dr. Michel Girodo, bekas ahli *Interpol Group of Experts on Corruption* (IGEC). Pada 2 Ogos 2010, MACA telah melancarkan latihan untuk Pegawai Integriti Bertauliah (CeLO).



Dengan Ihsan, Info Centre, Menara Star, Star Publications (Malaysia) Bhd

Penggunaan kamera televisyen litar tertutup (CCTV)

Agensi penguatkuasaan juga telah menggunakan teknologi untuk membanteras rasuah dengan memasang CCTV di tempat pemeriksaan “hotspot” Kastam dan Imigresen bagi memastikan para pegawai mematuhi prosedur dan menguatkuasakan undang-undang. Kemajuan inisiatif ini akan terus dipantau dan kedua-dua agensi ini perlu membuat pelaporan sebaik sahaja CCTV beroperasi secara dalam talian, dan SPRM akan memeriksa bilik kawalan dari masa ke semasa.

Pusingan kerja (rotation) dalam “kerja berisiko rasuah” (“hot jobs”)

Untuk mengurangkan risiko kejadian rasuah, kakitangan dalam bidang kerja berisiko rasuah (“hot jobs”), atau mereka yang ditempatkan bekerja dalam bidang berisiko rasuah tinggi kini digilirkan secara kerap untuk mengelakkan terbentuknya hubungan yang tidak sihat dan untuk mengukuhkan tadbir urus dan nilai yang baik.

Pihak kastam telah melaksanakan program yang berjaya, di mana mereka yang dikategorikan pekerja berisiko rasuah atau “hot staff” tidak akan ditempatkan di “kawasan berisiko rasuah” (“hot spot”) atau diberikan tugas berisiko rasuah (“hot jobs”). Sistem e-Penempatan akan terus menjejak setiap kakitangan Kastam dan akan mewujudkan mekanisme untuk menyerlahkan setiap kakitangan berisiko rasuah dan menjejak tempoh perkhidmatan kakitangan di “kawasan berisiko rasuah”. Mana-mana kakitangan yang ditempatkan di “kawasan berisiko rasuah” tertentu lebih daripada tiga tahun akan dikenal pasti untuk dipindahkan.

Pengukuhan Institusi Utama

Perbincangan awal telah diadakan berkaitan dengan inisiatif untuk mengkaji pengukuhan institusi utama, sebagai persediaan untuk kajian yang bersesuaian dilaksanakan sebagaimana yang dirancang pada tahun 2011. Penandaan aras dan analisis awal yang berkaitan dengan pengukuhan SPRM mendapati bahawa pada masa ini, tumpuan hendaklah diberikan terhadap mentransformasikan dan meningkatkan operasi SPRM. Justeru, pembentukan fungsi Pengarah Pendakwaan luaran dalam SPRM didapati bukanlah langkah yang utama dan penting. Walau bagaimanapun, berdasarkan penilaian awal, bahagian tumpuan yang perlu dibangunkan pada tahun 2011 adalah terhadap peningkatan yang berkaitan dengan pengukuhan fungsi Juruaudit Negara.

Untuk Mengurangkan Ketirisan dalam Proses Perolehan Kerajaan

Portal MyProcurement

Pada 1 April 2010, Kerajaan telah melancarkan laman sesawang untuk menangani ketelusan dalam perolehan Kerajaan. Portal yang menyasarkan matlamat untuk menjadi pusat maklumat perolehan Kerajaan ini dikenali sebagai portal MyProcurement dan boleh diakses di <http://myprocurement.treasury.gov.my/>.

Pada akhir tahun 2010, Portal telah menyenaraikan lebih 3,500 kontrak di laman sesawang tersebut yang menyatakan maklumat mengenai tender yang diiklankan dan dianugerahkan, termasuk tarikh, nilai kontrak dan pemenang tender. Portal itu juga memaparkan maklumat lain berkaitan dengan perolehan, seperti dasar dan prinsip perolehan Kerajaan. Ia telah membantu mewujudkan penghayatan akauntabiliti yang lebih mendalam terhadap perbelanjaan Kerajaan dan membantu mewujudkan ketelusan dan akauntabiliti dalam perolehan Kerajaan.

Projek penswastaan juga sedang menjalankan prosedur penzahiran yang serupa dengan pelancaran portal MyPartnership pada 25 Ogos 2010. Hal ini bertujuan meningkatkan ketelusan Unit Kerjasama Awam Swasta (UKAS).



my PROCUREMENT
PUSAT MAKLUMAT PEROLEHAN KERAJAAN
KEBERSEKUTAN KERAJAAN MALAYSIA



Laman Utama



"Objektif perolehan kerajaan adalah untuk memastikan setiap perolehan Kerajaan berjalan bersempadan dengan nilai, prinsip perolehan bagi menjamin perolehan yang terbaik dan berkesan"

M O F



Iklan Tender
Mengikut Kementerian

Keputusian Tender
Mengikut Kementerian

Menu Utama

- [Tata letak Aislin Y&B Perdana Menteri](#)
- [Maklumat Am Perolehan Kerajaan](#)
- [Dasar Perolehan Kerajaan](#)
- [Sistem Perolehan Kerajaan](#)
- [Etika Perolehan Kerajaan](#)
- [Kodnegera Perolehan](#)
- [Prosedur, Standard & Format Perolehan/Kontraktor](#)
- [Sistem Perolehan Perolehan/Kontraktor](#)
- [Isu-isu Dalam Perolehan Kerajaan](#)
- [Sistem Perolehan & Sistem Kontraktor](#)



PERENCANAAN

Portal MYPROCUREMENT Pusat Maklumat Perolehan Kerajaan merupakan gerbang utama maklumat perolehan Kerajaan yang akan memaparkan senarai iklan tender dan keputusan tender terkin bagi setiap Kementerian. Portal ini juga merupakan saluran informasi mengenai dasar, prinsip dan tatacara semasa perolehan Kerajaan.

Iklan Tender Terkini!

Tajuk Tender	Tarikh Tutup
1. TENDER BAGI PERKHIDMATAN PROJEK DAN PENGALANGAN KERTEN BILI...	21/01/2011
2. ILMAN TENDER PROJEK MERECASATURK, BERTHINA, MENACATRAP DAN M...	11/01/2011
3. TENDER HENERSE, MENETAK DAN HOSIDAL BUKU TEKS KESIH BAHASA...	26/03/2011

Keputusan Tender Terkini!


 Jumlah Comment: **96202**



Proses Pelaksanaan Tender

Aktiviti dan tempoh masa proses pelaksanaan tender



Tatacara Perolehan Tender

Petunjuk/Arahan berkaitan tatacara perolehan tender



Carta Aliran Proses Tender

Carta Aliran Tender Terbuka Bagi Perolehan Kerja

Carta Aliran Tender Terbuka Bagi



Arkib Tender Kerajaan

Simpanan maklumat iklan dan keputusan tender terdahulu

Panduan mengenai surat sokongan

Inisiatif lain yang telah dicapai dengan cepat ialah langkah untuk mengeluarkan panduan mengenai surat sokongan. Sebuah pekeliling yang dikeluarkan oleh MAMPU pada 2 April 2010 boleh didapati di http://www.mampu.gov.my/pengumuman/02-04-2010-gp_sokong604.pdf. Ia membantu memberikan panduan kepada kakitangan Kerajaan yang mungkin berasa mereka diberi tekanan oleh golongan yang berpengaruh melalui surat sokongan dalam bidang yang merangkumi perolehan hingga kepada perlesenan.



Berikutan surat pekeliling tersebut, kakitangan Kerajaan kini dapat meneruskan kerja mereka tanpa perlu menghadapi tekanan pengaruh golongan ini. Frasa seperti “sila pertimbangkan” atau “disokong kuat” tidak boleh diambil kira sebagai asas, merit atau kelayakan bagi Kerajaan untuk membuat keputusan, kerana semua keputusan kini dibuat berdasarkan merit.

Integrity Pact

Perlaksanaan *Integrity Pact* (IP) merupakan satu lagi inisiatif penting pada tahun 2010. Langkah pertama telah diambil dengan pengeluaran Surat Arahan Perbendaharaan oleh Kementerian Kewangan pada April 2010 yang boleh didapati di <http://www.treasury.gov.my/pekeliling/sap/sap2010-04-01.pdf>. Arahan tersebut menghendaki semua agensi Kerajaan melaksanakan *Integrity Pact* dan menetapkan tiga objektif – untuk mengelakkan amalan rasuah antara pembida dengan Kerajaan; untuk mensyaratkan pembida dan Kerajaan melaporkan sebarang amalan rasuah kepada pihak berkuasa; dan untuk memastikan bahawa Kerajaan tidak perlu membayar sebarang kos yang tidak perlu. Pelaksanaan di bawah surat arahan ini menuntut semua pembida menandatangani Pengisytiharan Pembida.

Berikutan arahan tersebut, pembida yang berjaya akan menandatangani Pengisytiharan Pembida Berjaya dan Agensi Kerajaan perlu memastikan bahawa kontrak itu mengandungi Peruntukan Pencegahan Rasuah dalam klausa Perolehan Kerajaan.

Pada 16 Disember 2011, Kementerian Kewangan selanjutnya mengeluarkan Garis Panduan untuk Pelaksanaan *Integrity Pact* dalam Perolehan Kerajaan yang boleh didapati di http://www.treasury.gov.my/index.php?option=com_docman&task=doc_download&gid=3609&Itemid=28&lang=my. Garis panduan ini memberikan maklumat yang lebih terperinci mengenai aku janji dan pengisytiharan yang perlu dibuat oleh pelbagai pihak, termasuk pegawai Kerajaan dan pelbagai pihak lain yang berkenaan bergantung pada peringkat kontrak dan jenis hubungan kontrak tersebut.

Penggubalan garis panduan untuk penggunaan “*integrity tools*” dalam sektor swasta juga sedang dikaji dengan antara lainnya Bursa Malaysia, Suruhanjaya Sekuriti, Suruhanjaya Syarikat Malaysia, Institut Integriti Malaysia dan Transparency International Malaysia.

Menangani Rasuah Besar

Pangkalan data pesalah yang disabitkan

Salah satu daripada kejayaan besar tahun 2010 ialah pelaksanaan Pangkalan Data Pesalah Rasuah Yang Disabitkan atau lebih dikenali sebagai “Namakan dan Malukan” SPRM yang dilancarkan pada 4 Mac 2010. Dengan memaparkan nama, gambar, nombor kad pengenalan dan butiran kes pesalah yang disabitkan, pangkalan data tersebut telah mewujudkan kesedaran awam yang lebih mendalam dan membantu menentang stigma rasuah dengan mendedahkan semua butiran pesalah kepada umum.

Sasaran sebanyak 84 pesalah pada tahun 2010 telah dicapai dengan sebanyak 284 nama dimasukkan ke dalam pangkalan data pada akhir tahun 2010. Pangkalan tersebut mengandungi nama penuh pesalah dari 1 Januari 2010, iaitu sejak Akta SPRM berkuat kuasa. Pangkalan data pesalah boleh diakses oleh orang ramai, termasuk majikan, yang berhasrat untuk menjalankan semakan latar belakang terhadap individu yang tertentu. Nama pesalah hanya akan dikeluarkan daripada pangkalan data selepas tiga tahun sekiranya tidak terdapat lagi kesalahan yang berulang.

Pengenalan undang-undang perlindungan pemberi maklumat (“Whistleblower Protection Act”)

Budaya intoleransi terhadap rasuah yang disokong oleh rangka kerja pemberi maklumat yang kukuh merupakan inisiatif penting dan satu lagi kejayaan besar bagi tahun 2010. Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 telah digubal oleh Jabatan Peguam Negara dan diluluskan oleh Dewan Rakyat dengan disusuli oleh Dewan Negara pada 6 Mei 2010. Akta tersebut telah digazetkan pada 10 Jun 2010 dan berkuat kuasa pada 15 Disember 2010.

Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang (BHEUU) telah mengadakan perbincangan meja bulat dengan lima agensi penguatkuasaan penting untuk menghasilkan satu himpunan garis panduan Prosedur Operasi Standard (SOP) untuk membantu setiap Kementerian dan agensi penguatkuasaan yang lain yang tertakluk di bawah Akta untuk membangunkan mekanisme pelaksanaan.



Mempercepat perbicaraan

Berikutan usaha Pelan Hala Tuju GTP dalam mengenal pasti masalah yang disebabkan oleh perbicaraan dan rayuan rasuah yang mengambil masa yang panjang, langkah telah diambil untuk memastikan bahawa kes rasuah diselesaikan dalam masa setahun, terutama sekali dalam kes yang melibatkan kepentingan orang ramai. Oleh hal yang demikian, kerja-kerja untuk mewujudkan 14 Mahkamah Sesyen Khas Rasuah dan empat Mahkamah Tinggi Khas Rasuah telah disempurnakan dan beroperasi pada bulan Februari 2011.

Satu lagi langkah adalah untuk meminda Kanun Prosedur Jenayah (Criminal Procedure Code, CPC) bagi mempercepat perbicaraan. Pindaan tersebut telah diluluskan oleh Dewan Rakyat pada 22 April 2010 dan oleh Dewan Negara pada 6 Mei 2010 serta digazetkan pada 10 Jun 2010.

Pindaan tersebut meliputi pengenalan kepada Persidangan Pra-Bicara (Pre-trial Conference), yang bertujuan memendekkan tempoh perbicaraan. Melalui platform ini, pihak tertuduh boleh membincangkan isu dan mencapai persetujuan bagi rundingan pengakuan bersalah (plea bargaining) dengan pendakwa raya sebelum permulaan proses pengurusan kes. Pengurusan kes mesti diadakan dalam masa 60 hari daripada tarikh tertuduh itu didakwa, manakala perbicaraan mesti dimulakan dalam masa 90 hari daripada tarikh tertuduh didakwa.

KEBERHASILAN

Indeks Persepsi Rasuah (CPI) Transparency International (TI) telah diumumkan pada 26 Oktober 2010. Sasaran tahun 2010 adalah skor CPI sebanyak 4.9. Walau bagaimanapun, skor ini tidak berjaya diraih, dengan Malaysia memperoleh skor 4.4. CPI TI mengukur persepsi penganalisis negara/ risiko/ pakar dan masyarakat perniagaan dan bertujuan untuk memberikan kefahaman tentang tahap rasuah di sektor awam.

Walaupun CPI TI diukur secara tahunan, beberapa input daripada tinjauan yang dijalankan pada tahun 2009 telah digunakan, sebelum mana-mana program di bawah NKRA dilaksanakan. Sebarang impak daripada program NKRA berkemungkinan tidak akan dirasai oleh responden tinjauan, atau dicerminkan dalam skor CPI.

Tiga daripada tinjauan komponen yang menjadi sebahagian daripada skor CPI menggunakan keputusan bagi tahun 2009 dan 2010. Ini adalah tinjauan oleh *World Competitiveness Yearbook* 2009 dan 2010 oleh *International Institute for Management Development (IMD)*, *Global Competitiveness Report* 2009 dan 2010 oleh *World Economic Forum (WEF)* dan *Asian Intelligence Newsletter Survey* oleh *Political and Economic Risk Consultants (PERC)*.



Terdapat peningkatan daripada tahun 2009 hingga 2010 dalam setiap tinjauan dengan skor IMD melonjak daripada 5.2 kepada 6.3, skor WEF meningkat daripada 4.5 hingga 4.6 dan skor PERC, daripada 3.6 kepada 4.6. Ini merupakan penunjuk bahawa komuniti perniagaan berpendapat bahawa inisiatif yang diusahakan adalah berada pada landasan yang tepat dan sedang menunjukkan kesan secara perlahan-lahan.

Sasaran bagi *Global Corruption Barometer (GCB)* adalah skor sebanyak 37% yang merupakan rumusan sasaran yang dibentuk di makmal. Sebaliknya, bagi skor GCB pula, sasaran NKPI bukan sahaja dicapai malah diatasi, membuktikan bahawa inisiatif yang diwujudkan sedang memberikan impak kepada rakyat secara perlahan-lahan.

Berhubung dengan soalan “bagaimana anda menilai tindakan Kerajaan anda dalam membanteras rasuah”, sebanyak 48% rakyat Malaysia menjawab “berkesan” yang merupakan peningkatan hampir sekali ganda daripada tahun sebelumnya (28%) dan jelas telah melepasi sasaran NKPI iaitu 37%.

Rajah 1: Tinjauan yang dijalankan oleh Transparency International

NKPI utama kami menunjukkan bahawa kami berada pada landasan yang betul, walaupun bagaimanapun masih banyak yang perlu dilakukan untuk mencapai sasaran.



CABARAN

PENGAJARAN YANG DIPELAJARI PADA TAHUN 2010

Komunikasi yang Tidak Sempurna

Disebabkan inisiatif NKRA yang bergerak pada kadar yang pantas dan bersifat merentas fungsi bagi kerja yang diperlukan, komunikasi berkaitan dengan keputusan dan item tindakan boleh ditambah lebih baik, memandangkan banyaknya pihak yang perlu dituntut untuk memberikan kerjasama.

Dengan sifat tindakan NKRA yang cepat dan pantas, keputusan yang diambil kadangkala mengambil masa untuk diusahakan apabila ia berkaitan dengan inisiatif pengendalian. Demikian juga, demi mematuhi prosedur yang sewajarnya, surat rasmi dan perhubungan perlu diperoleh oleh pihak berkuasa diiktiraf yang mempunyai bidang kuasa terhadap perkara tersebut sebelum keputusan boleh diambil.

Lantaran sifat merentas fungsi NKRA, keputusan yang diambil kadangkala, atas keperluan memenuhi garis masa, dibuat berdasarkan maklumat yang tidak sempurna. Hal ini menyebabkan kelewatan kerana keputusan tersebut perlu disemak semula selepas lebih banyak fakta yang tepat diketahui.

Selain itu, kelewatan dalam mengumpulkan dan melaporkan data masih berlaku, disebabkan beberapa agensi dan Kementerian memerlukan masa untuk mula menggunakan data tertentu untuk tujuan pengurusan prestasi dan oleh itu perlu terus mengusahakan pembangunan sistem yang mantap untuk menangkap data dengan cekap.

Walau bagaimanapun, “disiplin tindakan” untuk memastikan keputusan dan bertindak selepas arahan boleh dilihat berkembang secara beransur-ansur. Beberapa agensi telah menunjukkan peningkatan yang ketara dari segi gerak balas, dan menjadi amat berkesan apabila susulan peringkat kerja dilakukan selepas keputusan peringkat tinggi diambil. Tambahan pula, melalui kemajuan yang sedia ada, memandangkan saluran komunikasi telah dirintis dan rangkaian untuk aliran maklumat telah dibina dengan peningkatan penglibatan antara semua pihak berkepentingan NKRA, komunikasi dan kecekapan telah mula bertambah baik dengan nyata.

Pandangan Orang Ramai

Kerajaan berpendirian bahawa rasuah merupakan kesalahan yang serius, baik dilakukan dalam skala besar mahupun kecil, dan inisiatif di bawah NKRA bertujuan menjadi langkah yang menyeluruh untuk menangani isu rasuah secara keseluruhan. Satu contoh bagi pendekatan ini ialah inisiatif untuk menyempurnakan pendakwaan kesalahan kes rasuah dalam masa setahun. Hal ini merangkumi semua kesalahan rasuah, bukan sahaja yang mereka yang berada melebihi ambang yang tertentu.

Walau bagaimanapun, orang ramai melihat perbezaan antara kes yang kurang penting melibatkan “ikan bilis” atau personaliti yang kurang penting, dan mereka yang melibatkan “ikan jerung” atau kenamaan politik atau personaliti yang menyandang jawatan yang tinggi.

Tengku Nordianda Tengku Yunus, Guru

“Sebelum ini, kelihatannya hanya ikan bilis yang dihadapkan ke muka pengadilan. Kini kita melihat individu yang berkuasa dan berpengaruh ditangkap dan dibicarakan.”

Keluhan yang kerap didengar dalam kalangan rakyat adalah hanya “orang bawahan” yang ditangkap dan dihukum, manakala ahli politik atau kakitangan Kerajaan yang berpengaruh tidak ditangkap malah dibenarkan untuk meneruskan amalan mereka yang tidak wajar. Justeru, salah satu isu utama yang dihadapi adalah menangani persepsi ini, dan menyampaikan kepada orang ramai bahawa peranan NKRA Membanteras Rasuah adalah untuk mewujudkan toleransi sifar terhadap gejala rasuah pada semua peringkat dan tidak campur tangan dalam urusan mahkamah dan proses siasatan untuk menyasarkan “orang atasan”.

Pada tahun 2011, perancangan NKRA Membanteras Rasuah adalah untuk menyemak semula strategi komunikasi agar dapat berinteraksi dengan orang ramai dengan lebih berkesan bagi menangani isu persepsi. Melalui pelbagai saluran, kami berharap dapat memberikan pengetahuan kepada orang ramai mengenai usaha yang sedang dijalankan untuk mengatasi isu rasuah. Melalui usaha ini, orang ramai diharapkan dapat mencapai kefahaman yang lebih baik mengenai setiap isu yang dihadapi dan tindakan yang dijalankan untuk menanganinya.



Dengan Ihsan, Info Centre, Menara Star, Star Publications (Malaysia) Bhd

Prosedur Pentadbiran

Dalam pelaksanaan NKRA ini, pematuhan terhadap proses dan prosedur pentadbiran yang belum diambil kira telah sedikit sebanyak menyebabkan kelewatan. Hal yang demikian disebabkan terutamanya oleh anggaran yang tidak tepat berkaitan dengan masa yang diperlukan untuk mendapatkan kelulusan dan kurangnya kefahaman mengenai kerumitan yang terlibat dalam prosedur yang diperlukan.

Ambil contoh pengurusan sumber manusia. Dalam hal pengambilan bekerja, pembentukan jawatan dan penyesuaian terhadap keadaan yang tertentu, kita perlu mencapai keberhasilan walaupun dalam keadaan kita tidak boleh seharusnya fleksibel seperti sektor swasta. Diperhatikan juga dalam bidang perbelanjaan dan peruntukan belanjawan, prosedur pengurusan kewangan perlu dipatuhi, yang memerlukan penyesuaian garis masa untuk pelaksanaan.

Memandangkan sifat merentas fungsi inisiatif NKRA bermakna ia adalah merentas bidang kuasa, agak mencabar juga bagi agensi untuk mengenal pasti dengan sewajarnya unit atau pegawai yang boleh memiliki proses penyampaian dalam lingkungan agensi. Hal ini mewujudkan cabaran dari segi mempunyai kefleksibelan dan keupayaan untuk menerima pakai skop kerja baharu atau untuk infrastruktur pentadbiran untuk menerima deskripsi kerja baharu.

Sumber Terbatas

Terdapat juga masalah yang berpunca daripada peruntukan sumber yang terbatas. Hal ini kadangkala menjadi suatu cabaran untuk membuat keputusan berkaitan dengan memberikan keutamaan peruntukan belanjawan dan tenaga kerja.

Walaupun keupayaan yang dipertingkat dan terma serta syarat kerja yang lebih fleksibel akan membolehkan isu ini diatasi, namun ketegaran kaedah peruntukan sumber yang sudah lama diamalkan pada masa ini tidak menyokong perkara ini.

Prestasi di bawah beberapa inisiatif mungkin tidak optimum, disebabkan kesukaran memperoleh sumber untuk membuat pelaksanaan yang berjaya. Sebagai contoh, dengan adanya unit pematuhan, terdapat isu sumber tenaga kerja yang terhad yang membawa maksud bahawa pegawai baharu tidak dapat diambil bekerja untuk mengendalikan unit. Namun, penyelesaian untuk situasi ini adalah untuk menempatkan semula para pegawai untuk mengendalikan unit pematuhan tersebut.

Penubuhan mahkamah rasuah khas juga menimbulkan beberapa isu. Perbincangan yang menyeluruh perlu diadakan dengan setiap pihak yang berkepentingan untuk mendapatkan kakitangan yang bersesuaian untuk mahkamah.

MELANGKAH MENUJU TAHUN 2011

Sasaran dan NKPI untuk tahun 2011

Setelah menilai pelaksanaan inisiatif, dan berdasarkan penemuan dan pelajaran yang dipelajari pada tahun 2010, terdapat beberapa pemurnian dan penambahbaikan kepada NKPI dan sasaran bagi tahun 2011.

Sasaran untuk Indeks/Tinjauan Transparency International

Sasaran tahun 2011 untuk skor Malaysia dalam CPI TI adalah sama seperti tahun 2010, iaitu untuk mendapatkan skor sebanyak 4.9.

Bagi tinjauan Global Corruption Barometer, sasaran untuk tahun 2011 pada awalnya adalah 45% daripada responden harus bersetuju bahawa inisiatif pencegahan rasuah Kerajaan adalah "berkesan". Sasaran tahun lepas adalah sebanyak 37%, yang telah diatasi dengan bacaan sebenar sebanyak 48%. Berdasarkan pencapaian sebenar untuk tahun tersebut, serta pencapaian Malaysia yang bersejarah, sasaran untuk tahun 2011 telah disemak semula kepada 50%.

Akauntabiliti Perolehan

Pada asalnya, pada tahun 2010, NKPI untuk ketelusan dan akauntabiliti yang lebih tinggi dalam perolehan Kerajaan merupakan beberapa penemuan berkaitan dengan salah tadbir terhadap perolehan bagi setiap kementerian yang dikaji. NKPI ini juga akan diukur secara tahunan, dan sasaran untuk tahun 2010 adalah untuk mengurangkan bilangan penemuan audit kepada 10.6 pada tahun 2010 berbanding dengan 11.2 pada tahun 2009.

Walaupun bagaimanapun, kaedah ini telah diabaikan pada bulan Ogos 2010 apabila ia didapati tidak sesuai untuk membuat pengukuran. Antara alasan atas tindakan ini adalah ketiadaan definisi yang dipersetujui secara universal mengenai apa yang dimaksudkan sebagai "salah tadbir" dan tambahan pula audit yang dijalankan itu adalah berdasarkan pensampelan rawak dan tidak semestinya boleh dibandingkan secara tahunan.

Selepas perbincangan lanjut, satu ukuran yang lebih sesuai dan tepat telah diwujudkan berdasarkan keputusan audit "Indeks Akauntabiliti" tahunan yang dijalankan terhadap setiap Kementerian oleh Juruaudit Negara. Dengan mengekstrak elemen audit berkaitan dengan pengurusan perolehan, "Indeks Akauntabiliti Perolehan" telah diwujudkan, yang mana Kementerian diberikan skala 100% berdasarkan sejauh mana pengurusan perolehan telah dijalankan dengan baik di Kementerian. Sasaran yang dicadangkan untuk tahun 2010 pada masa itu telah ditetapkan pada 13 daripada 25 Kementerian mencatat skor 90% dan ke atas.

Pencapaian Agensi Pengawalseliaan dan Penguatkuasaan

Pada tahun 2010, PDRM Cawangan Narkotik, mendapati bahawa selepas perbincangan dan analisis lanjut, bilangan tangkapan bukanlah ukuran yang sesuai untuk nisbah bagi "kes yang didakwa berbanding bilangan tangkapan", kerana tidak semestinya terdapat korelasi yang malar antara tangkapan dengan dakwaan – berbilang penangkapan mungkin hanya membawa kepada satu pendakwaan, bergantung pada fakta kes tersebut.

Justeru, hubungan yang lebih baik mungkin adalah antara tuduhan yang boleh dibuat bagi sebarang jumlah kertas siasatan yang dibuka berikutan penangkapan. Bagi tujuan kesederhanaan, dan untuk menunjukkan bahawa konsep yang sama di sebalik NKPI yang digunakan, yang ini perlu diungkapkan sebagai "bilangan kes yang didakwa berbanding penangkapan (Kertas Siasatan) atas kesalahan mengedar dan memiliki dadah di bawah Akta Dadah Berbahaya".

Selepas berbincang dengan PDRM, sasaran tahun 2011 bagi NKPI ini kekal pada 80%. Berdasarkan perspektif silam dan disebabkan oleh isu-isu operasi, PDRM berkemungkinan tidak akan melampaui ambang ini. Memandangkan usaha gigih yang berterusan diperlukan untuk mengekalkan sasaran ini, kami akan memastikan bahawa sasaran ini kekal berterusan. Bagi Jabatan Imigresen, NKPI bagi tahun 2010 pada asalnya ditetapkan sebagai bilangan kes yang didakwa berbanding bilangan penangkapan dan penahanan di bawah Undang-Undang Imigresen. Sasaran tahun 2010 adalah 60% dan sasaran NKPI ini tidak dicapai (pencapaian sebenar hanyalah 36.2%).

Trend ini telah dikenal pasti lebih awal pada tahun berkenaan dan analisis serta perbincangan yang selanjutnya dengan pegawai Imigresen mendedahkan bahawa bilangan ini bukanlah berpunca daripada kurangnya tindakan oleh pegawainya akan tetapi disebabkan banyak kes yang dikompaun. Oleh itu, bilangan kes yang dikompaun juga telah dipantau dan ini menunjukkan bahawa kes-kes tersebut telah diuruskan dengan sewajarnya. Walau bagaimanapun, oleh kerana pemantauan ini dijangka beroperasi dan tidak mencerminkan usaha NKRA untuk mengurangkan rasuah, untuk tahun 2011, keputusan telah diambil bahawa NKPI ini tidak akan lagi dipantau sebagai sebahagian daripada NKRA. Sebaliknya, tinjauan persepsi akan dijalankan untuk memantau persepsi rakyat tentang sejauh mana para pegawai Imigresen telah terjejas oleh rasuah.

Bagi Polis Trafik, selepas perbincangan lanjut, keputusan diambil bahawa langkah awal yang disyorkan untuk tahun 2010 bagi nisbah saman yang dijelaskan berbanding dengan saman yang dikeluarkan, yang bergantung sebahagiannya pada kesediaan orang ramai untuk membiarkan saman mereka tertunggak, perlu disemak semula. Sebaliknya, NKPI yang dikenal pasti sebagai lebih sesuai ialah bilangan saman yang dikeluarkan pada setiap jam operasi, untuk memastikan bahawa masa pegawai ketika operasi diambil kira dengan sewajarnya. Sasaran bagi tahun 2011 ialah 12 saman yang dikeluarkan berbanding jumlah waktu operasi, sedikit peningkatan daripada sasaran tahun 2010 sebanyak 10.

Bagi JPJ, NKPI merupakan bilangan saman yang dijelaskan berbanding dengan bilangan saman yang dikeluarkan, yang mana sasaran tahun 2010 adalah sebanyak 70%. Sasaran untuk tahun 2011 ialah 85%.

Bagi Jabatan Kastam, NKPI 2010 asal adalah berdasarkan skop barangan yang lebih kecil yang mana cukai yang perlu dibayar diperoleh kembali, daripada jumlah yang disebabkan oleh pengisytiharan barangan yang tidak diisytiharkan sepenuhnya. Oleh itu, sasarannya hanya sebanyak RM21j. Selepas perbincangan yang lebih terperinci dengan pihak Kastam, skop ukuran telah diluaskan untuk merangkumi cukai yang boleh dituntut terhadap semua barangan dan perkhidmatan yang tidak diisytiharkan dengan sewajarnya, dengan ukuran garis dasar sebanyak RM118j.



Dengan Ihsan, Info Centre, Menara Star, Star Publications (Malaysia) Bhd

Oleh hal yang demikian, sasaran tahun 2010 telah disemak semula kepada RM186j berdasarkan garis dasar dan definisi yang baharu. Walau bagaimanapun, untuk tahun 2011, meskipun pemantauan cukai yang boleh dituntut merupakan ukuran prestasi operasi yang baik, ia tidak semestinya menerima kesan secara langsung daripada inisiatif NKRA untuk membanteras rasuah. Sebaliknya, tinjauan persepsi akan dijalankan untuk memantau persepsi rakyat tentang sejauh mana para pegawai Kastam terjejas oleh rasuah.

Kerajaan juga sedang mempertimbangkan untuk merombak bilangan NKPI bagi agensi penguatkuasaan. Pada masa ini, kerja sedang dijalankan untuk mengkaji semula sasaran dan ukuran yang lebih relevan dan ini akan diumumkan pada masa yang akan datang.

Rasuah Besar

Peratusan perbicaraan yang diselesaikan dalam masa setahun mempunyai sasaran sebanyak 30% bagi tahun 2010 ini. Peratusan bagi tahun 2011 telah diluaskan kepada 70%, tetapi ini adalah untuk mencerminkan permulaan operasi mahkamah rasuah khas yang diharapkan dapat mempercepat proses perbicaraan dengan nyata.

Walaupun bilangan pesalah yang disabitkan dalam pangkalan data pesalah rasuah yang disabitkan telah melepasi sasaran tahun ini, yang demikian adalah disebabkan oleh operasi yang dijalankan oleh SPRM yang menyasarkan pemberi rasuah, iaitu hal yang jauh lebih mudah untuk pembuktian dan pendakwaan. Oleh itu, sasaran tahun 2011 telah diperluas lagi berbanding dengan angka garis dasar untuk tahun ini.

Pendekatan berbeza untuk tahun 2011

Pada tahun 2011, Kerajaan merancang untuk mengalihkan tumpuannya terhadap berinteraksi dengan orang ramai untuk mengetahui persepsi dan sikap mereka terhadap rasuah selain untuk meningkatkan kesedaran mereka tentang langkah-langkah yang sedang diambil untuk membanteras rasuah. Interaksi ini akan dijalankan di samping usaha yang berterusan untuk membangunkan infrastruktur bagi membanteras rasuah.

NKRA Membanteras Rasuah akan berinteraksi dengan komuniti perniagaan untuk memaklumkan kepada mereka mengenai pewujudan medan persaingan setara yang telus, terbuka, berdaya saing dan adil dengan mengelakkan amalan rasuah. Ia juga akan berusaha menggalakkan sikap tidak bertoleransi terhadap sokongan yang diberikan dan diminta sebagai kaedah mendapatkan kelebihan persaingan dalam perniagaan.

Pendekatan baharu merangkumi menyasarkan rakyat melalui inisiatif media. Setiap peringkat masyarakat akan dijadikan sasaran: bermula dengan pendidikan kanak-kanak sekolah untuk menyemai kesedaran integriti dalam diri mereka sejak kecil hinggalah kepada juruanalisis asing dan warga perniagaan, bagi menyuburkan persepsi positif tentang betapa mudahnya menjalankan perniagaan di negara ini.

Sasaran dan Pemurnian NKPI bagi Tahun 2011

Rasuah lebih bersifat abstrak apabila dibandingkan dengan NKRA lain, oleh itu lebih sukar untuk merumuskan ukuran yang bersifat ketara. Justeru, pasukan yang bertanggungjawab terus melaksanakan proses mengkaji semula dan memurnikan NKPI bagi mencari kaedah terbaik yang mungkin untuk mengukur inisiatif di bawah NKRA.

Untuk tahun 2011, terdapat beberapa perubahan terhadap NKPI, untuk menjadikannya lebih relevan kepada inisiatif yang telah dijalankan sepanjang tahun 2010. Tujuan NKPI baru ini adalah untuk mengukur pencapaian inisiatif setakat ini, yang tidak dapat dilakukan dengan tepat oleh NKPI 2010.

Terdapat dua NKPI baharu pada tahun 2011 dalam konteks *Integrity Pact*. Salah satu daripada inisiatif dalam Pelan Hala Tuju GTP ialah pelaksanaan *Integrity Pact*, dan ini sebahagiannya telah dicapai menerusi pengeluaran Surat Arahan Perbendaharaan oleh Kementerian Kewangan yang menyatakan bahawa semua badan Kerajaan perlu memasukkan *Integrity Pact* dalam kontrak mereka. Oleh hal yang demikian, ukuran untuk kadar kejayaan inisiatif ini, sekarang menjadi keutamaan memandangkan ia sudah agak lama dilaksanakan.

NKPI yang lain adalah untuk mengukur fasa yang seterusnya dalam pelaksanaan *Integrity Pact*, iaitu pelaksanaannya di sektor swasta. Berkemungkinan besar NKPI yang mengukur bilangan peserta sektor swasta dalam usaha ini akan dipantau.

Satu lagi NKPI yang akan diperkenalkan ialah bilangan kes yang dilaporkan di bawah Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010. Akta Perlindungan Pemberi Maklumat telah digazetkan pada 15 Disember, 2010 dan yang demikian memberikan situasi yang ideal yang dengannya pelaksanaan Akta tersebut boleh diukur sejak ia berkuat kuasa. Juga difikirkan penting untuk dipantau ialah keberkesanan pelaksanaan Akta tersebut. Justeru, peratus kes yang ditutup (disiasat) dan peratus kes yang ditutup (tindakan diambil) juga akan dipantau.

Turut diukur ialah inisiatif untuk menubuhkan unit pematuhan di agensi penguatkuasaan. Pada tahun 2010, lima agensi penguatkuasaan yang utama telah menubuhkan unit pematuhan dan menyelesaikan latihan pusingan pertama untuk para pegawai pematuhan masing-masing.

Jadual 5: NKPI 2010 NKPI dikekalkan untuk tahun 2011

NKPI	Sasaran 2010	Pencapaian 2010	Sasaran 2010
Skor Indeks Persepsi Rasuah TI	4.9	4.4	4.9
Tinjauan Barometer Rasuah Global TI terhadap tindakan Kerajaan dalam membanteras rasuah	37%	48%	50%
Bilangan Kementerian mendapat skor lebih 90% dalam Indeks Akauntabiliti Perolehan	13	14	19
Peratus perbicaraan diselesaikan dalam masa setahun	30%	36.8%	70%
Bilangan individu dalam pangkalan data pesalah yang disabitkan kesalahan	84	284	100

Jadual 6: NKPI 2010 untuk Dikaji semula/ Diubah suai/ Digugurkan pada 2011

NKPI 2010	Status	Sasaran untuk 2011
Bilangan kes didakwa berbanding bilangan tangkapan (Kertas Siasatan atau IP) bagi kesalahan mengedar dan memiliki dadah (PDRM-DDA)	Untuk dilaporkan dua kali sebagai NKPI serta MKPI di bawah KDN, PDRM juga akan diukur menurut Tinjauan Persepsi TNS.	80%
Bilangan saman yang dikeluarkan setiap jam operasi (PDRM - Trafik)		12

NKPI 2010	Status	Sasaran untuk 2011
Bilangan saman yang dijelaskan berbanding bilangan saman yang dikeluarkan (JPJ)	Untuk dilaporkan dua kali sebagai NKPI serta sebagai JPJ also to be measured with TNS Perception Survey. MKPI untuk MoT, JPJ juga akan diukur menurut Tinjauan Persepsi TNS .	85%
Cukai yang boleh dituntut terhadap barangan dan perkhidmatan yang tidak diisytiharkan dengan sewajarnya (Kastam)	Digugurkan- menggunakan tinjauan persepsi TNS	TD
Bilangan kes yang didakwa dan dikompau berbanding bilangan tangkapan di bawah Undang-Undang Imigresen (Imigresen)		

Jadual 7: NKPI 2011 Baharu Diperkenalkan

NKPI 2011 Baharu	Butiran
Integrity Pacts	Bilangan Integrity Pact Kementerian Kewangan dan sektor swasta yang ditandatangani.
Perlindungan Pemberi Maklumat	Bilangan kes yang dilaporkan (untuk lima agensi penguatkuasaan utama) % kes ditutup (disiasat) % kes ditutup (tindakan diambil)
Persepsi	Menggunakan Tinjauan Persepsi TNS yang dijalankan pada peringkat tempatan yang mencerminkan GCB
Unit Pematuhan	Bilangan kes unit pematuhan atau bilangan jam latihan dijalankan

Indeks Persepsi Rasuah, Global Corruption Barometer, Indeks Akauntabiliti Perolehan, bilangan pesalah yang disenaraikan dalam Pangkalan Data Pesalah Rasuah yang Disabitkan dan peratusan perbicaraan yang diselesaikan dalam masa setahun akan dikekalkan.

NKPI 2011 yang baru adalah ukuran inisiatif yang merupakan yang pertama dijalankan, dan belum pernah diwujudkan di mana-mana tempat sebelum ini. Oleh itu, tidak seperti sasaran NKPI 2010, dimana terdapat data garis dasar, tiada terdapat garis dasar yang boleh digunakan sebagai asas untuk menentukan sasaran 2011. Juga, oleh kerana banyak NKPI 2011 berbentuk sasaran perlu dilaporkan dalam bilangan mutlak (cth. bilangan IP MoF), pada peringkat ini, sasaran yang wajar perlu dibincangkan melalui perundingan dengan pihak-pihak yang terlibat dalam menjalankan inisiatif apabila mereka meneruskannya pada tahun 2011.

Masa Hadapan Malaysia

Masih banyak yang perlu dilakukan oleh Malaysia dalam usahanya membanteras rasuah sekiranya langkah seperti skor CPI TI mula mencatatkan perubahan yang positif. Skor Malaysia pada tahun 2010 merosot sedikit daripada 4.5 kepada 4.4 daripada 10 (skor 10 menunjukkan rasuah yang paling sedikit) dengan rankingnya kekal sama seperti pada tahun 2009, iaitu yang ke-56 daripada 178 buah negara. Meskipun skor tersebut bukanlah layak menjadi sebab untuk kita mengistiharkan kejayaan, tetapi ia tidaklah juga untuk dilihat sebagai perkembangan yang negatif. Kemajuan yang dicapai di Kementerian dan agensi hingga hari ini hendaklah diiktiraf, kerana banyak yang telah dicapai di bawah GTP. Apa pun masih terlalu awal untuk melihat pelbagai tanda perubahan.

Pada masa yang sama, Kerajaan akan terus mengukuhkan usaha ke arah tindakan yang lebih serius dan berkesan pada tahun 2011, dengan peningkatan usaha dan tumpuan untuk menghapuskan amalan rasuah. Peningkatan dalam skor yang tertentu di bawah CPI, iaitu *Global Competitiveness Yearbook (IMD)*, *World Competitiveness Report (WEF)* dan tinjauan *Asian Intelligence Newsletter (PERC)* merupakan penunjuk bahawa kita sedang bergerak pada landasan yang betul.

Penurunan kecil dalam skor CPI TI walau bagaimanapun haruslah diakui sepenuhnya dan ditangani sebagai petanda bahawa masih terlalu banyak kerja yang perlu dilakukan oleh Kerajaan jika kita benar-benar mahu mencapai kejayaan yang nyata dalam usaha membanteras rasuah pada tahun 2012.

Mempertingkatkan Pencapaian Pelajar




Mempertingkatkan Pencapaian Pelajar



“Usaha meningkatkan prestasi pendidikan merupakan asas bagi pembentukan masa hadapan yang lebih baik bagi negara kita. Kita bertekad untuk mencapai peringkat lebih tinggi dalam memastikan setiap kanak-kanak berpeluang memperoleh pendidikan yang mampu dibiayai dan berkualiti. Inilah komitmen Kerajaan kepada rakyat dalam membangunkan Malaysia menjadi negara yang berdaya saing di peringkat global.”

Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd Yassin
Menteri Pelajaran



IMBASAN PENCAPAIAN 2010

Membawa Kemajuan
yang Ketara dalam Pendidikan

Kepentingan pendidikan dalam pembangunan negara tidak boleh dinafikan, khususnya dalam ekonomi berasaskan pengetahuan moden hari ini. Penyediaan peluang-peluang pendidikan kepada semua tanpa mengira bangsa, agama, dan tahap pendapatan merupakan prasyarat dalam mengoptimumkan modal insan dan membina masyarakat berpemikiran jauh yang bersedia untuk berkembang maju dalam kompetitif hari ini. Pelaburan dalam pendidikan samalah seperti menjamin masa hadapan Malaysia kerana kita memikirkan untuk membangunkan minda, bakat, dan keupayaan generasi kita yang akan datang.

NKRA Pendidikan diwujudkan untuk menyokong aspirasi ini dengan menangani pelbagai isu dan cabaran yang dihadapi dalam pendidikan prasekolah, rendah, dan juga menengah. Kementerian peneraju, iaitu Kementerian Pelajaran memberikan penekanan terhadap penyediaan peluang dan juga pempukuan kualiti serta kecemerlangan berasaskan prinsip merit. Dengan memberi tumpuan terhadap kedua-dua komponen, bandar dan luar bandar, iaitu dengan hasrat memastikan semua kanak-kanak Malaysia memperoleh hak terhadap pendidikan berkualiti, kita mahu memastikan bahawa kita berupaya mencapai jangkauan terbesar.

PENYERTAAN PRASEKOLAH
MELEPASI SASARAN

72%

PENCAPAIAN
85%
SKOR
LITERASI

PENCAPAIAN
91%
KADAR
NUMERASI

LEBIH
700,000
MURID PRASEKOLAH
MEMULAKAN PENDIDIKAN
AWAL

Melalui pelaksanaan pelbagai strategi yang dirumuskan di bawah NKRA Pendidikan, beberapa keberhasilan besar telah berjaya dicapai pada tahun 2010.

Keberhasilan Besar 2010

- Sehingga Disember 2010, jumlah penyertaan (enrolment) bagi prasekolah adalah sebanyak 72.42% - melebihi sasaran 72% yang ditetapkan bagi tahun 2010.
- Pembukaan 1,500 kelas prasekolah oleh Kementerian Pelajaran, Jabatan Kebajikan Masyarakat (KEMAS), Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN), dan pihak swasta, telah membolehkan 700,000 pelajar prasekolah yang berusia 4+ dan 5+ untuk memulakan pendidikan awal.
- Pengenalan Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan bagi mengharmonikan piawaian dan penubuhan Jawatankuasa Prasekolah Kebangsaan untuk memperhalus serta melaksanakan dasar yang secara langsung melibatkan prasekolah.
- Kejayaan usaha menyenaraikan kedudukan 9,814 sekolah rendah dan menengah buat kali pertama kali dalam sejarah Malaysia.
- Pencapaian skor 85% untuk kadar literasi 85% dan 91% pula untuk numerasi bagi murid Tahun 1 dalam Saringan akhir literasi dan numerasi (LINUS) pada September 2010.
- Penganugerahan status Sekolah Berprestasi Tinggi (SBT) kepada 20 buah yang diiktiraf sebagai sekolah terbaik seluruh negara.
- Penerimaan Ganjaran Baru oleh 7.7% Guru Besar sekolah rendah yang melepasi sasaran yang ditetapkan, iaitu 2% bagi tahun 2010.

Meskipun terdapat beberapa kekurangan yang hakikatnya bukannya disebabkan oleh kekurangan usaha atau juga komitmen, namun kami menganggapnya sebagai liku-liku pembelajaran yang harus ditempuh sebelum akhirnya berjaya meraih kejayaan. Dengan didorong oleh kejayaan dan pembelajaran yang dipelajari, Kementerian Pelajaran akan terus memacu usaha bagi mencapai Penunjuk Prestasi Utama (NKPI) bagi tahun 2011.



Dengan Ihsan, Info Centre, Menara Star, Star Publications (Malaysia) Bhd


TINJAUAN KESELURUHAN

Memberikan akses lebih luas kepada pendidikan mampu dibiayai dan berkualiti

Dalam *Human Development Report 2010 (HDR 2010)*, Program Pembangunan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNDP), menekankan bahawa masyarakat di seluruh dunia pada hari ini mempunyai tahap pendidikan yang jauh lebih tinggi daripada sebelumnya. Purata individu berumur 15 tahun atau lebih pada tahun 1960 berpeluang mengikuti pembelajaran kurang daripada empat tahun. Menjelang 2010, bilangan ini berganda di seluruh dunia dan lebih tiga kali ganda di negara-negara membangun.

Di Malaysia, pelbagai pencapaian hebat diperoleh dalam sistem pendidikan lebih 50 tahun yang lalu. Kadar literasi bagi golongan dewasa melebihi 92%. Dalam kalangan negara-negara membangun, Malaysia mencatat kadar pertumbuhan paling pantas bagi penyertaan sekolah atau pendidikan menengah. Selain itu, kita juga telah mencapai penyertaan pendidikan rendah universal.

Rajah 1: Perbandingan Kadar Penyertaan Prasekolah Antarabangsa



Walaupun bagaimanapun, kita mesti terus melonjakkan diri secara agresif untuk terus meningkatkan taraf pendidikan serta daya saing tenaga kerja atau kita menghadapi risiko jauh ketinggalan. Jika dibandingkan dengan Hong Kong, Singapura, dan Korea Selatan, pencapaian pelajar kita sebenarnya semakin merosot. Kira-kira 20% pelajar Malaysia gagal untuk memenuhi penanda aras minimum *Trends in International Mathematics and Science Study (TIMSS)* bagi Matematik dan Sains pada tahun 2007, penurunan yang mencemaskan jika dibandingkan dengan hanya 5% ke 7% pada tahun 2003. Jurang pencapaian yang semakin meluas dalam kalangan pelajar Malaysia adalah membimbangkan kerana tahap pengajian tinggi lebih tinggi berhubung kait secara konsisten dengan pertumbuhan ekonomi jangka panjang.



Dengan Ihsan, Info Centre, Menara Star, Star Publications (Malaysia) Bhd

HRD2010 juga selanjutnya menegaskan bahawa dengan menjadi orang terpelajar, orang ramai diberikan keupayaan untuk memajukan kepentingan, matlamat dan minat mereka, serta menentang eksploitasi. Laporan tersebut juga menekankan bahawa masyarakat yang berpendidikan memiliki kesedaran lebih tinggi untuk mengelakkan risiko kesihatan serta hidup lebih lama selain menjalani kehidupan yang lebih selesa dan pada masa yang sama, memperoleh pendapatan yang lebih tinggi di samping pekerjaan yang lebih baik.

OBJEKTIF NKRA PENDIDIKAN 2010

NKPI 2010

Mempertingkat Pencapaian Pelajar dan Membangunkan Tenaga Kerja Berkualiti

Objektif keseluruhan bagi tahun 2010 adalah untuk meningkatkan akses kepada pendidikan asas dan mempertingkatkan pencapaian pelajar. Sasaran NKPI 2010 adalah seperti yang berikut:

Jadual 1: Sasaran NKPI Bagi Pendidikan

Bidang Tumpuan	KPI	Garis Dasar	2010
Pendidikan Pra sekolah	Kadar Penyertaan (4+ dan 5+)	67%	72%
Kadar literasi dan numerasi	Kadar literasi Kadar numerasi	Tahun-1: 87% Tahun-1: 76%	Tahun-1: 90% Tahun-1: 90%
Sekolah Berprestasi Tinggi	Bilangan	-	20
Tawaran Baru kepada guru besar dan pengetua	% guru besar dan pengetua yang melepasi sasaran	7.7%*	2%
	% guru besar dan pengetua yang tidak mencapai sasaran	-	Tidak lebih daripada 10%

Nota – Kadar literasi dan numerasi pada tahun 2010 mungkin kurang daripada tahun 2009 disebabkan ukuran piawaian yang berbeza (KIA2M)

** Data yang digunakan adalah terkini untuk Sekolah Rendah, manakala pencapaian Sekolah Menengah akan dimaklumkan selepas pengumuman keputusan SPM 2010.*

Prasekolah dan LINUS


Rasional menyeluruh bagi NKRA Pendidikan adalah untuk meningkatkan akses dan kualiti pendidikan asas negara. Inisiatif Prasekolah dan LINUS dibentuk untuk meningkatkan piawaian asas pendidikan dalam negara, bagi memastikan bahawa setiap kanak-kanak memperoleh pendidikan permulaan (*headstart*) yang berkualiti tinggi melalui pendidikan awal kanak-kanak selain peluang untuk celik huruf dan nombor sepenuhnya.

72%
KADAR
PENYERTAAN
KANAK-KANAK
UMUR
PRASEKOLAH

Inisiatif pertama ialah meningkatkan kadar penyertaan kanak-kanak prasekolah kepada 72% berbanding dengan 67% pada tahun sebelumnya, di samping meningkatkan kualiti prasekolah di seluruh negara.

Kami juga menetapkan untuk mempertingkatkan kadar asas literasi dan numerasi dalam kalangan murid Tahun 1 kepada 90% dengan mengadakan saringan dan kelas-kelas pemulihan. Program Saringan Literasi dan Numerasi (LINUS) diperkenalkan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia bertujuan mencapai literasi dan numerasi 100% bagi semua kanak-kanak sekolah Malaysia tanpa mengalami kesukaran pembelajaran apabila mereka sampai ke Tahun 3.

Rajah 2 : Proses Saringan LINUS, 2010



20
SEKOLAH BERPRESTASI
TINGGI DIPILIH

Sekolah Berprestasi Tinggi dan Tawaran Baru kepada Pengetua dan Guru Besar

Dalam usaha melonjakkan tahap keseluruhan sistem, sebanyak 20 Sekolah Berprestasi Tinggi yang telah ditanda aras pada peringkat antarabangsa, telah dipilih. Sekolah-sekolah “*creme de la creme*” ini terdiri daripada sekolah rendah dan menengah yang telah memenuhi kriteria ketat yang ditetapkan termasuklah pencapaian akademik, sokongan alumni, pengiktirafan antarabangsa, serta rangkaian dan kesalinghubungan dengan entiti luar. Sekolah-sekolah ini juga ditakrifkan sebagai sekolah yang memiliki etos, sifat dan identiti unik yang membolehkannya cemerlang dalam semua aspek pendidikan.

Mempertingkatkan Pencapaian Pelajar sambungan

Objektif yang lain ialah mewujudkan Tawaran Baru bagi Pengetua dan Guru Besar, iaitu penilaian berasaskan pencapaian yang baru bagi pengetua serta guru besar dalam sistem pendidikan negara. Hal ini bertujuan memastikan bahawa sekurang-kurangnya 2% pengetua dan guru besar melepasi sasaran mereka bagi tahun 2010. Sebelum pelaksanaan inisiatif NKRA, tiada sistem berasaskan pencapaian bagi tenaga pengajar di dalam negara melainkan sistem penilaian generik bagi penjawat awam. Justeru, kewujudan penilaian berasaskan pencapaian yang baru adalah khusus untuk pengetua dan guru besar dan dikaitkan dengan penyenaian kedudukan (*ranking*) sekolah. Guru-guru kini mempunyai penanda aras pencapaian sebenar untuk mengukur pencapaian dan kemajuan dengan sewajarnya, iaitu dengan pengenalan penilaian pencapaian sekolah yang baharu dan bersifat objektif. Guru-guru telah menerima Inisiatif NKRA dengan positif kerana ia merupakan sumber motivasi yang baik berasaskan merit dan inisiatif sendiri.



Dengan Ihsan, Info Centre, Menara Star, Star Publications (Malaysia) Bhd

Lim Ai Pin,
Guru,
SJK (C) Yu Chai in Perak

“Saya mengajar di sekolah rendah Cina dan pelajar berminat dengan Matematik. Mereka bagaimanapun, begitu bermasalah untuk mempelajari Matematik dalam bahasa Malaysia. Program LINUS telah membantu meningkatkan kecekapan mereka dalam Bahasa Malaysia dan mereka kini boleh menjawab soalan Matematik dalam bahasa ini.”

“Sebelum ini, pelajar-pelajar kami hanya dapat memahami soalan Matematik dalam bahasa Mandarin. Saya boleh mengatakan bahawa penguasaan mereka dalam bahasa ini mencapai peningkatan sebanyak 70%. Mereka kini boleh membaca dan menulis dalam bahasa Malaysia. Salah satu perkara yang saya lakukan ialah menggunakan permainan dalam pengajaran yang dapat membantu mereka mengatasi kebimbangan atau rasa takut akan mata pelajaran Bahasa Malaysia.”

Muhammad Zammri bin Ishak,

Pengerusi

Tadika Bijak Gemilang in Penang (sekolah swasta dengan jumlah 32 orang murid)

“Sejak menghadiri prasekolah, murid-murid kami lebih berdiskusi dan sangat petah bercakap. Perbezaannya jelas – mereka boleh membaca, menulis, dan bergaul dengan mudah. Salah seorang murid kami, kerap berpindah dari satu tadika ke tadika yang lain kerana mempunyai masalah untuk menyesuaikan diri. Apabila murid itu datang ke tadika kami, kami berjaya memberikan lebih perhatian yang diperlukannya dan pada hujung tahun 2010, dia telah pun dapat membaca dan menulis. Ibu bapanya teruja dengan pencapaiannya.

“Kami berjaya mendekatinya kerana kami mengikuti kursus yang ditawarkan Kerajaan. Kami mengambil pendekatan baharu dalam mengajar anak-anak kecil, sebagai contoh dalam bidang psikoterapi, ICT, dan juga psikologi. Kursus-kursus ini membantu kami untuk memahami dengan lebih baik dan membentuk program yang bersesuaian dengan murid-murid kami.

“Kami mengajar tiga bahasa – Inggeris, Bahasa Malaysia, malah juga Arab sebagai asas pendidikan Islam. Selain itu, dalam senarai keutamaan, aktiviti-aktiviti luar darjah adalah yang paling penting. Saya bercadang mengadakan hari keluarga yang besar pada tahun 2011 untuk mengukuhkan hubungan antara ibu bapa dengan kanak-kanak. Saya percaya yang pendidikan bermula di rumah. Bukan hanya guru sekolah tetapi ibu bapa juga berperanan dalam membantu anak-anak mereka suka belajar.”

PESERTA UTAMA

Usaha Kolaborasi

Kementerian Pelajaran bekerjasama dengan pelbagai agensi seperti KEMAS (di bawah Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah) dan JPNIN dibawah Jabatan Perdana Menteri, khususnya di bawah Penunjuk Prestasi Utama Negara (NKPI) Prasekolah bagi memastikan kejayaan mencapai sasaran yang telah ditetapkan untuk NKRA Pendidikan. Selain itu, Kementerian juga bekerjasama rapat dengan sektor swasta dalam bidang latihan perguruan dan operasi prasekolah yang bertujuan meningkatkan kualiti serta akses kepada keseluruhan sistem sekolah. Bagi NKPI yang lain, Kementerian juga bekerjasama dengan Jabatan Pendidikan Daerah dan Negeri untuk memastikan kejayaan inisiatif LINUS dan SBT.

INISIATIF

Berikut ialah antara inisiatif yang dilaksanakan pada tahun 2010 bagi mencapai sasaran yang ditetapkan:

Sokongan kepada Agensi dan Pengusaha Prasekolah

Beberapa pendekatan yang berbeza telah diambil untuk meningkatkan kadar penyertaan kanak-kanak umur prasekolah dalam negara. Kementerian Pelajaran telah bekerjasama secara rapat dengan dua buah agensi Kerajaan yang lain, iaitu KEMAS dan JPNIN yang mengusahakan prasekolah di seluruh negara bagi memastikan piawaian kualiti, struktur yuran, dan bantuan makanan yang disediakan distandardkan di semua institusi prasekolah Kerajaan. Pengusaha prasekolah swasta tidak dibiarkan tanpa memperoleh sokongan daripada kementerian. Bantuan yuran telah diberikan kepada 24,179 kanak-kanak daripada keluarga berpendapatan rendah yang mengikuti pembelajaran di prasekolah swasta dengan yuran kurang daripada RM150 sebulan. Selain itu, Kementerian Pelajaran telah menjalin kerjasama dengan kolej latihan perguruan swasta untuk meningkatkan kemahiran kira-kira 7,000 orang guru prasekolah swasta bagi mempertingkatkan kualiti guru secara keseluruhannya dalam sistem pendidikan negara.

Saringan Literasi Dan Numerasi

Pada tahun 2010, kira-kira 450,000 pelajar Tahun 1 di seluruh negara telah menjalani tiga saringan bagi kemahiran asas literasi dan numerasi mereka. Sebanyak 380,363 (85%) pelajar daripada keseluruhan kohort Tahun 1 lulus saringan literasi asas sementara 406,980 (91%) murid lulus saringan numerasi asas. Kami juga melatih 15,500 guru LINUS yang bertanggungjawab mengajar kelas-kelas pemulihan untuk pelajar-pelajar yang mencatat prestasi kurang memuaskan. Selain itu, kami mengambil bekerja FasiLINUS (fasilitator khusus yang memberikan bantuan profesional), di setiap daerah sekolah bagi memantau, membantu dan menyokong guru-guru LINUS.

Pemilihan Sekolah-Sekolah Berprestasi Tinggi (SBT)

Pada hujung tahun 2010, kami memilih 20 buah SBT dengan matlamat dapat memilih keseluruhan 100 buah SBT menjelang 2012. Sekolah Berprestasi Tinggi akan mempunyai lebih autonomi dalam membuat keputusan yang berkaitan dengan kaedah pengajaran, fleksibiliti dalam penyesuaian kurikulum, di samping pemilihan, penempatan guru, dan penguntukan wang. Sebagai tambahan, bantuan kewangan diberikan kepada setiap SBT saban tahun untuk digunakan bagi tujuan pembangunan pelajar, infrastruktur dan elemen-elemen penting lain yang menyumbang kepada kecemerlangan sekolah.

Tawaran Baru Kepada Pengetua Dan Guru Besar

Di bawah inisiatif Tawaran Baru, sekolah-sekolah dikategorikan kepada 7 band. Band 1 adalah untuk sekolah-sekolah berprestasi cemerlang manakala Band 7 pula untuk sekolah-sekolah berprestasi rendah. Pengetua dan Guru Besar yang berprestasi tinggi 2% teratas yang cemerlang akan diberikan insentif tunai sebanyak RM7,500 dan guru-guru di sekolah mereka juga turut diberikan ganjaran. Guru-guru 5% teratas di sekolah berkenaan pula akan menerima RM1,800 manakala yang lain akan menerima RM900. Pada tahun 2010, Guru Besar, guru-guru dan kakitangan sokongan daripada 586 sekolah rendah di seluruh negara telah menerima ganjaran tawaran baru. Ini merangkumi sebanyak 7.7% daripada sekolah rendah di seluruh negara.

Program Pembangunan Prestasi Sekolah (SIP)

Program Pembangunan Prestasi Sekolah (SIP) bermatlamat mengubah setiap sekolah menjadi institusi pendidikan yang cemerlang dengan memberikan cabaran, motivasi, dan sokongan kepada semua sekolah, khususnya sekolah-sekolah berprestasi kurang memuaskan atau rendah. Keperluan pembaikan sekolah dalam seluruh sistem adalah penting jika kita mahu mewujudkan tenaga kerja yang berdaya saing di peringkat global atau membolehkan setiap warga Malaysia meningkatkan taraf kehidupannya dengan memperoleh akses kepada pendidikan yang berkualiti.

Program Pembangunan Prestasi Sekolah (SIP) akan memberikan sokongan kepada kesemua 10,000 buah sekolah dalam sistem pendidikan dengan memberikan tumpuan kepada sekolah-sekolah berprestasi kurang memuaskan atau rendah di seluruh negara, khususnya sekolah-sekolah di luar bandar.

Di bawah SIP, kami memperkenalkan sistem pengumpulan data terpusat dan alat bantu diri yang dinamai Alat Penambahbaikan Sekolah (*School Improvement Toolkit - SIT*). SIT ini membolehkan Pengetua dan Guru Besar memantau prestasi sekolah dan merancang langkah masa hadapan. Selain itu, SIT juga akan membantu Pengetua dan Guru Besar mengenal pasti cabaran-cabaran yang dihadapi oleh mereka. SIT seterusnya memberikan sokongan melalui alat dan sistem yang sesuai untuk Pengetua dan Guru Besar berkenaan memberikan keutamaan, merancang, dan menguntukkan sumber.

Di samping itu, bagi sekolah-sekolah berprestasi paling rendah, iaitu dalam kategori Band 6 dan 7, Kementerian telah mewujudkan talian khidmat bantuan dan sokongan untuk memulihkan pencapaian sekolah-sekolah tersebut dan memberikan motivasi kepada kakitangannya. Talian khidmat bantuan ini terdiri daripada guru dan jurulatih yang cemerlang yang membuat lawatan terancang dan strategik ke sekolah-sekolah berprestasi terendah untuk memotivasikan serta menyokong guru-guru dan Pengetua/Guru Besar di sekolah-sekolah tersebut. Kami merancang untuk meneruskan sistem sokongan ini sepanjang tahun 2011 bagi mengurangkan jurang antara sekolah-sekolah berprestasi terbaik dengan berprestasi terendah.


KEJAYAAN DAN PENCAPAIAN

Keberhasilan keseluruhan bagi sasaran NKPI yang ditetapkan pada tahun 2010 ditunjukkan dalam jadual yang berikut:

Jadual 2: 2010 Penunjuk Prestasi Utama Negara

Bil.	NKPI	Sasaran 2010	Keberhasilan Sebenar	Catatan	Lampu Trafik
1.	Kadar penyertaan prasekolah	72%	72.42%	Kami telah melewati kadar penyertaan bagi 2010 (701,144 prasekolah)	
2.	Kadar Literasi LINUS	90%	85%	Kadar literasi kekurangan 5% daripada sasaran tahun ini. 380,363 pelajar mencapai literasi asas	
3.	Kadar Numerasi LINUS	90%	91%	Kadar numerasi kohort Tahun 1 telah melebihi sasaran sebanyak 1% 406,980 pelajar mencapai numerasi asas	
4.	Sekolah Berprestasi Tinggi	20	20	20 sekolah SBT diumumkan pada Januari 2010	
5.	Tawaran Baru	2%	7.7%*	Pengumuman guru-guru besar sekolah rendah yang menerima tawaran baru dibuat pada Februari 2011	TD

* Data yang digunakan adalah terkini untuk Sekolah Rendah, sementara pencapaian Sekolah Menengah akan dimaklumkan selepas pengumuman keputusan SPM 2010.



San Yuk Ching,
Pengetua Tadika
Wawasan Ranau, jumlah
keseluruhan murid,
20 orang

"Ibu bapa dan guru-guru kami pernah mendengar tentang inisiatif NKRA Pendidikan. Sehingga kini, maklum balas daripada ibu bapa dan gurur-guru begitu positif. Ibu bapa percaya bahawa pendidikan awal penting bagi kesejahteraan kanak-kanak. Kami telah menerima pakai kaedah mengajar "belajar dan bermain" dan dapat melihat pertumbuhan kanak-kanak bulan demi bulan. Sebagai contoh, ramai yang pertama kali datang tidak tahu bagaimana untuk memegang pensil, bergaul, dan menggunakan bilik air – malah masih memakai lampin pakai buang. Pada pertengahan tahun, mereka tidak lagi memakai lampin pakai buang dan datang ke sekolah tanpa dipaksa oleh ibu bapa. Saya fikir kita sedang melakukan perkara yang betul dan membantu kanak-kanak membesar dengan hala tuju yang betul. Saya juga bercadang untuk mendapatkan kaedah, kursus, idea baru daripada Jabatan Pendidikan Negara untuk menangani kanak-kanak autistik dan yang berkeperluan khas. Itulah rancangan saya untuk tahun 2011."

91%
KADAR
NUMERASI
BAGI MURID
TAHUN 1

Prasekolah

Pada tahun 2010, kami melepasi sasaran penyertaan prasekolah yang ditetapkan, iaitu 72%, dengan mencapai penyertaan 72.42% pada Disember 2010. Kami mencapai kejayaan ini dengan pembukaan 1,500 kelas-kelas prasekolah oleh Kementerian Pelajaran, KEMAS, JPNIN, dan sektor swasta.


Hal ini merupakan pencapaian yang hebat kerana 701,144 kanak-kanak prasekolah dalam kumpulan umur 4+ dan 5+ berpeluang untuk memasuki prasekolah. Ini merupakan tambahan 54,569 kanak-kanak prasekolah sejak tahun 2009, yang sehingga kini masih belum berpeluang menghadiri prasekolah disebabkan kekurangan sekolah di kawasan mereka. NKPI prasekolah telah melepasi sasarannya dengan mengadakan 1,500 kelas prasekolah baharu, mengatasi matlamat sebanyak 1,353 kelas pada tahun 2010.

Kami juga berasa gembira dengan pengenalan pelaksanaan Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan untuk mengharmonikan piawaian prasekolah serta penubuhan Jawatankuasa Penyelarasan Prasekolah Kebangsaan bagi menghalusi serta melaksanakan dasar yang secara langsung melibatkan prasekolah.

Dengan mengadakan prasekolah baru pada tahun 2010, kanak-kanak yang berada di kawasan-kawasan amat terpencil di Sabah dan Sarawak tidak dilupakan. Hal ini dapat dilihat dengan pembukaan empat kelas prasekolah di rumah panjang di Sri Aman, Sarawak dan lima kelas prasekolah di pusat komuniti di Sabah.

Rajah 3: Bilangan Prasekolah 2010

**KPI bagi 2010: Penyertaan 72% (693,025 kanak-kanak) bagi kohort 4+ dan 5+
Pencapaian Terkini : Penyertaan 72.42% (701,144 kanak-kanak)**



701,144 daripada kanak-kanak berusia antara 4+ dan 5+ tahun kini menyertai prasekolah di seluruh negara


54,569 kanak-kanak telah memperoleh manfaat daripada sekolah baru!

Sebanyak RM1.44 juta bantuan kewangan telah disalurkan kepada SeDIDIK, sebuah agensi di bawah Perbadanan Pembangunan Ekonomi Negeri Sarawak, yang mengurus pelaksanaan 58 buah prasekolah di seluruh Sarawak. Matlamat bagi memastikan peluasan akses untuk pendidikan prasekolah dicapai dengan pelbagai pendekatan yang mengambil manfaat daripada usaha yang telah diambil oleh Kementerian, dan agensi-agensi prasekolah seperti KEMAS, JPNIN dan SeDIDIK. Sektor swasta juga memainkan peranan dalam memberikan sumbangan besar kepada kadar penyertaan prasekolah.

Penting untuk dinyatakan di sini bahawa penyertaan dalam kelas prasekolah kendalian Kerajaan dan dikendalikan oleh Kementerian Pelajaran, KEMAS, serta JPNIN adalah secara percuma. Sementara itu, bantuan yuran diberikan kepada 24,179 murid prasekolah yang mengikuti kelas prasekolah swasta di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak.

Dalam Saringan Ketiga LINUS yang dijalankan pada bulan November 2010, kami telah mencapai kadar Literasi sebanyak 85% dan 91% bagi Numerasi untuk pelajar-pelajar Tahun 1 berbanding dengan sasaran 90% yang ditetapkan untuk kedua-duanya. Adalah penting untuk ditegaskan bahawa penanda aras untuk tahun 2010 dibuat menggunakan kajian daripada program Kelas Intervensi Asas Membaca dan Menulis (KIA2M) yang dilaksanakan, sebelum permulaan program LINUS. Program KIA2M juga menguji literasi serta numerasi asas disempurnakan dengan perolehan skor masing-masing, 87% bagi literasi dan 76% numerasi berasaskan instrumen KIA2M.

Rajah 4: Keputusan Saringan LINUS pada tahun 2010




Lebih penting lagi, implikasi lebih meluas daripada ketiga-tiga saringan LINUS yang dijalankan ialah Kementerian kini memiliki data berkaitan dengan kadar literasi dan numerasi di seluruh negara yang terperinci. Data ini membolehkan Kementerian mengenal pasti secara khusus negeri dan daerah yang kadar literasi dan numerasinya adalah yang paling rendah. Oleh hal yang demikian, mereka dapat mengambil tindakan untuk memulihkan standard.

Rajah 5 : Keputusan Saringan LINUS Ketiga oleh Negeri-negeri, Sept 2010

Aspirasi kami ialah 100% kohort Tahun 1 sekarang ini akan memiliki kemahiran literasi menjelang 2012

Kanak-kanak dengan kemahiran literasi asas dalam Saringan LINUS ketiga, Sept. 2010


>90% Literasi
51-90% Literasi
<50% Literasi



Aspirasi kami ialah 100% kohort Tahun 1 sekarang ini akan memiliki kemahiran numerasi menjelang 2012

Kanak-kanak dengan kemahiran literasi asas dalam Saringan LINUS ketiga, Sept. 2010

>90% Literasi
51-90% Literasi
<50% Literasi



Sekolah Berprestasi Tinggi (SBT)

Penganugerahan status SBT kepada 20 buah sekolah merupakan peristiwa penting yang signifikan kerana memberikan pengiktirafan kepada sekolah-sekolah terbaik dalam negara kita selain membolehkan sekolah-sekolah tersebut menerima RM700,000 di samping autonomi kewangan dan kurikulum tambahan. SBT seterusnya boleh melantik guru tambahan secara kontrak dan juga menawarkan mata pelajaran tambahan daripada kurikulum dan lembaga peperiksaan luar negara. Walau bagaimanapun, dengan autonomi tambahan yang diberikan, sekolah-sekolah tersebut juga tertakluk pada kebertanggungjawaban yang lebih besar.

NKPI SBT bertujuan mewujudkan sekolah bertaraf dunia yang mempunyai etos serta sifat yang tersendiri. SBT yang berjumlah 20 buah ini terdiri daripada 14 buah sekolah menengah dan 6 buah sekolah rendah, yang terletak di pelbagai negeri di seluruh negara. Sebanyak 30 buah SBT lagi yang akan dikenal pasti pada tahun 2011 dan 50 buah SBT pada tahun 2012. Ini akan menjadikan jumlah keseluruhan 100 SBT pada penghujung tahun 2012.

Jadual 3: Senarai 20 Sekolah Berprestasi Tinggi (SBT) yang Dipilih

6 buah Sekolah Berprestasi Tinggi - Sekolah Rendah

	Name of school	Location	Area of Speciality
1	SK Seri Bintang Utara	Kuala Lumpur	• Catur • Hoki
2	SK Bukit Damansara	Kuala Lumpur	• Program Alam Sekitar
3	SK Taman Tun Dr Ismail 1	Kuala Lumpur	• Pengakap • Boling Tenpin
4	SK Convent Kota	Perak	• Persembahan Artistik • Aktiviti Bahasa Lisan
5	SK Zainab 2	Kelantan	• Puisi dan Cerita Pendek • Memanah
6	SK Bandar Uda 2	Johor	• Olimpiad Matematik • Robotik

Jadual 4: 14 buah Sekolah Berprestasi Tinggi - Sekolah Menengah

	Name of school	Location	Area of Speciality
1	SMK Aminuddin Baki	Kuala Lumpur	• Penulisan Esei Bahasa Inggeris • Renang
2	SMK Sultanah Asma	Kedah	• Pancaragam • Puisi dan Lagu
3	SMK (P) St George	Pulau Pinang	• Keusahawanan • Muzik
4	SMK (P) Sri Aman	Selangor	• Penulisan Bahasa Inggeris • Projek Hijau
5	Sekolah Sultan Alam Shah	Putrajaya	• Ragbi • Wind Orchestra
6	Kolej Islam Sultan Alam Shah	Selangor	• Silat • Nasyid
7	Sekolah Tun Fatimah	Johor	• Hoki • Pancaragam
8	Sekolah Dato' Abdul Razak	Negeri Sembilan	• Ragbi • Foyer Programme
9	Tunku Kurshiah College	Negeri Sembilan	• Kepemimpinan • Inovasi dan Reka Cipta
10	Malay College Kuala Kangsar	Perak	• Ragbi • Bola Keranjang
11	Sekolah Seri Puteri	Cyberjaya	• Wind Orchestra • Bola Keranjang
12	SM Sultan Abdul Halim	Kedah	• Ragbi • Wind Orchestra
13	SM Sains Muzaffar Syah	Melaka	• Teknologi Hijau dan Pertanian • Robotik dan Elektronik
14	SM Sains Tun Syed Putra	Perlis	• Inovasi dan Reka Cipta • Bola sepak

Setiap SBT bertanggungjawab untuk menetapkan matlamat akademik dan holistik secara tahunan yang bertujuan meningkatkan pencapaian sekolah secara keseluruhannya. Unit SBT yang baru ditubuhkan di Kementerian Pelajaran dipertanggungjawabkan untuk membantu sekolah-sekolah tersebut mencapai sasaran dengan memberikan sokongan padu dan pemantauan secara konsisten.

Insentif yang diterima telah memberikan impak terhadap pencapaian 20 buah SBT berkenaan, dengan keputusan pelajar yang lebih cemerlang. Pewujudan budaya pencapaian dan pemberian insentif akan mendorong sekolah-sekolah dalam Band 1 untuk sentiasa bersaing agar menjadi salah sebuah daripada kelompok SBT yang berikutnya dan sekali gus mencapai matlamat memulihkan pencapaian keseluruhan sekolah-sekolah.


Tawaran Baru kepada Pengetua dan Guru Besar dan Program Pembangunan Prestasi Sekolah (SIP)

Ganjaran yang dicadangkan untuk diberikan kepada 2% Pengetua dan Guru Besar cemerlang di bawah Tawaran Baru kepada Pengetua dan Guru Besar dijangka dapat Mempertingkatkan Pencapaian Pelajar. Budaya pemberian insentif yang dengannya Guru Besar/Pengetua dan Guru diberikan ganjaran berasaskan pencapaian akan mendorong mereka untuk membuat pembaharuan, meningkatkan, malah menghasilkan pencapaian yang lebih baik. Pada tahun 2010, pencapaian Guru Besar sekolah rendah telah melepasi sasaran 2% yang menerima ganjaran, apabila sebanyak 7.7% Guru Besar sekolah rendah di sekolah negara telah menerima ganjaran Tawaran Baharu, termasuk guru-guru dan kakitangan sokongan daripada sekolah tersebut.


Secara lebih khususnya, Pengetua dan Guru Besar yang berprestasi tinggi ditawarkan insentif tunai berjumlah RM7,500 dan guru-guru di sekolah berkenaan juga akan diberikan ganjaran. Guru-guru 5% teratas di sekolah berkenaan akan mendapat ganjaran sebanyak RM1,800, manakala 95% guru yang lain menerima RM900. Sekolah-sekolah yang dipilih untuk memperoleh insentif kewangan akan juga menerima peningkatan autonomi dan pengiktirafan. Pencapaian 586 sekolah ini menjadi lebih penting dan bermakna disebabkan hakikat bahawa 437 daripadanya terletak di bandar-bandar kecil atau kawasan luar bandar.

Di bawah NKPI Tawaran Baru, kami telah menyenaraikan kedudukan 9,814 buah sekolah rendah dan menengah buat pertama kalinya dalam sejarah Malaysia. Dengan menggunakan skor komposit yang mengukur kecemerlangan akademik dan pencapaian holistik, sekolah-sekolah telah disenaraikan dalam kedudukan dalam tujuh band, daripada prestasi tertinggi (Band 1) kepada terendah (Band 7). Skor yang diperoleh akan membantu pihak-pihak berkepentingan menentukan peningkatan tahunan bagi setiap sekolah di seluruh negara.

Rajah 6 : Penyenaraian Kedudukan Sekolah Rendah pada Tahun 2010



Rajah 7: Penyenaraian Kedudukan Sekolah Menengah Tahun 2010



Dengan pengenalan Alat Penambahbaikan Sekolah atau School Improvement Toolkit di bawah SIP pada tahun 2010, setiap Guru Besar dan Pengetua akan dibekalkan alat untuk mengenal pasti kelemahan yang ada pada sekolah masing-masing dan seterusnya mendapatkan bantuan sewajarnya daripada Kementerian Pelajaran, ibu bapa, guru, dan masyarakat secara keseluruhannya, untuk menangani isu-isu ini dengan segera.

Sekolah berprestasi rendah dalam Band 6 dan 7 diberikan bantuan khas, iaitu dengan penyediaan pembimbing (SIP) untuk memberikan khidmat bantuan kepada semua 209 buah sekolah rendah di bawah kategori ini. Sebanyak 88 buah sekolah menengah juga menerima khidmat bantuan melalui SIP. Pada permulaan pelaksanaan kedua yang menyasarkan 340 buah sekolah selanjutnya akan dilaksanakan sesegera mungkin. Daripada 209 buah sekolah, sekurang-kurangnya 140 buah telah mencatat peningkatan dalam Skor Gred Purata Sekolah (GPS), malah terdapat sekolah yang menunjukkan pencapaian sehingga 40%.

Sekolah Amanah

Pada Disember 2010, Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Pelajaran telah melancarkan Sekolah Amanah yang merupakan Program Perkongsian Pintar (PPP) antara Kerajaan dengan swasta. Dalam program ini, sekolah-sekolah Kerajaan diurus secara bersama oleh rakan kongsi yang berkeelayakan dan pengetua sekolah perkhidmatan awam di bawah naungan Kementerian Pelajaran.

Sekolah Amanah masih mengekalkan status sebagai sekolah Kerajaan dan mendapat pembiayaan daripada Kerajaan, namun pengurusan dijalankan oleh rakan kongsi swasta yang memenuhi kriteria-kriteria tertentu yang telah ditetapkan oleh Kementerian Pelajaran. Pada tahun 2010, sebanyak 10 buah Sekolah Amanah yang dipilih merentas spektrum prestasi dan dilancarkan sebagai sekolah amanah yang berada di bawah pengurusan Yayasan AMIR, sebuah yayasan yang tidak berasaskan keuntungan di bawah Khazanah Nasional Berhad.

Jadual 5: Rangkaian Sekolah Amanah di bawah Pengurusan Yayasan Amir

	Name of School	Location
1	SK Bandar Baru Uda (2)	Johor
2	SK Kampung Layau	Johor
3	SJK (T) Kangkar Pulai	Johor
4	SMK (FELDA) Semenchu	Johor
5	SMK Gelang Patah	Johor
6	SM Sains Kuching	Sarawak
7	SK Kg Empila	Sarawak
8	SK Combine	Sarawak
9	SK Tabuan	Sarawak
10	SMK Bandar Kuching (2)	Sarawak

Sekolah-sekolah Amanah ini akan diberikan autonomi tertentu dalam bidang kurikulum, kewangan, pemerolehan dan sumber manusia, serta diberikan lebih fleksibiliti selain galakan untuk melaksanakan pembaharuan dan untuk tujuan itu, pihak sekolah perlu memastikan kebertanggungjawaban dalam pencapaian.

KEBERHASILAN

Program Transformasi Kerajaan (GTP) telah diterima secara positif oleh rakyat kerana inisiatifnya memperoleh dorongan dan momentum. Laporan mingguan keenam-enam NKRA dalam akhbar-akhbar utama membolehkan rakyat mengikuti kemajuan terkini dan pencapaian NKRA. Hal ini ditambah pula dengan laporan berterusan melalui media elektronik seperti seperti TV dan radio, selain juga laman sosial - sekadar menyebut sebahagiannya. Keyakinan rakyat semakin meningkat berikutan pencapaian yang ditunjukkan oleh NKRA Pendidikan yang hakikatnya merupakan kejayaan besar.

Sementara itu, PEMANDU dan Kementerian Pelajaran juga telah mengambil tindakan untuk turun ke padang, iaitu ke beberapa buah negeri, daerah dan juga sekolah untuk memberikan pendedahan tentang NKRA Pendidikan kepada kumpulan sasaran. Kami melakukan perkara ini melalui inisiatif seperti Penyenaraian Kedudukan Sekolah, SIP, dan Alat Sekolah (SIT) yang melibatkan 10,000 buah sekolah rendah dan menengah.

Pada masa yang sama, dalam kunjungan Pegawai Pendidikan Daerah, Pembimbing Pembangunan Sekolah, dan Jurulatih Pakar Pembangunan Sekolah (SISC) ke sekolah untuk memulakan pelaksanaan SIP dan SIT, Guru Besar /Pengetua, Guru-guru, dan Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) diberikan pendedahan tentang kepentingan GTP sebagai agenda kebangsaan selain juga objektif NKRA Pendidikan. Pihak-pihak berkepentingan yang penting ini dilibatkan bagi memastikan bahawa aspirasi dan sasaran NKRA dapat dicapai.



Dengan Ihsan, Info Centre, Menara Star, Star Publications (Malaysia) Bhd

CABARAN

KETIDAKSEMPURNAAN

Sebagai penyedia utama pendidikan awam di negara ini, Kementerian Pelajaran Malaysia mempunyai bahagian cabarannya yang tersendiri untuk memberikan pendidikan kepada semua kanak-kanak di negara ini memandangkan keperluan serta keupayaan yang amat berbeza, khususnya antara pelajar-pelajar di kawasan bandar dan luar bandar. Dalam usaha mengharmonikan piawaian dalam keseluruhan sistem pendidikan, NKRA Pendidikan juga menghadapi beberapa cabaran, antaranya termasuklah:

Meningkatkan Piawaian 7000 Guru Prasekolah Swasta melalui Latihan dan Latihan Semula

Sebahagian besar prasekolah swasta mengambil bekerja guru-guru yang hanya mempunyai kelayakan Sijil Pelajaran Malaysia. Kami telah berjaya melatih kira-kira 7,000 guru-guru prasekolah swasta dan JPNIN, dengan kerjasama Institut Pendidikan Guru (IPG), Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA), dan Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) bagi memastikan murid-murid prasekolah mendapat kualiti pengajaran yang terbaik.

Pada hakikatnya, penyelarasan projek latihan yang besar seumpama ini memberikan tekanan terhadap latihan serta sumber pengurusan projek Kementerian, iaitu penambahan bagi aktiviti harian bahagian latihan sedia ada. Walau bagaimanapun, dengan bantuan daripada sektor swasta yang memberikan sokongan latihan tambahan, latihan tersebut telah dengan jayanya disempurnakan pada Disember 2010, sebelum sesi persekolahan 2011 bermula.

Perubahan Dasar

Sebahagian besar inisiatif di bawah NKRA Pendidikan memerlukan keberhasilan besar yang pantas, yang ada kalanya sukar dilaksanakan memandangkan wujudnya kerenah birokrasi dalam Kementerian Pelajaran. Prosedur yang mengambil masa yang panjang dan rumit ini khususnya terdapat dalam mana-mana inisiatif yang memerlukan pertambahan jawatan dan prosedur kewangan.

Persepsi Orang Awam terhadap NKRA Pendidikan

Persepsi orang awam terhadap inisiatif kami pada tahun 2010 keseluruhannya positif. Sebagai contoh Noriah, ibu kanak-kanak yang berumur lima tahun yang menerima manfaat daripada prasekolah yang dibina di bawah NKRA Pendidikan pada tahun 2010. Beliau gembira menghantar anaknya ke Tadika Saga di Kota Kinabalu, Sabah kerana anaknya pantas belajar. Anak lelaki itu hanya memulakan kelasnya pada bulan Ogos 2010 dan bukannya pada awal tahun tetapi dapat mengejar dan menyaingi pelajar-pelajar yang lain. Noriah berkata Tadika Saga menggunakan kaedah pengajaran Montessori yang menggabungkan pembelajaran dan permainan, dan dengan itu, kanak-kanak lebih mudah memahami apa diajarkan kepada mereka.

“Saya telah pun mendaftar anak saya yang berumur tiga tahun di Tadika Saga melalui pendaftaran awal tadika. Saya mahu pastikan bahawa dia juga mendapat permulaan yang bagus dalam pendidikannya. Secara keseluruhan, saya boleh katakan yang saya sangat kagum dengan tadika ini,” katanya.

Terence Idang,
Ketua Kampung,
Masyarakat Bisaya,
Sarawak

“Saya fikir adalah penting untuk kami meningkatkan piawaian (standard) Bahasa Inggeris di sini. Kanak-kanak mesti menguasai bahasa ini untuk melanjutkan pelajaran mereka. Malangnya, saya diberitahu yang sesetengah guru Bahasa Inggeris sendiri melakukan banyak kesalahan tatabahasa semasa mengajar. Jika itu keadaannya, bagaimanakah kanak-kanak kita dapat meningkatkan penguasaan Bahasa Inggeris? Saya difahamkan bahawa guru-guru juga tidak bertutur dalam Bahasa Inggeris sesama mereka.

Kita memerlukan guru bahasa Inggeris yang baik supaya pelajar-pelajar kita akan lebih cekap dan boleh bertutur dalam bahasa ini dengan lebih yakin. Jika kita mahu Malaysia menjadi maju dan berfikir global, peningkatan dalam penguasaan Bahasa Inggeris kita adalah penting.”

Kualiti Sekolah Bandar dan Luar Bandar

Kami menyedari bahawa adalah lebih berkesan untuk menggunakan jadual penyenaraian yang berbeza bagi sekolah bandar dan luar bandar serta kategori-kategori lain yang akan memberikan kesan terhadap pencapaian sesebuah sekolah. Dengan menggunakan sistem penyenaraian kedudukan yang sama, kami akan mengkaji penggunaan kategori bagi jadual penyenaraian kedudukan, bagi meningkatkan ketelusan serta ekuiti dalam sistem persekolahan.



Dengan Ihsan, Info Centre, Menara Star, Star Publications (Malaysia) Bhd

Kaedah Baru Kenaikan Pangkat

Kami juga akan meninjau untuk membuat perubahan terhadap kaedah kenaikan pangkat bagi guru-guru di seluruh negara, kerana didapati 70% guru bersara hanya dua anak tangga yang berikutnya daripada gred permulaan perkhidmatan mereka.

PENGAJARAN YANG DIPELAJARI

Pengajaran paling penting yang dipelajari daripada setahun pelaksanaan NKRA Pendidikan ialah semua projek perlu dilaksanakan seawal mungkin (sekurang-kurangnya enam bulan sebelum tarikh akhir) untuk mengambil kira prosedur yang mengambil masa yang lama dan memerlukan penelitian.

Mempertingkatkan Pencapaian Pelajar sambungan

Kami membuat kesimpulan bahawa pengurangan sebanyak 5% dalam pencapaian kadar literasi disebabkan kekurangan sokongan kepada pelajar yang mempunyai masalah pembelajaran atau ketidakupayaan pembelajaran dan juga pelajar di sekolah-sekolah vernakular, sekolah Orang Asli, serta sekolah-sekolah di kawasan terpencil, khususnya di Sabah dan Sarawak. Pelajar-pelajar menghadapi kesulitan dalam memenuhi syarat piawaian literasi. Pengajaran yang dipelajari daripada kes atau isu ini ialah Kementerian perlu meningkatkan sokongan dan bantuan, sebagai contoh, dengan menghantar guru-guru pemulihan LINUS tambahan ke sekolah-sekolah berkenaan dan/atau membimbing guru-guru LINUS untuk mengenal pasti isu-isu tertentu yang dihadapi oleh pihak sekolah.

Kami menyedari bahawa kanak-kanak yang mempunyai masalah pembelajaran tidak dikenal pasti dengan segera disebabkan kekurangan jururawat dan/atau pegawai-pegawai perubatan yang memiliki kepakaran yang mencukupi untuk menjalankan pemeriksaan berhubung ketidakupayaan atau masalah tersebut. Pada tahun 2011, perbincangan akan diadakan dengan Kementerian Kesihatan untuk mengenal pasti sistem yang melaluinya pelajar yang mempunyai masalah pembelajaran dapat dikenal pasti dengan segera dan ditempatkan dalam kelas-kelas pendidikan khas.

Selain itu terdapat juga keperluan untuk meningkatkan piawaian kemasukan guru. Pada tahun 2010, kami menjalankan dua makmal mini yang dikenali sebagai Makmal Kualiti Guru dan Makmal Kurikulum. Kedua-dua makmal ini mempunyai implikasi jangka panjang dalam meningkatkan kualiti guru dan juga kurikulum pengajaran. Sebagai hasil daripada makmal mini tersebut, *Teach For Malaysia*, inisiatif Pertubuhan Bukan Kerajaan telah dilancarkan pada Disember 2010. Inisiatif ini merupakan idea yang dicetuskan oleh Unit Perancangan Ekonomi (EPU) dan Kementerian Pelajaran dengan menggunakan model *Teach for America* yang dilaksanakan di Amerika Syarikat serta *Teach for All* di United Kingdom. Melalui inisiatif ini, pelajar-pelajar cemerlang daripada universiti-universiti dalam dan luar negara akan mengajar di sekolah-sekolah berkeperluan tinggi selama 2 tahun.



Siti Noraisyah binti Rosli,
Pelajar-12-tahun dari
Kampung Awat-Awat,
Sarawak

“Bapa saya seorang nelayan dan ibu saya suri rumah. Saya mempunyai tujuh orang adik-beradik. Keputusan UPSR saya baik (3A+2B) kerana guru-guru memberi bimbingan kepada saya untuk belajar, terutamanya mata pelajaran yang lebih penting. Mata pelajaran yang saya sukai ialah Matematik dan apabila dewasa, saya mahu menjadi doktor supaya dapat membantu orang lain. Sekolah saya, Sekolah Kebangsaan Meragang, yang jauhnya memakan masa dua jam dengan menaiki kereta.”

MELANGKAH MENUJU 2010

SASARAN PENUNJUK PRESTASI UTAMA NEGARA (NKPI) 2011

Berbanding dengan tahun 2010, kami telah meningkatkan lagi sasaran untuk sub NKRA bagi tahun 2011.

1. Prasekolah: Meningkatkan kadar penyertaan kanak-kanak berumur 4+ dan 5+ tahun di seluruh negara daripada 72% pada tahun 2010 kepada 80% pada tahun 2011.
2. LINUS: Meningkatkan kadar penguasaan asas literasi dan numerasi kepada 95% bagi pelajar atau murid Tahun 2, berbanding dengan sasaran 90% murid bagi Tahun 1 pada tahun 2010.
3. Sekolah Berprestasi Tinggi (SBT): Pengurniaan status Sekolah Berprestasi Tinggi kepada 30 buah sekolah sebagai tambahan kepada 20 buah SBT yang menerima anugerah tersebut pada tahun 2010.
4. Meningkatkan penerimaan Tawaran Baru kepada 3% Guru Besar dan Pengetua kepada 3% berbanding dengan hanya 2% pada tahun 2010.

NKPI Baharu Tahun 2011

Berdasarkan sasaran baru yang telah dinyatakan, dan dalam melaksanakan program prasekolah pada tahun 2011, kami akan memastikan inisiatif NKRA dan NKEA saling melengkapi antara satu dengan yang lain bagi memperoleh hasil yang optimum.

Sebagai contoh, untuk mencapai sasaran 80% kadar penyertaan dalam program prasekolah di bawah NKRA Pendidikan, kami akan memanfaatkan inisiatif di bawah NKEA, iaitu melalui Projek Permulaan (*Entry Point Project – EPP*) yang bertujuan meningkatkan pengusaha prasekolah swasta.

Pada tahun 2010, kira-kira 7,000 guru-guru prasekolah swasta telah dilatih oleh institusi pengajian tinggi awam dan swasta. Pada tahun 2011, kohort seterusnya yang juga kira-kira 7,000 guru prasekolah swasta akan diberikan latihan. Peluang memberikan latihan kepada guru-guru ini diberikan kepada institusi latihan perguruan awam dan swasta. Perkongsian antara Kementerian Pelajaran dengan latihan perguruan awam dan swasta bertujuan

meningkatkan kualiti guru prasekolah swasta dengan matlamat utamanya untuk meningkatkan profesionalisme guru-guru prasekolah dalam sektor Pendidikan Awal Kanak-Kanak (ECCE). Hal ini merupakan asas penting bagi memastikan Malaysia dapat melahirkan modal insan dan pemimpin masa hadapan yang berkualiti.

Pada tahun 2010, bantuan yuran prasekolah hanya dicadangkan untuk diberikan kepada kanak-kanak daripada isi rumah berpendapatan rendah yang berdaftar dengan pangkalan data e-Kasih. Program bantuan yuran yang berjumlah RM 10.3 juta telah diterima oleh 24,179 pelajar dan skim ini juga diperluas bagi melibatkan pelajar-pelajar daripada keluarga berpendapatan rendah (iaitu bawah 40% pengagihan pendapatan isi rumah kebangsaan dengan pendapatan bulanan RM2,300).

BANTUAN YURAN
DIBERIKAN KEPADA
24,179
PELAJAR

Pada tahun 2011, Kerajaan akan mengkaji untuk menyediakan insentif kepada lebih banyak pengusaha prasekolah swasta dengan meningkatkan secara seimbang dari aspek penawaran kepada aspek permintaan dalam bentuk bantuan yuran prasekolah. Kami juga akan menangani halangan yang dihadapi sektor swasta seperti memudahkan proses pelesenan dan meningkatkan akses kepada pembiayaan aspek penawaran bagi menggalakkan lebih banyak pelaburan sektor swasta dalam pendidikan prasekolah. Kami optimis bahawa kadar penyertaan prasekolah pada tahun 2011 akan tercapai dengan penyertaan lebih tinggi sektor swasta, sejajar dengan peningkatan secara seimbang oleh Kementerian Pelajaran, KEMAS dan JPNIN.

Pada tahun 2011, Program LINUS akan memasuki tahun kedua dan kami akan meneruskan tiga proses saringan yang akan diadakan pada bulan Mac, Jun dan September. Walau bagaimanapun, memandangkan kami memiliki data yang telah diperolehi melalui saringan yang dijalankan pada tahun 2010, usaha dan sasaran pada tahun 2011 akan ditumpukan pada sekolah-sekolah yang memerlukan peningkatan kadar literasi dan numerasi. Kementerian Pelajaran akan mengenal pasti sekolah-sekolah yang mencatat pencapaian kurang memuaskan dalam program LINUS yang telah dijalankan, bagi memastikan pelajar-pelajar yang lemah daripada kohort Tahun 1 2010 akan menguasai kemahiran literasi dan numerasi selain tidak perlu mengikuti semula kelas pemulihan apabila mereka memasuki Tahun 2. Lebih banyak guru LINUS akan diambil bekerja di sekolah-sekolah ini dan guru-guru LINUS sedia ada akan menerima latihan tambahan untuk meningkatkan kemahiran pengajaran dan pembelajaran mereka.

Sharifah Kasmani

Guru daripada SK Bukit Tumbu, Terengganu

“Program LINUS telah menunjukkan pencapaian yang amat memberangsangkan. Sebahagian besar pelajar kami yang tidak dapat membaca sebelum program dilaksanakan kini menunjukkan pencapaian jauh lebih baik – kami telah mencapai kadar literasi 89%.

Saya mahu memperhebat usaha ini dengan lebih giat lagi dan mencapai kadar literasi 100% menjelang 2012. Program LINUS telah berjaya untuk menarik perhatian dan sokongan semua pihak – JPN, PIBG, guru-guru – disebabkan hasil positif yang diberikannya kepada pelajar.”

Berhubung dengan SBT, kami akan menambah 30 buah sekolah lagi berbanding dengan 20 buah yang telah memiliki status berkenaan sekarang. Kami juga akan memantau pencapaian KPI yang dikenakan terhadap 20 buah SBT untuk mengukur keberkesanan dan impak bantuan serta autonomi kepada pencapaian sekolah serta pelajar. Kami turut akan meningkatkan tahap bagi 20 buah SBT ini dengan menginstitusikan KPI terhadap pencapaian akademik. Selanjutnya, KPI akan dikenakan atas 30 buah sekolah tambahan yang akan dipilih pada tahun 2011 untuk memastikan kebertanggungjawaban dan keutamaan yang lebih tinggi diberikan terhadap pencapaian pelajar. Kami akan meneruskan langkah penyenaraian kedudukan sekolah rendah dan menengah secara tahunan di seluruh negara.

Penyenaraian kedudukan tahunan bagi semua sekolah melibatkan keputusan peperiksaan awam dan Piawaian Kuliti Pendidikan Malaysia (SQEM).



Dengan Ihsan, Info Centre, Menara Star, Star Publications (Malaysia) Bhd

Dengan terlaksananya semua yang telah dinyatakan ini berserta KPI dan sasaran bagi tahun 2011, kami begitu teruja untuk melangkah gagah ke hadapan. Kementerian Pelajaran beriltizam penuh untuk memastikan bahawa semua rakyat Malaysia memperoleh manfaat daripada inisiatif NKRA Pendidikan, tidak kira sama ada di Semenanjung mahupun juga di Sabah dan Sarawak. Meskipun berbangga dengan pencapaian yang dicatat bagi tahun 2010, kami menyimpan tekad lebih tinggi untuk menerjah dengan berani, melewati kebiasaan dan berusaha menyediakan pendidikan yang berkualiti untuk pemimpin-pemimpin masa hadapan Malaysia.

Mempertingkatkan Taraf Kehidupan Isi Rumah Berpendapatan Rendah



Mempertingkatkan Taraf Kehidupan Isi Rumah Berpendapatan Rendah



“ Pencapaian ketara pada tahun 2010 ialah lebih daripada 44,000 isi rumah telah berjaya dikeluarkan dari kelompok kemiskinan tegar. Walau bagaimanapun, jumlah mereka yang berpendapatan rendah dan yang miskin masih ramai dan perlu dikurangkan lagi. Komitmen kami adalah untuk memastikan bahawa kami akan terus berusaha dengan cara yang mantap dan penuh keyakinan walaupun kami tidak berdaya membasmi kemiskinan sama sekali di negara ini. Kami juga komited untuk mempertingkatkan taraf kehidupan isi rumah berpendapatan rendah dan yang miskin, bagi masyarakat di bandar mahupun di luar bandar. Dalam usaha ini, kami akan memastikan tiada seorang pun warga Malaysia yang akan tercicir dalam usaha negara bergerak maju ke hadapan. ”

Dato' Sri Shahrizat Abdul Jalil
Menteri Pembangunan Wanita,
Keluarga dan Masyarakat

Mempertingkatkan Taraf Kehidupan Isi Rumah Berpendapatan Rendah sambungan



Dengan Ihsan, Info Centre, Menara Star, Star Publications (Malaysia) Bhd

IMBASAN PENCAPAIAN 2010

Keputusan Sebenar, Perubahan Sebenar

Walaupun Malaysia telah berjaya mencapai kemajuan yang memberangsangkan dalam menangani kemiskinan sejak 40 tahun yang lalu, namun, masih ada 4% lagi warga Malaysia yang masih diklasifikasikan sebagai penduduk miskin. Dalam mengurus jurang perbezaan ekonomi rakyat Malaysia daripada yang kaya hinggalah yang kurang bernasib baik, Mempertingkat Taraf Hidup Isi Rumah Berpendapatan Rendah (LIH) telah dijadikan salah satu Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA). Walaupun pada tahun 2010, banyak kesulitan telah dihadapi, Kementerian Peneraju untuk NKRA LIH - Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat atau KPWKMM telah berjaya mencapai kebanyakan sasaran NKPI seperti yang digariskan.

Mempertingkatkan Taraf Kehidupan Isi Rumah Berpendapatan Rendah sambungan

Pada tahun 2010, sejumlah 44,643 isi rumah miskin tegar telah berjaya dikeluarkan daripada kategori ini (menurun kepada sifar peratus) sementara jumlah isi rumah miskin turut berjaya dikurangkan dengan ketara. Pelbagai inisiatif telah diperkenalkan, antaranya program 1AZAM, penyediaan rumah kos rendah serta beberapa inisiatif lain yang telah mendatangkan hasil yang positif dalam usaha menaikkan taraf kehidupan mereka yang berpendapatan rendah. Berikut adalah antara kejayaan besar di bawah NKRA LIH pada tahun 2010:

Keberhasilan Besar 2010

- 44,535 isi rumah miskin tegar telah berjaya dikeluarkan daripada kategori miskin tegar
- 15,868 atau 34% isi rumah miskin telah berjaya dikeluarkan daripada kategori miskin
- 2,000 usahawan wanita telah berjaya dimajukan
- 35,095 (80%) unit rumah milik Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dibawah Projek Perumahan Rakyat (PPR) dan Perumahan Awam (PA) ditawarkan untuk dijual kepada penyewa sedia ada
- Penyaluran peruntukan sebanyak RM1,163.07 bilion. Sehingga 9 Disember 2010, KPWKM telah membelanja dan menyalurkan 99.9% (RM415.23 juta) untuk Perbelanjaan Pembangunan (DE) dan 99.6% (RM747.84 juta) lagi adalah untuk Perbelanjaan Operasi (OP) bagi membiayai program dan aktiviti NKRA LIH.

44,535

ISI RUMAH MISKIN TEGAR
DIKELUARKAN DARIPADA
KATEGORI MISKIN TEGAR

15,868


ISI RUMAH MISKIN
DIKELUARKAN DARIPADA
KATEGORI MISKIN


2,000

USAHAWAN WANITA DIBERI
LATIHAN DAN DIMAJUKAN

Walaupun kami telah berjaya mencapai beberapa kemajuan pada tahun 2010, namun masih banyak lagi yang perlu dilakukan. Setelah mengurangkan 44,643 isi rumah miskin tegar menjadi sifar peratus, kami akan memberikan tumpuan yang lebih, dalam mengurangkan lagi jumlah isi rumah miskin. Pengajaran dan pengalaman yang diperoleh pada tahun 2010 akan membolehkan kami lebih berjaya untuk baki tempoh GTP Fasa 1 (2010-2012).

Rajah 1: Pengurangan Isi rumah Miskin Tegar





Mempertingkatkan Taraf Kehidupan Isi Rumah Berpendapatan Rendah sambungan

TINJAUAN KESELURUHAN

Kejayaan Mengurus Kemiskinan Sejak Rancangan Malaysia Pertama

Dalam *Human Development Report 2010 (HDR 2010)*, *United Nations Development Programme (UNDP)* menyatakan bahawa dari 1970 hingga 2010, pendapatan per kapita negara maju atau kaya meningkat pada paras purata 2.3% setahun berbanding dengan pertumbuhan hanya sebanyak 1.5% bagi negara membangun. Sungguhpun demikian, terdapat pengecualian terhadap beberapa negara membangun – seperti Botswana, China, Malaysia dan Thailand – yang menunjukkan pertumbuhan yang lebih cepat berbanding dengan mana-mana negara maju. Malahan negara-negara ini disebut sebagai mengalami pertumbuhan ekonomi yang pesat membangun: antara 1970 dan 2010, pendapatan per kapita China meningkat 21 kali ganda, Botswana meningkat lebih 9 kali ganda, bagi Malaysia dan Thailand pula pendapatan per kapita kedua-duanya meningkat 5 kali ganda.

Sejak pelancaran Rancangan Malaysia Pertama pada 1970, kemiskinan di seluruh negara telah berjaya dikurangkan daripada 50% pada tahun tersebut kepada 3.8% pada 2009. Pelbagai program dan inisiatif yang dilaksanakan telah membolehkan Malaysia mencapai Objektif Pembangunan Millennium (*Millennium Development Goal*) bagi kemiskinan sebelum tarikh sasaran yang diunjurkan pada tahun 2015. Hasil pencapaian yang hebat seperti ini, Malaysia telah memenangi anugerah antarabangsa daripada Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) dan Bank Dunia; kedua-duanya menganggap Malaysia sebagai negara contoh dalam pengurusan untuk mengurangkan kemiskinan.

Sungguhpun Pertumbuhan Cergas, Jurang Pendapatan Masih Wujud

Sungguhpun pencapaian ini amat membanggakan, HDR 2010 turut menyatakan bahawa banyak negara membangun termasuklah Malaysia masih belum mencecah ambang yang memisahkan antara status negara maju dengan negara membangun. Pendapatan per kapita China misalnya hanyalah satu per lima berbanding dengan purata negara maju, sementara Botswana, Malaysia dan Thailand juga masih jauh dari ambang tersebut.

Tidak dinafikan bahawa Malaysia telah berjaya mencapai kemajuan yang luar biasa dalam menangani kemiskinan, namun masih terdapat kurang daripada 4% rakyat yang diklasifikasikan sebagai penduduk miskin. Untuk mengurus jurang perbezaan ekonomi rakyat yang kaya dengan yang kurang bernasib baik, Mempertingkat Taraf Kehidupan Isi rumah Berpendapatan Rendah (LIH) telah dijadikan sebagai salah satu NKRA. Dengan pembentukan NKRA ini, kami telah menetapkan sasaran yang tinggi untuk membasmi 44,463 isi rumah miskin tegar sebelum berakhirnya 2010 dan seterusnya mengurangkan kemiskinan antara 2011 dengan 2012.

Mempertingkatkan Taraf Kehidupan Isi Rumah Berpendapatan Rendah sambungan



OBJEKTIF NKRA LIH BAGI TAHUN 2010

NKPI 2010

NKRA LIH bertujuan untuk meningkatkan taraf kehidupan isi rumah berpendapatan rendah secara mampan, untuk memastikan bahawa bantuan disalurkan dengan cepat dan cekap kepada mereka yang memerlukan, dan untuk mewujudkan pelbagai peluang bagi isi rumah berpendapatan rendah memperoleh pendapatan dengan usaha sendiri. Selaras dengan tujuan ini, kami telah memberi komitmen untuk mencapai sasaran NKPI yang berikut menjelang akhir 2010:

Jadual 1: Sasaran NKPI 2010

- Untuk mengeluarkan 44,463 isi rumah miskin tegar daripada kelompok miskin tegar sebelum 31 Disember 2010
- Untuk mengurangkan kadar kemiskinan daripada 3.6% kepada 2.8% sebelum 31 Disember 2010 (NKPI ini kemudiannya telah diubah suai)
- Untuk melatih dan memajukan 2,000 usahawan wanita sebelum 31 Disember 2010
- Untuk menawarkan 44,146 unit rumah kos rendah DBKL untuk dijual kepada penyewa sedia ada sebelum 31 Disember 2010.

Mempertingkatkan Taraf Kehidupan Isi Rumah Berpendapatan Rendah sambungan

Dalam menangani isu kemiskinan di bawah NKRA LIH, kami telah mengenal pasti tiga bidang utama:

Menetapkan Takrifan Kumpulan Berpendapatan Rendah dalam Memastikan Bantuan yang Diberikan Disasarkan kepada Golongan yang Layak

Takrifan bagi isi rumah berpendapatan rendah, miskin dan miskin tegar harus diselaraskan antara semua kementerian dan agensi. Langkah ini adalah penting bukan sahaja untuk menyelaraskan hubungan kerja dalam Kerajaan tetapi juga untuk memastikan bantuan dan inisiatif disasarkan dengan betul kepada masyarakat yang memerlukannya. Tahun 2010 telah menyaksikan kejayaan kami dalam mentakrifkan kategori kumpulan berpendapatan rendah, sejajar dengan pendapatan bulanan mereka.

Jadual 2: Takrifan Isi rumah Berpendapatan Rendah, Miskin dan Miskin Tegar Berdasarkan Pendapatan Bulanan

	Semenanjung Malaysia	Sabah	Sarawak
Miskin Tegar	RM440 sebulan ke bawah	RM540 sebulan ke bawah	RM520 sebulan ke bawah
Miskin	RM750 sebulan ke bawah	RM960 sebulan ke bawah	RM830 sebulan ke bawah
Isi rumah Berpendapatan Rendah	RM2,000 sebulan ke bawah	RM2,000 sebulan ke bawah	RM2,000 sebulan ke bawah



Dengan Ihsan, Info Centre, Menara Star, Star Publications (Malaysia) Bhd

Mempertingkatkan Taraf Kehidupan Isi Rumah Berpendapatan Rendah sambungan

Melaksanakan dengan serta merta inisiatif berimpak tinggi dan pantas dan meletakkan asas untuk tindakan jangka masa panjang

Inisiatif ini dapat memperbaiki kebajikan serta mewujudkan potensi bagi memperoleh pendapatan untuk memastikan kemampunan bagi golongan berpendapatan rendah. Beberapa langkah yang dapat dilihat sebagai boleh memberi kesan yang pantas telah dikenal pasti. Antaranya termasuklah program bantuan kebajikan, bantuan perumahan dan program 1AZAM (Akhir Zaman Miskin). 1AZAM merupakan inisiatif khusus bertujuan membebaskan isi rumah berpendapatan rendah daripada kelompok kemiskinan melalui pekerjaan, keusahawanan, aktiviti pertanian ataupun perkhidmatan.



Meletakkan Penggerak untuk Memastikan Program Pembasmian Kemiskinan Cepak dan Berkesan

Keberkesanan sesuatu program hanya akan diperoleh sekiranya ia dilaksanakan dengan cepak. Oleh itu, pangkalan data eKasih diwujudkan sebagai pangkalan data tunggal untuk isi rumah berpendapatan rendah; dan Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU) di Jabatan Perdana Menteri merupakan pengurus tunggal pangkalan data ini. Langkah ini akan lebih memudahkan proses pengenalpastian, penentusahan, dan pengesanan isi rumah berpendapatan rendah.

Mempertingkatkan Taraf Kehidupan Isi Rumah Berpendapatan Rendah sambungan

Mengajar Mereka untuk Berdikari


Di bawah program NKRA LIH, kami telah mengorak langkah untuk membasmi kemiskinan tegar sebelum penghujung tahun 2010. Kami memberikan tumpuan terhadap usaha menyalurkan bantuan kebajikan dan bantuan perumahan di samping meningkatkan produktiviti melalui program 1AZAM. Dalam melaksanakan NKRA ini, kami perlu mengimbangkan polariti antara menghulurkan bantuan secara terus kepada kumpulan sasar dengan mewujudkan kebolehdapatan peluang ekonomi supaya mereka dapat meneruskan kehidupan dengan usaha sendiri. Oleh itu, inti patinya ialah kami mesti memberikan tumpuan usaha yang bukanlah hanya untuk memberikan bantuan semata-mata tetapi lebih kepada mengajar mereka untuk berdikari dalam meneruskan kehidupan mereka.

PESERTA UTAMA

Usaha Kolaborasi

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, atau lebih dikenali sebagai KPWKM, merupakan Kementerian Peneraju dan penyelaras untuk NKRA LIH. Kini, KPWKM terus menjalin kerjasama yang erat dengan beberapa kementerian dan agensi lain untuk melaksanakan inisiatif NKRA LIH. Umpamanya, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani bertanggungjawab untuk inisiatif AZAM Tani, Kementerian Sumber Manusia untuk AZAM Kerja, Amanah Ikhtiar Malaysia untuk AZAM Niaga dan AZAM Khidmat, Kementerian Kesihatan untuk program nutrisi bagi kanak-kanak isi rumah berpendapatan rendah manakala Kementerian Pelajaran untuk projek menaikkan taraf sekolah daif.





Mempertingkatkan Taraf Kehidupan Isi Rumah Berpendapatan Rendah sambungan

Sokongan Tambahan

Di Sabah dan Sarawak, beberapa agensi negeri membantu dalam mengenal pasti peserta 1AZAM dan melaksanakan inisiatif NKRA LIH. Di Sabah, agensi yang terlibat termasuklah Yayasan Usaha Maju, Jabatan Pertanian Negeri, Ko-Nelayan, Jabatan Perikanan Negeri, Koperasi Pembangunan Desa, Jabatan Hal-Ehwal Wanita, Jabatan Perkhidmatan Haiwan dan Perusahaan Ternak, Kementerian Pembangunan Masyarakat dan Hal Ehwal Pengguna dan Jabatan Pembangunan Sumber Manusia dan beberapa lagi. Di Sarawak pula, agensi seperti Jabatan Pertanian, Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia, Unit Pembangunan Usahawan Bumiputera, Perbadanan Pembangunan Ekonomi Sarawak, Giatmara, Perbadanan Kemajuan Perusahaan Kayu Sarawak, Lembaga Kemajuan Bintulu, Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan dan Jabatan Tenaga Kerja turut tampil menyumbangkan bantuan dan sokongan.

Pelbagai program dan projek komuniti yang dilaksanakan oleh Yayasan Kebajikan Negara juga merupakan sebahagian usaha dalam melaksanakan NKRA LIH. Yayasan ini dipengerusikan oleh Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat dan Lembaga Pengarahnya dianggotai oleh mereka daripada bidang kebajikan dan pengurusan kewangan. Yayasan Kebajikan Negara menjalankan aktiviti NKRA seperti Program Kemasyarakatan – Gempur NKRA, Program Perubahan Minda, Projek Sistem Kumbahan, Anjung Damai dan inisiatif insurans.

Selain usaha yang dilakukan oleh Kerajaan untuk mempertingkatkan taraf kehidupan isi rumah berpendapatan rendah, beberapa syarikat berkaitan Kerajaan seperti PETRONAS turut sama menyumbang melalui program tanggungjawab sosial korporat (CSR). Dengan kerjasama Yayasan MyKasih, PETRONAS menyediakan subsidi untuk isi rumah berpendapatan rendah melalui Kedai Mesra di stesen minyak PETRONAS yang terpilih.

Mempertingkatkan Taraf Kehidupan Isi Rumah Berpendapatan Rendah sambungan



INISIATIF UTAMA TAHUN 2010

Bantuan Kebajikan

Dalam memahami kesulitan yang dialami oleh golongan miskin dan miskin tegar, kami komited untuk menyalurkan bantuan kebajikan persekutuan pada hari pertama setiap bulan, berbanding dengan tarikh yang tidak menentu sebelum ini. Pelaksanaan dasar ini bermula sejak 1 September 2009 untuk Semenanjung Malaysia dan 1 Januari 2010 untuk Sabah dan Sarawak.

Bantuan Perumahan

Di bawah Belanjawan 2010, kami telah memperuntukkan bantuan perumahan kepada mereka yang memerlukan. Kami telah menawarkan 35,095 unit rumah kos rendah milik Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) untuk dijual kepada penyewa sedia ada pada harga antara RM21,500 dan RM35,000 seunit – pengurangan sehingga 75% daripada nilai pasaran.

Program 1AZAM

Untuk melengkapkan golongan miskin dan miskin tegar dengan kaedah untuk menambah pendapatan mereka, kami memperkukuh program yang boleh meningkatkan keupayaan mereka di samping mewujudkan pekerjaan untuk mereka. Usaha kami termasuklah program 1AZAM untuk mewujudkan peluang pekerjaan menerusi gabungan pekerjaan dan keusahawanan. Ia melibatkan pelbagai skim yang diumumkan dalam Belanjawan 2010.

35,095

UNIT KOS RENDAH DBKL
DENGAN HARGA 75%
KURANG DARIPADA
NILAI PASARAN

Mempertingkatkan Taraf Kehidupan Isi Rumah Berpendapatan Rendah sambungan

Kumpulan khusus yang disasarkan termasuklah pekerja estet, petani luar bandar dan juga nelayan di seluruh Semenanjung Malaysia, Sabah, dan Sarawak. Empat inisiatif khusus telah dibentuk di bawah program 1AZAM seperti yang berikut:

Jadual 3: Inisiatif 1AZAM

Jenis Inisiatif 1AZAM	Keterangan	Kelolaan
AZAM Tani	Aktiviti pertanian dan asas tani	Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani
AZAM Niaga	Perniagaan secara kecil-kecilan	Amanah Ikhtiar Malaysia
AZAM Kerja	Pelarasan pekerjaan / Penempatan pekerjaan	Kementerian Sumber Manusia
AZAM Khidmat	Perkhidmatan (bekerja sendiri)	Amanah Ikhtiar Malaysia

Melalui Analisis Keperluan 1AZAM yang telah dijalankan, kebanyakan isi rumah berpendapatan rendah berminat untuk menceburkan diri dalam program AZAM Tani diikuti dengan AZAM Niaga, AZAM Kerja, dan seterusnya AZAM Khidmat. Empat aktiviti ini dipilih berdasarkan tanggapan mencungkil kemahiran semula jadi para peserta dalam usaha untuk mempertingkatkan status sosial dan ekonomi mereka. Inisiatif ini mewujudkan peluang untuk para peserta (berdasarkan keupayaan individu masing-masing) membebaskan diri mereka daripada bebanan kemiskinan dan akhirnya menjadi berdikari secukupnya untuk keluar daripada kelompok kemiskinan.

Jadual 4: Analisis Keperluan 1AZAM

Jenis Inisiatif 1AZAM	Semenanjung Malaysia	Sabah	Sarawak	Total
AZAM Tani	7,747	1,466	3,908	13,121
AZAM Niaga	7,631	2,150	361	10,142
AZAM Kerja	3,845	300	697	4,842
AZAM Khidmat	1,379	360	224	1,963

Mempertingkatkan Taraf Kehidupan Isi Rumah Berpendapatan Rendah sambungan



Dengan Ihsan, Info Centre, Menara Star, Star Publications (Malaysia) Bhd



Dengan Ihsan, Info Centre, Menara Star, Star Publications (Malaysia) Bhd

Pangkalan Data eKasih

Inisiatif 1AZAM ditawarkan kepada isi rumah miskin dan miskin tegar yang telah didaftarkan dalam pangkalan data eKasih. Pemantauan teliti terhadap mereka yang berdaftar ini merupakan elemen penting dalam memastikan pelaksanaan NKRA LIH berjalan lancar. Semua isi rumah yang berdaftar dalam pangkalan data eKasih akan melalui proses penentusahan oleh ICU di Jabatan Perdana Menteri. Isi rumah yang belum didaftarkan boleh mendaftar diri dalam sistem eKasih dengan melayari laman sesawang eKasih (www.ekasih.gov.my) dan seterusnya ICU akan menjalankan proses penentusahan sebelum isi rumah tersebut didaftarkan dalam sistem eKasih.



Mempertingkatkan Taraf Kehidupan Isi Rumah Berpendapatan Rendah sambungan

Menyampaikan Peluang Untuk Keluar Dari Kepompong Kemiskinan

Musingah Ismun, 52 tahun, telah lama hidup dalam kemiskinan. Jika sebelumnya beliau tidak mempunyai sebarang pendapatan tetap dan terpaksa meminjam daripada saudara mara untuk menyara hidup, Musingah kini telah pun menjadi seorang usahawan yang membanggakan. Pemilik Mustika Hati Enterprise ini kini memperoleh pendapatan bulanan yang mencecah RM9,000 hasil daripada perniagaan pau di Sabak Bernam, Selangor.

Perubahan ini boleh berlaku kerana pinjaman daripada Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) yang membolehkan Musingah memulakan perniagaan pau tersebut.

"Sebelum ini, saya hanya suri rumah sepenuh masa yang terpaksa menempuh kesukaran hidup. Tetapi berkat daripada pinjaman yang diberikan, hidup kami sekeluarga telah berubah dengan ketara. Rasa senang dan lega apabila keluarga dapat menikmati hidup yang lebih selesa. Saya bersyukur dan berterima kasih kepada AIM atas peluang yang diberikan kepada golongan yang berpendapatan rendah seperti saya," ujar beliau.

Jika seseorang membuat pendaftaran bagi pihak keluarga yang berpendapatan rendah, ia hendaklah menyertakan nama dan juga butiran diri untuk mengelakkan daripada berlakunya salah laku semasa membuat pendaftaran secara atas talian. PETRONAS juga menggunakan pangkalan data eKasih untuk mengenal pasti keluarga yang berpendapatan rendah bagi program CSR yang dianjurkan olehnya.



Dengan Ihsan, Info Centre, Menara Star, Star Publications (Malaysia) Bhd

Memajukan Usahawan Wanita

Di bawah program NKRA LIH, KPWKM dengan kerjasama Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) dan Jabatan Pembangunan Wanita (JPW) telah mengorak langkah untuk melatih dan memajukan 2,000 orang usahawan wanita dari isi rumah berpendapatan rendah sebelum akhir 2010, dan seterusnya 2,000 orang usahawan wanita lagi sebelum akhir 2012. Usahawan wanita ditakrifkan sebagai mereka yang memperoleh pendapatan bersih sebanyak RM3,500 sebulan atau lebih (selama 3 bulan berturut-turut). Peluang dan latihan yang disediakan bertujuan melayakkan mereka menceburi pelbagai bidang keusahawanan seperti pertanian, perkhidmatan, perikanan, pekilangan, penternakan, dan perniagaan.

Mempertingkatkan Taraf Kehidupan Isi Rumah Berpendapatan Rendah sambungan

Bantuan-bantuan Lain

Tahun 2010 dalam tinjauan turut menyaksikan Kerajaan telah menyediakan bantuan dalam bidang pendidikan dan latihan; kesihatan (misalnya, nutrisi bagi kanak-kanak isi rumah berpendapatan rendah); ameniti asas (projek sanitasi dan kebersihan); sokongan dan bantuan monetari dalam bentuk ikhsan; kepeguaman (komunikasi dan kesedaran); transisi dan integrasi semula (rumah perantaraan); program kemasyarakatan dan komuniti; serta bantuan perumahan dan insurans.

Selain inisiatif yang dilaksanakan oleh KPWK, terdapat juga beberapa inisiatif lain termasuklah projek Klinik 1Malaysia yang dilaksanakan oleh Kementerian Kesihatan. Sebanyak 50 buah Klinik 1Malaysia telah dibina untuk memberikan perkhidmatan rawatan asas kepada golongan yang kurang berkemampuan. Selain itu, empat buah Klinik Bergerak 1Malaysia telah disediakan untuk memberikan perkhidmatan di kawasan luar bandar seperti estet, secara lawatan berjadual. Inisiatif tahun 2010 termasuk juga program untuk mempertingkatkan pendapatan oleh Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW) dan beberapa program pembasmian kemiskinan di kawasan bandar yang dilaksanakan oleh Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar (KWPKB).

Dengan kerjasama Kementerian Pelajaran, sejumlah RM50 juta telah dibelanjakan untuk membaiki dan menaik taraf sekolah-sekolah daif di seluruh negara. Dari segi kesihatan pula, bakul makanan telah diberikan untuk memastikan anak-anak daripada keluarga berpendapatan rendah mendapat nutrisi yang secukupnya. Inisiatif ini dilaksanakan dengan kerjasama Kementerian Kesihatan yang telah diberi peruntukan sebanyak RM40 juta di bawah NKRA LIH. Sebagai contoh, melalui Majlis Gempur NKRA yang dirasmikan di Bukit Changgang, Rawang pada 25 November 2010, seramai 91 isi rumah miskin dan miskin tegar telah menerima bantuan berupa bakul makanan melalui program ini.

Membangunkan Usahawan Wanita yang Baharu

Dengan modal yang diberikan oleh AIM, Jumaiah Salim, 43, sudah boleh mencapai impian sebagai seorang usahawan. Ibu kepada 3 orang anak ini menggunakan modal untuk membesar dan meluaskan perniagaan makanan tradisional di Sungai Nipah, Selangor supaya menjadi lebih komersial. Jumaiah berkata, "Menjalankan perniagaan makanan kering sangat menguntungkan dan sememangnya memberikan pendapatan yang konsisten kepada keluarga saya. Bantuan seperti ini membuktikan Kerajaan percaya bahawa wanita juga boleh menyumbang kepada kehidupan yang lebih baik untuk keluarga."

Dengan mengambil peluang menyertai program usahawan wanita, Jumaiah telah berjaya mengubah nasibnya dan meringankan beban kewangan keluarganya.

Mempertingkatkan Taraf Kehidupan Isi Rumah Berpendapatan Rendah sambungan

Bantuan Ke Arah Kehidupan Yang Lebih Baik

Kehidupan yang sangat susah telah dialami oleh Lomimi Bonut, 45 dari Penampang, Sabah, bersama 9 orang anak dan 3 orang cucunya. Berkongsi rumah yang hanya mempunyai sebuah bilik kecil, pendapatan utama keluarga ini adalah dengan hasil jualan cucuk tanam yang diusahakan oleh Lomimi, ditambah sedikit dengan bantuan dari sanak saudara. Sebagai ketua keluarga, kebimbangan besar Lomimi ialah bagaimana mencari sesuap nasi untuk seluruh ahli keluarganya dengan pendapatan yang tidak seberapa itu.

Hasil daripada inisiatif NKRA LIH, kesusahan Lomimi telah berkurangan. Didaftarkan sebagai ketua isi rumah miskin tegar dalam senarai eKasih, beliau menerima bantuan bakul makanan bulanan bernilai RM300 untuk tempoh selama 6 bulan.

Dari segi kebajikan keluarga, pusat jagaan harian telah ditubuhkan untuk ibu-ibu yang bekerja, manakala program kesihatan reproduktif telah dilaksanakan oleh Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN).

Dari aspek sanitasi dan kebersihan, sebanyak RM12 juta telah digunakan untuk membina tandas dan tangki septik untuk isi rumah berpendapatan rendah. Program lain termasuklah mewujudkan kesedaran melalui pengedaran buletin 1AZAM; bantuan untuk rumah perantaraan Anjung Damai yang dibina untuk golongan terpinggir (termasuk bekas penagih dadah, pesakit HIV-AIDS, bekas banduan dan bekas pesalah juvana); program kemasyarakatan di pusat agama dan komuniti yang dilaksanakan oleh Yayasan Kebajikan Negara; skim perlindungan insurans untuk isi rumah berpendapatan rendah dan bantuan perumahan oleh DBKL. KPWKM juga telah memberikan peruntukan sebanyak RM2.3 juta kepada Majlis AIDS Malaysia untuk melaksanakan program Anjung Damai.



Mempertingkatkan Taraf Kehidupan Isi Rumah Berpendapatan Rendah sambungan

KEJAYAAN DAN PENCAPAIAN

Jadual berikut menunjukkan pencapaian NKPI di bawah NKRA LIH bagi 2010.

Jadual 5: Hasil Sasaran NKPI 2010

Bil.	NKPI	Sasaran 2010	Hasil Sebenar	Catatan	Lampu Isyarat
1.	Untuk mengeluarkan 44,643 isi rumah miskin tegar dari kelompok miskin tegar menjelang 31 Dis 2010	44,643	44,535	108 atau 0.2% isi rumah masih berstatus miskin tegar pada 31 Dis 2010	 (99.8%)
2.	Untuk mengurangkan 46,000 isi rumah miskin menjelang 31 Dis 2010	46,000	15,868	NKPI ini diubah suai daripada NKPI yang asal iaitu mengurangkan kadar kemiskinan daripada 3.6% kepada 2.8% menjelang 31 Dis 2010	 (34.5%)
3.	Untuk melatih dan memajukan 2,000 usahawan wanita menjelang 31 Dis 2010	2,000	2,000	3,804 masih menjalani latihan	 (100%)
4.	Untuk menawarkan 44,146 unit rumah kos rendah milik DBKL untuk dijual kepada penyewa sedia ada menjelang 31 Dis 2010	44,146	35,095	• 24,658 penyewa (57%) bersetuju untuk membeli 10,437 penyewa (24%) terus menyewa ataupun tidak mengembalikan borang tawaran • 9,051 unit (20%) tidak ditawarkan untuk dijual kerana disimpan sebagai unit transit untuk setinggan ataupun untuk disewa oleh agensi seperti polis dan tentera	 (79.5%)

 Pencapaian 90% dan ke atas
  Pencapaian 51% hingga 89%
  Pencapaian 50% dan ke bawah


Mempertingkatkan Taraf Kehidupan Isi Rumah Berpendapatan Rendah sambungan

Pengurangan Isi rumah Miskin Tegar

Dengan sukacitanya kami melaporkan di sini bahawa matlamat untuk mengurangkan sejumlah 44,643 isi rumah miskin tegar kepada sifar peratus menjelang akhir 2010 telah berjaya dicapai. Elaun Bulanan Sementara 1AZAM telah berjaya membantu kami dalam mencapai sasaran NKPI ini, begitu juga inisiatif yang memanfaatkan penggunaan pangkalan data eKasih untuk tujuan memantau dan menentusahkan kemajuan.

Elaun Bulanan Sementara 1AZAM merupakan inisiatif bantuan wang tunai sementara yang dilancarkan pada 25 Oktober 2010 oleh KPWKM. Sehingga akhir tahun 2010, sebanyak 21,062 isi rumah miskin tegar layak menerima Elaun Bulanan Sementara 1AZAM yang disediakan untuk mereka melalui pejabat pos di seluruh negara dan dalam bentuk 1AZAM Pelaburan. Sama juga pentingnya kami berkeyakinan untuk mengekalkan angka sifar miskin tegar melalui 1AZAM. Beberapa kaedah yang spesifik telah dilaksanakan untuk memantau dan mengukur tahap pendapatan para peserta bagi memastikan mereka tidak kembali semula ke jurang miskin tegar.

Rajah 2: Pengurangan Isi rumah Miskin Tegar




Mempertingkatkan Taraf Kehidupan Isi Rumah Berpendapatan Rendah sambungan

Latihan dan Usaha Memajukan Usahawan Wanita

Satu lagi kejayaan utama yang dicapai pada tahun 2010 ialah melatih dan memajukan usahawan wanita. Setakat ini, KPWKM telah berjaya melatih dan memajukan sejumlah 2,000 orang usahawan wanita sekali gus mencapai sasaran 2010. Seramai 3,804 peserta lagi sedang menjalani latihan keusahawanan. Daripada jumlah ini, seramai 1,000 orang usahawan wanita dijangka menamatkan kursus mereka dalam tahun 2011 dan selebihnya pada tahun yang berikutnya. Ini telah meletakkan kami pada landasan yang betul untuk mencapai NKPI bagi tahun 2011 dan 2012. Perkembangan sepanjang 2010 ditunjukkan dalam Rajah 3.

Rajah 3: Latihan dan Usaha Memajukan Usahawan Wanita



Dengan Ihsan, Info Centre, Menara Star, Star Publications (Malaysia) Bhd



Mempertingkatkan Taraf Kehidupan Isi Rumah Berpendapatan Rendah sambungan

Bantuan Perumahan

Dari segi bahagian bantuan perumahan di bawah penyeliaan DBKL, sebanyak 35,095 unit rumah kos rendah (80%) telah ditawarkan untuk dijual kepada penyewa DBKL sedia ada. Rumah-rumah tersebut dijual kepada mereka pada harga yang rendah, iaitu antara RM21,500 dan RM35,000 seunit - pengurangan sehingga 75% daripada nilai pasaran.

CABARAN

KETIDAKSEMPURNAAN

Penggunaan Dasar yang Berbeza

Kami menghadapi sedikit kesulitan dalam usaha untuk mencapai sasaran NKPI mengurangkan kadar kemiskinan daripada 3.6% kepada 2.8%. Peratusan 3.6% digunakan sebagai asas oleh Makmal NKRA LIH pada tahun 2009 hasil Kajian Pendapatan Isi rumah (HIS) pada tahun 2007. Kementerian Peneraju (KPWKM) telah menggunakan angka ini kerana ketiadaan data yang telah dikemas kini pada ketika itu (angka bagi HIS 2009 dikeluarkan kemudian).

Apabila hasil kajian HIS tahun 2009 dikeluarkan pada bulan Jun 2010, kadar kemiskinan telah meningkat daripada 3.6% kepada 3.8% (akibat krisis ekonomi global pada tahun 2008-2009). Dengan peningkatan ini, Unit Perancang Ekonomi (EPU), Jabatan Perdana Menteri, yang bertanggung jawab terhadap kajian HIS ini, berpendapat bahawa sasaran 2.8% tidak dapat dicapai pada akhir tahun 2010.

Jika peratusan 3.6% kadar kemiskinan diguna pakai sebagai dasar yang merujuk kepada anggaran 208,000 isi rumah dan sasaran 2.8% diguna pakai merujuk kepada anggaran 162,000 isi rumah, ini diterjemahkan kepada pengurangan sebanyak 46,000 isi rumah ($208,000 - 162,000 = 46,000$). Jika pengurangan ini digunakan sebagai sasaran 2010 untuk NKPI ini – iaitu untuk mengurangkan bilangan isi rumah miskin sebanyak 46,000 – maka sasaran ini tidak tercapai. Ini adalah kerana jumlah isi rumah yang dikategorikan sebagai "miskin" dalam pangkalan data eKasih hanya dapat dikurangkan sebanyak 15,868 (34.5%).

Lebih Banyak Unit Rumah Diperlukan

Dalam bidang perumahan, sebanyak 35,095 unit rumah kos rendah telah ditawarkan untuk dijual kepada golongan miskin dan miskin tegar. Baki 9,051 unit, pada masa ini, disimpan untuk pihak tentera dan polis dan sebagai unit transit untuk setinggan.

Mempertingkatkan Taraf Kehidupan Isi Rumah Berpendapatan Rendah sambungan

PENGAJARAN YANG DIPELAJARI

Seperkara yang telah dipelajari dalam pelaksanaan NKRA LIH adalah bahawa tidak semua inisiatif yang diperakukan di bawah GTP boleh dilaksanakan sepenuhnya. Ini disebabkan masalah geografi serta keterbatasan sumber dan masa. Beberapa inisiatif GTP juga perlu diubah suai supaya lebih sesuai dengan keadaan dan keperluan semasa.

Amatlah penting bagi NKRA LIH dilaksanakan berdasarkan infrastruktur pembasmian kemiskinan sedia ada yang dimiliki oleh Kerajaan. Hanya melalui penyelarasan dan pemanfaatan kepakaran, serta sumber kementerian dan agensi lain seperti KKLW dan KWPKB, akan dapat kita memperoleh kejayaan. Dengan mengambil tindakan sedemikian, sebahagian besar sumber dan penyelarasan dapat dikurangkan, dan pertindihan dapat dielakkan, memandangkan kedua-dua agensi tersebut merupakan agensi utama dalam usaha pembasmian kemiskinan. Penglibatan berterusan dengan agensi pelaksana 1AZAM juga merupakan elemen terpenting untuk memastikan kejayaan program ini. Pengesanan terperinci terhadap status pelaksanaan akan membawa kepada kefahaman yang lebih baik tentang isu-isu yang dihadapi dan pada masa yang sama, akan memberikan pilihan tentang bagaimana hendak mengurangkan kesulitan yang dihadapi.

MELANGKAH MENUJU 2011

KPWKM komited kepada Sasaran NKPI 2011 seperti yang berikut:

Jadual 6: NKPI untuk 2011

Untuk menentusahkan dan mendaftarkan semua kes pendaftaran terbuka eKasih, iaitu bagi kes tertunggak selewat-lewatnya pada 31 Mac 2011, dan bagi kes baharu (iaitu kes dari 1 Januari 2011) selewat-lewatnya pada 31 Disember 2011. Proses penentusahan hendaklah mengambil masa tidak lebih daripada 14 hari di Semenanjung Malaysia dan tidak lebih daripada 28 hari di Sabah dan Sarawak

Untuk melatih dan memajukan 1,000 usahawan wanita menjelang 31 Disember 2011

Untuk meningkatkan pemilikan rumah dalam kalangan isi rumah miskin sebanyak 4,965 unit menjelang 31 Disember 2011

Untuk memastikan 57,793 isi rumah miskin yang berdaftar dengan sistem eKasih menyertai inisiatif 1AZAM menjelang 31 Disember 2011

Mempertingkatkan Taraf Kehidupan Isi Rumah Berpendapatan Rendah sambungan

NKPI Baharu Bagi Tahun 2011

Melangkah ke tahun 2011, dua sasaran baharu NKPI telah diperkenal, iaitu penentusahan eKasih dan penyertaan 1AZAM. Berikutan kritikan bahawa proses penentusahan pendaftaran terbuka eKasih mengambil masa yang agak lama, sasaran baharu NKPI telah ditetapkan bagi tahun 2011. Ia bertujuan memastikan bahawa tunggakan tahun 2010 dapat diselesaikan pada Mac 2011 dan semua kes baharu bagi tahun 2011 diselesaikan pada tahun yang sama. Diperkenalkan sebagai sasaran, proses penentusahan eKasih hendaklah mengambil masa tidak lebih 14 hari di Semenanjung Malaysia dan tidak lebih 28 hari di seluruh Sabah dan Sarawak.

Satu lagi sasaran baharu NKPI yang telah diperkenalkan ialah yang berkaitan dengan penyertaan dalam inisiatif 1AZAM. Sasaran baharu ini bertujuan mengurangkan jumlah isi rumah miskin secara ketara pada tahun 2011. Dari tahun 2011 dan berikutnya, NKPI LIH hanya akan meliputi isi rumah di bawah kategori miskin. Isi rumah miskin tegar yang baru sahaja dikenal pasti melalui pendaftaran terbuka akan dimasukkan dalam kategori miskin dalam tahun 2011.





Mempertingkatkan Taraf Kehidupan Isi Rumah Berpendapatan Rendah sambungan

Pada akhir tahun 2011, satu lagi gelombang inisiatif akan dilaksanakan. Ini termasuklah:

- Memberikan latihan kepada isi rumah berpendapatan rendah untuk meningkatkan nilai ekonomi mereka;
- Membangunkan suatu mekanisme untuk memberikan mikrokredit kepada isi rumah berpendapatan rendah yang layak;
- Mempertingkat jumlah klinik kesihatan di bandar dan di luar bandar dan klinik mudah alih; dan
- Memperluas bantuan kewangan kepada isi rumah berpendapatan rendah yang memenuhi syarat untuk membeli anggota badan tiruan dan prostetik.

Akhir sekali, beberapa inisiatif jangka masa pertengahan akan dilaksanakan menjelang akhir tahun 2012. Ini termasuklah:

- Menambah kapasiti asrama bagi membantu pelajar-pelajar yang memerlukan penginapan (misalnya, pelajar dari kawasan luar bandar) untuk meneruskan pengajian mereka walaupun menghadapi kesulitan kewangan;
- Memperluas bantuan kepada pesakit yang memerlukan rawatan dialisis. Ini akan melibatkan pemberian bantuan kewangan, penubuhan lebih banyak pusat dialisis dan penyediaan kenderaan untuk berulang alik dari rumah ke pusat tersebut; dan
- Menawarkan bantuan kewangan kepada isi rumah berpendapatan rendah yang bukan dalam kategori penerima mahupun pembeli rumah kos rendah yang disediakan oleh Kerajaan.

Di samping itu, dasar gaji minimum juga sedang dibincangkan agar seluruh warga Malaysia dapat menikmati pendapatan sekurang-kurangnya pada aras Pendapatan Garis Kemiskinan (PLI). Perkara ini memerlukan perbincangan yang lebih teliti dengan semua pihak yang terlibat, sebelum sebarang keputusan dibuat.

Mempertingkatkan Taraf Kehidupan Isi Rumah Berpendapatan Rendah sambungan

Azam untuk Keluar daripada Kehidupan Miskin

Rohani Yahya, 57, yang berasal dari Menanti, Pasir Puteh, Kelantan, percaya bahawa penyertaannya dalam program AZAM Niaga memang membawa berkat. Melalui modal yang diterima daripada inisiatif AZAM Niaga, ibu tunggal dengan sebelas orang anak ini telah memulakan perniagaan warung makanan dan sekarang beroleh pendapatan RM500 sebulan. Penambahan dalam pendapatan ini kini dapat membantu menyara tiga orang anaknya yang masih bersekolah.

"Sebagai seorang ibu tunggal, saya benar-benar menghargai bantuan yang diterima melalui AZAM Niaga. Ini memberikan motivasi bagi saya untuk bekerja keras dan untuk keluar dari kehidupan miskin. Ketika saya memulakan perniagaan dahulu, saya mendapat RM300 sebulan. Sekarang pendapatan saya telah meningkat kepada RM500 sebulan," ujar beliau.

Memastikan Kemajuan Mampan

Program bantuan Elaun Bulanan 1AZAM hanya akan diteruskan pada 2011 untuk ketua isi rumah atau ahli keluarga mereka yang menyertai program 1AZAM. Mulai Januari 2011, jika sesebuah isi rumah tidak lagi menyertai program 1AZAM, Elaun Bulanan 1AZAM mereka akan dihentikan. Ini selaras dengan strategi Kerajaan untuk menggalakkan rakyat berusaha sendiri supaya setiap isi rumah berpendapatan rendah akan berdikari dalam jangka masa panjang.



Mempertingkatkan Infrastruktur Asas Luar Bandar



Infrastruktur Asas Luar Bandar



“ Kami berasa gembira kerana berjaya mencapai objektif tahun 2010, iaitu penyediaan infrastruktur asas luar bandar dengan standard yang terus meningkat kepada rakyat. Kemajuan yang dicapai pada tahun lalu adalah ketara dari segi skala pembangunan yang besar serta kadar pelaksanaan yang jauh bertambah baik. Projek-projek yang dilaksanakan telah pun menampakkan hasil yang positif dan menjana peluang baharu dan yang lebih baik kepada rakyat. Kami berasa amat bertuah kerana berupaya mengubah kehidupan penduduk di luar bandar dan berharap momentum yang positif ini akan dapat dikekalkan pada tahun 2011. ”

Dato' Seri Mohd Shafie bin Haji Apdal
Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah



Dengan Ihsan, Info Centre, Menara Star, Star Publications (Malaysia) Bhd

IMBASAN PENCAPAIAN 2010

Kemajuan Signifikan dalam Penyediaan Infrastruktur Asas Luar Bandar

Malaysia memiliki sejarah yang panjang dan berjaya dalam bidang pembangunan luar bandar. Melalui pelbagai Rancangan Malaya dan Malaysia, Kerajaan telah menjadikan pembangunan luar bandar sebagai perkara penting dalam agenda negara. Trend inilah yang diikuti oleh NKRA Rural Basic Infrastructure RBI (Infrastruktur Asas Luar Bandar,) tetapi dengan satu kelebihan, iaitu penyampaian hasil yang besar dan segera yang tidak pernah dicapai sebelum ini dalam sejarah Malaysia.

Pelaksanaan inisiatif pembangunan bagi jalan raya, tenaga elektrik, air, dan perumahan telah dipercepat untuk membawa faedah pemodenan ke kawasan kurang membangun di dalam negara. Matlamat kami adalah untuk memastikan hasil pembangunan dan kemakmuran negara dapat dikongsi oleh setiap lapisan masyarakat. Secara keseluruhan, pelbagai strategi dan langkah yang telah dilaksanakan pada tahun 2010 telah memberikan hasil yang nyata. Hal yang demikian turut merangkumi pencapaian yang berikut:

12,000

KAMPUNG DI SELURUH
MALAYSIA MENIKMATI
KESALINGHUBUNGAN
JALAN RAYA YANG
LEBIH BAIK

36,273

RUMAH TAMBAHAN KINI
DIBEKALKAN AIR BERSIH
ATAU AIR YANG DIRAWAT

27,266

RUMAH TAMBAHAN
TERHUBUNG DENGAN
BEKALAN ELEKTRIK 24 JAM

16,962

RUMAH UNTUK GOLONGAN
MISKIN LUAR BANDAR
TELAH DIBINA ATAU
DIBAIK PULIH

Keberhasilan Besar 2010

- 2 juta rakyat Malaysia yang tinggal di kawasan luar bandar menikmati kehidupan yang jauh lebih baik pada tahun 2010 melalui penyediaan jalan raya, bekalan air dan elektrik serta rumah.
- 783.1 km jalan raya di luar bandar telah dibina atau dinaik taraf di seluruh negara. (jumlah ini menyamai jarak panjang Lebuh Raya Utara-Selatan).
- Lebih 12,000 kampung di seluruh Malaysia kini mempunyai kesalinghubungan jalan raya yang lebih baik.
- Lebih 36,273 rumah tambahan kini dibekalkan air bersih atau air yang dirawat
- Lebih 27,266 rumah tambahan terhubung dengan bekalan elektrik 24-jam
- 16,926 rumah untuk golongan miskin luar bandar telah dibina atau dibaik pulih



Dengan Ihsan, Info Centre, Menara Star, Star Publications (Malaysia) Bhd

Pada akhirnya, wawasan Kerajaan adalah untuk memastikan 100% penduduk tinggal dalam jarak 5 kilometer dari jalan utama yang berturap serta mempunyai akses kepada kemudahan asas seperti bekalan air, elektrik serta perumahan.

Justeru, cabaran terhadap pencapaian adalah ketara dan sasaran pula adalah tinggi. Kini kita sedang menyaksikan tanda-tanda awal kejayaan penyampaian. Melalui pelbagai agensi pelaksanaan, Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW) terus mengekalkan momentum yang mantap ini untuk mencapai semua NKPI yang telah ditetapkan.

TINJAUAN KESELURUHAN

Mentransformasikan Lanskap Luar Bandar pada Skala yang Belum Pernah Dilakukan Sebelum Ini

Inisiatif di bawah NKRA RBI terdiri daripada empat komponen, iaitu jalan raya, tenaga elektrik, air, dan rumah. Sebagaimana yang digariskan dalam GTP, akses kepada infrastruktur asas merupakan hak asasi setiap rakyat Malaysia, tanpa mengira di mana jua mereka tinggal. Pada masa ini, hampir 35% rakyat Malaysia tinggal di kawasan luar bandar.

Infrastruktur asas ini adalah penting kerana ia menjadi asas pengenalan kemudahan sosial seperti sekolah dan hospital serta peluang ekonomi di luar bandar. Seterusnya pembangunan peringkat kedua seperti jalur lebar tanpa wayar, perkhidmatan Internet dan sebagainya boleh dilaksanakan dalam jangka masa yang singkat. Ini akan meningkatkan lagi kualiti kehidupan rakyat Malaysia yang tinggal di luar bandar.

NKRA RBI merupakan langkah yang besar bagi Kerajaan kerana tidak seperti tahun-tahun kebelakangan ini, perbelanjaan kini ditumpukan bagi pembangunan luar bandar, khususnya di Sabah dan Sarawak. Program pembangunan berskala besar ini tidak pernah dilaksanakan sebelum ini.

OBJEKTIF NKRA RBI 2010

NKPI 2010

NKRA RBI beriltizam untuk menyediakan infrastruktur asas luar bandar kepada rakyat, untuk menjamin kualiti hidup yang lebih baik dapat dinikmati oleh setiap rakyat Malaysia tanpa mengira usia, bangsa dan tempat. Kebanyakan projek RBI mengambil masa tunggu (lead-time) yang lama. Justeru, sasaran yang ditetapkan untuk dicapai bukan atas asas tahunan tetapi sebaliknya merentas beberapa tahun kalendar. .

Dalam menangani keperluan infrastruktur asas yang perlu diwujudkan untuk semua rakyat Malaysia, terutama bagi mereka yang tinggal di kawasan luar bandar, empat buah program dalam NKRA RBI telah dikenal pasti:

1. Untuk membina atau menaik taraf 751.9 km jalan raya Persekutuan dan negeri di kawasan luar bandar
2. Untuk menyediakan sambungan air yang bersih atau dirawat ke 70,181 isi rumah tambahan
3. Untuk menyediakan bekalan elektrik 24 jam ke 25,312 isi rumah tambahan
4. Untuk membina atau membaiki pulih 16,626 buah rumah bagi golongan miskin luar bandar

PADA MASA INI, SERAMAI
35 %
RAKYAT
MALAYSIA
TINGGAL DI
KAWASAN
LUAR
BANDAR



Memacu Perkembangan Ekonomi

“Kini terdapat pelbagai projek jalan raya yang sedang dibina di bahagian ini. Kami percaya sebaik sahaja ia sempurna kehidupan kami akan bertambah makmur kerana kami dapat mengambil bahagian dalam aktiviti ekonomi seperti menjual hasil barangan kami. Kos perniagaan menjadi lebih murah memandangkan sekarang kami boleh mula menggunakan motosikal bagi menggantikan penggunaan kenderaan pacuan empat roda yang lebih mahal.”

Jangan anak Bakar, penjawat awam dari Limbang, Sarawak. Limbang merupakan bahagian terpencil yang terletak di utara Sarawak, berdekatan dengan Brunei Darussalam.

Usaha ini lebih penting lagi dilaksanakan di Sabah dan Sarawak. Hal ini kerana kawasan luar bandar kedua-duanya begitu ketara di samping rupa bumi dan laluan untuk sampai ke kawasan terbabit adalah mencabar. Sepanjang Rancangan Malaysia yang terkini, perbelanjaan pembangunan menjurus secara tidak seimbang kepada pembangunan bandar.

Dalam dekad terakhir ini, usaha ini merupakan salah satu program pembangunan luar bandar yang terbesar di Malaysia. Skala dan kadar penyampaian ternyata jauh lebih tinggi jika dibandingkan dengan purata bagi tempoh 2006 hingga 2008.

PESERTA UTAMA

Usaha Kolaborasi

NKRA RBI merupakan sebuah kes kolaborasi yang istimewa. Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah bertindak sebagai Kementerian peneraju merupakan pengurus projek secara keseluruhan. Namun demikian, pelaksanaan setiap projek melibatkan pelbagai jabatan dan agensi, Persekutuan dan negeri. Agensi-agensi yang terlibat adalah seperti yang berikut:

Program	Agensi Pelaksana	Agensi Penyelaras		
Jalan Raya	Jabatan Kerja Raya (Persekutuan dan negeri) Jabatan Pengairan dan Saliran (peringkat negeri)	KKLW	Kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak	EPU / ICU / MoF / PEMANDU
Bekalan air	Pihak Berkuasa Bekalan Air Negeri, Sarawak Jabatan Air Negeri, Sabah Operator bekalan air (peringkat negeri)			
Bekalan elektrik	Tenaga Nasional Berhad Sabah Electricity Sdn Bhd SESCO Berhad			
Perumahan	Jabatan Hal Ehwal Orang Asli Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA) FELCRA Berhad Majlis Amanah Rakyat Pihak Berkuasa Pembangunan Wilayah (KESEDAR, KEDA, KEJORA, KETENGAH)			

Melalui kerjasama dan komunikasi yang erat antara pelbagai agensi, agenda RBI dapat dijalankan secara berkesan dengan kaedah penyelesaian masalah dapat diwujudkan serta dilaksanakan dengan jayanya. Kerjasama erat ini merupakan faktor utama kejayaan dalam mengatasi pelbagai rintangan dalam pelaksanaan.

INISIATIF

Antara inisiatif yang diambil pada tahun 2010 untuk mencapai sasaran RBI NKPI adalah seperti yang berikut:

Membina / Menaik Taraf Jalan Raya

Berdasarkan NKRA RBI, setiap jalan yang akan dibina dan dinaik taraf telah dikenal pasti dengan jelas. Elemen utama projek seperti titik asal, destinasi, keseluruhan jumlah jarak panjang dan lebar, bahan yang akan digunakan, agensi pelaksana serta jumlah tenaga kerja yang terlibat telah ditentukan sebelum kerja pembinaan sebenar bermula. Kaedah ini memastikan bahawa semua pertimbangan bagi pelaksanaan dan cabaran yang akan dihadapi telah dikenal pasti terlebih dahulu serta ditangani dengan sempurna. Hal ini bertujuan memastikan bahawa kemajuan kerja berjalan dengan lancar demi menjaga kepentingan masa dan perbelanjaan.

Proses penyampaian dipantau berdasarkan setiap tahap pencapaian, iaitu perancangan, reka bentuk, pemerolehan, pelaksanaan dan penyerahan. Setiap masalah dianalisis dan diselesaikan bagi memastikan penyampaian dapat dilakukan tepat pada masanya.



Menyediakan Bekalan Air Bersih / Yang Dirawat

Penyambungan ke rangkaian retikulasi merupakan kekurangan untuk menambah sambungan bekalan air ke seluruh negara. Meskipun sambungan baharu akan dibina dengan menggunakan pelaburan yang dibuat pada tahun-tahun kebelakangan ini bagi meningkatkan kapasiti rawatan air akan tetapi sambungan yang lain pula bergantung pada loji-loji rawatan air yang baharu.

Di bawah inisiatif RBI, sasaran yang ditetapkan ialah pembinaan 36 buah loji rawatan air untuk memberikan bekalan kepada kawasan luar bandar. Di kawasan-kawasan yang terpencil dengan kepadatan penduduk yang rendah, penyelesaian alternatif dilaksanakan seperti penggunaan perigi tabung, perigi graviti dan penuaian air hujan.

Menyediakan Bekalan Elektrik 24 Jam

Sambungan ke bekalan elektrik berasaskan grid merupakan pilihan yang ditetapkan (default option) bagi menambah sambungan ke seluruh Malaysia. Sambungan-sambungan baharu akan diwujudkan dengan menggunakan pelaburan baharu yang dibuat bagi meningkatkan kapasiti penjanaan elektrik di pelbagai kawasan di negara ini.

Namun demikian, di sesetengah kawasan luar bandar, kedudukan infrastruktur penjanaan dan transmisi elektriknya adalah amat jauh. Dalam hal seumpama ini, teknologi seperti penjanaan kuasa hibrid solar atau mikro elektrik-hidro akan diperkenalkan, iaitu setelah menganalisis kos serta manfaatnya. Pendekatan ini telah membantu dalam penyediaan bekalan elektrik kepada banyak kampung di kawasan-kawasan luar bandar.



Dengan Ihsan, Info Centre, Menara Star, Star Publications (Malaysia) Bhd

Membina / Membaik Pulih Rumah Golongan Miskin Luar Bandar

Isu utama dalam penyerahan rumah ialah memutuskan senarai benefisiari bagi memastikan bahawa hanya mereka yang benar-benar memerlukan bantuan memperoleh manfaat daripada inisiatif ini. Justeru, pelbagai agensi peringkat daerah dan negeri bersama-sama menggembelng tenaga untuk mengenal pasti golongan miskin. Selain itu, portal e-Kasih, pangkalan data kebangsaan bagi isi rumah berpendapatan rendah turut digunakan dalam pemilihan calon.

Kumpulan fokus (focus group) pada peringkat daerah membuat penilaian terhadap merit benefisiari yang berpotensi dan memutuskan sama ada kumpulan isi rumah berkenaan layak untuk menyertai program perumahan. Hubungan erat dengan pelbagai agensi yang berkaitan sentiasa dikekalkan bagi memastikan realiti keadaan tempatan diambil kira dalam membuat keputusan dan juga seterusnya dalam mengurus penyerahan rumah.

Bagi memastikan ketekalan (consistency), semua rumah dibina berasaskan standard yang sama bagi menjamin kualiti pembinaan dan juga reka bentuknya. Hal ini merupakan langkah berhemat dalam mengurus kawalan kos.

KEJAYAAN DAN PENCAPAIAN

KEBERHASILAN BESAR

Kami dengan gembiranya mengumumkan bahawa kami telah berjaya mencapai hampir semua sasaran yang ditetapkan bagi tahun 2010.

Hasil keseluruhan sasaran NKPI yang ditetapkan untuk tahun 2010 adalah sebagaimana yang dinyatakan di dalam jadual yang berikut:

Jadual 1: 2010 Penunjuk Prestasi Utama Kebangsaan

No	NKPI	Sasaran 2010	Pencapaian	Catatan	Lampu Isyarat
1	Pembinaan Jalan Raya (km)	751.9	783.1	783.1 km jalan raya luar bandar dibina atau dinaik taraf • Semenanjung Malaysia - 317.6 km • Sabah - 213.5 km • Sarawak - 252 km	 104%
2	Bekalan Air (bil. isi rumah)	70,181	36,273	Hanya 52% tercapai pada tahun 2010 disebabkan oleh kapasiti sumber dan isu pemerolehan (dalam proses kajian semula)	 52%



Kehidupan Berubah Menjadi Lebih Baik

"Saya teruja melihat banyak isi rumah kini mendapat bekalan air dan elektrik. Kehidupan sebahagian besar kami semua telah berubah dengan ketara sekarang ini."

Terence Idang, ketua Masyarakat Bisayah. Bisayah ialah sebuah kumpulan etnik pribumi di bahagian utara Sarawak.

783.1 km
JALAN RAYA DISEDIAKAN

No	NKPI	Sasaran 2010	Pencapaian	Catatan	Lampu Isyarat
3	Bekalan Elektrik (bil. isi rumah)	25,312	27,266	27,266 isi rumah luar bandar menerima bekalan elektrik 24 jam buat kali pertama. • Semenanjung Malaysia – 759 • Sabah – 14,194 • Sarawak – 12,313	 108%
4	Pembinaan Rumah (unit)	16,626	16,962	16,962 rumah baharu atau dibaik pulih disediakan bagi golongan miskin luar bandar. • Semenanjung Malaysia – 7,321 • Sabah – 2,274 • Sarawak – 7,367	 102%

 Pencapaian 90% dan ke atas	 Pencapaian 51% hingga 89%	 Pencapaian 50% dan ke bawah
--	--	---

Sebahagian besar kejayaan yang dicapai ialah di Sabah dan Sarawak kerana kedua-duanya mempunyai lebih banyak kawasan luar bandar berbanding dengan Semenanjung Malaysia. Berikut ialah contoh projek-projek RBI yang berjaya disempurnakan pada tahun 2010.

Jalan Raya

No	Nama Projek	Lokasi	Hasil
1	Jalan pintas/pirau dari Sengkang ke Felda Inas	Bandar Tenggara, Johor	11.5km
2	Kg. Changkat Belulang ke Malim Nawar	Malim Nawar Perak	5km
3	Tomis – Tiong – Lokos – Kotunan – Wasai	Tuaran, Sabah	18km
4	Jalan Rumah Semut - Rumah Lapik - Rumah Untang - Rumah Memaloh - Ulu Yong	Kapit, Sarawak	10.3km
5	Jalan Sayong – Entabai	Sarikei, Sarawak	2km

Air

No	Nama Projek	Lokasi	Hasil
1	Loji rawatan air dan projek retikulasi	Kuala Tahan, Pahang	550 isi rumah
2	Peluasan loji rawatan Puncak Borneo dan retikulasi tambahan	Kuching, Sarawak	2,059 isi rumah
3	Projek retikulasi di pelbagai Kampung Orang Asli	Seluruh Semenanjung Malaysia	600 isi rumah
4	Loji rawatan air dan projek retikulasi	Sipitang, Sabah	5,396 isi rumah

Elektrik

No	Nama Projek	Lokasi	Hasil
1	Projek solar hibrid di Pulau Banggi	Kudat Sabah	602 isi rumah
2	Sambungan kabel bawah laut untuk Pulau Sebatik	Tawau, Sabah	833 isi rumah
3	Sambungan grid di Mambong	Mambong, Sarawak	663 isi rumah
4	Sambungan grid di pelbagai Kampung Orang Asli	Seluruh Semenanjung Malaysia	759 isi rumah



Dengan Ihsan, Info Centre, Menara Star, Star Publications (Malaysia) Bhd

Perumahan

No	Nama Projek	Lokasi	Hasil
1	Baik pulih empat buah rumah di kawasan RASCOM	Kanowit & Selangau, Sarawak	1,490 unit
2	Kawasan penempatan semula baharu di Kampung Pulau Seduku	Sri Aman, Sarawak	250 unit
3	Pembinaan rumah baharu di Kota Marudu	Kota Marudu, Sabah	80 unit

Memandangkan NKRA RBI melibatkan pembangunan yang ketara, maka manfaat daripada usaha ini benar-benar dapat dirasai oleh segenap lapisan masyarakat luar bandar. Malah, ia juga mencetuskan persepsi yang positif secara keseluruhan terhadap inisiatif yang telah dijalankan. Penglibatan serta usaha Kerajaan untuk menyediakan elektrik, rumah, air dan jalan raya telah disambut baik oleh rakyat dan dilihat oleh mereka sebagai faktor yang dapat menambah baik kehidupan mereka.

Rakyat turut berpuas hati bukan hanya kerana tersedianya infrastruktur asas ini, tetapi juga dengan kualiti atau standard kemudahan yang disediakan untuk mereka dan keluarga. Sebagai contoh ialah bekalan air dan elektrik tanpa gangguan, serta jalan raya yang mempunyai kesalinghubungan dan keterhubungan yang mantap.

Pada dasarnya, inisiatif RBI telah membawa perubahan kepada masyarakat luar bandar yang kini menikmati kualiti kehidupan yang lebih baik.

Pelaksanaan Program Jalan Raya Luar Bandar telah meningkatkan lagi jaringan jalan raya merentas lebih 12,000 kampung di seluruh negara. Di Kapit, Sarawak, sekurang-kurangnya empat buah rumah panjang kini terhubung dengan sempurnanya pembinaan 10.3 km jalan baharu. Dengan adanya jalan baharu ini, penduduk kini boleh menggunakan sepenuhnya kenderaan dan mengambil bahagian dalam kegiatan sosial dan ekonomi seperti menjual hasil pertanian atau barangan mereka. Selain itu, dengan kemudahan jalan raya tersebut, kanak-kanak juga kini lebih mudah untuk sampai ke sekolah.

Penduduk Kampung Chupak di Mambong, Sarawak dan Kampung Orang Asli Air Tawas, Ledang kini tidak lagi diselubungi kepekatan malam berikutan tersedianya bekalan elektrik sepanjang tempoh 24 jam ke kampung mereka. Pengenalan Program Bekalan Elektrik Luar Bandar jelas telah memberi sumbangan yang besar untuk meningkatkan kehidupan penduduk kampung tersebut.

Masyarakat Orang Asli yang sebelumnya bergantung pada sungai dan hujan untuk mendapatkan bekalan air kini menikmati bekalan air paip yang bersih dan tidak terganggu. Pelaksanaan Program Bekalan Air Luar Bandar di kawasan luar bandar seperti Kampung Orang Asli Hulu Kuang, Gombak, Selangor dan Kampung Orang Asli Hulu Woh, Tapah, Perak telah berjaya menyelesaikan masalah bekalan air bersih untuk masyarakat dan membantu mengurangkan penyebaran penyakit.

Peluang memiliki tempat berteduh adalah segala-galanya bagi penduduk di Kampung Pulau Seduku di Sri Aman, Sarawak. Dengan penempatan baharu di bawah Program Bantuan Rumah, mereka kini mempunyai akses kepada pelbagai kegiatan ekonomi. Ia termasuklah laluan yang mudah ke pasar yang bertindak sebagai penggerak ekonomi tempatan. Pada masa yang sama, mereka juga tinggal berdekatan dengan kawasan tanaman kelapa sawit dan kebanyakan mereka berpotensi sebagai pekebun kecil.

Secara keseluruhannya, inisiatif RBI membuka peluang yang luas kepada banyak penduduk Sabah dan Sarawak untuk menikmati hasil kemajuan negara.

Mengubah kehidupan lebih 2 juta rakyat yang tinggal di kawasan pedalaman

783.1 km jalan raya luar bandar telah disiapkan	36,273 buah rumah luar bandar dengan bekalan air bersih	27,266 buah rumah luar bandar dengan bekalan elektrik	16,962 buah rumah untuk rakyat miskin luar bandar dibina & dibai pulih
1.8 juta orang	176,000 orang	136,000 orang	85,000 orang

CABARAN

KETIDAKSEMPURNAAN

Limpahan dalam Mencapai Sasaran

Memandangkan sebahagian projek mungkin mengambil masa yang lebih lama berbanding dengan yang lain, terdapat kemungkinan bahawa beberapa projek mengalami kesan limpahan dan ia dijangka dapat disiapkan pada tahun yang berikutnya.

Selain itu, sifat inisiatif RBI dan hasilnya memerlukan penglibatan banyak pihak. Meskipun aspek ini telah diurus dengan baik pada tahun 2010, proses ini boleh mengambil masa yang panjang dan akibatnya, kelewatan boleh berlaku.

Dalam banyak kes, agensi pelaksana tidak seharusnya merupakan agensi pengurus atau pengendali. Sebagai contoh, bagi projek bekalan air, kontraktor yang dilantik oleh KKLW akan menyerahkan operasi loji rawatan air kepada pihak berkuasa bekalan air di sesebuah negeri. Oleh hal yang demikian, kerjasama yang erat antara semua pihak diperlukan untuk memastikan penyerahan hasil kerja dapat dilakukan tepat pada masanya.

PENGAJARAN YANG DIPELAJARI

Proses yang Berkesan Diperlukan

Terdapat keperluan untuk terus memperbaiki proses pengaturan masa pemerolehan bagi mengelakkan kelewatan bagi aktiviti kontrak berikutnya, yang berkemungkinan pula boleh menyebabkan kelewatan pelaksanaan seluruh projek. Pada masa hadapan, kita akan membuat perancangan projek yang jauh lebih awal, dengan jangkaan kemungkinan berlakunya kelewatan dalam pelaksanaan program yang disebabkan oleh proses birokrasi atau juga faktor-faktor yang lain.

Proses-proses dalam pejabat seperti rancangan, reka bentuk dan pemerolehan harus dilaksanakan lebih awal sebelum kita memulakan pembinaan untuk membantu mempercepat hasil projek. Kami menyedari bahawa proses pemerolehan berkemungkinan melibatkan tempoh yang panjang. Malah, ia akan mengambil masa yang lebih panjang sepanjang tahun 2011 dan 2012 untuk memperbaiki keseluruhan proses bagi memastikan tahap kecekapan yang lebih baik dan berkemungkinan tempoh yang lebih pendek untuk projek-projek yang akan datang.

MELANGKAH MENUJU 2011

KKLW beriltizam untuk mencapai sasaran NKPI 2011 yang berikut:

Jadual 2: SASARAN NKPI 2011

Garis masa		2011
Jalan Raya	Jarak dalam kilometer	905
Air	Bilangan rumah	58,087
Elektrik	Bilangan rumah	32,242
Rumah	Bilangan rumah	9,146

Inisiatif Baharu pada Tahun 2011

Bagi tahun 2011, kami berhasrat untuk memendekkan tempoh yang diperlukan bagi proses pentadbiran seperti pemerolehan, pembukaan tender, pemerolehan atau penyelesaian urusan berkaitan dengan tanah. Hal ini akan membantu untuk mempercepat penyempurnaan projek. Matlamatnya hanyalah untuk memastikan prosesnya lebih ringkas dan mudah tanpa mengorbankan tadbir urus yang baik.

Walaupun kami menyedari bahawa terdapat bidang-bidang yang perlu diperbaiki, namun hasil yang dicapai secara keseluruhannya, di bawah NKRA RBI sehingga hari ini, adalah sangat memberangsangkan. Pencapaian oleh tiga daripada keseluruhan program, iaitu jalan raya, rumah dan elektrik telah melebihi sasaran. Ini menunjukkan kejayaan program dan komitmen Kerajaan untuk memastikan bahawa kemudahan-kemudahan asas tidak dinafikan bagi rakyat Malaysia di luar bandar demi memastikan mereka berpeluang menikmati kualiti hidup yang lebih baik.



Dengan Ihsan, Info Centre, Menara Star,
Star Publications (Malaysia) Bhd



Kami berasa yakin bahawa semua rakyat Malaysia, tanpa mengira di mana jua mereka tinggal, perlu mempunyai akses terhadap pembangunan sosioekonomi. Sebaik sahaja infrastruktur asas disediakan, kemudahan sosial dan pembangunan ekonomi boleh diperkenalkan ke kawasan tersebut. Salah satu usaha yang ketika ini sedang dilaksanakan ialah kesalinghubungan telekomunikasi dan jalur lebar. Di sesetengah kawasan luar bandar, yang mana jalan raya serta bekalan elektrik telah pun tersedia, menara komunikasi sedang dirancang dan dibina. Dengan penyempurnaan binaan menara ini, penduduk di kawasan terbabit akan mempunyai akses kepada kesalinghubungan mudah alih dan jalur lebar. Selain itu, pada masa yang sama, Kerajaan boleh mula merancang untuk memperkenalkan kemudahan-kemudahan sosial seperti sekolah, hospital, dan pusat komuniti ke kawasan tersebut.



Dengan Ihsan, Info Centre, Menara Star, Star Publications (Malaysia) Bhd



Inisiatif RBI Memberi Impak Positif terhadap Ekonomi Tempatan

Ba'Kelalan, yang terletak di kawasan pedalaman Sarawak merupakan salah satu daripada sedemikian banyak daerah yang memperoleh manfaat daripada projek RBI. Sebuah projek jalan raya di antara Ba'Kelalan dengan Long Semadoh pada ketika ini sedang dalam pembinaan. Jalan raya sepanjang 150 km ini dibina oleh KKLW dengan kerjasama dengan Angkatan Tentera Malaysia.

Menurut penduduk tempatan, tidak lama lagi mereka boleh dengan mudah menjual produk pertanian seperti epal Ba'Kelalan mereka yang terkenal, ke bandar-bandar terdekat seperti Lawas. Hal ini kerana tempoh perjalanan dapat dikurangkan daripada 12 jam kepada hanya 4 jam, iaitu setelah jalan raya tersebut siap kelak. Selain itu, pembangunan tempatan juga akan menerima impak yang positif. Misalnya, harga simen akan berkurangan sebanyak separuh daripada RM60 bagi setiap beg pada ketika ini.

Kami akan terus berusaha untuk menyediakan hak asasi setiap rakyat Malaysia ini bagi memastikan setiap individu memiliki peluang yang sama untuk menikmati gaya hidup yang selesa, mudah dan selamat.


Jadual 3: Sasaran RBI bagi 2010-2012



Sila ambil maklum bahawa angka yang ditunjukkan di atas adalah berbeza daripada angka asal yang diterbitkan dalam Hala Tuju GTP kerana ia telah diubah suai berdasarkan peruntukan terkini untuk NKRA RBI. Memandangkan masa tunggu yang panjang diperlukan untuk projek-projek infrastruktur, kami menjangka bahawa sebahagian projek ini akan berjaya disiapkan selepas tahun 2012.

Mempertingkatkan Pengangkutan Awam di Bandar





Mempertingkatkan Pengangkutan Awam di Bandar




“

Kami akan terus mengorak langkah kejayaan dalam usaha meningkatkan sistem pengangkutan awam negara dan menambah peratus penggunaan pengangkutan awam. Perjalanan kami barangkali masih jauh dan berliku, namun kami seharusnya berbangga dengan pencapaian yang berupaya diraih setakat ini. Kami beriltizam dengan usaha untuk menarik lebih banyak pengguna pengangkutan awam bagi mengurangkan kesesakan di bandar-bandar kita.

”

Dato' Seri Kong Cho Ha
Menteri Pengangkutan



IMBASAN PENCAPAIAN 2010

Kearah Sistem Pengangkutan Awam Bertaraf Dunia


Malaysia berhadapan dengan keperluan mendesak bagi mewujudkan sistem pengangkutan awam bandar yang bertaraf dunia. Dengan sejumlah besar penduduk berhijrah ke kawasan bandar dan berlakunya kepesatan pembangunan, wujud keperluan untuk mewujudkan "penggerak manusia" yang bersepadu, menyeluruh, berharga patut dan selesa sifatnya, bagi memudahkan perjalanan di dalam bandar, terutamanya Kuala Lumpur.

Pelaksanaan sistem sebegini akan dapat membantu mengurangkan kesesakan lalu lintas dan dapat menyumbang kepada kualiti udara dan persekitaran yang lebih segar lagi bersih apabila kesesakan lalu lintas berjaya dikurangkan serta mampu mengurangkan kepadatan penduduk di kawasan bandar. Hal ini demikian kerana lebih ramai orang yang memilih untuk menetap di kawasan pinggir bandar dan berulang alik ke tempat kerja saban hari. Pengangkutan Awam Bandar atau NKRA UPT dibayangkan untuk memainkan peranan menangani aspek – aspek pengangkutan awam ini, bermula dengan Lembah Kelang.

Sepanjang tahun 2010, kami telah mencapai beberapa pencapaian di bawah NKRA UTP:

Keberhasilan Besar 2010

- Pembinaan dan penyempurnaan Terminal Pengangkutan Bersepadu Bandar Tasik Selatan (juga dikenali sebagai Terminal Bersepadu Selatan)



Dengan Ihsan, Info Centre, Menara Star, Star Publications (Malaysia) Bhd

- Pengenalan perkhidmatan lima buah Bus Expressway Transit (BET), dengan tujuan utama mengurangkan masa perjalanan bas dengan menggunakan lebuh raya yang belum dimanfaatkan penggunaannya dengan sepenuhnya.
- Sebanyak 634 buah perhentian bas telah dinaik taraf sepanjang 2010 di kawasan Sepang, Shah Alam, Subang Jaya, Klang, Selayang, Ampang Jaya dan Kajang.
- 22 set tren 4 gerabak baharu telah diperkenalkan di LRT aliran Kelana Jaya yang telah membawa lebih 2.43 juta penumpang sepanjang 12 bulan pada tahun 2010.

Ini merupakan keberhasilan awal dan dengan lebih banyak inisiatif di bawah NKRA pada tahun 2011 dan 2012, kami berkeyakinan bahawa lebih banyak keberhasilan yang akan dapat dicapai pada masa hadapan.

TINJAUAN KESELURUHAN

Meningkatkan Pengangkutan Awam untuk Rakyat

Pada pertengahan tahun 1990-an, Malaysia telah memberikan pelaburan yang besar dalam infrastruktur pengangkutan awam dan tiga sistem rel utama telah disiapkan di Lembah Klang, iaitu LRT Aliran Kelana Jaya, LRT Aliran Ampang dan sistem Monorel. Walau bagaimanapun, meskipun dengan adanya kemajuan ini, menurut kajian Agensi Kerjasama Antarabangsa Jepun (yang juga dikenali sebagai Kajian terhadap Strategi Pengangkutan Bandar Bersepadu bagi Pemuliharaan Alam Sekitar 1999), bahagian kaedah pengangkutan awam negara ini menurun daripada 34% pada tahun 1985 kepada 20% pada tahun 1997. Pada tahun 2008, peratusan ini telah merosot lagi sehingga antara 10% hingga 12% disebabkan infrastruktur pengangkutan awam tidak mampu menampung peningkatan jumlah penduduk Lembah Klang.

Oleh sebab semakin banyak rakyat Malaysia menjadi warga global dan negara mula menumpukan usaha untuk berubah ke arah ekonomi berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020, keperluan untuk memiliki rangkaian pengangkutan yang cekap menjadi lebih mendesak lagi. Kementerian Pengangkutan yang merupakan pemacu utama bagi NKRA UPT beriltizam untuk mencari penyelesaian bagi isu-isu yang dihadapi oleh rakyat. Masalah utama yang telah dikenal pasti ialah kesesakan pada waktu puncak, ketidakandalan perkhidmatan dengan pembatalan dan/atau kelewatan yang kerap dan juga kurangnya akses kepada perkhidmatan atau rangkaian pengangkutan awam.

Ketika ini, kesesakan yang serius pada waktu puncak mengakibatkan penumpang terpaksa menanggung ketidakselesaan dan kesesakan dalam LRT Kelana Jaya dan Komuter KTM yang beroperasi, masing-masing pada kapasiti 180% dan 150%.



Selain kesesakan, terdapat juga masalah ketidakandalan perkhidmatan dengan kelewatan dan pembatalan yang kerap selain juga perkhidmatan rel dan bas yang sering tidak mengikut jadual. Pergerakan pengangkutan jenis ini yang tidak dapat dijangka, menyukarkan penumpang untuk merancang perjalanan mereka dengan berkesan. Dengan pertambahan penduduk secara berterusan dan memberikan tekanan yang hebat kepada bandar-bandar, terdapat keperluan mendesak untuk mewujudkan pengangkutan awam bandar yang berkesan serta cekap sesegera yang mungkin.

Inisiatif Penyusunan Awal

Pada tahun 2003, Kerajaan telah mula menyusun semula industri pengangkutan di Lembah Kelang dengan menyatukan sebahagian besar sistem rel dan bas di bawah satu syarikat, iaitu Syarikat Prasarana Negara Berhad (Prasarana). Dengan kira-kira 60% bahagian pasaran, Prasarana kini merupakan pengendali pengangkutan awam terbesar di Lembah Klang.

OBJEKTIF NKRA UPT TAHUN 2010

Semasa melancarkan makmal NKRA UPT pada Oktober 2009, YAB Perdana Menteri telah menetapkan keutamaan negara untuk menyampaikan 25% bahagian kaedah pengangkutan awam di Lembah Klang menjelang 2012, sepanjang waktu puncak antara 7 hingga 9 pagi. Meskipun tumpuan awal akan diberikan kepada Lembah Klang, namun terdapat rancangan untuk kemudiannya menyesuaikan serta melaksanakan inisiatif yang berjaya di Pulau Pinang dan Johor Bahru.

NKPI 2010

Sasaran-sasaran NKPI yang berikut telah ditetapkan di bawah NKRA UPT bagi tahun 2010:

Jadual 1: NKPI keseluruhan untuk NKRA UPT				
Bidang Tumpuan	NKPI	Sistem	Garis Dasar	2010
Penggunaan pengangkutan awam	• Bahagian kaedah	Keseluruhan	10%	15% ¹
	• Penumpang pengangkutan awam keseluruhan	Keseluruhan	226,184 ²	251,184 ²

¹ Sasaran awal untuk 2010 ialah 13%. Walau bagaimanapun, sasaran telah diubah suai kerana Kerajaan berpendapat adalah perlu untuk menetapkan sasaran yang lebih mencabar.

² Garis dasar awal yang ditetapkan ialah 240,000. Pada asalnya, garis dasar dikira berdasarkan purata pengguna (penumpang) harian pada waktu puncak pagi dalam sebulan pada tahun 2009 yang mempunyai bilangan tertinggi hari bekerja. Walau bagaimanapun, ia telah diubah suai bagi mencerminkan purata sebenar pengguna pada waktu puncak pagi harian sepanjang tahun 2009.

Jadual 2: Pencapaian yang Dijangka bagi NKRA Pengangkutan Awam Bandar (UPT) 2010 (Lembah Kelang)

Kategori	Jangkaan Keberhasilan bagi Tahun 2010
Bas	• 200 buah bas baharu • 4 buah koridor baharu Bus Expressway Transit • 800 perhentian bas yang dinaik taraf
Rel	• 26 tren 4gerabak gerabak baharu untuk aliran Kelana Jaya
Integrasi	• Terminal Pengangkutan Bersepadu yang baharu di Bandar Tasik Selatan • Semua pengendali (operator) mengguna pakai sistem tanpa tunai dan menawarkan tambang berdiskaun bagi tiket tanpa tunai • 4,000 buah tempat letak kereta baharu di stesen rel
Rangkaian	• Penolakan pembaharuan cukai jalan bagi pemandu yang belum menjelaskan saman • Sekatan terhadap kenderaan berat di pusat bandar pada waktu puncak.

Di bawah NKRA UPT, kami menetapkan sasaran yang tinggi, iaitu peningkatan bahagian kaedah pengangkutan awam di Lembah Klang sebanyak 15% bagi tahun 2010 dan 25% menjelang akhir tahun 2012 pada waktu puncak pagi setiap hari. Pada tahun 2010 juga, objektif utama yang ditetapkan adalah untuk mencapai sasaran 15% sasaran bahagian dan meningkatkan bilangan komuter pada waktu puncak harian kepada kepada 251,184 daripada bilangan 226,184 pada tahun sebelumnya.



Dengan Ihsan, Info Centre, Menara Star, Star Publications (Malaysia) Bhd

SASARAN:
15%
PENINGKATAN BILANGAN
PENUMPANG
PENGANGKUTAN AWAM DI
LEMBAH KELANG
TAHUN 2010

SASARAN:
25%
PENINGKATAN BILANGAN
PENUMPANG
PENGANGKUTAN AWAM DI
LEMBAH KELANG
TAHUN 2012

Selain sasaran-sasaran ini, lapan NKPI telah ditetapkan yang bertujuan mengukur keandalan dan masa perjalanan, keselesaan dan kemudahan, ketercapaian dan kesalinghubungan, selain juga ketersediaan dan keupayaan. Semua ini digariskan dalam Jadual 3 yang berikut:

Jadual 3 : NKPI 2010 untuk NKRA UPT

Bil.	NKPI	Sasaran 2010	Keberhasilan Sebenar (Sehingga Disember 2010)
1.	% perjalanan sehala dalam tempoh 60 minit pada waktu puncak pagi	45%	Tidak Terpakai ¹
2.	% penduduk dalam jarak 400 meter dari laluan pengangkutan awam	66%	63%
3.	Kajian kepuasan pelanggan	48%	48%
4.	Faktor muatan bas pada waktu puncak	50%	44%
5.	Faktor muatan Komuter KTM	135%	130%
6.	Faktor muatan LRT aliran Kelana Jaya	125%	80%
7.	Bilangan penumpang pengangkutan awam waktu puncak pagi	251,184	236,412
8.	Bahagian kaedah pengangkutan awam	15%	17%

¹ Peratus NKPI bagi perjalanan sehala dalam tempoh 60 minit pada waktu puncak pagi tidak menggambarkan masa perjalanan sebenar yang diambil oleh pengguna pengangkutan awam kerana tidak mengambil kira faktor seperti jarak dan pembahagian zon. KPI tersebut telah diubah suai bagi mencerminkan nisbah perbandingan masa perjalanan pengangkutan awam dengan masa perjalanan pengangkutan persendirian. Ia mula digunakan bermula pada tahun 2011 dan seterusnya.

PESERTA UTAMA

Makmal GTP bagi sasaran dan objektif NKRA telah dijalankan pada bulan Oktober dan November 2009. Susulan daripada makmal ini, *Delivery Management Office (DMO)* telah ditubuhkan melalui Kementerian Pengangkutan untuk memantau, mengkaji semula, dan menyelesaikan sebarang masalah atau isu yang mungkin timbul. Cadangan belanjawan yang terperinci telah diserahkan oleh agensi-agensi pelaksana kepada kementerian dan agensi Persekutuan, termasuklah Unit Perancang Ekonomi (EPU) dan Kementerian Kewangan. Rancangan pelaksanaan terperinci telah diserahkan kepada DMO dan PEMANDU agar mereka dapat memantau kemajuan dan perkembangan setiap inisiatif.

Sepanjang tahun ini, laporan penilaian dan kemajuan telah dibentangkan kepada mesyuarat pada pelbagai peringkat. Ini termasuklah mesyuarat mingguan di DMO/PEMANDU, *Problem Solving Meeting - PSM* secara dwibulanan bersama Dato' Seri Idris Jala, dan mesyuarat-mesyuarat *Delivery Task Force (DTF)* yang pada mulanya dipengerusikan oleh Perdana Menteri dan kemudiannya, oleh Timbalan Perdana Menteri. Pihak-pihak berkepentingan utama yang relevan termasuk termasuk Pasukan Polis, Jabatan Pengangkutan Jalan pihak berkuasa tempatan dan Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) perlu menghadiri mesyuarat ini, apabila perlu.




Dengan Ihsan, Info Centre, Menara Star, Star Publications (Malaysia) Bhd

INISIATIF

Beberapa langkah telah dikenal pasti bagi mencapai objektif utama 25% bahagian kaedah sepanjang waktu puncak pagi harian menjelang tahun 2012:

JADUAL 4 : Enam Wahana Utama bagi Meningkatkan Penggunaan Pengangkutan Awam




Meningkatkan Kapasiti Sistem Yang Telah Mencapai Hadnya

Menjelang 2012, kami akan meningkatkan kapasiti penumpang melebihi dua kali ganda khusus untuk Komuter KTM dan aliran LRT. Selain itu, hak laluan bas khusus untuk bas di 12 koridor utama di Lembah Klang akan diperkenalkan secara berperingkat-peringkat, tertakluk pada kajian kejuruteraan dan perancangan kebolehlaksanaan yang terperinci. Semua 12 koridor ini dijangka boleh membawa 6% hingga 9% daripada jumlah penumpang pengangkutan awam, atau 35,000 hingga 55,000 penumpang semasa waktu puncak pagi menjelang tahun 2012.

Bilangan bas sedia ada juga akan ditambah menjadi 850 buah bas, dua kali ganda bilangan bas yang kini dikendalikan oleh RapidKL. Hal ini akan dapat meningkatkan perkhidmatan di laluan-laluan sedia ada di samping menyediakan perkhidmatan kepada 53 laluan baharu yang kini kekurangan liputan pengangkutan awam, serta menambah bilangan bas perantara ke stesen-stesen LRT.

Rajah 1 : Kawasan Kurang Mendapat Permintaan di Lembah Klang

Kawasan-kawasan kurang mendapat permintaan di Lembah Klang kerana terdapat akses terhadap bagi perkhidmatan bas (kawasan putih dan berwarna cerah)
Liputan RAPID KL



Sumber: Data Bancian 2000, data pengendali



Nor Syahamah Shahrum
21 tahun
Pegawai Perkhidmatan Pelanggan

“Adakalanya saya menggunakan pengangkutan awam. Pada pendapat saya, memang ada peningkatan dalam perkhidmatan LRT, namunada beberapa perkara lagi yang perlu diperbaiki. Kerajaan perlu meningkatkan kekerapan tren. Pengumuman yang dibuat di dalam tren juga haruslah jelas agar semua penumpang dapat memahami maklumat yang cuba disampaikan.”

MENINGKATKAN KAPASITI PENUMPANG SEHINGGA

2 KALI GANDA

GANDA KOMUTER KTM
DAN ALIRAN LRT
MENJELANG 2012

Mempertingkatkan Pengangkutan Awam di Bandar sambungan

PENGENALAN SISTEM TIKET BERSEPADU

+6,800

TEMPAT LETAK
KERETA BAHARU

Merangsang permintaan dengan menggalakkan rakyat menggunakan pengangkutan awam


Bagi tujuan merangsang permintaan, kami telah mengambil pelbagai langkah untuk memperkenalkan platform tiket dan struktur tambang bersepadu. Selain itu, kami telah memulakan rancangan untuk menambah 6,800 buah petak atau tempat letak kereta baharu di seluruh 14 stesen rel utama di luar kawasan bandar menjelang 2012. Perkhidmatan bas pengantara ke ke stesen rel dan usaha menaik taraf stesen trafik dan terminal juga akan dilaksanakan.

Rajah 2: Manfaat Sistem Tiket Pintar Bersepadu


Menyepadukan sistem tiket pintar penting bagi menjimatkan masa perjalanan

1 Pengurangan masa menaiki perkhidmatan awam

Berbaris panjang pada waktu puncak (10 minit)




Masa dalam
kenderaan



2 Menebus kembali kerugian

Transaksi tunai memberi ruang kepada penipuan kecil – potensi kerugian pendapatan sehingga 20%

Pendapatan Industri
RM juta setiap tahun



3 Penciptaan 1 tiket 1 Perjalanan Lancar

16 operator di Lembah Klang
dengan 16 kaunter tiket



- Tiket tanpa tunai mempunyai potensi menjimatkan separuh tempoh menaiki pengangkutan awam.
- Tiket tanpa tunai mempunyai potensi penjimatan sehingga RM125 Juta dalam jumlah hasil tahunan.
- Pelaksanaan



Tiket
Perjalanan
Lancar

Dalam usaha untuk merangsang permintaan, penguatkuasaan dan pemantauan adalah penting bagi memastikan semua pengendali mematuhi piawaian perkhidmatan dan operasi yang minimum. Justeru, kami akan menyepadukan sistem IT dan memulakan usaha penguatkuasaan merentas semua agensi penguatkuasaan utama.

Kenderaan berat sepatutnya tidak memasuki kawasan Pusat Bandar (CBD)

Hal ini akan dicapai dengan pembinaan tiga Terminal Pengangkutan Bersepadu (ITT) utama di luar pusat bandar. ITT selatan, Bandar Tasik Selatan telah dibuka pada bulan Januari 2011. Pada tahun 2012 pula ITT Gombak akan dibina yang akan melencongkan lebih 700 bas ekspres setiap hari dari utara (buat sementara waktu sehingga ITT Utara siap dibina) dan timur dari pusat bandar. ITT ketiga berkemungkinan dibina di Sungai Buloh untuk mengendalikan bas ekspres antara bandar dari utara selepas tahun 2012 dan seterusnya, tertakluk pada persetujuan Kerajaan.

Sementara itu, hab terminal antara bandar di Hentian Putra, Pudu, Pasarama Kota, dan Jalan Pekeliling akan memudahkan aliran lalu lintas dari pinggir bandar ke bandar. Sejumlah 12 Hentian Akhir Bandar (HAB) juga akan memudahkan pergerakan penumpang dan kenderaan pengangkutan awam di dalam pusat bandar bagi meningkatkan kemudahan dan kebolehsampaian.

Melaksanakan Pengawalseliaan Penyusunan semula Pelbagai Agensi yang Terlibat dalam Pengangkutan Awam

Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) telah beroperasi sejak awal tahun 2011. Parlimen telah meluluskan semua Akta yang berkaitan antara Mei dan Disember 2010 dan ketika laporan ini disediakan, kami masih menanti Akta-akta tersebut diwartakan. Hal ini akan dapat memastikan bahawa hanya terdapat satu titik akauntabiliti terhadap perancangan dasar serta pengawasan pengawalseliaan. Sebelum itu, terdapat 12 kementerian dan agensi yang berbeza, yang terlibat dalam pelbagai aspek pengangkutan awam, namun tiada satu pun pihak berkuasa yang bertindak menjalankan peranan memperkemas semua usaha yang dilaksanakan.

Pengurusan permintaan melalui 'tolakan' (*push*)

Perkara ini akan dikuatkuasakan apabila bahagian kaedah pengangkutan awam melebihi 25% dan sistem pengangkutan awam telah ditingkatkan. Apabila sistem pengangkutan awam memperlihatkan ciri-ciri keandalan atau kebolehpercayaan, keselesaan, dan kebolehsampaian dengan kesalinghubungan yang lebih besar, kami akan mempercepat inisiatif untuk menambah daya tarikan terhadap penggunaan pengangkutan awam berbanding dengan penggunaan kenderaan persendirian. Hal ini mungkin dapat dilaksanakan dengan penentuan caj kesesakan (*congestion pricing*), sama seperti langkah yang dilaksanakan dengan jayanya di London dan Singapura.

KEJAYAAN DAN PENCAPAIAN

Keberhasilan keseluruhan sasaran NKPI yang ditetapkan bagi tahun 2010 adalah seperti yang berikut:

Jadual 5: Keberhasilan keseluruhan NKPI bagi NKRA UPT


Bil.	NKPI	Sasaran 2010	Keberhasilan Results	Lampu Trafik
1.	Bahagian kaedah pengangkutan awam	15%	17% ¹	
2.	% penduduk dalam jarak 400 meter dari laluan	66%	63%	
3.	Kajian tahap kepuasan pengguna	48%	48% ²	
4.	Faktor muatan bas pada waktu puncak	50%	44%	
5.	Faktor muatan Komuter KTM	135%	130%	
6.	Faktor muatan Rapid KL aliran Kelana Jaya	125%	80%	
7.	Bilangan penumpang pengangkutan awam pada waktu puncak pagi	251,184	236,412 ³	
8.	% perjalanan sehala dalam tempoh 60 minit pada waktu puncak pagi	45%	Tiada ⁴	Tidak diberikan penarafan

¹ berdasarkan penyelidikan yang dijalankan oleh perunding trafik bebas

² mencerminkan pendapat pengguna-pengguna perkhidmatan awam merentas semua kaedah dalam satu kajian bebas

³ bilangan penumpang yang diberikan oleh pengendali pengangkutan awam - tertakluk pada pengesahan kajian lalulintas bebas

⁴ % NKPI perjalanan sehala dalam tempoh 60 minit pada waktu puncak pagi tidak menggambarkan masa perjalanan sebenar yang diambil oleh pengguna pengangkutan awam kerana ia tidak mengambil kira faktor-faktor seperti jarak dan pembahagian zon. KPI tersebut kemudiannya diubah suai bagi menggambarkan nisbah perbandingan antara masa perjalanan pengangkutan awam dengan kenderaan persendirian dan mula digunakan pada tahun 2011 dan seterusnya.



Jadual 6: Keberhasilan NKRA UPT pada tahun 2010 (Lembah Kelang)

Kategori	Jangkaan Keberhasilan pada tahun 2010	Catatan
Bas	200 buah bas baharu	Bas-bas ini akan diserahkan secara berperingkat-peringkat termasuk 270 bas tambahan sehingga September 2011
	4 koridor Bus Expressway Transit (BET) koridor yang baharu	Perkhidmatan 5 BET dilancarkan pada tahun 2010
	800 perhentian bas yang dinaik taraf	634 perhentian bas dinaik taraf pada tahun 2010. Baki 166 perhentian bas akan disiapkan bersama-sama dengan 440 hentian bas tambahan yang baharu pada tahun 2011.
Rel	26 tren empat gerabak baharu untuk LRT Kelana Jaya	22 set tren empat gerabak telah diserahkan pada 2010. Baki 4 set lagi akan diserahkan bersama-sama dengan 9 set tren yang dijadualkan akan diserahkan secara berperingkat-peringkat sehingga pertengahan 2011.
Integrasi	Terminal Pengangkutan Bersepadu baharu di Bandar Tasik Selatan	Terminal Pengangkutan Bersepadu di Bandar Tasik Selatan ini telah mula beroperasi pada 1 Jan 2011
	Semua pengendali menerima pakai sistem tanpa tunai dan menawarkan tambang berdiskaun bagi tiket tanpa tunai	RapidKL akan menjadi pengendali pertama yang menerima pakai sistem tanpa tunai pada pertengahan 2011. Perbincangan lanjut akan diadakan dengan pengendali-pengendali yang lain
	4000 ruang letak kenderaan baharu di stesen rel	Stesen LRT Gombak akan mempunyai 1200 petak letak kenderaan pada September 2011 dan baki 2800 petak lagi masih berada di pelbagai peringkat perancangan dan proses penenderan

Kategori	Jangkaan Keberhasilan pada tahun 2010	Catatan
Rangkaian	Penolakan pembaharuan cukai jalan bagi pemandu yang mempunyai saman terkumpul (belum dibayar)	Kerajaan telah menunda langkah penyenaian hitam kepada 10 Mac 2011
	Larangan bagi kenderaan berat daripada memasuki CBD pada waktu puncak	Kajian semula terhadap rancangan pelaksanaan dengan agensi-agensi utama akan diadakan pada 2011

PENYEMPURNAAN
PEMBINAAN

RM570juta

TERMINAL PENGANGKUTAN
BERSEPADU (ITT) BANDAR
TASIK SELATAN (JUGA
DIKENALI SEBAGAI TERMINAL
BERSEPADU SELATAN)

Penyempurnaan Pembinaan Terminal Bersepadu Selatan

Antara sedemikian banyak kejayaan penting yang dicapai pada tahun 2010 ialah penyempurnaan pembinaan ITT Bandar Tasik Selatan, atau juga dikenali sebagai Terminal Bersepadu Selatan. Terminal yang bernilai RM570 juta ini dilengkapi dengan kemudahan moden dan telah dibuka untuk orang ramai pada Januari 2011. Kini, bas ekspres perjalanan jauh yang menghala ke selatan yang beroperasi di Puduraya dan juga bas-bas ekspres yang beroperasi di terminal yang tidak diwartakan, akan mula menjalankan operasi mereka di terminal baharu yang canggih ini. Hal yang demikian membantu mengurangkan kesesakan di pusat bandar dengan adanya perkhidmatan kira-kira 500 buah bas saban hari.

Di sebalik kesulitan awal yang dihadapi, LPTC dan agensi-agensi yang lain sedang bekerjasama dengan pelbagai pihak berkepentingan untuk memastikan semua pengendali bas berpindah ke terminal baharu ini menjelang 1 Mac 2011.


Penambahbaikan dengan Set Tren 4 Gerabak yang Baharu

RapidKL LRT aliran Kelana Jaya telah meningkatkan perkhidmatan dan kapasiti dengan set tren 4 gerabak baharunya. Pada tahun 2010, tambahan sebanyak lebih 2.4 juta pengguna (pengulang-alik) menggunakan LRT dicatat. Sehingga kini, terdapat 22 set tren 4 gerabak sedang beroperasi.


Mempertingkatkan Pengangkutan Awam di Bandar sambungan

RapidKL LRT aliran Kelana Jaya telah meningkatkan kapasiti dan perkhidmatannya dengan 22 set tren 4 gerabak baharu dan peningkatan bilangan pengguna yang memberangsangkan pada waktu puncak pagi.

Bilangan pengguna pada waktu puncak pagi tahun 2009 (operasi tren 2 gerabak)



Bilangan pengguna pada waktu puncak pagi tahun 2010 (operasi campuran tren 2 + 4 gerabak)



2,430,563
lebih pengguna
menggunakan LRT pada
tahun 2010.

6.8%
peningkatan dalam
bilangan pengguna
setiap hari

31.6%
peningkatan bilangan
pengguna pada waktu
puncak pada tahun 2010

Meningkatkan bilangan pengguna melalui BET

Selain itu, 5 perkhidmatan Bus Expressway Transit (BET) dengan tujuan utamanya untuk mengurangkan perjalanan dengan penggunaan lebuh raya yang tidak digunakan sepenuhnya, telah diperkenalkan kepada orang ramai. Ia termasuklah:

- 1 BET 1 – Kota Damansara – Pasar Seni
- 2 BET 2 – Bandar Baru Sungai Long – Pasar Seni
- 3 BET 3 – Subang Mewah – Pasar Seni
- 4 BET 4 – Taman Seri Muda – Pasar Seni
- 5 BET 5 – Rawang – Pasar Seni



Muhammad Muhaizam Musa
29-year-old
Pensyarah

“Saya telah menggunakan LRT sejak 3 tahun lalu. Perbezaan ketara yang saya dapat lihat ialah penambahan gerabak LRT (tren 4 gerabak). Saya berpendapat perkhidmatan LRT adalah lebih baik jika dibandingkan dengan Komuter KTM dan Monorel yang juga kadangkala saya gunakan. Rancangan pengembangan sejak beberapa tahun ini telah menjadikan perkhidmatannya bertambah baik.

Namun, saya berpendapat bahawa apa juga rancangan pembangunan perlulah disepadukan kerana pembangunan bandar melibatkan pelbagai pihak terutama pemaju dan Kerajaan. Pertindihan dalam rancangan tidak sepatutnya berlaku dan ia harus dilakukan tanpa mengganggu atau menyukarkan orang ramai.”

Mempertingkatkan Pengangkutan Awam di Bandar sambungan



BET 1-4 kini dikendalikan oleh RapidKL manakala BET 5 dikendalikan oleh Setara Jaya. BET 1 hingga BET 4 yang diperkenalkan pada Januari 2010, telah menunjukkan peningkatan yang besar (192%) dari segi bilangan pengguna sejak hari pertama beroperasi. BET 5 telah diperkenalkan pada Oktober 2010 dan kelihatannya masih banyak perkara yang perlu dilakukan untuk mempromosikan perkhidmatan ini kepada penduduk Rawang.

Membaikpulihan Perhentian Bas

Sejak pelaksanaan inisiatif NKRA UPT, sebanyak 634 perhentian bas di kawasan Sepang, Shah Alam, Subang Jaya, Selayang, Klang, Ampang Jaya, dan Kajang telah dibaik pulih yang kini berada pada standard perkhidmatan yang baik untuk orang awam.



*Dengan Ihsan, Info Centre,
Menara Star, Star Publications (Malaysia) Bhd*

Penguatkuasaan

Dari aspek penguatkuasaan peraturan, pihak berkuasa terus memastikan saman dikutip. Daripada saman yang dikeluarkan antara tahun 2000 dan 2010, sejumlah RM643 juta atau kira-kira 19.03% telah dikutip sehingga kini.

Jadual 7: Saman yang dikeluarkan sejak tahun 2000 hingga 2010 yang berjaya dikutip pada tahun 2010

Agensi	Bilangan saman dikeluarkan	RM	Saman yang dijelaskan sehingga hari ini		
			Bil.	RM	%
PDRM	21,121,920	3,954,042,429	3,407,072	608,208,441	16.13%
JPJ	1,698,645	254,796,750	223,695	29,083,499	13.17%
DBKL	2,477,441	247,744,100	99,684	5,684,386	4.02%
JUMLAH	25,298,006	4,456,583,279	4,456,583,279	642,976,326	19.03%

Pembelian KTM EMU

Untuk mengurangkan kesesakan teruk dalam perkhidmatan tren komuter KTMB, Kerajaan telah membeli 38 set unit Tren Elektrik Pelbagai Guna (EMU) 6-gerabak pada Julai 2010. Inisiatif ini ditetapkan lebih daripada menggandakan kapasiti semasa KTMB dan membolehkan kira-kira 30,000 penumpang untuk menggunakan perkhidmatan ini dengan selesa pada waktu puncak pagi. Kami juga menjangka pada tahun 2012, masa menunggu (antara tren) dapat dipendekkan sehingga 7.5 minit berbanding dengan 15 minit waktu menunggu pada waktu puncak pagi ketika ini. Empat set EMU yang pertama akan mula beroperasi pada Disember 2011 dan baki 34 set lagi akan diserahkan secara berperingkat-peringkat sehingga pertengahan 2012.



Serena Ho
27 tahun
Pegawai bank

“Saya telah menggunakan pengangkutan awam selama lebih 3 tahun. Namun begitu, perkhidmatan KTM sangat mengecewakan dan ia melibatkan banyak pengguna yang berada atau tinggal di luar aliran LRT sedangkan mereka bergantung sepenuhnya pada KTM untuk sampai ke tempat kerja. Saya juga berpendapat gerabak monorel perlu ditambah. Stesen pengangkutan awam sepatutnya lebih terhubung antara satu dengan lain, seperti konsep yang digunakan di Singapura.”

CABARAN

KETIDAKSEMPURNAAN

NKRA UPT tidak dapat memenuhi jangkaan enam bidang khusus pada tahun 2010:

Kelewatan dan masa yang panjang diperlukan untuk proses kelulusan dalaman

Regangan yang berlebihan oleh pelbagai garis masa selain yang telah sedia ada di bawah NKRA UPT menyebabkan sesetengah jabatan mendapati bahawa adalah sukar untuk memberi keutamaan kepada tindakan memproses dokumen dan kelulusan yang perlu. Hal ini sebaliknya telah memberikan kesan terhadap garis masa penyampaian NKRA.

Struktur dalaman dan birokrasi

Isu-isu birokrasi dalam kalangan agensi Kerajaan menyebabkan kekurangan penyelarasan yang menghalang keberkesanan penyampaian projek.

Kelewatan Penggembleran Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD)

Kelewatan penggembleran penuh SPAD (antara pertengahan Jun 2010 dan akhir Januari 2011 disebabkan kelewatan memperoleh kelulusan Parlimen) memberi kesan terhadap inisiatif untuk menilai dan mengurus pencapaian industri. Salah satu objektif SPAD ialah memastikan pemantauan dan laporan pencapaian yang wajar oleh semua pengendali rel dan juga bas. SPAD juga akan menyerap peranan Lembaga Perlesenan Kenderaan Perdagangan (LPKP) dan Jabatan Keretapi (DoR) yang mengawal selia pengendali pengangkutan awam.

Kesukaran untuk membuat pengawalan terhadap pengendali bas

Inisiatif untuk memastikan pengagihan laluan bas dengan lebih adil dan memastikan perkhidmatan yang baik oleh pengendali bas telah tertangguh. Hal ini disebabkan LPKP tidak berjaya membawa pengendali bas persendirian untuk mencapai persetujuan. SPAD yang telah mengambil alih peranan LPKP pada 2011, kini memikul tanggungjawab untuk mengenal pasti penyelesaian dan mendapatkan sokongan daripada pihak-pihak berkepentingan.

Kekurangan kontraktor tempatan yang berkebolehan

Beberapa projek untuk membaik pulih EMU KTM tidak berjaya disempurnakan kerana kekurangan kontraktor tempatan yang berkebolehan. Hal yang demikian telah melewati penganugerahan pembaikpulihan 15 set tren yang pada awalnya disasarkan untuk dimulakan pada 2010.

Kerumitan pembangunan ITT Gombak

Berdasarkan kajian impak trafik, pelebaran jalan bagi MRR2 daripada 3 lorong kepada 5 lorong diperlukan untuk mengurangkan kesesakan lalu lintas dan memudahkan kebolehsampaian, selain juga memastikan penyelarasan dengan pembangunan bersebelahan. Hal ini telah memberikan kesan terhadap garis masa penyampaian atau penyempurnaan pembinaan ITT Gombak.

PENGAJARAN YANG DIPELAJARI

Semasa permulaan pelaksanaan NKRA UPT, kami mendapati bahawa langkah terbaik ialah mengenal pasti petanda awal dan mengambil langkah pembetulan untuk mengelakkan kelewatan dalam jadual penyampaian. PEMANDU dan DMO mungkin diperlukan untuk memudahkan rancangan komprehensif/program pelaksanaan bagi memastikan semua pihak dalaman bekerjasama dengan berkesan.

Disiplin yang tinggi juga perlu dipupuk dalam menentusahkan kemajuan projek (melalui lawatan ke tapak pembinaan) berbanding dengan hanya menerima maklum balas daripada sumber kedua. Bagi memastikan integriti projek, pasukan NKRA UPT telah turun ke padang untuk mengadakan pemeriksaan mengejut terhadap beberapa projek berkaitan dengan NKRA untuk menentusahkan kemajuan serta kualiti projek-projek ini.

Pendekatan utama yang digunakan untuk menangani pelbagai masalah ialah dengan memupuk kerjasama erat dengan pelbagai agensi Kerajaan, terutama yang memerlukan bantuan tambahan untuk menepati garis masa yang ditetapkan. Dengan keberanian PEMANDU dan DMO menerjah melebihi piawaian kebiasaan dan memainkan peranan sebagai pemudah cara sesi penyelesaian masalah, mengurus pihak-pihak berkepentingan dengan lebih baik, dan juga mentadbir birokrasi dalaman, ia telah pada hakikatnya memberi semua pihak yang terlibat, kesedaran lebih tinggi tentang keutamaan mendesak dan keazaman untuk bergerak pantas dalam melaksanakan tindakan yang diperlukan.

Wong Chi Hao,
22 Tahun
Pelajar Kolej

“Saya telah mendapat faedah yang banyak daripada peningkatan kapasiti tren terutamanya aliran Kelana Jaya. LRT 4-gerabak yang boleh memuatkan lebih ramai penumpang daripada tren lama, telah beroperasi pada hujung tahun lepas di laluan LRT Kelana Jaya. Tren ini telah benar-benar membantu melegakan kesukaran berada di dalam tren yang sesak setiap hari.

Saya tidak sabar menanti pelaksanaan sepenuhnya perkhidmatan tren dengan kapasiti dan kekerapan lebih tinggi.”

Salwani Muhammad,
24 tahun
Pelajar Chambering

"Saya telah menggunakan LRT sejak dua tahun yang lalu dan pandangan saya, perkhidmatannya bagus, cuma ia bergantung pada masa. Tren 4gerabak tambahan adalah amat baik kerana ia selesa - tidak sesak atau padat seperti sebelumnya.

"Saya harap Kerajaan dapat meningkatkan kekerapan tren. Sekarang ini lebih ramai orang memilih kenderaan awam untuk mengelakkan kesesakan di jalan, jadi jika ada tren yang ditambah bagi perkhidmatan sedia ada, ia adalah amat baik."

PERSEPSI ORANG RAMAI

Meskipun banyak kejayaan dicapai pada tahun 2010, kepuasan keseluruhan pengguna pengangkutan awam, secara relatifnya masih lagi rendah. Berdasarkan kajian yang dilakukan oleh Urusbudi Transplan Sdn Bhd pada Ogos 2010, hanya 48% daripada 10,000 responden berpuas hati dengan perkhidmatan sedia ada di Lembah Kelang.

Dari aspek perkhidmatan bas, hanya 38% responden yang berpendapat bahawa perkhidmatan bas sedia ada di Lembah Kelang adalah baik manakala kebanyakan responden lebih prihatin akan keseluruhan elemen perkhidmatan bas yang baik, iaitu seperti ketercapaian perkhidmatan, ketepatan masa, masa menunggu dan masa perjalanan, keadaan bas, kemudahan perpindahan, dan sikap pemandu. Dapat difahami persepsi orang ramai terhadap perkhidmatan pengangkutan bas secara relatifnya rendah kerana kebanyakan inisiatif untuk bas hanya akan terlaksana bermula pada tahun 2011 dan seterusnya. Hal ini turut melibatkan pengenalan 470 bas baharu, pembinaan perhentian bas baharu, di samping pembaikpulihan perhentian bas sedia ada, lorong khas bas dan juga penyusunan semula rangkaian bas, sebagaimana yang dirancang.



Berhubung dengan perkhidmatan LRT pula, 63% pengguna beranggapan bahawa perkhidmatan LRT adalah sangat berdaya harap. Pengguna kini menikmati perjalanan yang lebih baik dan selesa kerana tidak perlu bersesak-sesak masuk ke dalam tren selain juga suasana tren yang tidak lagi padat dengan penumpang, sebagai hasil penggunaan tren LRT 4-gerabak.

Namun demikian, hanya 28% pengguna berpuas hati dengan perkhidmatan Komuter KTM sedia ada. Empat set EMU 6-gerabak pertama akan beroperasi pada Disember 2011 dan ia dijangka akan membawa peningkatan yang beransur-ansur dari segi keandalan perkhidmatan Komuter KTM.

MELANGKAH MENUJU 2011

SASARAN NKPI 2011

Tahun 2011 akan terbukti menjadi tahun yang lebih mencabar tetapi kekal sebagai tahun yang menguja bagi kami. Sasaran utama kami adalah untuk meningkatkan bahagian kaedah pengangkutan awam kepada 21% daripada 17% sedia ada. Sasaran NKPI untuk tahun 2011 adalah seperti yang berikut:

NKPI	Sasaran 2011
Nisbah Masa Perjalanan Pengangkutan Awam Berbanding Masa Perjalanan Kenderaan Persendirian	1.7:1 ¹
% penduduk dalam jarak 400 meter dari laluan pengangkutan awam	70%
Kajian tahap kepuasan pengguna	50%
Faktor muatan bas pada waktu puncak	56%
Faktor muatan Komuter KTM	125%
Faktor muatan Rapid KL aliran Kelana Jaya	80%
Jumlah penumpang pengangkutan awam pada waktu puncak pagi	346,184
Bahagian kaedah penggunaan Pengangkutan awam	21%
Indeks keselamatan jalan raya (kematian di jalan raya/10,000 kenderaan berdaftar) ²	3.12


¹ Kajian lalu lintas bebas pada suku keempat 2010 menunjukkan bahawa nisbah masa perjalanan pengangkutan awam berbanding dengan masa perjalanan kenderaan persendirian adalah 1.86:1

² Pada 2011, Indeks Keselamatan Jalan Raya dimasukkan dalam NKPI UPT sebagai salah satu usaha Kerajaan untuk memupuk budaya keselamatan jalan raya di Malaysia. Garis dasar Indeks Keselamatan Jalan Raya pada 2010 ialah 3.32.

Mempertingkatkan Pengangkutan Awam di Bandar sambungan

Tahun 2011 bakal menyaksikan inisiatif perkhidmatan pengangkutan awam akan dibawa mencapai tahap yang lebih tinggi. Kami teruja dengan pencapaian yang berjaya diraih pada tahun 2010 dan kini lebih terdorong untuk memberikan lebih banyak kemudahan kepada rakyat. Dengan azam dan tekad untuk menyediakan perkhidmatan yang lebih cekap dan berkesan, iaitu sebagai usaha meningkatkan bilangan pengguna pengangkutan awam, terutamanya di bandar-bandar, kami berkeyakinan bahawa kami akan dapat menerobos jauh dalam usaha memperbaiki perkhidmatan pengangkutan awam bandar.

Maklum Balas daripada Jawatankuasa Penilaian Prestasi Antarabangsa



Jawatankuasa Penilaian Prestasi Antarabangsa

MENDAPATKAN PERSPEKTIF SECARA MENYELURUH

Meskipun fakta dan angka dalam Laporan Tahunan rasmi GTP menggambarkan keberhasilan hebat keenam-enam NKRA dalam tahun pertama pelaksanaan, namun Kerajaan berpendapat bahawa kita tidak boleh hanya bergantung pada perspektif sendiri untuk menentukan pencapaian atau prestasi kita. Untuk memastikan ketelusan hasil GTP, kami ingin mendapatkan pandangan daripada panel pakar antarabangsa bagi menilai usaha yang telah dijalankan dan memberikan penilaian luaran yang bersifat tidak berat sebelah serta pendapat bebas secara menyeluruh berhubung dengan perkembangan inisiatif GTP. Pihak berkuasa yang ketiga ini tidak mempunyai kepentingan dalam GTP dan berkebolehan untuk menilai, mengkaji, mengesahkan, dan mengkritik hasil GTP pada Tahun 1 dan Fasa 1 dengan adil dan saksama.




Oleh itu, pelbagai individu dari latar belakang dan kepakaran yang berbeza dikumpulkan untuk membentuk Jawatankuasa Penilaian Prestasi Antarabangsa – *International Performance Review (IPR) Committee*. Jawatankuasa IPR dikehendaki untuk mengkaji, menganalisis, dan mengkritik pelbagai elemen GTP termasuk sasaran yang telah ditetapkan, proses pelaksanaan dan juga hasil dan pencapaian yang diperolehi. Mereka juga akan memaklumkan kekurangan dan mencadangkan penambahbaikan. Penting bagi ahli Jawatankuasa IPR ini untuk memiliki kepakaran yang diperlukan dan rekod yang melayakkan mereka untuk memberikan maklum balas secara kritis dan membina serta mencadangkan idea-idea baharu dan amalan baik untuk digabungkan dalam GTP yang seterusnya.

MEMANFAATKAN PANDANGAN TENAGA PAKAR

Sebilangan individu ternama dijemput untuk menganggotai Jawatankuasa IPR bagi mengkaji pencapaian tahun pertama GTP. Ahli Jawatankuasa IPR telah diundang sendiri oleh Perdana Menteri. Kewibawaan mereka merupakan bukti bagi pengalaman dan kepakaran mereka yang mencerminkan kesungguhan dan ketulusan Kerajaan Malaysia untuk mendapatkan individu yang benar-benar berkelayakan untuk menilai prestasi kemajuan negara kita.

Halaman seterusnya memberikan gambaran kelayakan ahli-ahli Jawatankuasa IPR. Individu-individu cemerlang ini terbukti pakar dalam bidang masing-masing dan telah berkhidmat dalam pelbagai kapasiti di organisasi-organisasi antarabangsa serta Kerajaan. Sebahagian mereka juga pernah terlibat dalam program transformasi yang hampir sama yang melayakkan mereka untuk membincangkan merit GTP Malaysia. Gambaran tentang proses kajian, perincian utama yang disampaikan oleh Jawatankuasa IPR untuk Kabinet serta maklum balas yang diberikan oleh mereka secara individu dan cadangan untuk mengukuhkan GTP juga ditekankan di sini.





**SIR MICHAEL
BARBER**

Sekutu McKinsey Eropah;
Bekas menteri pentadbiran
Tony Blair

Michael Barber menganggotai McKinsey pada September 2005 sebagai pakar dalam Amalan Sektor Awam Global – *Global Public Sector Practice*. Dengan kemampuan ini, beliau telah terlibat dalam transformasi penting perkhidmatan awam, terutamanya bidang pendidikan di Amerika Syarikat, Britain dan negara-negara yang lain. Sebelum menganggotai McKinsey, beliau merupakan ketua penasihat penyampaian - *Chief Advisor on delivery* (sejak 2001) kepada Perdana Menteri Britain, Tony Blair. Sebagai ketua Unit Penyampaian Perdana Menteri, beliau bertanggungjawab untuk menyelia pelaksanaan program-program penting Perdana Menteri seperti kesihatan, pendidikan, pengangkutan, penguatkuasaan, sistem pengadilan jenayah, dan suaka/imigresen.

Sebelum menganggotai Kerajaan, beliau merupakan profesor di Institut Pendidikan, Universiti London. Hasil penulisan utama beliau termasuklah *The Learning Game: Arguments for an Education Revolution* (Indigo 1997), *How to do the impossible: A Guide for Politicians with a Passion for Education* (Institute of Education, London 1997), dan *The Virtue of Accountability* (Boston University, 2005). Pandangan beliau tentang polisi awam, terutamanya pendidikan telah disedari oleh Kerajaan di beberapa buah negara termasuk Australia, Amerika Syarikat, Russia, Estonia dan Hong Kong serta organisasi-organisasi antarabangsa utama seperti OECD, Bank Dunia dan IMF.

Michael Hershman ialah seorang pakar yang dikenali di seluruh dunia bagi hal-hal berkaitan dengan ketelusan, kebertanggungjawaban, pentadbiran, dan keselamatan. Kumpulan Fairfax diasaskan pada tahun 1983, telah diminta oleh Kerajaan, syarikat, dan institut kewangan antarabangsa untuk membantu dalam hal-hal berkaitan dengan kepemimpinan pegawai kanan dan/atau entiti yang bekerjasama dalam perniagaan. Pada Disember 2006, beliau telah dilantik sebagai penasihat perlembagaan bebas kepada Lembaga Pengarah Siemens AG, sebuah syarikat yang mempunyai pekerja seramai 400,000 orang.

Hershman memulakan kerjaya beliau dalam perisikan dan penyiasatan di Eropah pada penghujung tahun 1960-an sebagai pegawai khas dalam Perisikan Ketenteraan Amerika Syarikat, khususnya dalam serangan pengganas. Selepas meninggalkan bidang ketenteraan, beliau berpindah ke bahagian siasatan terhadap salah laku Kerajaan dan penipuan kewangan untuk Pejabat Guaman Negeri, New York dan pejabat Datuk Bandar, New York. Kemudian, beliau berkhidmat sebagai pegawai kanan penyiasat untuk Senate Watergate Committee dan ketua penyiasat untuk gabungan suruhanjaya presiden serta kongres yang mengkaji undang-undang negeri dan persekutuan tentang pengintipan dengar melalui telefon serta pengawasan elektronik. Selepas perbicaraan suruhanjaya pengintipan dengar tersebut, beliau menganggotai Suruhanjaya Pilihanraya Persekutuan sebagai ketua penyiasat yang bertanggungjawab untuk urusan audit dan siasatan atas calon-calon dan suruhanjaya kempen mereka.

Pada tahun 1993, bersama-sama dengan Peter Eigen, beliau mengasaskan Transparency International, sebuah gabungan bebas yang terbesar dan tidak berasaskan keuntungan, yang memperkenalkan ketelusan dan kebertanggungjawaban dalam perniagaan serta Kerajaan. Sejak enam tahun yang lalu, beliau telah berkhidmat dengan Interpol sebagai ahli Kumpulan Pakar dalam bidang Rasuah Antarabangsa-International Group of Experts on Corruption dan sejak 12 tahun yang lalu, beliau merupakan ahli jawatankuasa Suruhanjaya Seminar Pencegahan Rasuah Antarabangsa – *International Anti-Corruption Conference Committee*.



**MICHAEL
HERSHMAN**
Pengasas bersama
Transparency International;
CEO Kumpulan Fairfax



STEPHEN SEDGWICK

Pesuruhjaya Perkhidmatan
Awam Australia

Stephen Sedgwick memperoleh ijazah dengan kepujian dalam bidang ekonomi dari University Sydney dan mempunyai Ijazah Sarjana dari University London. Beliau sebelumnya merupakan ketua jabatan kewangan, pekerjaan, dan pendidikan Komanwel pada tahun 1992 sehingga 2002. Selepas itu, beliau dilantik sebagai ahli Lembaga Bank Pembangunan Asia bermula 2002 hingga 2007. Sebelum memegang kedua-dua jawatan ini, beliau merupakan Penasihat Kanan Ekonomi untuk bekas Perdana Menteri Australia, Bob Hawke pada tahun 1985 hingga 1988.

Beliau kini merupakan pengerusi NSW Government Better Services and Value Taskforce. Beliau juga merupakan ahli *Research and Policy Council of the Committee for the Economic Development of Australia* serta merupakan ahli lembaga pengarah Yayasan Sir Roland Wilson, Majlis Penasihat bagi ANU Crawford School of Economy and Government, selain ahli jawatankuasa penasihat bagi Australian National Institute of Public Policy. Beliau telah mengetuai Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Australia sejak Disember 2009



SERGEI DODZIN

Pakar Ekonomi Kanan, Bahagian
Asia dan Pasifik - Tabung
Kewangan Antarabangsa, IMF

Sergei Dodzin merupakan pakar ekonomi kanan di Bahagian Asia dan Pasifik bagi Tabung Kewangan Antarabangsa – *International Monetary Fund (IMF)* di Washington. Kepakaran beliau merangkumi Malaysia dan Singapura. Beliau mempunyai PhD dalam bidang ekonomi dari Universiti Harvard dan menyertai IMF pada tahun 1998. Sebelum menjawat jawatan ini, beliau berkhidmat di *Strategy Policy and Review Department*, IMF. Di jabatan ini, beliau memberikan penekanan secara mendalam terhadap isu-isu polisi dan analisis yang berkaitan dengan sektor kewangan, di beberapa negara yang mempunyai sektor kewangan yang besar dan krisis kewangan. Beliau menganggotai beberapa kumpulan atau pertubuhan di beberapa negara, termasuk Serbia, semasa negara ini dilanda krisis.

Beliau juga bekerja untuk tugas luar di *UK Financial Services Authority* dari 2007 hingga 2008 dan terlibat dalam menyelia penilaian institut-institut kewangan besar lagi kompleks selain juga kajian dan projek-projek yang berkaitan dengan penyeliaan serta kestabilan kewangan.



RAVI BALAKRISHNAN

Wakil tetap IMF, Singapura

Ravi Balakrishnan merupakan wakil tetap IMF yang berpangkalan di Singapura. Beliau merupakan warganegara Britain dan memiliki PhD dalam bidang ekonomi dari Sekolah Ekonomi London. Beliau memulakan kerjaya di Bank of England dan Bank of Spain sebelum menganggotai IMF pada tahun 2001. Sejak itu, beliau telah bekerja di beberapa buah negara termasuk Bolivia dan Amerika Syarikat serta *World Economic Outlook* sebelum memegang jawatan sekarang, yang merangkumi beberapa wilayah.

Polisi dan kajian beliau tertumpu pada bekerja dan kedinamikan pekerjaan, kedinamikan inflasi, kedinamikan pertukaran dan aliran modal, pasaran modal, dan sistem kewangan. Hasil kajian beliau telah diterbitkan dalam *European Economic Review*, - *Journal of International Money and Finance* dan kertas kerja kakitangan IMF.



Maklum Balas Jawatankuasa IPR

Proses Penilaian

Sesi IPR diadakan selama dua hari pada 26 dan 27 Januari 2011 di Putrajaya. Ahli Jawatankuasa IPR diberikan penerangan menyeluruh tentang keseluruhan kandungan GTP dengan penekanan khusus diberikan kepada enam NKRA dan MKRA. Pengarah setiap NKRA membuat pembentangan terperinci masing-masing, berkenaan dengan NKRA dan soalan diajukan oleh ahli Jawatankuasa IPR.

Proses penilaian dilakukan secara terbuka dan telus. Setiap ahli Jawatankuasa diberikan peluang yang luas untuk mengemukakan pertanyaan dan kritikan terhadap semua aspek program GTP. Ahli Jawatankuasa kemudiannya diberikan masa untuk menyiapkan maklum balas masing-masing untuk selanjutnya disampaikan kepada Perdana Menteri serta Kabinet pada hari yang berikutnya

Maklum Balas Jawatankuasa

Jawatankuasa IPR telah sebulat suara menerima GTP sebagai kejayaan di luar jangkaan. Hasil yang dicapai di bawah setiap satu NKRA adalah memberangsangkan dan telah memenuhi banyak sasaran besar yang telah ditetapkan.

Perspektif Keseluruhan Pendekatan GTP

Ahli jawatankuasa yang melihat GTP dari perspektif makro, menyampaikan pujian atas asas-asas yang berikut :

- GTP telah mendorong transformasi sebenar yang boleh dan akan dialami oleh rakyat;
- Kerajaan telah mencapai sasaran hebat pada tahun pertama GTP - penyampaian (keberhasilan besar yang pantas) sejak mula lagi telah menunjukkan petanda yang memberangsangkan untuk tahun-tahun yang akan datang;
- Penglibatan tinggi orang ramai semasa perumusan NKRA dan NKPI; pemerolehan idea dan input melalui kaedah yang inovatif termasuk khidmat pesanan ringkas (SMS) merupakan ciri GTP yang ketara;
- Kemampuan untuk mengubah rancangan dengan sasaran terperinci yang disokong oleh pelan tindakan yang menyeluruh adalah penting;
- Pewujudan sistem pemantauan dan penilaian kemajuan di semua peringkat Kerajaan termasuk di peringkat Perdana Menteri juga diambil perhatian.

NKRA – Perspektif khusus

Berhubung dengan komen yang terperinci berkaitan dengan NKRA yang tertentu, ahli jawatankuasa IPR memberikan ulasan positif yang berikut:

NKRA	Maklum Balas Jawatankuasa IPR
Menmpertingkat Pencapaian Pelajar	Tumpuan menyeluruh tidak hanya diberikan pada pelajar, tetapi juga untuk membantu guru dalam meningkatkan prestasi mereka selain penglibatan ibu bapa dan pengurusan sekolah mendapat pujian.
Isi Rumah Berpendapatan Rendah	Fokus yang jelas dalam menangani kumpulan miskin tegar dan pelbagai program pembasmian kemiskinan seperti 1AZAM, yang menawarkan latihan kemahiran, peluang keusahawanan, pembiayaan mikro dan bentuk bantuan lain mendapat pujian.
Membanteras Rasuah	Sumber kukuh yang bertujuan untuk mengurangkan rasuah dan mempromosikan ketelusan serta kebertanggungjawaban. Penubuhan MACC, akademi anti rasuah yang berkesan dan dilengkapi kakitangan yang secukupnya serta berinovasi. Inisiatifnya bertujuan membawa pembaharuan dan menerbitkan anugerah perolehan secara terbuka, melindungi pelapor salah laku rasuah, dan penggunaan <i>Integrity Pacts</i> yang dapat memberikan hasil yang besar dalam mengurangkan penipuan dan rasuah.
Mengurangkan Jenayah	Penempatan semula anggota polis dan cara inovatif yang lain untuk meningkatkan kehadiran barisan hadapan polis menunjukkan komitmen sebenar bagi penggunaan tenaga kerja yang bijak. Selain itu, penurunan indeks dan jenayah jalanan yang signifikan membuktikan bahawa pemikiran di luar kotak benar-benar berkesan.



Pendapat Peribadi Ahli Jawatankuasa

Sir Michael Barber

Keseluruhan program merupakan kejayaan besar dengan NKRA mengurangkan jenayah menunjukkan pencapaian yang paling penting. Angka-angka yang dihasilkan sangat mengagumkan dan layak dikategorikan sebagai Keberhasilan Besar yang Pantas. Apa yang telah berjaya dicapai oleh anda sememangnya bukanlah tugas yang mudah. Jika anda memberitahu saya hasrat anda pada awal tahun 2010, saya akan mengatakan bahawa ia cita-cita optimis yang berpijak pada kepalsuan. Saya perlu mengatakan bahawa saya belum pernah melihat kemajuan seperti ini dicapai sebegini pantas.

Melibatkan mereka yang berada di peringkat atasan sejak awal merupakan langkah yang berinovasi dan mengatasi apa yang dilakukan oleh negara-negara lain. Anda telah berjaya memberikan hasil, jauh lebih pantas daripada apa yang telah dilakukan oleh negara-negara lain (termasuk United Kingdom). Kualiti dan komitmen kepemimpinan Malaysia adalah mengagumkan. Apa yang penting ialah tumpuan terhadap enam bidang yang ditetapkan kekal tidak berubah. Terdapat juga kebertanggungjawaban yang jelas dan saya percaya bahawa GTP boleh membawa perbezaan yang besar kepada Malaysia.

Meskipun GTP telah membawa kejayaan awal, adalah baik jika anda tidak terlalu cepat mengisytiharkan kejayaan kerana tanggungjawab anda masih belum selesai. Melangkah ke hadapan bermakna wujud keperluan untuk memastikan usaha berterusan, mengekalkan tumpuan, menetapkan sasaran yang tinggi, dan GTP bersifat lebih mendalam dan bukannya meluas. Walaupun Malaysia telah memulakan program transformasi yang terkemuka di dunia, masih banyak lagi perkara yang perlu dipelajari daripada negara-negara yang lain.

“Pendekatan Malaysia ke arah transformasi dan perubahan telah dirancang dengan baik dan menekankan ketelusan serta kebertanggungjawaban. Ia bersifat agresif dan terperinci selain menggunakan banyak teknik yang digunakan oleh perniagaan yang berjaya serta memberikan tumpuan terhadap usaha Kerajaan untuk memperbaiki elemen penting bagi kualiti kehidupan di Malaysia. Jarang-jarang pemimpin Kerajaan mendedahkan pentadbiran mereka di dalam kad laporan awam untuk dinilai kemajuannya oleh rakyat.”

Michael Hershman
Pengasas Bersama
Transparency
International,
CEO Fairfax Group

Michael Hershman

Saya berbesar hati kerana diminta menganggotai kumpulan penilaian antarabangsa ini. Dari segi pencapaiannya yang luar biasa dan juga fokus yang meluas pada peringkat Perdana Menteri serta Kabinet, GTP tidak pernah kekurangan dalam membuahkan hasil yang sedemikian sifatnya. Hampir semua inisiatif GTP dan NKRA terkenal dengan kejayaan masing-masing. Pengurangan jenayah, kemiskinan tegar, dan peningkatan piawaian pendidikan benar-benar luar biasa. Secara umum, ia merupakan komitmen Kerajaan dari peringkat tertinggi yang akhirnya membawa kepada kejayaan penting ini.

Pencapaian kejayaan ini, seharusnya tidak membuatkan Kerajaan lalai dan terbuai dengan sikap berpuas hati. Masih banyak ruang dan perkara yang perlu diperbaiki. Adalah penting untuk mengekalkan usaha dengan memberikan tumpuan terhadap bidang-bidang yang tidak memenuhi objektif dan meneruskan proses pengesahan bebas yang telah dilaksanakan. Ini merupakan satu-satunya cara untuk memastikan data yang dikumpul benar-benar sahih dan yang lebih penting, untuk meyakinkan rakyat bahawa transformasi sememangnya sedang berlaku.

Melihat NKRA yang tertentu, saya menyokong penggunaan teknologi untuk mengurangkan permintaan terhadap tenaga manusia. Hal ini juga akan dapat membantu meningkatkan keberkesanan kos NKRA dalam jangka masa panjang.

Tumpuan terhadap persepsi adalah penting untuk NKRA Membanteras Rasuah tetapi anda harus menangani rintangan seperti penggunaan pengakuan di mahkamah. Perancangan yang lebih baik untuk NKRA Infrastruktur Asas Luar Bandar akan membantu mengelakkan sasaran tidak kesampaian seperti kekurangan bekalan air yang dirawat dan air paip ke rumah-rumah di luar bandar.

Berhubung dengan NKRA Pengangkutan Awam Bandar, penglibatan lebih besar sektor swasta akan mempunyai kesan nilai tambah dalam memberikan keberhasilan yang lebih berkesan dan pantas bagi inisiatif semasa ini. Kerjasama adalah penting dalam memastikan keberhasilan yang maksimum dapat dicapai dengan cara yang paling cekap dan dalam tempoh sesingkat mungkin.

Meskipun pembanterasan kemiskinan tegar telah berjaya dilaksanakan, kemampunan program ini mungkin menjadi suatu cabaran, misalnya penyediaan pekerjaan yang membolehkan kumpulan ini untuk kekal berada di atas paras kemiskinan tegar. Kerajaan perlu sentiasa berwaspada dalam memastikan bahawa mereka yang telah berjaya mencapai kemajuan atau perubahan, tidak akan jatuh ke bawah paras tersebut.

Dari aspek NKRA Mempertingkatkan Pencapaian Pelajar, kita percaya bahawa bidang ini layak memperoleh pengiktirafan antarabangsa dan dengan yang demikian, pertubuhan pendidikan antarabangsa yang berwibawa perlu dijemput untuk menilai kemajuan yang telah dicapai setakat ini.

Terdapat banyak amalan terbaik yang boleh saya kongsi, namun saya lebih suka melihat Malaysia meneruskan pendekatannya yang luar biasa. Jika anda dapat melaksanakannya, maka orang lain akan menjadikannya sebagai teladan.

"GTP telah memberikan peluang yang menakjubkan untuk meningkatkan keberkesanan pentadbiran awam di Malaysia dengan cara mengekalkan kemampanan sendiri. Walau bagaimanapun, ia memerlukan usaha yang gigih untuk mengubah budaya perkhidmatan awam. Keberhasilan (untuk NKRA Pendidikan) adalah mengagumkan, namun kita harus sedar bahawa kita tidak patut "mengajar untuk menghadapi peperiksaan semata-mata."

Stephen Sedgwick
Pesuruhjaya
Perkhidmatan Awam
Australia

Stephen Sedgwick

Malaysia telah menyasarkan beberapa bidang berprofil tinggi dan yang dikaji secara mendalam yang mencerminkan proses perundingan serta perbincangan meluas yang mengagumkan. Perkara yang menarik perhatian saya ialah usaha mengekalkan momentum yang telah dibina dan juga mewujudkan penerimaan yang lebih besar dalam perkhidmatan awam.

Perkhidmatan awam harus dilihat sebagai bertindak balas terhadap agenda GTP dan juga rakyat. Cabarannya adalah untuk menterjemahkan momentum dan idea-idea ini ke dalam pembaikan sebenar dengan membiasakan mereka dengan budaya perkhidmatan awam. Ini akan menunjukkan bahawa Kerajaan Malaysia adalah serius untuk membawa pembaikan.



"Pelaburan swasta yang dilaksanakan sendiri tanpa penglibatan Kerajaan akan menjadi salah satu isyarat kejayaan GTP."

Sergei Dodzin
Pakar Ekonomi IMF,
Bagi Asia & Pacific

Sergei Dodzin

GTP telah memacu perubahan dan transformasi sebenar Malaysia yang berterusan dengan memberikan tumpuan terhadap bidang-bidang keberhasilan utama. Ia telah berjaya menukar rancangan-rancangan yang meyakinkan menjadi tindakan, dengan butiran serta sasaran tertentu untuk mengukur kemajuan.

Untuk melangkah maju ke hadapan, saya mengesyorkan agar subsidi seperti petroleum, dihapuskan dan digantikan dengan bantuan yang disasarkan untuk keluarga miskin serta mereka yang memerlukan. Hal yang demikian akan mempunyai kesan positif terhadap pelbagai NKRA, khususnya NKRA Isi Rumah Berpendapatan Rendah. Pada umumnya, ia juga akan meningkatkan hasil ekonomi. Namun, proses ini haruslah dilaksanakan secara berperingkat-peringkat tetapi sentiasa berterusan.

Perkara lain yang perlu diberikan perhatian ialah mempermudah peraturan dan menambah baik iklim perniagaan di Malaysia. Hal yang demikian akan membantu mencegah peluang untuk rasuah dan sebaliknya menggalakkan ketelusan yang lebih tinggi dalam amalan perniagaan dan pada masa yang sama, mengurangkan kos menjalankan perniagaan di Malaysia. Langkah tersebut akan mempunyai kesan segera serta mengagumkan terhadap GTP dan juga ETP.

Ravi Balakrishnan

Hasilnya amat mengagumkan pada tahun pertama. Kuncinya adalah untuk mengekalkan usaha pembaharuan dan konsensus politik yang mendasarinya.

Ciri-ciri utama GTP yang patut dipuji ialah agendanya yang memacu transformasi dengan menyampaikan keberhasilan besar yang pantas. Sejak mula lagi, pendekatan yang tepat telah diambil sebagaimana dapat dilihat melalui proses perundingan dengan orang awam, komunikasi terbuka dengan mereka sepanjang tahun dan penggunaan makmal untuk memanfaatkan tenaga pakar untuk mencapai penyelesaian serta jawapan bagi setiap NKRA.

Malaysia, secara lumrahnya, boleh belajar daripada negara lain. Bagi Pengangkutan Awam Bandar, saya ingin menyarankan agar Malaysia mempertimbangkan untuk mencontohi Delhi Metro di India yang merupakan model sistem transit aliran massa bandar yang berjaya. Kerajaan juga boleh memilih untuk menggabungkan beberapa amalan yang terbaik daripada Bolivia yang telah terbukti berjaya dalam mikro kewangan kepada golongan miskin di luar bandar.

Bidang-bidang yang dicadangkan untuk penambahbaikan

Cadangan

Jawatankuasa IPR berbincang dengan panjang lebar tentang bidang-bidang yang berpotensi untuk dilakukan penambahbaikan bagi keseluruhan GTP. Berikut ialah pandangan kolektif mereka:

Memastikan penyampaian sektor awam yang mampan

Pada awal usaha atau langkah transformasi, beberapa tahap mikro pengurusan tertinggi diperlukan, namun terdapat keperluan untuk mewujudkan strategi bagi memastikan bahawa penyampaian sektor awam bertahan sendiri. GTP dan ETP haruslah teguh, mampan dan bukan semata-mata diletakkan di bawah tanggungjawab Perdana Menteri sendiri.

"Cabarannya adalah untuk mencapai kemajuan yang ketara setelah sasaran yang mudah dan biasa berjaya dicapai."

Ravi Balakrishnan
Wakil Residen IMF,
Singapore

Memastikan semangat tranformasi diperturunkan ke segenap sektor awam

Semangat transformasi penting untuk diperturunkan ke segenap bahagian sektor awam dan semua bahagian birokrasi turut diwajibkan dan didorong untuk melaksanakan transformasi yang diperlukan. Pada dasarnya, GTP dijadikan sebagai proses automatik untuk sektor awam.



Berinovasi secara berterusan dalam konteks Malaysia yang unik

Meskipun Malaysia boleh mengambil panduan daripada amalan-amalan terbaik negara lain, ia seharusnya tidak semata-mata berusaha untuk mendapatkan idea sahaja. Asas bagi transformasi ialah sentiasa memperkenalkan kaedah dan cara asal yang paling bersesuaian dengan konteks Malaysia yang unik. Bidang-bidang yang memerlukan penyelesaian berinovasi namun asli sifatnya termasuklah antara lain, meningkatkan pendidikan, pengangkutan, serta integriti ke arah memerangi rasuah.

Mewujudkan bajet fiskal yang mampan

Berdasarkan tahap hutang awam Malaysia, PEMANDU dan kementerian-kementerian lain perlu menggabungkan kos semasa dan kos masa akan datang NKRA, MKRA, dan projek-projek yang lain dalam bajet fiskal dengan mampan. Hal ini bertujuan memastikan GTP dapat bertahan dalam jangka masa yang panjang untuk mencapai matlamat yang telah ditetapkan.

Menjajarkan sasaran yang boleh dijangka dengan matlamat utama

Adalah penting untuk menjajarkan sasaran yang boleh diukur dengan matlamat utama. Selain itu, langkah berhati-hati perlu diambil bagi memastikan bahawa bilangan sasaran tidak berlebihan. Dalam sesetengah kes, usaha menghitung sasaran secara keterlaluan boleh menyebabkan sasaran dicapai tetapi keberhasilan yang teruk. Sebagai contoh, (i) sasaran untuk mengurangkan masa menunggu boleh menyebabkan penjagaan pesakit yang sangat buruk (ii) sasaran untuk mengurangkan jenayah boleh menyebabkan jenayah tidak dilaporkan. Apabila menentukan sasaran, seseorang perlu mempertimbang adakah sasaran yang terlalu banyak boleh benar-benar diukur dengan angka yang tepat.

Memastikan integriti data

Demi kepentingan integriti data, Ahli Jawatankuasa mengesyorkan peruntukan dibuat untuk mengaudit angka dengan tujuan memelihara ketulen dan kesahihan, terutama apabila dipersoalkan oleh pihak lain.

Mengurangkan tahap birokrasi untuk membendung rasuah

Banyak usaha yang diperlukan untuk mengenal pasti dan mengurangkan tahap birokrasi kerana ini akan mengurangkan peluang untuk rasuah. Dalam usaha memerangi kemiskinan, penekanan harus diberikan untuk menentang ketidaksaksamaan dan bukan hanya kemiskinan sahaja, iaitu dari sudut pandangan yang mudah semata-mata.

Meningkatkan kemampanan melalui penilaian keupayaan

Tidak kurang pentingnya, bagi meningkatkan kemampanan usaha pembaharuan, Kerajaan Malaysia perlu menjalankan penilaian terhadap keupayaan agensi perkhidmatan awam untuk:

- Mewujudkan kapasiti bagi pemikiran strategik dan program pelaksanaan;
- Membuat penilaian terhadap langkah-langkah yang diambil oleh Ketua Setiausaha (KSU) untuk memperbaiki setiap kekurangan sebagai sebahagian penilaian prestasi mereka (menyamai apa yang dilaksanakan oleh Kerajaan UK); dan
- Melakukan pembaharuan terhadap perkhidmatan awam untuk menyerahkan kuasa untuk bertindak seperti mengambil dan memecat anggota awam dalam rangka kerja akauntabiliti yang jelas untuk keberhasilan.

Cadangan-cadangan terperinci NKRA

Ahli Jawatankuasa juga membuat beberapa cadangan terperinci NKRA seperti yang berikut:

NKRA	Maklum Balas Jawatankuasa IPR
Meningkatkan Pencapaian Pelajar	Berhati-hati terhadap amalan “Pengajaran untuk Peperiksaan”. Pembelajaran secara menghafaz yang diinstitusikan ini berkemungkinan tidak dapat mencapai keberhasilan paling utama, iaitu mendapatkan bakat yang berfikiran analitis lagi kreatif tahap tinggi
Isi Rumah Berpendapatan Rendah	Langkauan beberapa langkah (leap frogging) perlu diambil dalam menyediakan bantuan kepada kepada isi rumah berpendapatan rendah, dengan menyasarkan golongan miskin melalui kaedah ujian yang lazimnya membawa kepada kadar marginal percukaian yang tinggi serta kesan disinsentif yang berkesan.
Membanteras Rasuah	Fokus terhadap rasuah perlu diberikan pujian. Walau bagaimanapun, masih ada banyak yang perlu dilakukan, sesetengahnya mudah untuk dilakukan (walaupun menimbulkan perbalahan), misalnya mengharamkan surat-surat sokongan, terutama berkaitan dengan tender dan kontrak oleh kementerian. Pembaharuan terhadap pembiayaan kempen sepatutnya melibatkan pendedahan matlamat dan sifat perbelanjaan. Hal ini seharusnya turut merangkumi larangan sumbangan daripada luar negara dan derma korporat, selain juga menetapkan had bagi derma atau sumbangan individu.

NKRA	Maklum Balas Jawatankuasa IPR
	Semua agensi Kerajaan sepatutnya mempunyai seorang penyiasat umum yang memberikan laporan kepada SPRM dan ketua agensi. Semua orang tengah/ejen dan wakil syarikat-syarikat yang membida kontrak Kerajaan sepatutnya mendaftar dengan Kerajaan dan mendedahkan skop serta sifat kontrak korporat.
Mengurangkan Jenayah	Penggunaan teknologi yang lebih intensif oleh pihak polis akan membantu menentukan corak jenayah dan sebahagiannya, dapat mengelakkan jenayah berpindah dari sektor berisiko tinggi kepada sektor-sektor lain.
Pengangkutan Awam Bandar	Menghapuskan subsidi petroleum akan membantu menyelesaikan objektif pengangkutan dengan menyediakan lebih banyak insentif untuk menggunakan pengangkutan awam. Sesungguhnya, rancangan pengangkutan awam menggalakkan penggunaan rel dan bas-bas tetapi tidak mengambil sebarang usaha untuk secara langsung menghalang penggunaan kenderaan persendirian. Subsidi dan bantuan sepatutnya disasarkan dengan baik untuk mereka yang memerlukannya, terutama subsidi minyak.
MKRA	Adalah lebih menguntungkan jika sasaran MKRA dihubungkan secara langsung dengan projek-projek kementerian dan seterusnya, projek-projek ini pula dihubungkan dengan sasaran-sasaran NKEA yang lebih luas.



Kerajaan Malaysia mengalu-alukan maklum balas daripada Jawatankuasa IPR dan akan meneroka cara serta kaedah untuk menggabungkan semua perkara ini ke dalam GTP dan NKRA yang tertentu, jika perlu berbuat demikian. Melangkah ke hadapan, kami akan terus mencari pandangan “luar dalam” (*outside in*) daripada pakar-pakar yang terkenal untuk memberikan makna serta perspektif kepada usaha kami, selain juga memastikan kami melaksanakan piawaian yang tinggi dalam semua sasaran yang telah ditetapkan oleh kami untuk dicapai.

Penghargaan dari Luar Negara



“ Berkaitan dengan dengan apa yang kami lakukan di Korea, saya turut berasa kagum akan pencapaian GTP. Setiap NKRA telah menunjukkan hasil yang sangat positif, khususnya dalam memerangi jenayah dan rasuah, meningkatkan pengangkutan awam bandar, mengurangkan kemiskinan, dan meningkatkan infrastruktur luar bandar. Pendidikan merupakan sektor penting di mana-mana sahaja di seluruh dunia dan usaha Malaysia menangani perkara ini pada peringkat akar umbi adalah sesuatu yang amat baik. GTP telah meletakkan satu penanda aras baharu dan ia akan meningkatkan lagi daya saing Malaysia. Program yang menggabungkan ketelusan sosial dan penambahbaikan perkhidmatan awam, membawa peluang yang besar kepada Malaysia untuk melonjak menjadi negara yang maju. Hal ini pastinya akan memberikan kesan yang positif terhadap rantau kita. Saya yakin bahawa masa depan Malaysia adalah cerah. ”

H.E. Sueng Jun Kwak
Pengerusi

**Presidential Council for
Future and Vision of the Republic of Korea**

Maklum Balas daripada Rakyat



Maklum Balas daripada Rakyat

GTP telah bergerak jauh dari garis permulaannya dan sukar untuk membayangkan kembali masa ketika tiada rangka tindakan untuk memberi panduan kepada Kerajaan dalam enam Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) yang penting.

GTP telah menjadi satu daripada pelbagai rancangan Kerajaan yang sangat berjaya, malah sedemikian berjayanya sehingga mereka yang berasa paling sangsi terhadapnya terpaksa mengakui bahawa GTP akhirnya telah berjaya mengubah beberapa Kementerian dan agensi Kerajaan, selain akhirnya menangani secara positif sesetengah aduan rakyat yang menjejaskan kehidupan seharian mereka.

Setahun sejak pewujudannya, GTP telah pun membuktikan dirinya sebagai pendorong perubahan kepada negara, dengan mewujudkan transformasi yang senantiasa diharapkan dan dialu-alukan oleh rakyat.

Malah Perdana Menteri, Dato' Sri Mohd Najib bin Abdul Razak telah menyatakan bahawa masa bagi "Kerajaan mengetahui segala-galanya" telah pun berakhir, dan rakyat akan menilai sendiri kualiti pemimpin yang telah dipilih oleh mereka sendiri.

Oleh hal yang demikian, NKRA telah diletakkan dengan mantapnya di bawah GTP, lantas mendorong enam menteri peneraju untuk mencipta kejayaan dalam enam bidang utama; iaitu mempertingkatkan pengangkutan awam bandar, mempertingkatkan taraf kehidupan isirumah berpendapatan rendah, mengurangkan kadar jenayah, membanteras rasuah, serta mempertingkatkan pencapaian pelajar dalam pendidikan dan memperkasa pembangunan infrastruktur luar bandar.

Sejauh ini, kemajuan yang dicapai adalah membanggakan, mempamerkan usaha yang bersepadu oleh Kerajaan yang telah menyentuh perasaan orang ramai dan kumpulan masyarakat awam. Rancangan ini telah memperincikan setiap aspek kehidupan rakyat, sekali gus menyedarkan mereka bahawa program transformasi tidak hanya mengambil berat akan keperluan mereka malah juga memenuhi kehendak mereka.

Organisasi bukan Kerajaan (NGO) dan orang ramai juga memberikan sokongan yang menggalakkan kepada GTP yang menurut mereka, ia merupakan program yang telah menjadikan rakyat jelata sebagai keutamaan.



MESRA RAKYAT: Polis berjaya menyemai hubungan yang lebih baik dengan orang ramai menerusi pendekatan mesra di bawah GTP

WAN SAIFUL WAN JANI,

Ketua Pegawai Eksekutif , Institut Demokrasi dan Hal Ehwal Ekonomi (Ideas)

“Banyak yang telah dicapai dalam jangka masa yang pendek, dan menteri utama yang bertanggungjawab terhadap NKRA Mempertingkatkan Taraf Kehidupan Isi Rumah Berpendapatan Rendah Dato’ Sri Sharizat Abdul Jalil telah melakukan usaha yang membanggakan.

“Mendengar kejayaan dalam melahirkan usahawan wanita baharu dan mengurangkan kemiskinan tegar adalah sesuatu yang amat menggembirakan. Mengurangkan kemiskinan menerusi keusahawanan adalah tepat sekali kerana cara yang terbaik menolong orang adalah dengan membantu mereka menolong diri sendiri.

“Pada masa hadapan, pemberian pertolongan percuma bukan amalan yang bersesuaian lagi.

“Perdana Menteri telah membuat satu langkah permulaan yang hebat terutama apabila beliau memberikan komitmennya yang jitu terhadap ekonomi yang lebih liberal menerusi Model Ekonomi Baharu (NEM) dan Program Transformasi Ekonomi (ETP).

“Saya berani menyatakan bahawa sistem ekonomi yang liberal dan pasaran yang bebas adalah satu-satunya cara untuk mengurangkan kemiskinan pada masa hadapan.”



Majid Sohot,
Presiden, Persatuan Orang
Asli Semenanjung Malaysia

**MENJADIKAN IMPIAN
SUATU KENYATAAN:**

Penduduk pedalaman seperti Orang Asli telah meraih manfaat daripada GTP dengan menjadikan impian mereka untuk memiliki rumah tercapai di bawah NKRA infrastruktur asas luar bandar.

MAJID SOHOT,

Presiden, Persatuan Orang Asli Semenanjung Malaysia

“Infrastruktur asas luar bandar yang terdapat di penempatan Orang Asli di pinggir bandar adalah memuaskan dan memperlihatkan kemajuan yang baik.”

“Banyak penempatan Orang Asli kini mendapat bekalan air paip bersih dan elektrik. Hal ini memberikan petanda bahawa lebih banyak penempatan di kawasan pedalaman akan mendapat kemudahan yang sama.”



Tan Sri Lee Lam Thye,
Naib Presiden, Yayasan
Pencegahan Jenayah
Malaysia

TAN SRI LEE LAM THYE,

Naib Presiden, Yayasan Pencegahan Jenayah Malaysia

“Pihak polis harus dipuji atas kejayaan mereka mengurangkan kadar jenayah jalanan kepada 35% berbanding dengan sasaran 20% yang ditetapkan, dan juga mengurangkan Jenayah Indeks kepada 15%.”

“Penurunan yang nyata pada jenayah jalanan juga harus dipuji dan sesungguhnya ketakutan terhadap jenayah diakui sama seriusnya dengan kejadian jenayah itu sendiri.”

“Kaedah pendekatan NKRA telah memperlihatkan keberhasilan yang positif seperti yang ditunjukkan oleh statistik.”

“Meskipun kita mengiktiraf bahawa polis memainkan peranan yang utama dalam memerangi jenayah, namun tanggungjawab tersebut bukanlah terletak di bahu mereka semata-mata.”

DATUK HENRY CHIN,

Yayasan Pencegahan Jenayah Malaysia

“Pengurangan kadar jenayah di bawah NKRA merupakan satu perkembangan yang positif.”

“Sesungguhnya menerusi usaha pihak polis yang bersepadu inilah pengurangan kadar jenayah telah dapat dicapai.”

“Terdapat banyak program yang berjaya telah dijalankan oleh polis.”

“Tiada kejayaan yang dapat dicapai secara bersendirian, dan kejayaan NKRA sesungguhnya, lahir daripada kerjasama polis, orang ramai dan NGO seperti YPJM.”



LEBIH KEPERCAYAAN: Kadar jenayah dalam tempoh GTP menurun dan polis berjaya meraih lebih kepercayaan daripada orang ramai

JOHNNY AMMAN,

Ahli perniagaan

“Pada pendapat saya, orang ramai masih kabur tentang banyak bahagian daripada GTP. Meskipun ramai yang tidak menyedarinya, namun keadaan telah menjadi bertambah baik. Memerangi jenayah dan rasuah adalah dua bidang yang menunjukkan banyak kemajuan. Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 adalah langkah yang bijak, dan sekarang saya melihat pegawai polis berada di mana-mana sahaja.”



Rasamanickam Devan,
65, Pemandu Teksi

RASAMANICKAM DEVAN,

65 tahun, Pemandu Teksi

“Saya rasa Perdana Menteri telah melaksanakan usaha yang amat bagus. Kualiti kehidupan, ekonomi dan peluang pekerjaan telah dipertingkatkan. Semenjak Dato’ Seri Najib mewujudkan dasar-dasar itu, setiap orang berpeluang untuk mencari pendapatan. Beliau telah melakukan yang terbaik untuk rakyat. Sebelum ini, saya tidak berpeluang langsung membawa teksi.

Dari segi pendidikan, banyak perubahan yang telah dilakukan. Anak perempuan saya sekarang seorang jurutera kerana dahulunya dia mendapat pinjaman pelajaran dengan mudah. ”

DATUK PAUL LOW,

Presiden, Transparency International – Malaysian Chapter

“Dengan bantuan sekretariat PEMANDU dan NKRA, GTP terus mencatat kemajuan yang baik.

Cabaran NKRA adalah bagaimana untuk mencapai sasaran dalam membuat pembaharuan proses politik, membawa perubahan dalam pembiayaan kewangan dan bagaimana parti politik dibiayai, selain membanteras apa yang dipanggil sebagai “rasuah besar”.

PROGRAM UNTUK SEMUA:

GTP memberikan tumpuan kepada setiap keutamaan rakyat tanpa membiarkan sesiapa pun ketinggalan atau keciciran, dengan demikian menjanjikan masa depan yang lebih baik kepada setiap lapisan masyarakat Malaysia.



LOKE YIM PENG,

Setiausaha Agung - Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan

“Dua aspek dalam NKRA semakin bertambah maju dan telah menerima maklum balas yang positif.

Salah satunya ialah Literasi dan Numerasi (LINUS) yang telah dilancarkan oleh Kerajaan. Saya perhatikan ia telah menerima maklum balas yang baik daripada guru-guru dan telah membantu kanak-kanak dalam membina tiga kemahiran asas, iaitu membaca, menulis dan mengira.

“Bidang yang lain ialah fokus kepada pendidikan pra-sekolah memandangkan Kerajaan telah mewujudkan lebih peluang untuk menubuhkan lebih banyak pra-sekolah, supaya kanak-kanak di luar bandar juga memperoleh asas pendidikan yang kukuh, dan sudah memasuki sistem pendidikan meskipun sebelum mereka mula bersekolah.

Manakala bidang NKRA yang lain, saya boleh katakan ia terus mencapai kemajuan yang bertambah baik.

Dengan lebih penekanan kepada ICT, beban kerja guru akan berkurangan dan membantu proses pengajaran dan pembelajaran.”




Pusat Sehenti untuk Semua:
Terminal Pengangkutan Bersepadu di Bandar Tasik Selatan yang mempunyai kemudahan pengangkutan berteknologi tinggi dengan konsep 'semua dalam satu' bagi penumpang.

NURSYAZWANA SADRI,

Pelajar Kolej Swasta

“Pengangkutan awam adalah sesuatu yang paling ingin saya puji, terutamanya dengan kewujudan bas dan kereta api untuk wanita. Pada saya, pendidikan telah mengalami perkembangan yang sangat hebat, dan kemudahan institusi pendidikan awam telah banyak dipertingkatkan. Kini, dengan program latihan kemahiran Kerajaan, saya rasa setiap orang mempunyai peluang untuk mendapatkan pekerjaan meskipun dalam persekitaran persaingan yang semakin sengit.”



Lee Jing Wen,
Pelajar

LEE JING WEN,

Pelajar

“Saya dapat melihat banyak perubahan yang berlaku terutamanya dari segi jenayah. Secara keseluruhannya, kehidupan seharian orang ramai bertambah baik dan kadar jenayah, secara khususnya telah berkurangan dengan nyata. Sudah agak lama saya tidak membaca berita mengenai kes rompakan atau jenayah ragut, dan saya berasa lebih selamat sekarang.”

SARAH KUPPUSAMY,

Sukarelawan pusat perlindungan haiwan

"Ya, betul! Keadaan sudah banyak bertambah baik. Kejadian jenayah terutamanya telah menunjukkan penurunan yang ketara kerana polis kerap membuat rondaan. Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 juga merupakan langkah yang baik dan berada pada landasan yang tepat. Oleh sebab saya menggunakan pengangkutan awam, saya dapat melihat banyak kemajuan seperti kereta api dengan empat gerabak dan bas-bas baharu."

JOLYNN NG,


Eksekutif

“Pendidikan, terutamanya pendidikan tertiar, telah melahirkan lebih banyak graduan berbanding dahulu. Akan tetapi kualiti, yang pastinya, tetap perlu dipelihara. Kemunculan graduan baharu yang bersemangat dan berbakat adalah petanda yang baik bagi GTP. Sektor pendidikan senantiasa diberikan tumpuan yang lebih dan inilah yang terbaik bagi sebuah negara membangun seperti Malaysia.”

“Juga, dengan rancangan yang terfokus, kejadian jenayah dan gejala rasuah dapat dikurangkan. Pengangkutan awam juga semakin bertambah baik.”

Atas sumbangan terhadap bahagian ini, kami mengucapkan penghargaan kepada Zakiah Koya dan Pauline Wong dari The Sun.

Bidang
Keberhasilan
Utama
Kementerian
2010
(MKRA)



Tinjauan Keseluruhan terhadap Bidang Keberhasilan Utama Kementerian (MKRA) Tahun 2010

SATU TINJAUAN TERHADAP BIDANG KEBERHASILAN UTAMA KEMENTERIAN (MKRA)

Meningkatkan penyampaian perkhidmatan awam merupakan hasrat utama Program Transformasi Kerajaan (GTP), dan untuk memastikan matlamat ini menjadi kenyataan, GTP disokong oleh Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) dan Bidang Keberhasilan Utama Kementerian (MKRA).

Jika NKRA memberi fokus untuk menangani keperluan rakyat yang mendesak, yang merupakan tanggungjawab secara kolektif Jemaah Menteri, MKRA pula memberi fokus kepada fungsi utama yang berada di bawah bidang kuasa setiap Kementerian. Bidang tugas ini tertumpu pada usaha meningkatkan kesejahteraan rakyat.

Setiap MKRA mempunyai Penunjuk Prestasi Utama (KPI), yang dikenali sebagai Penunjuk Prestasi Utama Kementerian (MKPI). MKPI merupakan pencapaian utama yang menjadi tanggungjawab setiap menteri dalam sesuatu tahun yang tertentu.

Satu contoh MKPI adalah mengurangkan jumlah masa menunggu untuk pendaftaran perniagaan, yang akan menyumbang kepada MKRA berkaitan memudahkan usaha menjalankan perniagaan.

NKRA dan MKRA telah didefinisikan dengan jelas dalam Program Transformasi Kerajaan (GTP)



NKRA

6 Menteri

- Bidang yang dikenal pasti sebagai keutamaan paling penting kepada negara
- KPI Peringkat Nasional: Tumpuan khusus oleh PM dan TPM

MKRA

23 Menteri

- Bidang yang dikenal pasti sebagai tanggungjawab utama kementerian-kementerian
- KPI peringkat kementerian: Dipacu oleh Menteri yang bertanggungjawab

Akauntabiliti Kementerian terhadap Keberhasilan Yang Lebih Baik

Setiap Menteri bertanggungjawab terhadap MKRA sendiri dan penyampaian MKPI dalam bidang masing-masing. Seiring dengan prinsip "1Malaysia, Rakyat Didahulukan Pencapaian Diutamakan", MKRA dan MKPI ditumpukan kepada perkara yang memberikan impak yang baik terhadap rakyat serta keberhasilan (*outcome*) yang khusus dan bukannya semata-mata hasil satu proses (*output*).

Buat kali pertama dalam sejarah negara ini, Menteri bertanggung jawab untuk mencapai sasaran mereka dan prestasi mereka dinilai Perdana Menteri dua kali setahun. Hal yang demikian adalah untuk memastikan wujudnya komitmen, pemilikan, dan akauntabiliti serta memupuk sifat saling bergantung antara pelbagai kementerian ke arah melagang Keberhasilan Besar yang Pantas demi meningkatkan kesejahteraan rakyat.


Pembangunan MKRA dan MKPI

Keseluruhan proses MKRA telah dibangunkan selari dengan inisiatif NKRA dengan kesedaran bahawa usaha bersama sesama kementerian adalah diperlukan - sama ada secara langsung atau tidak langsung untuk menyokong NKRA.

Selain itu, ada banyak bidang yang tidak ditangani di bawah NKRA, tetapi masih memerlukan perhatian daripada Kerajaan. Oleh hal yang demikian, kerja dan usaha dalam menggariskan MKRA dan MKPI telah bermula pada awal April 2009 dengan para menteri diarah untuk mengenal pasti MKRA dan MKPI mereka sendiri dalam tempoh 30 hari pertama pelantikan masing-masing.

Dengan menerima pakai pendekatan berstruktur, MKRA dan MKPI telah dirangka dengan mengambil kira visi dan misi setiap kementerian. Menggunakan ini sebagai asas, MKPI tertentu telah dibangunkan, diikuti oleh pelan pelaksanaan terperinci yang menggariskan pelan tindakan utama, inisiatif dan sasaran ke arah mewujudkan pelbagai MKPI dan MKRA. Satu format yang seragam telah diterapkan di seluruh kementerian untuk pembangunan MKPI. Format ini terdiri daripada komponen utama yang berikut:

- Bidang Keberhasilan Utama (dibangunkan berdasarkan Visi dan Misi Kementerian);
- MKPI yang berorientasikan keberhasilan (*outcome*) dan yang menangani masalah keperluan rakyat;
- Sasaran KPI tertentu perlu bersifat Berani, Sasaran yang Diperluas (*Stretched*) dan yang menyampaikan keberhasilan yang Pantas dan
- Mengenal pasti kesalingbergantungan (menekankan penglibatan atau penyertaan kementerian lain) dan titik sentuhan (iaitu bagaimana setiap KPI membawa kesan yang positif kepada negara dan rakyat).



Format yang seragam digunakan di seluruh kementerian untuk mengenal pasti MKRA dan MKPI

Contoh daripada Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air Kementerian Tenaga

Teknologi Hijau dan Air - Y.B Datuk Peter Chin Fah Kui

Bidang Keberhasilan Utama (KRA)/ Rasional bagi KRA	KPI				Inisiatif / sokongan untuk merealisasikan KPI	Titik sentuhan
	KPI Dikenal pasti	Sasaran 2009	Sebenar 2009	Sasaran 2010		
1. Meningkatkan tahap kepercayaan pengguna ke atas bekalan sumber elektrik. Mengurangkan masa gangguan bekalan elektrik. Rasional • Untuk memastikan rakyat menerima bekalan elektrik yang berterusan tanpa gangguan perkhidmatan. (bekalan elektrik)	1.1 "SAIDI - System Average Interruption Duration Index. Contoh. Bilangan minit gangguan pelanggan dalam setahun	Semenanjung Malaysia: 78 minit Sabah: 1,700 min	Semenanjung Malaysia: 72 min Sabah: 2,870 min	Semenanjung Malaysia: 60 min Sabah: 700 min	• Meningkatkan penjaan, transmisi dan pengagihan bekalan elektrik • Peruntukan (RM468 Juta) Dari MOF/EPU	• Rakyat akan menikmati bekalan elektrik bergrid yang berkualiti dengan gangguan bekalan yang minimum

KRA dihasilkan berdasarkan kenyataan Visi / Misi kementerian

KPI menggambarkan keberhasilan dan menangani keperluan rakyat



Sasaran KPI adalah Berani, Sasaran yang Diperluas dan Pantas

Kesalingbergantungan dan titik sentuhan dikenal pasti

Untuk memacu pembangunan MKPI, seorang pegawai KPI yang khusus dikenal pasti dan dilantik untuk setiap kementerian untuk membantu membangunkan MKPI, menyelaraskan pelaksanaan dan menyelesaikan masalah kesalingbergantungan antara pelbagai kementerian. Pegawai KPI bertugas untuk mengesan dan memantau kemajuan MKPI dan melaporkan kemajuan kepada menteri masing-masing. PEMANDU mengadakan mesyuarat bulanan dengan pegawai MKPI bagi membantu mereka menyediakan laporan selain memantau keberhasilan secara bulanan. Setiap MKPI mempunyai trajektori bulanan untuk mengesan pencapaian MKPI.

Fasa yang berikutnya ialah pemantauan dan penilaian prestasi yang merangkumi pertemuan *stock-take* antara para menteri dan Perdana Menteri. Sesi penilaian Perdana Menteri dan menteri berlangsung dua kali dalam setahun. Sesi yang pertama telah berlangsung antara bulan November 2009 dan Januari 2010 dan melibatkan perbincangan yang terperinci dan penilaian prestasi menteri. Panduan yang disediakan oleh PEMANDU pada trajektori bulanan dan “*dashboard*” dijadikan sebagai bahan rujukan untuk sesi ini.



Pendekatan berstruktur telah digunakan untuk membangunkan KPI Menteri



Berdasarkan penilaian ini, Perdana Menteri memberikan penarafan beliau kepada setiap Menteri di samping memberi pujian ke atas mereka yang mencapai prestasi yang baik, menggariskan bidang untuk penambahbaikan atau menarik perhatian kepada bidang tumpuan baharu. Semua ini harus diberikan perhatian sebelum mesyuarat *stock-take* seterusnya.

Pada tahun 2010, MKPI diperturunkan ke seluruh kementerian bagi mempertingkatkan usaha-usaha terdahulu untuk mewujudkan KPI bagi penjawat awam paling kanan seperti Ketua Setiausaha (KSU) dan Ketua Pengarah.


Penilaian ini merumuskan maklumat yang penting tentang MKRA dan MKPI - bahawa setiap anggota kabinet harus mencapai sasaran KPI serta bertanggungjawab terhadap prestasi kementeriannya sendiri. Penekanan terhadap keberhasilan mencerminkan semangat GTP, iaitu untuk menambah baik proses kerja terdahulu serta memperkenalkan dan menggalakkan budaya pentadbiran berasaskan prestasi. Dengan meletakkan akauntabiliti kepada para menteri, mesej yang disampaikan oleh pentadbiran negara ialah perkhidmatan awam yang lebih baik harus bermula, dan akan bermula daripada barisan kepimpinan tertinggi negara.

Pencapaian Setakat Ini

Pada tahun 2010, jumlah MKPI telah meningkat ke 267 daripada 264 pada tahun sebelumnya. Dari segi keberhasilan yang dicapai, pada tahun 2010, 92.3% daripada MKPI telah dicapai. Hal yang demikian merupakan peningkatan 7.1% daripada pencapaian tahun 2009.

Sesuatunya yang menarik perhatian ialah hakikat bahawa 11 kementerian telah mencapai skor komposit 100%, lantas mencerminkan bahawa kemajuan yang cemerlang berjaya dicapai. Malah ia juga memberikan isyarat yang jelas terhadap perubahan dalam rangka minda Kerajaan dalam menuju ke arah Kerajaan yang berpacuan prestasi dan berorientasikan keberhasilan selaras dengan hasrat yang ditetapkan oleh Perdana Menteri.

Keberhasilan yang dicapai pada tahun 2010 mencerminkan peningkatan yang jelas berbanding dengan tahun 2009. Pada tahun 2009, 85.2% daripada MKPI telah mencapai sasarannya, daripada jumlah itu, sebanyak 225 sasaran MKPI daripada 264 MKPI keseluruhan telah dicapai dan hanya lapan menteri mencapai markah prestasi 100% dalam MKPI mereka.



Inisiatif MKRA ternyata telah mendatangkan keberhasilan yang positif dan banyak Kementerian mempunyai kisah kejayaan mereka sendiri untuk dikongsi bersama. Kita boleh melihat dan menghayati contoh daripada Kementerian Sumber Asli Dan Alam Sekitar, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan.

Tahun 2010 menyaksikan Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar bekerja keras untuk mengatasi masalah berkaitan dengan banjir yang dihadapi oleh 5.7 juta penduduk yang tinggal di kawasan berisiko banjir. Untuk mengurangkan jumlah mangsa, kementerian telah menjalankan projek tebatan banjir yang melibatkan pembinaan kolam tahanan, rumah pam, empangan, pagar kawalan banjir dan pelebaran serta pendalaman sungai.

Sehingga 2009, seramai 1.64 juta orang telah meraih manfaat daripada 35 projek tebatan banjir di seluruh negara. Sasaran Kerajaan adalah untuk menyiapkan 57 projek tebatan pada akhir tahun 2010 untuk memberikan manfaat kepada sejumlah 2.03 juta rakyat Malaysia seluruh negara. Pada akhir Disember 2010, 56 projek tebatan banjir dengan kos RM874.5 juta telah disiapkan, yang membolehkan kementerian mencapai 98.2% dari sasaran. Projek yang selebihnya telah disiapkan pada bulan Januari 2011. Hingga kini, projek yang telah disiapkan telah memberikan manfaat kepada 430,243 rakyat Malaysia. Nasib 3.63 juta orang yang selebihnya akan diletakkan dalam senarai agenda keutamaan Kerajaan. Perancangan yang ada adalah untuk menyelesaikan masalah banjir mereka mulai tahun 2011 dan seterusnya dengan syarat terdapat peruntukan yang mencukupi untuk projek tebatan banjir.

Demikian juga dengan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah diberikan sasaran MKPI untuk memulihkan semula 161 projek perumahan terbengkalai di seluruh negara pada akhir tahun 2010. Untuk mengatasi masalah ini, kementerian memperuntukkan dana bagi projek perumahan kos rendah dan pertengahan yang terbengkalai dan mengenakan kawalan yang ketat terhadap projek perumahan baharu dengan pihak Kerajaan tempatan. Pemaju yang bermasalah telah diberi amaran dan disenaraihitamkan. Pada akhir Disember 2010, 51 projek telah berjaya dipulihkan atau disiapkan, sementara 72 yang lain berada pada pelbagai tahap penyelesaian. Baki 38 projek terbengkalai berada pada tahap perancangan untuk dipulihkan. Pindaan yang dicadangkan untuk Akta Pembangunan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) tahun 1966 bagi membolehkan pemaju yang mengabaikan atau meninggalkan projek perumahan mereka dihadapkan ke mahkamah, juga merupakan petanda yang baik terhadap usaha kementerian.

Pada permulaan Inisiatif Jalur Lebar Kebangsaan (*National Broadband Initiative*), Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan mengumumkan matlamatnya untuk menyediakan akses yang lebih baik dan lebih luas untuk perkhidmatan Internet di kawasan bandar dan luar bandar. Sasarannya kementerian adalah untuk meningkatkan tahap penembusan jalur lebar hingga 50% pada akhir tahun 2010 berbanding dengan 31.7% pada tahun 2009. Sasaran ini telah diatasi pada akhir tahun 2010 apabila penembusan jalur lebar mencapai 55.6%. Kejayaan ini didorong oleh pelbagai program di bawah Inisiatif Jalur Lebar Kebangsaan. Hal ini termasuk menubuhkan pusat komuniti jalur lebar dan "Kampung Wifi" di kawasan luar bandar. Hingga hari ini, 246 pusat komuniti jalur lebar telah diwujudkan, dan memberikan manfaat kepada 615,000 isi rumah.

Beberapa projek yang dinyatakan di sini bukanlah senarai lengkap inisiatif di bawah MKRA. Ia bertujuan untuk menunjukkan kesan yang nyata yang telah dihasilkan oleh 23 kementerian apabila mereka memperkemas sumber dan menumpukan usaha dalam mencapai keberhasilan yang khusus melalui MKPI mereka sebagai sebahagian daripada GTP.

Melangkah ke Hadapan

Dengan pengenalan Program Transformasi Ekonomi (ETP) pada tahun 2010, semakan telah dilakukan terhadap metodologi penilaian MKRA dan MKPI para menteri. Semakan ini adalah perlu untuk menggabungkan KPI antara kementerian yang bertindih selain memperkenalkan Bidang Ekonomi Utama Nasional (NKEA) dan Projek Permulaan (*Entry Point Project - EPP*) yang berada di bawah bidang kuasa ETP.

Akan terdapat pelbagai variasi dalam wajaran untuk menyesuaikan komponen baharu ETP / NKEA dan sasaran sedia ada MKRA / MKPI. Bagi tahun 2011, penilaian antara Perdana Menteri-Menteri akan merangkumi kesemua 29 Menteri.


Pengajaran penting dan kefahaman mendalam yang diperoleh daripada tahun 2010 akan dimasukkan dan digabungkan ke dalam inisiatif MKRA keseluruhan bagi tahun 2011. Ada banyak titik pengajaran yang membanggakan dari tahun sebelumnya. Secara khususnya, pengenalan sistem penilaian prestasi berstruktur, misalnya, dengan pemantauan prestasi / pelaporan dan trajektori yang dilaksanakan di seluruh kementerian, telah membantu untuk mencetuskan perubahan yang nyata dalam rangka minda pelbagai kementerian - bermula dengan menteri sendiri dan seterusnya bergerak menurun meliputi setiap lapisan bawahan.

Sokongan Perdana Menteri sepanjang perjalanan program telah membantu untuk memastikan tahap komitmen yang lebih besar dan juga sokongan daripada kementerian dalam mengambil inisiatif ini secara serius.

Selain itu, pendekatan yang diambil dalam memulakan dan menilai MKPI merupakan sebuah medan pengajaran yang penting. Tahun 2010 merupakan tahun kedua kami dalam menetapkan MKRA dan MKPI, dan kami sentiasa mencari jalan penyelesaian bagi meningkatkan dan memurnikan proses. Jelas bahawa menetapkan sasaran ini merupakan satu cabaran, sesuatu yang perlu dilakukan dengan mengambil kira pelbagai faktor luaran dan dalaman.

Hal yang demikian itu tidak lain menunjukkan bahawa proses ini merupakan pemurnian dan perubahan yang berterusan dengan kolaborasi dan input ditagih daripada semua pihak - menteri dan kementerian yang berkenaan, PEMANDU dan Perdana Menteri - yang terus menjadikan KPI tertumpu pada usaha melagang Keberhasilan Besar yang Pantas. Oleh itu, MKPI untuk tahun-tahun yang akan datang akan terus kekal berkobar-kobar dan mencabar jika sasaran yang terus diperluas perlu direalisasikan.

Bagi tahun 2011, penekanan khusus akan diberikan terhadap usaha mendorong menteri untuk memberikan tumpuan yang jitu kepada KPI yang berorientasikan keberhasilan dan bukannya KPI yang berpacuan proses. Pada tahun 2010, kebanyakan kementerian telah memulakan proses perubahan dan telah pun mencatat kemajuan yang baik. Justeru, bagi tahun 2011 dan seterusnya, PEMANDU akan meneruskan perubahan ini untuk menghasilkan peningkatan dan penambahbaikan yang jauh lebih baik lagi.



Prestasi dan Anggaran Belanja NKRA 2010

NKRA PRESTASI DAN BELANJAWAN PERBELANJAAN

Selaras dengan komitmen Kerajaan terhadap ketelusan dan akauntabiliti, prestasi dan belanjawan perbelanjaan keseluruhan NKRA disediakan di sini untuk penelitian awam. Walaupun keberhasilan NKRA dijelaskan dengan panjang lebar pada setiap bab Laporan Tahunan ini, bab ini menyediakan laporan prestasi dan belanjawan perbelanjaan bagi setiap NKRA dengan sekilas pandang. Kami ingin memastikan agar pembaca dapat meneliti dan memahami keseluruhan GTP dan keberhasilannya, serta juga memperoleh kefahaman tentang jumlah dana awam yang telah digunakan dalam proses pelaksanaan GTP.

Memastikan Setiap Sen Dimanfaatkan

GTP telah memulakan suatu yang baharu bagi Kerajaan dengan langkah-langkah yang berani dan tepat, perkaedahan program yang terperinci, dan perubahan gaya pemikiran yang memperlihatkan penjimatan dalam perbelanjaan digunakan sebagai petunjuk prestasi berbanding dengan pemaksimuman penggunaan bajet sebagai petunjuknya. Sehubungan itu, GTP telah berjaya dengan setiap cadangan NKRA dalam penjimatan bajet dengan cara yang berbeza-beza. Daripada jumlah keseluruhan RM5.443 billion yang telah diperuntukkan untuk bajet perbelanjaan GTP tahun 2010, keberhasilannya dapat dicapai hanya dengan memanfaatkan RM4.311 billion dari bajet, dengan itu telah mencatat penjimatan sebanyak RM1.132 billion atau 20.8% pada tahun 2010. Penjimatan dari bajet 2010 akan digunakan untuk tahun 2011 dan matlamatnya adalah untuk meneruskan momentum penjimatan kos dengan tanpa mengorbankan kualiti dan kuantiti keberhasilan pada masa akan datang.

Mengukur Pencapaian GTP

Perkaedahan pemarkahan telah dijelaskan dalam muka surat 25 dalam bab GTP: Tinjauan Am. Bagaimanapun, bagi memudahkan rujukan, kami paparkan di sini sekali lagi.

Prestasi dan Anggaran Belanja

NKRA 2010 sambungan

Jadual 1: Perkaedahan Penskoran untuk GTP

Kaedah Penskoran	Penerangan
Kaedah Satu	- Pemarkahan ditentukan dengan perbandingan mudah berbanding dengan sasaran 2010 yang telah ditetapkan. - Jumlah markah komposit keseluruhan NKRA adalah purata semua skor.
Kaedah Dua	- Pemarkahan dikira dengan membahagikan hasil sebenar dengan sasaran 2010 dengan syarat tambahan: - Jika pemarkahan kurang daripada 100%, skor #2 akan diambil kira sebaga peratusan sebenar - Jika pemarkahan bersamaan atau lebih daripada 100%, skor #2 akan diambil kira sebagai 100% - Jumlah markah komposit keseluruhan NKRA adalah purata semua markah
Kaedah Tiga	- Pemarkahan dikira dengan membahagikan hasil sebenar dengan sasaran 2010 dengan syarat tambahan: - Jika pemarkahan bersamaan atau kurang daripada 50%, skor #3 akan dicatat sebagai 0 - Jika pemarkahan lebih daripada 50% tetapi kurang daripada 100%, skor #3 akan dicatat sebagai 0.5 - Jika pemarkahan bersamaan atau lebih daripada 100%, markah #3 akan dicatat sebagai 1 - Jumlah markah komposit keseluruhan NKRA adalah purata semua markah.

Prestasi dan Anggaran Belanja

NKRA 2010 sambungan

NKRA: Mengurangkan Jenayah

Bil.	NKPI	Sasaran 2010	Sebenar	Kaedah 1		Kaedah 2		Kaedah 3			Bajet 2010 (RM j)	Perbelanjaan Sebenar (Dis 2010; RM j)	% Perbelanjaan
				Skor #1	Lampu Isyarat 1	Skor #2	Lampu Isyarat 2	Skor #3 (Ya, Sebahagian, Tidak)		Lampu Isyarat 3			
1	Pengurangan jenayah indeks yang dilaporkan	5%	15%	300%		100%		300%	1	Y			
2	Pengurangan jenayah jalanan yang dilaporkan	20%	35%	175%		100%		175%	1	Y			
3	Pengurangan perasaan takut menjadi mangsa	58.5%	52.8%	111%		100%		111%	1	Y			
4	Tambahan pesalah jenayah kekerasan dibicara	2000 kes	2001 kes	100%		100%		100%	0.5	P			
5	Peningkatan persepsi awam terhadap prestasi polis	35.8%	55.8%	156%		100%		156%	1	Y			
Jumlah Markah Komposit				168%		100%			90%	P	337.9	257.7	76.3%
100% ke atas		1	(Y) Ya	51% hingga 99%		0.5	(P) sebahagian			50% ke bawah	0	(N) Tidak	

NKRA: Membanteras Rasuah

Bil.	NKPI	Sasaran 2010	Sebenar	Kaedah 1		Kaedah 2		Kaedah 3		Bajet 2010 (RM j)	Perbelanjaan Sebenar (Dis 2010; RM j)	% Perbelanjaan
				Skor #1	Lampu Isyarat 1	Skor #2	Lampu Isyarat 2	Skor #3 (Ya, Sebahagian, Tidak)	Lampu Isyarat 3			
1	Bil. Kementerian yang skornya lebih 90% dalam Indeks Akauntabiliti Perolehan	13	14	108%		100%		108%	1			
2	Bil. kes didakwa lawan bil. tangkapan pengedaran dan pemilikan dadah di bawah DDA	80%	79.9%	100%		100%		100%	1			

Prestasi dan Anggaran Belanja

NKRA 2010 sambungan

Bil.	NKPI	Sasaran 2010	Sebenar	Skor #1	Kaedah 1		Kaedah 2		Kaedah 3		Bajet 2010 (RM j)	Perbelanjaan Sebenar (Dis 2010; RM j)	% Perbelanjaan
					Lampu Isyarat 1	Skor #2	Lampu Isyarat 2	Skor #3 (Ya, Sebahagian, Tidak)	Lampu Isyarat 3				
3	Bil. kes didakwa lawan bil. tangkapan dan tahanan di bawah Undang-undang Imigresen	60%	36.2%	60%		60%		60%	0.5				
4	Bil. pesalah yang dijatuhkan hukuman dalam pangkalan data	84	284	338%		100%		338%	1				
5	Bil. saman dikeluarkan berbanding jumlah jam operasi	10	10.5	105%		100%		105%	1				
6	Bil. saman diselesaikan berbanding bil. saman dikeluarkan oleh JPJ	78%	47%	60%		60%		60%	0.5				
7	Indeks Persepsi Rasuah TI	4.9	4.4	90%		90%		90%	0.5				
8	Tinjauan Global Corruption Berometer	37%	48%	130%		100%		130%	1				
9	Cukai yang boleh dituntut ke atas barangan dan perkhidmatan yang tidak diisytihar dengan betul (RM juta)	186	175	94%		94%		94%	0.5				
10	Peratusan percikaraan diselesaikan setahun	30%	36.8%	123%		100%		123%	1				
Jumlah Markah Komposit				121%		90%			78%		8.2	4.3	52.4%
100% ke atas		1	(Y) Ya		51% hingga 99%	0.5	(P) sebahagian		50% ke bawah	0	(N) Tidak		

Prestasi dan Anggaran Belanja

NKRA 2010 sambungan

NKRA: Mempertingkatkan Pencapaian Pelajar

Bil.	NKPI	Sasaran 2010	Sebenar	Kaedah 1		Kaedah 2		Kaedah 3		Bajet 2010 (RM j)	Perbelanjaan Sebenar (Dis 2010; RM j)	% Perbelanjaan
				Skor #1	Lampu Isyarat 1	Skor #2	Lampu Isyarat 2	Skor #3 (Ya, Sebahagian, Tidak)	Lampu Isyarat 3			
1	Kadar Pendaftaran Pra-sekolah	72%	72.4%	101%		100%		101%	1			
2	Kadar Literasi LINUS	90%	85%	94%		94%		94%	0.5			
3	Kadar Numerasi LINUS	90%	91%	101%		100%		101%	1			
4	Sekolah Berprestasi Tinggi	20	20	100%		100%		100%	1			
5	Ganjaran Baru Sekolah Rendah*	2%	7.7%	385%		100%		385%	1			
Jumlah skor komposit				156%		99%		90%		244.6	117.5	48.0%

100% ke atas 1 (Y) Ya | 51% hingga 99% 0.5 (P) sebahagian | 50% ke bawah 0 (N) Tidak

* Data digunakan adalah untuk Sekolah Rendah, manakala pencapaian Sekolah Menengah akan dimaklumkan selepas pengumuman keputusan SPM 2010

NKRA: Mempertingkatkan Taraf Kehidupan Isi Rumah Berpendapatan Rendah

Bil.	NKPI	Sasaran 2010	Sebenar	Kaedah 1		Kaedah 2		Kaedah 3		Bajet 2010 (RM j)	Perbelanjaan Sebenar (Dis 2010; RM j)	% Perbelanjaan
				Skor #1	Lampu Isyarat 1	Skor #2	Lampu Isyarat 2	Skor #3 (Ya, Sebahagian, Tidak)	Lampu Isyarat 3			
1	Untuk Membasmi isi rumah Miskin Tegar	44,643	44,535	100%		100%		100%	1			
2	Untuk mengurangkan bil. isi rumah miskin (terdedah pada Kemiskinan)	46,000	15,868	34%		34%		34%	0			
3	Untuk melatih dan membangunkan usahawan wanita	2,000	2,000	100%		100%		100%	1			
4	Untuk menawarkan penjualan rumah kos rendah di bawah DBKL, KWPKB	44,146	35,095	80%		80%		80%	0.5			
Jumlah Markah Komposit				79%		79%		63%		1,170	1,163	99.4%

100% ke atas 1 (Y) Ya | 51% hingga 99% 0.5 (P) sebahagian | 50% ke bawah 0 (N) Tidak

Prestasi dan Anggaran Belanja

NKRA 2010 sambungan

NKRA: Mempertingkatkan Infrastruktur Asas Luar Bandar

Bil.	NKPI	Sasaran 2010	Sebenar	Kaedah 1		Kaedah 2		Kaedah 3		Bajet 2010 (RM j)	Perbelanjaan Sebenar (Dis 2010; RM j)	% Perbelanjaan
				Skor #1	Lampu Isyarat 1	Skor #2	Lampu Isyarat 2	Skor #3 (Ya, Sebahagian, Tidak)	Lampu Isyarat 3			
1	Menyediakan Jalan raya (km)	751.9	783.1	104%		100%		104%	1			
2	Menyediakan Bekalan Air (units isi rumah)	70,181	36,273	52%		52%		52%	0.5			
3	Menyediakan Bekalan Elektrik (units isi rumah)	25,312	27,266	108%		100%		108%	1			
4	Menyediakan perumahan (units isi rumah)	16,626	16,926	102%		100%		102%	1			
Jumlah Markah Komposit				91%		88%		88%		3,234	2,372	73.3%

100% ke atas 1 (Y) Ya | 51% hingga 99% 0.5 (P) sebahagian | 50% ke bawah 0 (N) Tidak

Berasaskan kepada kenyataan Akauntan Negara pada 31 Disember 2010

NKRA: Mempertingkatkan Pengangkutan Awam Luar Bandar

Bil.	NKPI	Sasaran 2010	Sebenar	Kaedah 1		Kaedah 2		Kaedah 3		Bajet 2010 (RM j)	Perbelanjaan Sebenar (Dis 2010; RM j)	% Perbelanjaan
				Skor #1	Lampu Isyarat 1	Skor #2	Lampu Isyarat 2	Skor #3 (Ya, Sebahagian, Tidak)	Lampu Isyarat 3			
1	Perkongsian mod pengangkutan awam	15%	17%	113%		100%		113%	1			
2	% populasi dalam lingkungan 400m dari laluan pengangkutan awam	66%	63%	95%		95%		95%	0.5			
3	Kaji selidik kepuasan pelanggan	48%	48%	100%		100%		100%	1			
4	Faktor muatan bas waktu puncak	50%	44%	88%		88%		88%	0.5			
5	Faktor muatan KTM Komuter	135%	130%	104%		100%		104%	1			

Prestasi dan Anggaran Belanja

NKRA 2010 sambungan

Bil.	NKPI	Sasaran 2010	Sebenar	Kaedah 1		Kaedah 2		Kaedah 3			Bajet 2010 (RM j)	Perbelanjaan Sebenar (Dis 2010; RM j)	% Perbelanjaan
				Skor #1	Lampu Isyarat 1	Skor #2	Lampu Isyarat 2	Skor #3 (Ya, Sebahagian, Tidak)	Lampu Isyarat 3				
6	Faktor muatan laluan Rapid KL Kelana Jaya	125%	80%	156%		100%		156%	1				
7	Bil. penumpang pengangkutan awam waktu puncak pagi	251,184	236,412	94%		94%		94%	0.5				
8	% perjalanan sehalah dalam 60 minit semasa waktu puncak pagi	45%	tidak berkenaan	-	tidak dikira	-	tidak dikira	-	tidak dikira	tidak dikira			
Jumlah Markah Komposit				107%		97%			78%		448.3	397.5	88.7%
100% ke atas		1	(Y) Ya	51% hingga 99%		0.5	(P) sebahagian			50% ke bawah		0	(N) Tidak

Prestasi Keseluruhan NKRA 2010

Bil.	NKPI	Sasaran 2010	Sebenar	Kaedah 1		Kaedah 2		Kaedah 3			Bajet 2010 (RM j)	Perbelanjaan Sebenar (Dis 2010; RM j)	% Perbelanjaan
				Skor #1	Lampu Isyarat 1	Skor #2	Lampu Isyarat 2	Skor #3 (Ya, Sebahagian, Tidak)		Lampu Isyarat 3			
1	Pengangkutan Awam di Bandar	100%		107%		97%			78%	P	448	397	89%
2	Jenayah	100%		168%		100%			90%	P	338	258	76%
3	Infrastruktur Asas Luar Bandar	100%		91%		88%			88%	P	3,234	2,372	73%
4	Pendidikan	100%		156%		99%			90%	P	245	118	48%
5	Isirumah Berpendapatan Rendah	100%		79%		79%			63%	P	1,170	1,163	99%
6	Rasuah	100%		121%		90%			78%	P	8	4	52%
Jumlah Markah Komposit				121%		92%			81%	P	5,443	4,312	79%
100% ke atas 1 (Y) Ya			51% hingga 99% 0.5 (P) sebahagian		50% ke bawah 0 (N) Tidak								



Melangkah Ke Hadapan

MENERUSKAN USAHA MENERJAH BATASAN KEMUNGKINAN

Sesungguhnya pelaksanaan GTP tanpa ragu-ragu lagi merupakan titik yang melakar perubahan dalam sejarah Malaysia. GTP menandakan garis bermulanya era transformasi dan perubahan yang belum pernah berlaku sebelum ini. Pada asasnya, GTP telah memberikan dimensi baharu terhadap definisi sebenar sempadan kemungkinan yang boleh kita gapai sebagai sebuah negara.

Meskipun Laporan Tahunan ini merakamkan dan mendokumentasikan keberhasilan GTP yang ketara dalam bentuk fakta dan angka, namun terdapat satu lagi sisi yang amat mengujakan, khususnya sekian banyak kisah hidup rakyat yang telah berubah menjadi lebih baik, warga masyarakat dan keluarga yang dilepaskan daripada belenggu kemiskinan, dan peluang yang diraih generasi akan datang untuk memasang impian besar dengan wujudnya infrastruktur dan sokongan untuk mencapai aspirasi masing-masing. Tahun pertama pelaksanaan GTP sesungguhnya telah menghamparkan harapan dan masa hadapan yang cerah kepada banyak pihak.

Bagi kami yang mewakili Kerajaan, tiada detik yang lebih membakar semangat selain ketika kami memulakan perjalanan, kami berhadapan dengan pengkritik yang mempersoalkan kemunasabahan dan keikhlasan GTP, dan atas nama gimik politik tergamak mereka mempersendakannya. Tuduhan mereka telah dijawab oleh Kerajaan dengan cara yang paling berhikmah, dan bukannya melalui retorik mahupun debat, tetapi dengan menzahirkan prestasi yang hebat dan keberhasilan nyata yang boleh dilihat. Meskipun demikian, kami mengakui bahawa terlalu banyak lagi limpahan kerja yang perlu dilunaskan dan kami akan menggandakan usaha untuk menetapkan sasaran yang lebih tinggi dan menjana keberhasilan yang lebih mengagumkan pada masa hadapan.

Dalam kebanyakan bidang, GTP telah mencapai atau menggapai lebih daripada sasarannya dan semua ini dilagang dalam batasan belanjawan dan pada masa-masa yang tertentu di bawah paras belanjawan yang ada. Demikian juga pentingnya, sebahagian besar keberhasilan ini merupakan yang pertama seumpamanya dalam sejarah negara, tetapi ia dicapai dalam tempoh yang tidak mencecah setahun. Secara keseluruhannya, selain meraih markah prestasi yang membanggakan, GTP juga bergerak dalam batasan bajet perbelanjaan yang dibenarkan. Dan semua perkara yang bersejarah ini dilakar dalam tempoh usia setahun GTP yang terlalu baru dan muda.

Sememangnya apabila sebuah kawasan baharu diteroka, kelemahan dan keterbatasan merupakan elemen yang tidak dapat dihindari. Namun secara keseluruhannya, kami berasa lega dengan hakikat bahawa GTP terbukti merupakan program positif yang keberhasilannya jauh mengatasi kekurangannya. Kami mengucapkan kesyukuran terhadap keputusan akhir yang telah membuktikan betapa pentingnya GTP kepada negara dalam usaha menjana perubahan.

Demikianlah perjalanan kami diteruskan apabila kami melangkah ke tahun kedua Fasa Pertama (2010-2012) GTP. Berbekalkan pengajaran dan pengalaman yang silam, kami bersedia melangkah pada tahun 2011 dengan lebih tegap, lebih jauh dan lebih pantas.

Kerajaan sedar sepenuhnya bahawa cabaran dalam melunaskan tugas yang menanti di hadapan adalah besar – mungkin sama atau lebih lagi berbanding dengan tahun pertama. Namun, kami berasa yakin bahawa kefahaman, kecekapan, kemahiran, dan pengajaran yang telah ditimba setakat ini akan dapat membantu kami mengemudi bahtera apabila kami menetapkan haluan kami menuju destinasi yang dihasratkan.

Dengan sepenuh harapan dan keyakinan, kami melihat masa hadapan yang akan membawa limpahan keberhasilan yang hebat menanti seluruh warga Malaysia...sesungguhnya itulah keberhasilan yang menjanjikan masa hadapan yang lebih cerah buat kita sebagai satu negara, satu Malaysia.



Tunggak GTP

Pengenalan Program Transformasi Kerajaan (GTP)

GTP beserta enam Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) telah diperkenalkan oleh Perdana Menteri, Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak. GTP ini bertujuan untuk mentransformasikan Kerajaan menjadi lebih berkesan dalam menyampaikan perkhidmatan dan bertanggungjawab terhadap keberhasilan yang bakal disampaikan yang begitu penting kepada orang awam atau rakyat. GTP juga bertujuan menggerakkan Malaysia ke arah menjadi sebuah masyarakat yang maju, bersatu dan adil dengan taraf hidup yang tinggi untuk semua.

20 APR
2009



Penubuhan PEMANDU

Unit Pengurusan Prestasi dan Pelaksanaan (PEMANDU) ditubuhkan secara formal sebagai unit dibawah Jabatan Perdana Menteri. Peranan PEMANDU adalah untuk memangkin perubahan dalam penyampaian sektor awam dan swasta, membantu kementerian-kementerian dalam proses perancangan penyampaian, dan memberikan pandangan bebas terhadap prestasi yang dicapai. Tanggungjawab untuk penyampaian keberhasilan NKRA dan Bidang Keberhasilan Utama Menteri (MKRA) di bawah GTP bergantung kepada kementerian yang berkenaan, sementara kejayaan Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA) di bawah Program Transformasi Ekonomi (ETP) bergantung kepada sektor swasta.

16 SEP
2009



Pelaksanaan Makmal GTP

Lebih 250 kakitangan daripada beberapa kementerian, agensi dan jabatan seluruh negara telah berkumpul untuk menyertai sesi makmal GTP yang praktikal dan intensif. Di sini, penyelesaian yang inovatif dan radikal tetapi praktikal telah dikenal pasti untuk memastikan pelaksanaan NKRA berjalan lancar sementara pelan pelaksanaan yang terperinci turut dihasilkan.

OCT HINGGA NOV
2009 2009



DIS 2009 HINGGA JAN 2010



Pelaksanaan Hari Terbuka GTP

Sesi hari terbuka GTP telah diadakan di Sunway Convention Centre, Bandar Sunway (17 - 18 Dis 2009); Borneo Convention Centre, Kuching (15 - 16 Jan 2010) dan Magellan Sutera Harbour, Kota Kinabalu (21 - 22 Jan 2010). Sebanyak 7,000 aktiviti seluruh negara beserta 2,000 projek dan 100 program untuk keenam-enam NKRA yang dipaparkan kepada rakyat telah menerima banyak maklum balas yang sungguh memberangsangkan. Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Koh Tsu Koon menekankan bahawa tindakan Kerajaan menerangkan aktiviti dan program bagi kesemua enam NKRA kepada rakyat adalah selaras dengan polisi untuk lebih telus dan inklusif untuk seluruh warga Malaysia.

28 JAN 2010



Pelancaran Pelan Hala Tuju GTP di KL Convention Centre

Pelan Hala Tuju GTP telah dilancarkan oleh Perdana Menteri dan akan dilaksanakan dalam tiga fasa dari 2010 hingga 2020. Fasa pertama (2010 ke 2012) bertujuan memastikan rakyat dapat melihat dengan cepat keberhasilan yang paling penting bagi mereka. Fasa kedua (2012 hingga 2015) akan menyuntik perubahan yang lebih besar dan mendalam kepada struktur Kerajaan dan tenaga kerja; manakala fasa ketiga (2015 ke 2020) akan menyaksikan Kerajaan meletakkan model penyampaian perkhidmatan awam yang inovatif dan berteraskan rakyat.

FEB 2010 HINGGA MAC 2010



Makmal Rasionalisasi Subsidi

Sebagai sebahagian daripada usaha merasionalisasikan subsidi selama satu tempoh masa, Makmal Rasionalisasi Subsidi telah dijalankan dalam tempoh enam minggu dengan penyertaan daripada kementerian yang berkaitan dan beberapa agensi yang berkenaan dengannya. Langkah-langkah telah diambil untuk memastikan golongan miskin dan kurang upaya masih dilindungi oleh jaringan keselamatan sosial. Makmal rasionalisasi subsidi dianggap penting memandangkan subsidi mempunyai kesan negatif dalam jangka masa panjang. Dengan kata-kata lain, ia boleh menyebabkan gangguan pasaran disebabkan kepenggunaan melampau, penyalahgunaan dan ketirisan jika subsidi diberikan kepada penerima yang salah. Perasionalan subsidi adalah untuk menguatkan pertumbuhan ekonomi, dengan itu akan memacu Malaysia ke arah negara berpendapatan tinggi menjelang 2020.

Pelancaran Pangkalan Data Pesalah 'Namakan dan Malukan' SPRM

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) melancarkan pangkalan data pesalah dengan senarai nama 284 pesalah dipaparkan kepada umum di <http://sprm.gov.my/>. Pangkalan data ini berguna sebagai pencegah kepada aktiviti rasuah kerana ia mengandungi maklumat terperinci tentang pesalah yang telah dijatuhkan hukuman. Pangkalan data ini juga membolehkan pihak awam dan majikan membuat keputusan yang tepat tentang perniagaan dan pekerjaan.

04 MAC
2010



Pelancaran Rasmi Keretapi Empat Gerabak

Perdana Menteri melancarkan keretapi empat gerabak 1Malaysia laluan Kelana Jaya Line yang dikendalikan RapidKL yang akan memudahkan masalah pengangkutan di Kuala Lumpur dan kawasan sekitarnya. Pelaburan Kerajaan sebanyak RM1.65 billion bagi sistem pengangkutan awam di Lembah Klang akan memenuhi keperluan penduduk bandar untuk mendapatkan perkhidmatan yang lebih baik. RapidKL, anak syarikat Syarikat Prasarana Negara Berhad, telah menerima set keretapi empat gerabak sejak 15 Disember 2009.

01 APR
2009



Pelaksanaan Program Penambahbaikan Sekolah (SIP)

Timbalan Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin melancarkan SIP di Sekolah Wawasan di USJ 15, Selangor. SIP bertujuan mengubah setiap sekolah menjadi institusi pendidikan terbaik dengan mencabar, memotivasikan dan membantu sekolah, terutamanya sekolah yang prestasinya kurang memuaskan. Menerusi komponen kit perkakasan SIP, Kementerian Pelajaran akan dapat memastikan tiada satu pun sekolah akan dibiarkan untuk menyelesaikan masalah secara bersendirian.

29 APR
2010



16 MEI 2010



Pengenalan Tawaran Baharu untuk Guru Cemerlang

Tan Sri Muhyiddin Yassin memperkenalkan sistem tawaran (ganjaran) bagi guru cemerlang sempena Perayaan Hari Guru peringkat kebangsaan. Pengetua, guru besar dan guru yang mencapai sasaran KPI yang ditetapkan oleh Kementerian Pelajaran layak menerima insentif berupa wang tunai antara RM900 hingga RM7500 setahun.

27 MEI 2010



Hari Terbuka Rasionalisasi Subsidi

Hari terbuka ini telah diadakan untuk menyampaikan keberhasilan Makmal Rasionalisasi Subsidi dan untuk mendapatkan maklum balas selanjutnya serta cadangan daripada orang awam. Pelaksanaan rasionalisasi subsidi mengambil kira maklum balas daripada orang awam semasa Kerajaan mengumumkan subsidi yang akan dikurangkan secara perlahan dan berperingkat-peringkat (berkuatkuasa 16 Julai 2010 dan 4 Disember 2010) mengenai bahan api (khususnya petrol, disel dan petroleum gas cecair) dan juga gula.

08 JUL 2010
HINGGA

12 JUL 2010



Pengagihan Dana kepada Isi Rumah Berpendapatan Rendah di Sabah dan Sarawak

Sebanyak RM40 juta telah dibayar kepada Sabah (pada 8 Julai) dan RM40 juta lagi kepada Sarawak (pada 12 Julai) untuk pelaksanaan program 1AZAM di kedua-dua negeri ini, yang mempunyai bilangan isi rumah miskin terbanyak. Program 1AZAM ini merupakan inisiatif di bawah GTP untuk membebaskan isi rumah berpendapatan rendah daripada kepompong kemiskinan melalui pekerjaan, keusahawanan, aktiviti pertanian, dan perkhidmatan. Di Semenanjung Malaysia pula, program 1AZAM dilaksanakan oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK) dengan kerjasama Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, Kementerian Sumber Manusia dan Amanah Ikhtiar Malaysia.

Pelancaran Rasmi *Balai League Table* Pertama Malaysia

Balai League Table (BLT) yang pertama yang menyenaraikan kedudukan kesemua 753 balai polis di Malaysia berdasarkan prestasi memerangi jenayah dan kejahatan yang lain, telah dilancarkan. Inisiatif yang dilancarkan oleh Kementerian Dalam Negeri bertujuan menggalakkan budaya yang didorong oleh prestasi dalam pasukan polis untuk mengurangkan kadar jenayah secara agresif di Malaysia. Pada setiap suku tahun, balai polis di seluruh Malaysia berpeluang menjadi pemenang dalam kategori individu, berdasarkan pengurangan kadar jenayah di kawasan masing-masing.

14 JUL
2010



Orang Asli menerima manfaat inisiatif NKRA Infrastruktur Asas Luar Bandar (RBI)

Komuniti orang asli di Kampung Songkok berhampiran dengan Batang Kali di Hulu Selangor adalah antara komuniti yang diberikan hadiah berupa air bersih daripada Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah di bawah inisiatif NKRA RBI. Sistem rawatan air yang baru dipasang menapis dan merawat air mentah dari mata air dan sungai untuk keperluan isi rumah dalam komuniti tersebut. Menjelang akhir tahun 2010, anggaran 2 juta penduduk Malaysia di luar bandar dijangka mendapati kehidupan mereka bertambah baik melalui penyediaan jalan, air, elektrik dan perumahan di bawah NKRA RBI.

18 AUG
2010



30 SEP
2010



Program Bandar Selamat Berkembang ke Seluruh Negara

Sebanyak 149 pihak berkuasa tempatan telah diarahkan untuk mengaktifkan semula dan memperluas Program Bandar Selamat yang pertama kali diperkenalkan pada tahun 2004. Jika sebelum ini cuma 39 daripada 149 pihak berkuasa tempatan yang menyertai program ini, pada kali ini program ini telah diaktifkan semula dan diperluas kepada semua pihak berkuasa tempatan di seluruh negara dalam usaha untuk mengurangkan jenayah jalanan. Pada akhir 2010, 12 pihak berkuasa tempatan telah melaksanakan inisiatif bandar selamat seperti menambahbaik kapasiti pencahayaan, memasang cermin keselamatan dan memisahkan lorong pejalan kaki daripada jalan kenderaan bermotor.

25 NOV
2010



Perkhidmatan BET untuk Mengurangkan Masa Perjalanan Pengangkutan Awam

Di bawah inisiatif BET (Bus Expressway Transit), bas akan memanfaatkan lebuh raya sedia ada yang kurang digunakan untuk menghubungkan kawasan yang berpenduduk padat dengan pusat bandar. Oleh sebab semua bas BET diberi lorong tol khas di plaza tol dan dihadkan pula bilangan hentian yang harus dilakukannya, maka masa perjalanan dijangka pendek dan pantas. Perkhidmatan BET bergantung pada bas pengantara (feeder) dan kemudahan park-and-ride untuk memastikan bilangan penumpang mencapai hadnya. BET 1 (Kota Damansara - Pasar Seni) dan BET 2 (Bandar Baru Sg. Long - Pasar Seni) telah dilancarkan pada 7 Januari 2010, sementara BET 3 (Subang Mewah - Pasar Seni) dan BET 4 (Taman Seri Muda - Pasar Seni) telah dilancarkan pada 21 Januari 2010. BET 5 (Rawang - Pasar Seni) yang dilancarkan pada 25 November 2010, dijangka dapat mengurangkan masa perjalanan sebanyak 23%.

Jalan sepanjang 13.73 km di antara Kuching dan Serian memberikan manfaat kepada 1,800 penduduk kampung

Sebatang jalan sejauh 13.73 km yang menyambungkan lebuh raya Kuching-Serian dengan sembilan buah kampung dan dua buah sekolah telah dilancarkan. Sebanyak 1,800 penduduk kampung sepanjang Batu 27 jalan Kuching-Serian menikmati manfaat dari segi kebolehcapaian setelah siapnya jalan Panchor/Kampung Bintawa/Kampung Soh. Pada akhir 2010, 783.1 km jalan di luar bandar telah dibina dan dinaik taraf di seluruh negara (jumlah ini sama panjangnya dengan Lebuhraya Utara Selatan).

28 NOV 2010



Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010

Undang-undang yang terbaharu ini telah diperkenalkan dan dilaksanakan. Antara kesan penting undang-undang ini ialah pemberi maklumat sekarang diberi perlindungan identiti, serta juga perlindungan daripada apa-apa tindakan berniat jahat yang akan dilakukan terhadap mereka disebabkan mereka telah memberi maklumat kepada pihak berkuasa.

15 DIS 2010



Sebanyak 44,643 Isi Rumah Miskin Tegar Dikurangkan Menuju Sifar Peratus

Sehingga akhir 2010, sebanyak 44,643 isi rumah miskin tegar dalam pangkalan data eKasih telah dikeluarkan daripada kategori ini, iaitu pengurangan daripada 44,643 kepada 108 (0.2%), sementara itu jumlah isi rumah miskin telah berkurangan secara signifikan. Pelbagai tindakan seperti program 1AZAM, penyediaan rumah kos rendah dan inisiatif lain yang memberikan impak besar telah mendatangkan hasil positif dalam membantu mereka yang menjalani kehidupan dalam keadaan serba kekurangan.

31 DIS 2010



A

AADK	Agensi Anti Dadah Kebangsaan
AFC	Automatic Fare Collection
AG	Peguam Negara
AGC	Jabatan Peguam Negara
AIM	Amanah Ikhtiar Malaysia
AP	Polis Bantuan
ASEAN	Pertubuhan Negara-Negara Asia Tenggara

B

BET	Bas Expressway Transit
BN	Barisan Nasional
BRT	Bas Rapid Transit
BTN	Biro Tata Negara

C

CAGR	Kadar Pertumbuhan Tahunan Kumulatif
CARS	Sistem Pelaporan Kemalangan
CAT	Pasukan Kesedaran Jenayah
CBD	Pusat Bandar
CCC	Pusat Kawalan Kontinjen (Pusat Pemantauan Polis)
CCTV	Kamera Litar Tertutup
CID	Jabatan Siasatan Jenayah
CPC	Kanun Tatacara Jenayah
CPI	Indeks Persepsi Rasuah
CVLB	Lembaga Pelesenan Kenderaan Komersial

D

DBKL	Dewan Bandaraya Kuala Lumpur
DNAA	Dilepaskan Tanpa Dibebaskan
DoR	Jabatan Keretapi
DPP	Timbalan Pendakwaraya
DTF	Delivery Task Force
DMO	Delivery Management Office

E

ECCE	Penjagaan dan Pendidikan Awal Kanak-Kanak
EKUINAS	Ekuiti Nasional Berhad
EMU	Unit Tren Elektrik Pelbagai Guna
EPF	Kumpulan Wang Simpanan Pekerja
EPP	Entry Point Project
EPU	Unit Perancang Ekonomi
ERL	Express Rail Link
ETP	Program Transformasi Ekonomi
EU	Kesatuan Eropah

F

FDI	Pelaburan Langsung Asing
FELDA	Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan
FIC	Jawatankuasa Pelaburan Asing
FRU	Pasukan Simpanan Persekutuan

G

GCB	Global Corruption Barometer
GCI	Indeks Daya Saing Global
GDP	Keluaran Dalam Negeri Kasar
GLC	Syarikat Berkaitan Kerajaan
GNI	Pendapatan Negara Kasar
GPS	Gred Purata Sekolah
GTP	Program Transformasi Kerajaan

H

HAB	Hentian Akhir Bandar
HDI	Indeks Pembangunan Insan
HPS	Sekolah Berprestasi Tinggi
HDR	Laporan Pembangunan Insan

I

ICT	Teknologi Komunikasi dan Maklumat
ICU	Unit Penyelarasan Pelaksanaan
IPT	Institut Pengajian Tinggi
IMD	Institute for Management Development
INTAN	Institut Tadbiran Awam Negara
IO	Pegawai Penyiasat
IP	Kertas Siasatan
IPD	Ibu Pejabat Polis Daerah
IPR	Jawatankuasa Penilaian Antarabangsa
IRB	Inland Revenue Board
ITT	Terminal Pengangkutan Bersepadu

J

JICA	Agensi Kerjasama Antarabangsa Jepun
JKKK	Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung
JKM	Jabatan Kebajikan Masyarakat
JPA	Jabatan Pertahanan Awam
JPAM	Jabatan Pertahanan Awam Malaysia
JPJ	Jabatan Pengangkutan Jalan
JPN	Jabatan Perumahan Negara
JPNIN	Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional

K

KBS	Kementerian Belia dan Sukan
KDN	Kementerian Dalam Negeri
KEMAS	Jabatan Kemajuan Masyarakat
KITA	Institut Kajian Etnik, Universiti Kebangsaan Malaysia
KKLW	Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah
KPI	Penunjuk Prestasi Utama
KPKK	Kementerian Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan
KPWKM	Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat
KSN	Ketua Setiausaha Negara
KSU	Ketua Setiausaha
KTM	Keretapi Tanah Melayu

L

LIH	Isi Rumah Berpendapatan Rendah
LINUS	Literasi dan Numerasi
LNPT	Laporan Nilai Prestasi Tahunan
LRT	Transit Aliran Ringan

M

MACC	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia
MAMPU	Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia
MCPF	Yayasan Pencegahan Jenayah Malaysia
MEF	Persekutuan Majikan Malaysia
MKPI	Penunjuk Prestasi Utama Kementerian
MKRAs	Bidang Keberhasilan Utama Kementerian
MOE	Kementerian Pelajaran
MOT	Kementerian Pengangkutan
MPV	Pasukan Kereta Peronda
MRCB	Malaysian Resources Corporation Berhad
MYC	Majlis Belia Malaysia

N

NCRC	National Crime Reduction Council
NDP	Dasar Pembangunan Nasional
NEAC	Majlis Penasihat Ekonomi Negara
NEP	Dasar Ekonomi Baru
NGO	Pertubuhan Bukan Kerajaan
NHS	Perkhidmatan Kesihatan Kebangsaan
NKPI	Penunjuk Prestasi Utama Negara
NKEA	Aktiviti Ekonomi Utama Negara
NKRA	Bidang Keberhasilan Utama Nasional
NLT	PasukanKepimpinan NKRA
NPCS	Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan
NSD	Bahagian Keselamatan Negara
NVP	Dasar Wawasan Kebangsaan

O

OBB	Belanjawan Berasaskan Keberhasilan
OECD	Pertubuhan Kerjasama Ekonomi dan Pembangunan
OKP	Orang Kena Pengawasan

P

PAC	Jawatankuasa Kira-Kira Wang Awam
PAI	Indeks Akauntabiliti Perolehan
PBT	Pihak Berkuasa Tempatan
PCT	Primary Care Trust
PDRM	Polis DiRaja Malaysia
PEMANDU	Unit Pengurusan Prestasi dan Pelaksanaan
PEMUDAH	Pasukan Petugas Khas Pemudahcara Perniagaan
PERC	Political and Economic Risk Consultancy
PFI	Inisiatif Kewangan Swasta
PGA	Pasukan Gerak Am
PIKA	Projek Inovasi Khidmat Awam
PISA	Program Penilaian Pelajar Antarabangsa
PKFZ	Zon Bebas Pelabuhan Klang
PLI	Pendapatan Garis Kemiskinan
PLKN	Program Latihan Khidmat Negara
PMDU	Unit Penyampaian Perdana Menteri
PMO	Pejabat Pengurusan Program
PMR	Penilaian Menengah Rendah
POL	Pupil's Own Language
POLMAS	Polis Masyarakat
PPP	Kerjasama Awam Swasta
PR	Pakatan Rakyat
PRS	Sistem Pelaporan Polis
PTA	Persatuan Ibu Bapa dan Guru
PVR	Sukarelawan Polis
PusPEN	Pusat Pemulihan Penagih Narkotik

R

R&D	Penyelidikan dan Pembangunan
RA	Persatuan Penduduk
RBI	Infrastruktur Asas Luar Bandar
RCMOP	Suruhanjaya Diraja untuk Penambahbaikan Operasi dan Pengurusan Polis Diraja
RED	Pembangunan Ekonomi Luar Bandar
RELA	Ikatan Relawan Rakyat Malaysia
RIMUP	Rancangan Integrasi Murid-Murid untuk Perpaduan
RMK-X	Rancangan Malaysia ke-X
RT	Rukun Tetangga
RTM	Radio Televisyen Malaysia

S

SARS	Sindrom Pernafasan Akut yang Teruk
SCP	Program Bandar Selamat
SDS	Perkhidmatan Pembangunan Sosial
SIP	Program Pembangunan Sekolah
SISC	Pembimbing Penambahbaikan Sekolah
SIT	Alat Penambahbaikan Sekolah
SJK	Sekolah Jenis Kebangsaan (Sekolah Vernakular)
SJK(C)	Sekolah Jenis Kebangsaan Cina
SJK(T)	Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil
SMK	Sekolah Menengah Kebangsaan
SMS	Khidmat Pesanan Ringkas
SOCISO	Pertubuhan Keselamatan Sosial
SPAD	Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat
SPM	Sijil Pelajaran Malaysia
SPP-II	Sistem Pemantauan Projek II
SQEM	Standard Kualiti Pendidikan Malaysia
SRI	Inisiatif Pembaharuan Strategik
SRK	Sekolah Rendah Kebangsaan
SRS	Skim Rondaan Sukarela
STPM	Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia
SUKSIS	Kor Sukarelawan Polis Siswa Siswi

T

TDL	Surat Arahan Perbendaharaan
TI	Transparency International
TIMMS	Trends in International Mathematics and Science Study
TKSU	Timbalan Ketua Setiausaha
TNS	Global Market Research

U

UKM	Universiti Kebangsaan Malaysia
UNDP	Program Pembangunan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu
UNESCO	Pertubuhan Pendidikan, Saintifik, dan Kebudayaan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu
UPPIN	Unit Perancangan Perpaduan dan Integrasi Nasional
UPSR	Ujian Pencapaian Sekolah Rendah
UPT	Pengangkutan Awam Bandar
USA	Amerika Syarikat

W

WEF	Forum Ekonomi Dunia
-----	---------------------



Penghargaan

Pencapaian keberhasilan yang positif pada tahun pertama GTP tidak mungkin terlaksana jika tidak didukung oleh usaha kakitangan awam, pihak media, orang ramai, dan juga rakyat yang tidak pernah mengenal lelah dan jemu. Untuk menyatakan satu persatu nama setiap individu dan organisasi dalam Laporan Tahunan ini pastinya memerlukan halaman yang banyak, namun demi merakamkan penghargaan, kami ingin menyenaraikan sebahagian daripada sekian banyak organisasi yang telah memberikan sumbangan bermakna kepada NKRA dan MKRA. Meskipun senarai ini pastinya tidak menyeluruh, kami ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada setiap individu dan pihak yang telah memainkan peranan dalam menjayakan GTP, khususnya atas sumbangan dan juga maklum balas yang diberikan. Kami mengalu-alukan sokongan anda yang berterusan, sejajar dengan usaha Kerajaan yang gigih untuk merealisasikan semua sasaran yang telah dijanjikan.

NKRA MENGURANGKAN JENAYAH

Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK)
Ikatan Relawan Rakyat Malaysia (RELA)
Jabatan Peguam Negara
Jabatan Penjara Malaysia
Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia (JPAM)
Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN), Jabatan Perdana Menteri
Kementerian Dalam Negeri (KDN)
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT)
Pejabat Ketua Hakim, Mahkamah Persekutuan Malaysia
Pejabat Ketua Pendaftar, Mahkamah Persekutuan Malaysia
Polis Diraja Malaysia (PDRM)
Unit Pengurusan Prestasi dan Pelaksanaan (PEMANDU), Jabatan Perdana Menteri
Yayasan Pencegahan Jenayah Malaysia (MCPF)

NKRA MEMBANTERAS RASUAH

Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia (MACA)
 Astro Awani
 Bank Negara Malaysia
 Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang (BHEUU), Jabatan Perdana Menteri
 Bursa Malaysia Berhad
 Institut Integriti Malaysia (IIM)
 Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN)
 Jabatan Audit Negara
 Jabatan Imigresen Malaysia
 Jabatan Kastam Diraja Malaysia
 Jabatan Kerajaan Tempatan
 Jabatan Kerja Raya
 Jabatan Peguam Negara
 Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (ROS)
 Jabatan Penerangan Malaysia
 Jabatan Pengangkutan Jalan Malaysia (JPJ)
 Jabatan Perkhidmatan Awam
 Kementerian Dalam Negeri
 Kementerian Kerja Raya
 Kementerian Kewangan
 Kementerian Luar Negeri
 Kementerian Pelancongan
 Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan
 Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri
 Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
 Majlis Keselamatan Negara
 Media Prima
 Pejabat Ketua Pendaftar, Mahkamah Persekutuan Malaysia
 Pertubuhan Berita Nasional Malaysia (BERNAMA)
 Polis Diraja Malaysia (PDRM)
 Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia
 Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (MACC)
 Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia
 Suruhanjaya Pilihanraya Malaysia
 Suruhanjaya Sekuriti Malaysia
 Suruhanjaya Syarikat Malaysia
 Transparency International, Malaysia
 Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU)
 Unit Pengurusan Prestasi dan Pelaksanaan (PEMANDU), Jabatan Perdana Menteri
 Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU), Jabatan Perdana Menteri
 Unit Perancangan Ekonomi (EPU), Jabatan Perdana Menteri
 Unit Kerjasama Awam Swasta (UKAS)

NKRA MEMPERTINGKAT PENCAPAIAN PELAJAR

Jabatan Kemajuan Masyarakat
Jabatan Pendidikan Negeri
Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia (JPA)
Jabatan Perpaduan Negara
Kementerian Pendidikan
Pejabat Pelajaran Daerah
Unit Pengurusan Prestasi dan Pelaksanaan (PEMANDU), Jabatan Perdana Menteri
Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU), Jabatan Perdana Menteri

NKRA MEMPERTINGKATKAN TARAF HIDUP ISI RUMAH BERPENDAPATAN RENDAH ISU RUMAH

Amanah Ikhtiar Malaysia
Jabatan Perumahan Negara
Kementerian Kesihatan
Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Sabah
Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani
Kementerian Pertanian dan Industri Makanan Negeri Sabah
Pejabat Pembangunan Negeri, Sarawak
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri, Sabah
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri, Sarawak
Petronas
Pos Malaysia
Talian Nur 15999
Unit Pengurusan Prestasi dan Pelaksanaan (PEMANDU), Jabatan Perdana Menteri
Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU), Jabatan Perdana Menteri
Unit Perancang Ekonomi (EPU), Jabatan Perdana Menteri

NKRA MEMPERTINGKAT INFRASTRUKTUR ASAS LUAR BANDAR

FELCRA Berhad
 Jabatan Air Negeri, Sabah
 Jabatan Hal Ehwal Orang Asli
 Jabatan Kerja Raya, Malaysia
 Jabatan Kerja Raya, Sabah
 Jabatan Kerja Raya, Sarawak
 Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia
 Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Sabah
 Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Sarawak
 Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah
 Kementerian Kemudahan Awam, Sarawak
 Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Sabah
 Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Sarawak
 Kerajaan Negeri Sabah
 Kerajaan Negeri Sarawak
 Lembaga Kemajuan Johor Tenggara (KEJORA)
 Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan (KESEDAR)
 Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah (KETENGAH)
 Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah (KEDA)
 Majlis Amanah Rakyat
 Pejabat Timbalan Ketua Menteri, Sarawak
 Perbadanan Labuan
 Perbendaharaan Malaysia
 Pihak Berkuasa Air Negeri, Sarawak
 Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA)
 Sabah Electricity Sdn Bhd
 SESCO Berhad
 Tenaga Nasional Berhad
 Unit Pengurusan Prestasi dan Pelaksanaan (PEMANDU), Jabatan Perdana Menteri
 Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU), Jabatan Perdana Menteri
 Unit Perancang Ekonomi (EPU), Jabatan Perdana Menteri
 Unit Perancang Ekonomi Negeri, Sabah

NKRA MEMPERTINGKATKAN PENGANGKUTAN AWAM DI BANDAR

Bahagian Pengurusan Hartanah (BPH), Jabatan Perdana Menteri
Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL)
Jabatan Kerajaan Tempatan
Jabatan Keselamatan Jalan Raya
Jabatan Pengangkutan Jalan Malaysia
Kementerian Kerja Raya
Kementerian Kewangan
Kementerian Pengangkutan
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar
Keretapi Tanah Melayu (KTMB)
Lembaga Lebuhraya Malaysia
Majlis Perbandaran Ampang Jaya
Majlis Perbandaran Kajang
Majlis Perbandaran Kelang
Majlis Perbandaran Selayang
Majlis Perbandaran Sepang
Majlis Perbandaran Shah Alam
Majlis Perbandaran Subang Jaya
Malaysian Resources Corporation Berhad (MRCB)
Perbadanan Aset Keretapi
Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD)
Syarikat Prasarana Negara Berhad (SPNB)
Unit Kerjasama Awam Swasta (UKAS)
Unit Pengurusan Prestasi dan Pelaksanaan (PEMANDU), Jabatan Perdana Menteri
Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU), Jabatan Perdana Menteri
Unit Perancang Ekonomi (EPU), Jabatan Perdana Menteri

BIDANG KEBERHASILAN UTAMA KEMENTERIAN (MKRA)

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Jabatan Perdana Menteri
Kementerian Belia dan Sukan
Kementerian Kerja Raya
Kementerian Kesihatan
Kementerian Kewangan
Kementerian Luar Negeri
Kementerian Pelancongan
Kementerian Pengajian Tinggi
Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan
Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri
Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan
Kementerian Pertahanan
Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi
Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi
Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar
Kementerian Sumber Manusia
Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air
Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar
Unit Pengurusan Prestasi dan Pelaksanaan (PEMANDU), Jabatan Perdana Menteri
Unit Perancang Ekonomi (EPU), Jabatan Perdana Menteri

© Hak cipta Unit Pengurusan Prestasi dan Pelaksanaan (PEMANDU), Jabatan Perdana Menteri

Hak cipta terpelihara. Tiada mana-mana bahagian daripada buku ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukar ke sebarang bentuk atau alat sekalipun, sama ada secara elektronik, gambar serta rakaman, salinan foto atau sebagainya, tanpa kebenaran bertulis terlebih dahulu empunya hakcipta.

Penafian: Setiap langkah yang perlu telah diambil semasa penyediaan dokumen ini. Namun, PEMANDU tidak boleh dipertanggungjawabkan atas sebarang kesilapan. Semua maklumat dan spesifikasi bersifat semasa ketika penyediaan dan tertakluk kepada perubahan bila mana perlu.

Unit Pengurusan Prestasi dan Pelaksanaan (PEMANDU)

Jabatan Perdana Menteri
Aras 3, Blok Timur,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62502 PUTRAJAYA

www.pemandu.gov.my

Tel : +603 8872 7240
Fax : +603 8889 4428

ISSN : 2231-7678